

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan mengenai bahasa-bahasa orang asli di seluruh dunia sebenarnya ialah suatu usaha untuk menyelamatkan bahasa-bahasa ini daripada diancam kepupusan. Namun begitu, usaha menyelamatkan sesuatu bahasa ini hanyalah merupakan salah satu daripada sekian banyak tujuan murni yang ada.

Adapun kepentingan penyelidikan terhadap bahasa-bahasa Orang Asli ini telah dinyatakan oleh beberapa orang ahli, antaranya ialah Krauss (1992). Beliau berpendapat perubahan yang melanda semua bahasa di seluruh dunia sangat pantas dan eksklusif sifatnya. Fenomena ini menyebabkan lebih daripada separuh bahasa di dunia akan lenyap pada dekad yang akan datang. Dalam artikel yang berjudul *The World's Language in Crisis* (1992:5), Krauss merumuskan bahawa terdapat kira-kira 6,000 bahasa yang wujud di dunia ini dan masih digunakan. Jumlah 6,000 bahasa ini diambil secara purata daripada pelbagai sumber rujukan. Crystal (2000: 4) menyatakan bahawa jumlah 6,000 bahasa yang dikemukakan oleh Krauss itu ialah hasil perbincangan Krauss bersama dengan pakar lain yang juga mengemukakan jumlah tertentu. Antara pakar itu ialah Dixon (1997) yang mengemukakan ada 5,000 hingga 6,000 bahasa, Wardhaugh (1987) berpendapat ada 4,000 hingga 8,000 bahasa, Ruhlen (1987) pula mengatakan ada 5,000 bahasa, sementara itu, Wurm (1991) mengatakan bahawa ada lebih daripada 5,000 bahasa di dunia.

Dalam database *Ethnologue: Languages of the World* (2003) www.sil.org/ndg-lg-grimes_article.html sejumlah 6,809 bahasa di seluruh dunia telah disenaraikan. Daripada keseluruhan jumlah itu kira-kira 330 bahasa mempunyai penutur melebihi

sejuta. Populasi sebesar ini sangat bertentangan dengan jangkauan bahawa kira-kira 450 bahasa yang sangat kecil bilangan penuturnya berada pada tahap pupus atau lenyap. Indikasi bagi fenomena ini ialah jumlah penutur dewasanya hanya tinggal beberapa orang sahaja.

Keperluan untuk memastikan kepentingan dalam pemuliharaan bahasa-bahasa yang diancam kepupusan ini dilakukan berterusan dan bersistematik supaya bahasa-bahasa ini terus kekal. Grimes (2001:1-2) dalam artikel bertajuk *Global Language Viability* telah menggariskan tiga cara pemuliharaan bahasa-bahasa yang diancam kepupusan, antaranya ialah: (1) mengelak atau menghalang atau menghindari daripada hilangnya suatu kebudayaan atau cara hidup (2) menghindari daripada hilangnya maklumat tentang alam sekitar termasuk flora dan fauna, dan, (3) menyelamatkan identiti manusia. Ketiga-tiga cara di atas adalah jawapan kepada persoalan tentang apa-apa yang akan terjadi sekiranya sesuatu bahasa itu pupus.

Salah satu kumpulan bahasa yang mungkin terancam ialah bahasa Seletar. Penyelidikan ini akan membincangkan bahasa Orang Asli daripada suku bangsa Seletar. Bahasa yang dituturkan oleh masyarakat ini juga dinamakan sempena nama suku bangsa tersebut. Fokus penyelidikan terhadap masyarakat penutur bahasa Seletar ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa faktor yang memberikan indikasi bahawa masyarakat penutur bahasa ini diancam kepupusan. Faktor-faktor ini dapat dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman terdiri daripada dua iaitu (1) fungsi atau peranan bahasa kepada penutur, dan (2) sikap penutur terhadap bahasanya (Samsur: 2004). Kedua-dua faktor dalaman ini akan dapat dibuktikan pada Bab VI.

Faktor luaran terdiri daripada (1) jumlah anggota masyarakat yang kecil. Tinjauan yang dilakukan pada tahun 2000 di lima buah daerah di negeri Johor, iaitu Johor Baharu, Gelang Patah, Tampoi, Masai dan Pasir Gudang. Tinjauan mendapati bahawa anggota masyarakatnya berjumlah kurang daripada 1400 orang. Faktor luaran (2) taraf hidup mereka di bawah paras kemiskinan, kerana tumpuan kegiatan ekonomi bersifat sara diri. Faktor luaran (3) kawasan tumpuan kegiatan ekonomi tidak lagi menyediakan sumber yang mencukupi. Hal ini disebabkan keseluruhan perairan di Selat Tebrau ini mengalami fenomena penangkapan ikan yang berlebihan. Faktor luaran (4) keadaan persekitaran yang tidak selesa untuk dihuni. Beberapa kawasan penempatan masyarakat Seletar dikelilingi oleh perkampungan orang Melayu. Keadaan perkampungan orang Melayu tersebut menjadi padat dan sempit kerana penduduknya bertambah dan banyak rumah baharu dibina atau rumah sedia ada yang diperbesar (Samsur, Laporan Ilmiah Penyelidikan Bahasa dan Budaya Masyarakat Seletar 2000-2010).

Kesemua faktor ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 4. Berdasarkan kepada huraian singkat ini, bahasa Seletar memang layak dikategorikan sebagai bahasa yang diancam pupus. Sebelum memperkatakan lebih lanjut tentang Orang Seletar, sebaiknya perlu diperhalusi terlebih dahulu tentang pembahagian dan perkaitan suku bangsa Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Kata “orang asli” merupakan terminologi yang umum digunakan yang merujuk kepada mana-mana kumpulan penduduk asli yang ada di Semenanjung Malaysia. Mereka ini terdiri daripada tiga suku kaum yang utama. Pembahagian ini merupakan pembahagian tradisional yang digunakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2002:66) . Sila lihat pembahagian di bawah ini:

Negrito (Semang): Kensui, Kintak, Lanoh, Jahai, Mandriq, Mintil, Mos dan Batek. (Suku kaum Negrito atau Semang ini biasanya terdapat di utara Semenanjung Malaysia).

Senoi: Temiar, Semai, Semoq Beri, Jahut, Mah Meri dan Che Wong. (Suku kaum Senoi terdapat di bahagian tengah Semenanjung Malaysia).

Melayu-Proto: Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq, Kuala dan Seletar. (Suku kaum ini terdapat pada bahagian selatan semenanjung).

Pengklasifikasian oleh JHEOA di atas dibuat berdasarkan kepada pendekatan sosiologi dan bukan linguistik. Oleh sebab itu, pembahagian yang dilakukan oleh JHEOA berbeza dengan pembahagian yang dilakukan oleh Benjamin dan Chou (2002) yang mengemukakan pandangannya bahawa pengklasifikasian bukan hanya berdasarkan kepada ilmu linguistik semata-mata tetapi juga menggunakan disiplin ilmu lain seperti *Antropologi* dan *Sosiologi*.

Beliau selanjutnya membahagikan Orang Asli di Semenanjung Malaysia kepada dua, berdasarkan pertalian secara linguistik, iaitu Mon-Khmer dan Austronesia. Namun begitu, tajuk pembahagian yang digunakannya boleh mengundang tanda tanya kerana: *Tribal Population of Southern Thailand and Peninsular Malaysia* menggabungkan dua lokasi yang berbeza, iaitu Selatan Thai dan Semenanjung Malaysia. Secara dasarnya, memang wujud pertalian secara linguistik dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dengan Selatan Thai. Jadi rumusan Benjamin dan Chou ini boleh diterima. Sila lihat rajah di bawah ini yang diambil dari buku *Tribal Communities in the Malay World*, (2002: 22) sebagai yang berikut.

Jadual 1: Tribal Population of Southern Thailand and Peninsular Malaysia, 2000

LINGUISTIC AFFILIATION							
MON-KHMER				AUSTRONESIAN			
Northern Aslian		Central Aslian		Southern Aslian		Malayic	
“Maniq”	200	Lanoh	359	Semaq Beri	2,488	Temuan	16,020
Kensui	224	Temiar	15,122	Semelai	4,103	Jakun	16,637
Kentaq	359	Semai	26,049	Besisi	2,185	Orang Kanaq	64
Jahai	1,049	Jah Hut	3,193			Orang Seletar	801
Mendriq	145					Duano	2,492
Batek	960						
Chewong	403						
SUB-TOTALS:		3,340	44,723		8,776		36,014

Berdasarkan Jadual 1 di atas, tumpuan kajian hanya kepada penggolongan Malayic atau Melayu Proto dengan tumpuan kepada Orang Seletar. Perlu dinyatakan di sini bahawa dalam konteks negara Malaysia, JHEOA menggolongkan Orang Seletar dan Orang Kuala atau Duano sebagai Orang Laut.

1.2 Orang Laut

Orang Laut termasuk dalam keluarga Melayu Proto yang secara linguistiknya memang mempunyai perkaitan dengan bahasa-bahasa Austronesia yang lain termasuk bahasa Melayu.

Penyelidikan mengenai Orang Laut telah melahirkan pelbagai nama dan istilah yang merujuk kepada masyarakat ini. Penyelidik-penyelidik dari Barat menyebut masyarakat ini sebagai *‘sea people’*, *‘water gypsies’*, *‘sea nomad’*, dan *‘sea gypsies’*. Shopher dalam Granbom (2005: 39-40) memperjelas penggunaan nama tersebut sebagai berikut:

English writers have referred boat nomad as 'sea gypsies' or 'water gypsies'. The world 'sea gypsies' has become popular and is commonly used in tourism brochures. The term 'sea nomads' is the same meaning as 'sea gypsies' but is used mainly by writers in German and Dutch.

Penggunaan nama '*sea people*', '*water gypsies*', '*sea nomad*', dan '*sea gypsies*' oleh para penyelidik sebelumnya masih belum dapat merungkai pelbagai persoalan mengenai masyarakat ini, baik yang melibatkan misalnya wilayah geopolitik, kebudayaan mahu pun bahasa. Hal ini disebabkan Orang Laut mempunyai banyak sub-subetnik, malah subetnik tersebut masih lagi terpecah kepada kumpulan-kumpulan subetnik yang lebih kecil.

Sather dalam Bellwood dkk. (1995:3/3) mengatakan bahawa:

The Southeast Asian sea nomads are divided geographically, culturally, and linguistically into three major groupings, each the product of an apparently independent history of adaptation. The first of these groupings comprises the Moken and Moklen The second is ... Orang Laut ... and Urak Lawoi The third is Sama-Bajau.

Berdasarkan penjelasan tersebut, adalah jelas bahawa Orang Laut di Asia Tenggara ini terdiri daripada tiga kumpulan utama. Perbezaan Orang Laut ini dapat disorot dari segi lokasi geografi, sejarah, latar belakang dan bahasa sungguhpun bahasa-bahasa ini tergolong dalam keluarga Austronesia.

Menurut Sather dalam Bellwood, dkk. (1995) kumpulan pertama, iaitu Moken dan Moklen terdapat di Gugusan Kepulauan Mergui, Myanmar dan mengarah ke selatan pulau-pulau di tenggara Thailand. Kumpulan kedua, ialah Orang Laut yang mempunyai pelbagai suku. Kumpulan Orang Laut ini terbahagi pula kepada dua subkumpulan yang dirujuk sebagai Orang Laut Selatan dan Orang Laut Utara atau lebih dikenali sebagai Urak Lawoi. Subkumpulan pertama ini mendiami pulau-pulau, kuala atau muara sungai di Gugusan Kepulauan Riau-Lingga, Gugusan Kepulauan Batam, kawasan pantai Timur Pulau Sumatera, Singapura dan Selatan Johor. Subkumpulan Urak Lawoi ini mendiami kawasan kepulauan di pinggir laut dari Phuket sehinggalah ke kumpulan pulau-pulau

Adang di bahagian selatan yang memisahkan orang Moken dan Moklen. Berkaitan dengan Urak Lawoi, Asmah (1993: 316) menyatakan sebagai yang berikut:

Dialek Urak Lawoi, dituturkan oleh orang-orang yang menamakan diri mereka Urak Lawoi yang tinggal di Kepulauan Adang, iaitu sekumpulan pulau-pulau di barat laut Pulau Langkawi. Kepulauan yang termasuk dalam wilayah Thailand itu terdiri dari tiga buah pulau utama, iaitu Pulau Adang, Pulau Lipe dan Pulau Rawi.

Kumpulan yang ketiga ialah Sama-Bajau yang merupakan kumpulan terbesar dalam *sea nomads*. Menurut Sather dalam Bellwood, dkk. (1995:3/3) Sama-Bajau ialah kumpulan terbesar yang kebanyakannya bergantung hidup pada laut atau *strand-oriented communities*. Kumpulan ini terbahagi lagi kepada kumpulan-kumpulan kecil pengembara lautan. Tambah beliau, kumpulan ini ialah kumpulan yang memiliki kepelbagaian daripada sudut ethnolinguistik. Kumpulan ini juga merupakan kumpulan yang tersebar sehingga menjangkau satu wilayah yang sangat luas di Kepulauan-kepulauan Asia Tenggara. Wilayah penyebaran Sama-Bajau menjangkau satu perempat juta kaki persegi dari Selatan (Tengah) Filipina, Timur Borneo dan Sulawesi Selatan serta Sulawesi Tenggara sehinggalah ke Flores dan Selatan Maluku.

Orang Laut dalam perspektif negara Malaysia sudah dinyatakan sebagai tergolong dalam Melayu Proto dan terma ini juga diaplikasikan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Namun demikian, pihak JHEOA hanya mengiktiraf dua suku Orang Laut, iaitu Orang Kuala (Duano) dan Orang Seletar. Sumber rasmi dari JHEOA (2002:66) menjelaskan Orang Laut tergolong dalam Melayu-Proto. Mereka ini tinggal di pantai barat dan selatan Johor. Orang Kuala atau Orang Duanos tinggal di pantai barat Johor, iaitu di Batu Pahat (Kuala Rengit, Kuala Sanggerang dan Tanjung Segenting) dan di Pontian (Kuala Benut, Kuala Sungai Pontian dan Kukup). Sementara itu, Orang Seletar tinggal di pantai selatan Johor iaitu Masai, Johor Bharu, Gelang Patah dan Pasir Gudang dan Tebrau.

1.3 Penempatan dan Populasi Penduduk

Statistik dari JHEOA menganggarkan jumlah keseluruhan Orang Seletar ialah 1407 orang (2003). Tinjauan yang dilakukan dari kampung ke kampung mendapati jumlah Orang Seletar ialah 1295 orang. Mereka tinggal di sembilan buah kampung iaitu:


Jadual 1.2: Penempatan Orang Seletar

Bilangan	Nama Kampung	Jumlah Penduduk (Orang)
1	Bakar Batu	145
2	Simpang Arang	310
3	Sg. Temun	140
4	Pasir Putih	80
5	Kuala Masai	130
6	Sg Tiram	150
7	Teluk Kabung	130
8	Teluk Jawa	120
9	Kong Kong	90


Masyarakat orang Seletar merupakan *komuniti yang kecil*. Data rasmi daripada JHEOA menunjukkan jumlah Orang Seletar ialah seramai 1407 orang. Perbezaan jumlah ini, terjadi kerana bancian hanya berdasarkan purata jumlah keluarga di kampung-kampung berkenaan. Kemungkinan sewaktu mengumpulkan data mengenai jumlah komuniti ini, pengumpul tidak memperkirakan jumlah anggota masyarakat ini yang tinggal dan bekerja di luar kampung asal mereka.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan sejak menjalankan tinjauan lokasi penyelidikan (2000), penyelidik mendapati orang Seletar ialah masyarakat yang *homogeneous*. Oleh sebab itu, bahasa yang dituturkan mereka setiap hari ialah bahasa Seletar selain bahasa Melayu. Sila perhatikan Peta 2: Negeri Johor, di bawah ini bagi mendapatkan lokasi kampung-kampung ini.

Peta 1: Negeri Johor, Google Map.



Peta 2 : Kawasan Penempatan Orang Seletar.



1.3.1 Lokasi Utama Penelitian: Kampung Bakar Batu

Satu tinjauan telah dijalankan pada tahun 2000 dengan mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, negeri Johor. Lawatan ke sembilan buah kampung yang disebut di atas dilakukan selama dua hari. Pemilihan Kampung Bakar Batu sebagai lokasi utama penelitian dibuat kerana beberapa faktor: (1) boleh dihubungi dengan mudah kerana terdapat jalan raya yang baik, (2) dikelilingi oleh kampung-kampung Melayu, (3) dekat dengan Pusat Bandar Perling dan Bandar raya Johor Bahru, (4) terletak berhampiran dengan Tapak Pembangunan Teluk Danga, dan (5) mendapat perhatian khusus JHEOA, negeri Johor.

Kampung Bakar Batu terletak di Mukim Perling, daerah Johor Bharu. Para penduduk kampung ini mendapat bantuan perumahan di bawah skim Perumahan Penduduk Rakyat Termiskin (PPRT). Pada Disember 2005, jumlah PPRT ialah 16 buah. Pada Julai 2006, 16 buah lagi rumah PPRT ini dibina dengan status 90% hampir siap. Sila lihat gambar di bawah ini:

Gambar 1: Rumah PPRT sedang dalam pembinaan.




Kedudukan kampung ini diapit oleh dua buah sungai a) Sungai Sedeli di sebelah kiri dari Perling ke Kampung Bakar Batu dan Sungai Danga di sebelah kanan. Jaraknya dari Johor Bharu ialah 14 kilometer, dan 3 kilometer dari Bandar Perling.

Jumlah penduduk kampung ini ialah 145 orang, 71 orang lelaki, 74 orang perempuan (Carta 1 di bawah). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, populasi Orang Seletar terdiri daripada komposisi penduduk seperti yang dapat dilihat dalam Carta 2 dan statistiknya (muka surat 12): kanak-kanak yang berumur antara 0-6 tahun ialah 40 orang yakni 27.6%, kanak-kanak yang termasuk dalam usia persekolahan (7-12 tahun dan 13-17 tahun) ialah 39 orang yakni 26.9%. Sementara itu, Orang Seletar dewasa yang berumur antara 18-54 tahun ialah 60 orang yakni 41.3%, sedangkan warga tua yang berumur antara 55-71 ialah 6 orang yakni 4.2%. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas, sila lihat Carta 1 dan 2, berserta statistik masing-masing di bawah:

Carta 1.1 : Populasi Berdasarkan Jantina Penduduk Kampung Bakar Batu

Jantina




Jantina					
Lelaki		Perempuan		Total	
Count	Row N %	Count	Row N %	Count	Row N %
71	49.0%	74	51.0%	145	100.0%

Sumber:

Samsur, Laporan Ilmiah; Penyelidikan Bahasa dan Masyarakat Seletar, 2004-2010.

Carta 1.2: Populasi Berdasarkan Umur Penduduk Kampung Bakar Batu



	Count	Column N %
Umur (Tahun)		
0 - 6	40	27.6%
7 - 12	29	20.0%
13 - 17	10	6.9%
18 - 21	8	5.5%
22 - 30	20	13.8%
31 - 40	17	11.7%
41 - 54	15	10.3%
55 - 70	4	2.8%
> 71	2	1.4%
Total	145	100.0%

Sumber:

Samsur, Laporan Ilmiah; Penyelidikan Bahasa dan Masyarakat Seletar, 2004-2010.

1.3.2 Kampung-kampung Tidak Dipilih

Kampung-kampung lain tidak dipilih kerana tidak digalakkan oleh pihak JHEOA.

Kampung Simpang Arang misalnya, mempunyai jarak lebih kurang 32 kilometer dari Johor Bahru, agak jauh terpencil, iaitu kira-kira 10 Kilometer dari jalan utama dan

terpaksa melalui kawasan hutan, ladang getah dan kelapa sawit. Sementara itu Kampung Teluk Kabung, Kampung Teluk Jawa, Kampung Sungai Temun dan Kampung Sungai Tiram mempunyai pelbagai masalah dalaman penduduk misalnya krisis dengan pihak JHEOA dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Selanjutnya Kampung Pasir Putih pula berdepan dengan permasalahan penghijrahan penduduk ke kampung lain atau kawasan lain kerana keadaan perairan yang tercemar oleh industri. Kampung Kuala Masai pula ialah kampung yang paling sulit untuk dihubungi walaupun dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Cara terbaik untuk memasuki kampung ini ialah melalui jalan laut. Sementara itu, penempatan Orang Seletar yang paling jauh ialah Kampung Kongkong iaitu kira-kira 53 km dari Johor Bharu.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti jenis-jenis wacana yang terdapat dalam pertuturan masyarakat Seletar dari aspek Semiotik Sosial.
2. Untuk mendeskripsikan unsur-unsur gaya Semiotik Sosial yang terdapat dalam pertuturan masyarakat Seletar.
3. Untuk menganalisis pertuturan masyarakat Seletar dari aspek modaliti yang wujud antara ahli masyarakat.
4. Untuk menghuraikan aspek etnografi masyarakat Seletar.

Untuk menganalisis pertuturan masyarakat Seletar dari aspek modaliti yang wujud antara ahli masyarakat.

1.5 Soalan Kajian

Umumnya, masih terdapat keterbatasan-keterbatasan tertentu dalam membahas dan membincangkan kandungan penyelidikan yang bertajuk **Analisis Etnografi dan Semiotik Sosial Pertuturan Masyarakat Seletar**. Oleh sebab itu, fokus utama akan diarahkan kepada persoalan yang berikut:

1. Apakah jenis-jenis wacana yang terdapat dalam pertuturan masyarakat Seletar dari aspek Semiotik Sosial?
2. Bagaimanakah unsur-unsur gaya Semiotik Sosial digambarkan dalam pertuturan masyarakat Seletar?
3. Bagaimanakah unsur-unsur modaliti yang wujud dalam pertuturan masyarakat Seletar ?
4. Bagaimanakah struktur etnologi masyarakat Seletar digambarkan?

1.6 Masalah Kajian

Memandangkan bahasa Seletar belum dikaji dengan meluas, kesukaran timbul ketika menentukan secara tepat, sistem dan strukturnya. Tambahan pula bahasa Seletar belum mempunyai bahan bertulis yang menggambarkan bentuk asal bahasa ini. Selari dengan itu menurut Crystal (2000:93) bahawa:

... . No such framework exist. Studies of Endangered Languages, are at a stage where they use widely different frames of reference and terminology. Even the subject as a whole has no agreed name. Terms such as obsolescent, moribund, an endangered are employed in a variety of senses.

Berdasarkan penjelasan Crystal itu, pemilihan dan penentuan kerangka teori perlu dilakukan dengan cermat memandangkan kurangnya bahasan terhadap bahasa ini. Pendekatan yang kurang tepat bakal memberi kesan yang negatif terhadap kajian secara keseluruhan. Oleh itu, aplikasi pendekatan dan teori yang bersesuaian dengan kajian terhadap bahasa-bahasa Austronesia akan diberi keutamaan.

Sehubungan dengan itu, Benjamin (2001:109) dalam Razha dan Wazir (2001) berpendapat bahawa penyelidikan mengenai bahasa-bahasa yang tergolong diancam pupus ini perlu mendapat latihan secukupnya dalam pelbagai aspek. Benjamin selanjutnya menggariskan dua perkara dasar, iaitu (1) penggolongan Orang Asli dari segi etnografi, demografi dan hubungan atau perkaitan bahasa tersebut, dan (2) hal-hal yang berkaitan teknikal seperti transkripsi, konvensi, dan ortografi. Beliau berpendapat

dua perkara itu jika dititikberatkan akan menghasilkan penyelidikan yang bermutu dan bermanfaat.

Selanjutnya, kajian ini akan menumpukan bahasan kepada pertuturan harian bahasa Seletar dengan menggunakan ilmu Semiotik Sosial sebagai teori dan pendekatan bagi menganalisisnya. Pemilihan Semiotik Sosial disebabkan oleh keupayaan yang dimilikinya berbeza dengan pendekatan lain. Semiotik Sosial menawarkan kajian mengenai bahasa lisan dan juga bahasa bukan lisan. Lazimnya penyelidikan bahasa memberikan penekanan yang khusus kepada aspek *le langue* dan jarang membincangkan aspek *le parole*. Semiotik Sosial melalui sumber semiotiknya memberikan peluang kepada penyelidik untuk membincangkan dan menganalisa aspek *le parole* khususnya dalam gaya dan modaliti. Pembahasan mengenai aspek *le parole* ini menjadi sangat penting memandangkan bahasa Seletar tergolong ke dalam bahasa yang diancam pupus. Faktor masa sahaja yang menentukan sampai bila bahasa dan masyarakat ini dapat bertahan kerana kehidupan mereka kini berdepan dengan pelbagai masalah, terutamanya yang berkaitan dengan sumber makanan dan mata pencarian mereka. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan Semiotik Sosial, bukan hanya bahasa lisan yang dapat didokumentasikan malah sekaligus bahasa bukan lisan mereka.

Memandangkan Semiotik Sosial ialah bidang kajian multidisiplin, mulai dari pengumpulan data sehinggalah ke peringkat analisis data, gabungannya dengan bidang lain terutamanya etnografi, demografi yang dikoleborasikan pula dengan pemanfaatan teknologi terkini dan linguistik jelas kelihatan. Selari dengan hal ini, Austin (2008) mengutip pandangan Himmelman (2006:15) yang mengatakan bahawa: *“Documentation require input and expertise from range of disciples and is not restricted to linguistics alone.”*

Kesukaran dihadapi dalam menentukan peringkat kepupusan status bahasa Seletar ini. Oleh sebab itu, penentuan status harus terlebih dahulu dibuat berdasarkan kepada beberapa pandangan pakar mengenai kepupusan bahasa-bahasa di dunia ini. Obiero (2010: 203) mencadangkan postulat yang kontinum, iaitu lapan peringkat bagi mengenal pasti tahap-tahap kepupusan sekali gus memberikan cadangan kaedah dan perancangan bagi mengatasi permasalahan kepupusan bahasa. Selanjutnya Obiero mengemukakan postulat daripada Fishman yang diadaptasi oleh Lewis dan Simon (2009) yang disebut sebagai Skala Pemeringkatan Gangguan Antara Generasi (*Graded Intergenerational Disruption Scale (GIDS)*). Berdasarkan skala 1-8 itu, bahasa Seletar berada di peringkat ke-6 iaitu: *“The language is used orally by all generation and is being learned by children as their first language.”*

Selanjutnya, Obiero menjelaskan bahawa peringkat keenam akan melihat tetapan, selain domain dalam masyarakat tempat bahasa digalakkan, dilindungi dan digunakan secara eksklusif. Hal ini juga akan menyebabkan lebih ramai ibu bapa muda bermotivasi untuk bercakap dalam bahasa ibunda mereka di rumah dan dalam kalangan anak-anak (muda) mereka. Sungguhpun bahasa Seletar berada di peringkat keenam, namun masih agak umum dan sukar meletakkan garisan yang jelas tentang kedudukan bahasa Seletar pada skala ini. Oleh itu Obiero mencadangkan:

From the scale, a language can be evaluated by answering 5 key question regarding its (1) identity function, (2) vehicularity, (3) state of intergenerational language transmission, (4) literacy acquisition status, and (5) a societal profile of its generational use.

Hasilnya, Obiero menyatakan bahawa dengan berdasarkan kerangka kerja yang ditetapkan oleh UNESCO terdapat sembilan faktor survival dan kepupusan yang dikemukakan oleh Brenzinger, dkk. (2003), GIDS, dan Kategori Evaluatif Ethnologue. Lewis dan Simon (2009) pula telah menggabungkan kesemua kerangka kerja ini menjadi satu yang akhirnya disebut sebagai Expand Graded Intergenerational

Disruption Scale (EGIDS). EGIDS mempunyai 13 peringkat dengan peringkat 1-6a diperkirakan sebagai selamat oleh UNESCO, sedangkan peringkat 6b-10 diperkirakan sebagai terdedah kepada ancaman hinggalah ke pupus. Berdasarkan keterangan ini, bahasa Seletar berada pada tahap ke-6b iaitu terdedah kepada ancaman.

1.7 Kepentingan Kajian

Perbincangan mengenai kepentingan kajian akan dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu:

Bidang Ilmu

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan multidisipliner. Ini bererti penyelidikan ini merupakan pengabungan beberapa bidang dan teori seperti Semiotik Sosial, Etnografi, Demografi, dan Visual Antropologi. Bidang-bidang ini sebenarnya ialah bidang yang boleh berdiri sendiri dan mempunyai kaedah dan aturan keilmiahannya yang tersendiri pula. Dalam penyelidikan ini, kekuatan masing-masing bidang dan teori itu dimanfaatkan bagi menghasilkan penyelidikan yang holistik.

Semiotik Sosial menelaah masyarakat ini melalui sumber-sumber semiotiknya. Sumber-sumber semiotik yang dimaksudkan ialah wacana, gaya, modaliti dan genre. **Wacana** dalam pengkajian ini, akan membincangkan (a) tujuh unsur wacana berdasarkan bahasa lisan dan bukan lisan (mengapa – aksi, bagaimana – sikap, siapa – aktor, apa – persembahan dan penampilan, dari mana – sumber, bila – masa, dan di mana – ruang). Sementara itu, (b) senario teks – rentetan peristiwa bahasa yang terjadi ketika berlansungnya suatu interaksi dari permula, pertengahan hingga ke akhir. Selanjutnya ialah (c) analisis struktur perbualan – membincangkan unsur-unsur yang membina pertuturan secara fizikal dan juga makna keseluruhan pertuturan tersebut. Oleh itu, kajian tentang wacana masyarakat Seletar dalam penyelidikan ini akan mengungkap

cara, kaedah atau strategi yang dipilih oleh setiap anggota masyarakat bagi mengekspresikan suatu perkara atau persoalan yang berkaitan dengan kehidupan.

Sementara itu, perbincangan mengenai **gaya** akan memperkatakan mengenai (a) gaya individu, (b) gaya sosial dan (c) gaya hidup. Perbincangan mengenai gaya (a) hingga (c) ini akan memperkatakan tentang cara setiap individu, mahupun cara sebagai anggota masyarakat dan cara hidup atau *lifestyle* sama ada sebagai individu mahupun sebagai entiti suatu masyarakat itu yang terikat secara kolektif oleh norma-norma dan nilai-nilai tertentu. Memandangkan bahasa masyarakat Seletar terbatas kepada bahasa lisan sahaja, jadi, perbincangan mengenai gaya pada masyarakat ini akan menyentuh gaya pertuturan dangaya berkegiatan atau berkegiatan ketika berlangsungnya suatu interaksi sosial.

Pembentangan selanjutnya ialah mengenai **modaliti**. Pembentangan mengenai modaliti sebenarnya ialah untuk mencari kebenaran mengenai sesuatu yang diperkatakan. Pembentangan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) Modaliti Linguistik dan (b) Modaliti Visual. Maksud kebenaran di sini tertakluk kepada kebenaran yang dimaksudkan oleh penutur dan bukan persoalan tentang benar atau tidaknya sesuatu perkara itu. Kebenaran pada masyarakat ini terikat kepada norma-norma dan nilai-nilai kolektif, dan tentunya sesuatu yang benar pada sudut pandang masyarakat ini belum tentu sama benar dalam masyarakat lain. Dalam modaliti linguistik, faktor benar menurut penutur itu dapat dikesan dalam pertuturan yang berupa perkataan, atau ayat. Sementara itu pada (b) modaliti visual, akan kelihatan dengan jelas dalam bentuk visual, apakah unsur-unsur di luar bahasa yang mendukung kebenaran yang diungkapkan dalam modaliti linguistik (iaitu perkataan atau ayat). Ini bermakna modaliti (a) dan (b) berlaku serentak dan sejajar atau dengan lain perkataan perlu ada kesejajaran mengenai apa yang diperkatakan dengan apakah bentuk pergerakan yang menyertai perkataan tersebut. Selain dari bentuk benar yang ditampilkan di dalam suatu pertuturan, turut

diperhatikan dan dibincangkan ialah bentuk penonjolan kuasa berdasarkan kepada kedudukan atau status serta fungsi dalam masyarakat Seletar.

Oleh hal itu, perbincangan mengenai sumber-sumber semiotik di atas akan memaparkan perihal pertuturan masyarakat Seletar berdasarkan konteks situasi dan konteks sosial mereka. Perbincangan mengenai wacana masyarakat Seletar misalnya memberi peluang kepada kita untuk melihat bagaimana masyarakat ini mengekspresikan perkara yang dilalui atau dialaminya melalui interaksi sosial. Sementara itu, perbincangan mengenai gaya memaparkan tatacara masyarakat ini ketika bertutur mahupun ketika bertutur mahu pun ketika melakukan sesuatu. Perbincangan mengenai modaliti akan mengungkap kebenaran dalam perspektif masyarakat ini sendiri. Justeru itu, semua perbincangan ini berhasrat untuk menampilkan masyarakat Seletar seadanya, sejajar dengan norma-norma dan nilai-nilai yang diamalkan. Segala aspek yang berkaitan dengan norma-norma dan nilai-nilai ini diamalkan dan wujud di dalam pelbagai situasi seperti dialog, ucapan, mesyuarat, jual beli dan rutin harian masyarakat ini.

Dengan kata lain perbincangan semiotik sosial terhadap interaksi sosial, tidak terhad kepada bahasa lisan semata-mata malah juga bahasa dalam bentuk bukan lisan. Seperti mana lazimnya, dalam penyelidikan bahasa apa pun, perkara yang diutamakan di dalam penyelidikannya ialah bahasa itu sendiri (*le langue*), jarang yang membincangkan perkara-perkara yang hadir atau yang mengiringinya tatkala bahasa itu dituturkan (*le parole*). Dalam hal ini, Semiotik Sosial memang mempunyai kelebihan berbanding teori bahasa yang lain.

Jika Etnografi menawarkan kajian mengenai segala aspek kehidupan sesebuah masyarakat mulai dari struktur masyarakat, perkahwinan, kematian, mata pencarian, rutin, pendidikan, seni dan budaya, agama dan kepercayaan dan lain-lain lagi. Demografi pula mendapatkan data-data kuantitatif berdasarkan perincian dari Etnografi

namun dalam bentuk fakta bagi menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat ini. Dalam hal perkahwinan pada usia yang muda misalnya, Etnografi mencari jawapan mengenai sebab-sebab perkara ini berlaku dan mengupasnya dari perspektif masyarakat ini. Demografi mendapatkan maklumat dari segi jumlah orang yang terlibat lalu menterjemahkannya ke dalam bentuk graf. Visual Antropologi berperanan untuk merakam segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat ini. Ini bermakna perkara yang dirakam adalah kehidupan mereka mulai dari waktu pagi, tengahari sehinggalah ke waktu malam. Perkara yang dirakam ialah perkara yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti seharian seperti, rutin di laut, kenduri, majlis, mesyuarat, keramaian, berjual beli, bersantai dan sebagainya.

Institusi

Institusi-institusi pengajian tinggi perlu mula beralih kepada penyelidikan multidisplin yang berupaya untuk membincangkan sesuatu perkara itu secara holistik. Penyelidikan yang holistik menawarkan pelbagai pilihan, jalan keluar bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang dihadapi oleh masyarakat. Dalam hal ini, penyelidikan mengenai masyarakat dan bahasa yang diancam pupus telah menyediakan dokumentasi yang agak lengkap mencakupi segenap kehidupan masyarakat ini. Jika dihitungkan dari bantuan kewangan yang diberikan, penyelidikan ini hanya menerima peruntukan atau *grant* dari Vote F sebanyak dua kali iaitu RM8000 pada tahun 2005-2006 dan RM7000 pada tahun 2007-2008 (jumlah total sebanyak RM15000). Sungguhpun peruntukan yang diberikan ini kecil namun dokumentasi penting masih dapat dilakukan dengan jayanya.

Penyelidikan yang multidisplin secara tidak langsung membantu pihak KKLW dan JHEOA khususnya dalam hal menyediakan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat ini. Malah segala maklumat seumpama ini turut didokumentasikan sama ada dalam bentuk digital mahupun dalam bentuk statistik. Pada

tahun 2005, masyarakat ini mula menerima kesan daripada pembangunan yang dijalankan di Teluk Danga yang diterajui oleh Iskandar Malaysia. Sejak dari tahun 2005 hinggalah 2010 penyelidik mencatat, merakam segala kesan dan impak pembangunan ini terhadap masyarakat Seletar. Data-data yang dikumpulkan menunjukkan mereka ini bergantung hidup kepada kawasan yang berpaya dan air laut yang tidak tercemar. Jika kedua-dua unsur alam ini musnah atau tercemar, masyarakat ini tidak dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Masyarakat

Masyarakat Seletar adalah masyarakat yang bergantung sepenuhnya kehidupannya kepada laut dan kawasan pesisirnya. Kemahiran mereka di laut serta kawasan pesisir sangat luar biasa namun pengetahuan mereka di darat sangat terhad. Jika mengambil kira kepesatan pembangunan yang diterajui oleh Iskandar Malaysia ini, ada dua buah kampung yang bakal menerima kesan buruk atau “lenyap” sama sekali iaitu Kampung Bakar Batu dan Kampung Danga. Dua buah kampung ini termasuk di dalam Flagship bagi Zone A. Kata lenyap di sini tidak bermakna dihapuskan tetapi besar kemungkinan dipindahkan ke kawasan lain. Oleh itu sumbangan penyelidikan ini ialah dari segi mempersiapkan maklumat-maklumat berkaitan dengan masyarakat ini bagi kelangsungan kehidupan mereka. Maklumat yang telah didokumentasikan ini tentunya sangat berguna kepada setiap anggota masyarakat Seletar lebih-lebih lagi kepada generasi baru yang ketika penyelidikan ini bermula kebanyak anak-anak ini berusia di bawah 10 tahun. Setelah mereka dewasa kelak mereka dapat melihat dan mempelajari pelbagai pengetahuan mengenai masyarakat dan budaya mereka.

1.8 Kesimpulan

Kajian ini membincangkan sebahagian kecil daripada keseluruhan sistem bahasa Seletar. Namun demikian, hasil dan dapatan dari kajian terhadap jenis-jenis wacana,

gaya dan modaliti ini dapat dijadikan panduan dan landasan kepada kajian-kajian yang berkaitan pada masa akan datang.

Diharapkan kajian ini akan memacu lebih banyak kajian terhadap bahasa Seletar khasnya dan bahasa-bahasa Orang Laut amnya yang tergolong diancam kepupusan, seterusnya usaha untuk memberi perhatian terhadap bahasa-bahasa ini akan mendapat perhatian yang serius daripada pelbagai pihak.

BAB II

KAJIAN PUSTAKA

2.1 Semiotik Sosial

Semiotik Sosial (SS) adalah kajian makna dimensi sosial dan merupakan kuasa manusia dalam proses signifikasi dalam hal pemberian makna dan interpretasi (yang dikenali sebagai semiosis) dalam membentuk individu dan masyarakat. SS berfokus terhadap amalan pembuatan bagi semua jenis makna, sama ada visual (pemandangan), pertututan (lisan) atau pendengaran (aural) di alam semula jadi (Thibault, 1991). Pembuatan makna oleh sistem yang berbeza, dan “saluran” yang mungkin (contohnya percakapan, penulisan dan imej) dikenali sebagai susun atur (mode) semiotik. Susun atur semiotik termasuklah penglihatan, lisan, penulisan, pengisyaratan (gestural) dan sumber muzik untuk tujuan berkomunikasi. Semua ini termasuk dalam berbagai-bagai kumpulan “multimodal” daripada pelbagai mod yang ada (Kress dan van Leeuwen, 2001).

Semiotik sosial termasuk kajian tentang bagaimana manusia menterjemah makna, mengkaji teks dan cara sistem semiotik dibentuk oleh kepentingan ideologi sosial, dan caranya disesuaikan apabila masyarakat berubah (Hodge and Kress, 1988). Semiotik struktur dalam tradisi Ferdinand de Saussure memberikan fokus utamanya terhadap teori ketidakberubahan sistem semiotik atau struktur (terma *langue* oleh de Saussure). Sebaliknya, SS cuba menjelaskan perbezaan amalan semiotik yang dipanggil *parole*. Fokus yang diubah menunjukkan kreativiti individu, keadaan sejarah yang berubah dan identiti sosial yang baharu. Inovasi seperti ini boleh mengubah bentuk penggunaan dan rekaannya (Hodge and Kress, 1988). Daripada perspektif SS lambang dianggap sebagai sumber yang digunakan manusia dan dibuat penyesuaian untuk diberi makna, lambang

bukan suatu “kod” yang tetap/terikat. Dalam kaitan ini, SS dipengaruhi dan dikongsi oleh banyak perkara pragmatik dan sosiolinguistik serta mempunyai banyak kesamaan dengan kajian kebudayaan dan analisis wacana (discourse) kritikal. Tugas utama SS ialah untuk membangunkan rangka analitikal dan teoritikal yang boleh menerangkan pemberian makna di dalam konteks sosial (Thibault, 1991).

Van Leeuwen (2005:1) merumuskan bahawa SS bukan teori “tulen” dan bukan bidang yang tersendiri. SS hanya akan tersendiri jika diaplikasi ke atas keadaan dan masalah yang spesifik dan SS sentiasa memerlukan seseorang untuk menumpukan dirinya bukan sahaja di dalam konsep dan kaedah semiotik tetapi juga dalam bidang yang lain. SS akan berdiri dengan sendirinya jikalau dikaitkan dengan teori sosial. Jenis bidang yang multidisiplin ini adalah sifat khas SS yang sangat mustahak. SS adalah suatu bentuk soal selidik yang tidak memberi jawapan yang telah tersedia. SS menawarkan idea untuk merumus soalan dan cara untuk mencari jawapan.

Beberapa kritikan mengenai konsep semiotik, Hodge dan Kress (1988: 1-2) menyimpulkan bahawa semiotik lebih memfokuskan sistem dan produk berbanding penutur dan penulis atau lain-lain peserta dalam aktiviti semiotik yang berkaitan. Semiotik juga berinteraksi dalam berbagai-bagai cara di dalam konteks sosial yang konkrit. Ciri-ciri (atribut) semiotik terhadap makna adalah sebagai pilihan atau pengganti dan bukan makna kepada kuasa. Semotik merentasi sempadan dalam ruang lingkungannya tetapi secara senyap (*facit*) menerima tembok yang kebal ini bagi menyingihkan semiosis daripada masyarakat dan semiotik daripada pemikiran sosial dan politik. Semiosis seperti yang dinyatakan Christomy (2002:129) adalah terma yang asalnya digunakan oleh Charles Sanders S. Peirce untuk menandakan apa sahaja fungsi lambang (*sign action*) atau proses lambang, yang secara amnya merupakan aktiviti sesuatu lambang.

Dalam kaitannya terhadap ideologi yang kompleks dan sistem *logonomic*, Hodge dan Kress (1988: 2) menyatakan SS tidak boleh bersandarkan kepada andaian umum semata-mata. Hal ini demikian kerana menurut Marx, manusia ialah pencetus konsep, gagasan (idea) dan lain-lain yang nyata dan manusia yang aktif, dikondisi oleh perkembangan nyata sehingga daya produksi dan perhubungan antara mereka (intercourse) menjadi sejajar. Makhluk yang sedar sahaja yang mempunyai kesedaran dan sebagai makhluk, ini adalah proses hidup mereka yang sebenar. Jika semua manusia yang berideologi, perhubungan antara mereka menjadi terbalik seperti kotak layar kamera (*camera obscura*) dan fenomena ini terjadi sebagai sebahagian daripada proses sejarah kehidupan seperti imej yang terjadi di retina yang terbalik (seperti dalam kamera *obscura*). Begitu juga hal yang berlaku dengan proses kehidupan fizikal (Marx and Engels, 1970: 42 dalam Hodge dan Kress 1988:3).

Rumusan ini menekankan individu konkrit yang berinteraksi sesama sendiri dalam dunia material sebagai asas atau sumber kepada kesedaran tetapi merujuk kepada proses semiotik yang bergantung sepenuhnya kepada ejen, objek dan daya yang diperoleh daripada material dan dunia sosial yang hanya akan difahami dari asas. Bentuk komunikasi antara individu sejajar dengan bentuk khusus organisasi sosial dan amat perlu untuk kewujudannya. Fahaman Marx Engels seperti yang dinyatakan oleh Hodge dan Kress (1988: 3) kompleks ideologi terbina untuk mengekang perilaku dengan menstruktur versi atau aksi realiti sosial berdasarkan cara yang khusus. Oleh sebab kompleks ideologi yang menindas (*exploit*) maka bentuk semiotik yang berlawanan tampil sebagai cara untuk menyelesaikan pertentangan sikap dan perilaku. Kompleks ideologi ini tidak boleh berfungsi dengan sendirinya. Bahagian-bahagian yang bertentangan akan membatalkan peranan antara satu dengan lain. Oleh itu mesti ada mesej (utusan) di peringkat kedua yang akan melaraskan fungsi kompleks ideologi,

iaitu tahap yang secara langsung berkaitan dengan produksi dan penerimaan makna, yang disebut sebagai sistem logonomik.

Menurut Hodge dan Kress (1988:3) lagi sistem logonomik adalah satu set peraturan yang menetapkan (prescribe) syarat untuk produksi dan penerimaan makna; yang menentukan siapa yang akan menuntut untuk mendayausahakan/ memulakan atau mengetahui (menerima, memahami) makna mengenai sesuatu topik di bawah sesuatu keadaan/hal dan caranya (bagaimana, bila dan mengapa). Sistem logonomik menetapkan gelagat SS semasa produksi dan resepsi/penerimaan, supaya kita boleh membezakan rejim produksi (produksi yang mengekang produksi) dan rejim resepsi (peraturan yang mengekang resepsi). Sistem logonomik dengan sendirinya adalah satu set mesej, iaitu bahagian kompleks ideologi tetapi tidak membuatnya jelas secara amalan. Peraturan logonomik diajar secara spesifik dan dikawal oleh ejen sosial yang konkrit (ibu bapa, guru, dan majikan) memaksa individu konkrit dalam situasi spesifik dengan memproses prinsip-prinsip yang terbuka untuk dikaji dan dianalisis. Sistem logonomik tidak boleh tidak kelihatan samar kerana akan menyebabkannya tidak berfungsi. Sistem logonomik menjadi sangat jelas dalam adab, konvensi (kesepakatan sesama anggota masyarakat), etika, perhubungan majikan dengan pekerja, perundangan dan sebagainya.

SS dikembangkan dari penemuan dan wawasan (*insights*) Saussure dengan meneroka implikasi fakta “kod” bahasa dan komunikasi yang dibentuk oleh proses sosial. Implikasi yang mustahak di sini ialah makna dan sistem semiotik yang dibentuk oleh hubungan kekuasaan dan kuasa yang berpindah kepada masyarakat. Dengan demikian bahasa dan apa sahaja sistem yang diterima pakai oleh masyarakat akan menyebabkan maknanya berubah. Oleh itu SS adalah kajian mengenai dimensi makna sosial dan tenaga proses penandaan dan penterjemahan manusia (semiosis) dalam membentuk

individu dan masyarakat. SS berfokus kepada amalan pembinaan pelbagai jenis makna sama ada berbentuk visual (pandangan), lisan (ditutur), atau aural (didengar) secara semula jadi (Thibault, 1991). Sistem yang berbeza dalam pembinaan makna atau saluran yang mungkin (contoh pengucapan, tulisan dan gambaran) dipanggil ragam semiotik. Ragam semiotik termasuk semua yang boleh dipandang, diucapkan, ditulis, diisyaratkan dan termasuklah sumber muzikal bagi komunikasi. Hal ini juga termasuk kelompok multimodal “ragam berbilang” daripada sebarang “mod” ini (Kress dan van Leeuwen, 2001).

SS termasuk dalam kajian cara manusia mencorak dan menterjemah makna, pengkajian teks, dan pengkajian mengenai cara sistem semiotik yang dibentuk oleh faedah sosial dan ideologi dan cara sistem semiotik disesuaikan apabila masyarakat berubah (Hodge dan Kress, 1988). Pereka struktur semiotik tradisi yakni Ferdinand de Saussure memberi tumpuan utamanya terhadap membina teori sistem semiotik atau struktur yang tidak berubah (dikenali sebagai *langue*). Sebaliknya SS cuba memberi fokus kepada perubahan amalan semiotik dinamakan *parole*. Perubahan fokus ini menunjukkan cara kreativiti individu dipacu kerana perubahan keadaan atau latar belakang sejarah termasuklah identiti sosial yang baharu sehingga boleh menukar corak penggunaan dan sekali gus bentuknya (Hodge dan Kress, 1988). Dari perspektif SS, kod tidak dianggap tetap malah senantiasa berubah-ubah. Sementara simbol dianggap sebagai sumber yang digunakan dan disesuaikan dengan penciptaan makna. Dalam hal ini SS kelihatan dipengaruhi atau berkongsi dengan disiplin seperti pragmatik dan sosiolinguistik kerana mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian kebudayaan dan analisis wacana yang kritikal.

Tugas utama SS adalah untuk mengembangkan suatu kerangka yang analitikal dan teoritikal yang boleh menjelaskan pembinaan makna dalam konteks sosial (Thibault,

1991). SS menilai kembali doktrin de Saussure iaitu lambang linguistik yang *arbitrer*. Tanggapan ini terletak kepada hujah yang mengatakan penanda (*signifier*) hanya mempunyai kaitan yang arbitrer kepada yang ditandai/ dinyatakan. Dengan perkataan lain, tiada apa-apa pengaruh daripada bunyi dan penampilan (rupa dan bentuk perkataan) penanda (seperti, perkataan “anjing” atau “chien”) – untuk mengusulkan apa yang ditandai. Hodge dan Kress menunjukkan perkara yang ditandai menjadi lebih rumit apabila semiotik berkedudukan lebih jauh daripada bahasa yang diucapkan. Selain itu, ada keperluan untuk menjelaskan kaitan perangkat (continuum) antara yang ditandai dan diwakili. Di sini mereka menonjolkan perbezaan antara tanda ikonik (contoh gambar asap berwarna sebagai penanda yang membina semula persepsi pengalaman yang ditandai). Singnifikasi indeks, contohnya ialah kepulan asap yang terdapat perkaitan sebab dan akibat antara penanda fizikal dengan api yang dimaknakan. Sementara itu pula signifikasi simbolik, contohnya perkataan asap berkaitan secara arbitrari dengan penanda (*signifier*) dan yang ditandai adalah kekal berdasarkan kebiasaan sosial.

SS juga mencuba untuk menyelesaikan persoalan tentang cara masyarakat dan kebudayaan kekal atau mengubah ikatan konvensional antara penanda dan yang ditandai (*signifier* dan *signified*). De Saussure keberatan untuk menjawab persoalan ini. Menurut Hodge dan Kress, hal ini membolehkan makna dan interpretasi diarahkan dari atas mengikut cita rasa kolektif manusia yang berkuasa iaitu masyarakat. Bagi Hodge dan Kress, SS mesti memberi respon kepada persoalan ini dan menyatakan cara pembentukan sosial makna diamalkan (1988:22).

SS pada masa ini meluaskan kerangka asal-usul linguistik untuk menerangkan pertambahan kepentingan bunyi dan imej visual, serta cara mod komunikasi antara media tradisional dan media digital digabungkan dalam suatu jaringan yang disebut

jaringan SS (lihat sebagai contoh, Kress dan Van Leeuwen, 1996) dengan demikian jaringan ini akan mendekati semiotik kebudayaan (Randviir 2004). Ahli teori seperti Kress dan van Leeuwen membina kerangka Halliday dengan menawarkan tatabahasa baharu kepada mod semiotik. SS melihat bahawa bahasa dibentuk secara sosial, dan set “sumber” yang diperoleh boleh berubah untuk membina makna yang juga dibentuk oleh metafungsi semiotik yang asalnya dikenal pasti oleh Halliday. Dalam hal ini, mod visual dan aural telah menerima perhatian yang khas. Penerangan mengenai multimodaliti dalam komunikasi adalah merentasi julat mod semiotik – yakni ucapan (lisan), pandangan (visual) dan pendengaran (aural) dianggap projek yang berterusan kerana mustahaknya mod pandangan di dalam komunikasi semasa.

2.2 Variasi Semiotik Sosial

Etnografi SS adalah bentuk etnografi analisis kritikal. Etnografi analisis kritikal pula merupakan strategi penyelidikan untuk menggabungkan kerja lapangan dengan teori untuk cuba memahami secara sistematik dan menjelaskan proses sosial (Lofland 1995; Snow, Morrill dan Anderson 2003). Etnografi SS juga ialah latihan kritikal yang menekankan keterkaitan latihan (practical relevance) bagi emansipasi dan penjelasan kritikal (Kincheloe dan Mc Laren 2003).

Manning (1987) merumuskan semiotik dan kerja lapangan mencuba untuk mengatasi dua keterbatasan kerja etnografi klasik iaitu kekurangannya dalam analisis prosedur sistematik dan pengabaian potensi teori. Etnografi SS mempunyai objektif yang sama. Walau bagaimanapun sebagai bentuk pasca moden dan etnografi reflektif, SS adalah sangat berlawanan dengan pendapat Manning (1987:7) yang menyarankan amalan penyelidikan tidak diiringi oleh kepentingan dalam kajian emosi, sentimen, dan keserabutan kehidupan sebagai domain sosiologikal. Etnografi SS mengenalpasti “*the researcher as bricoleur-theorist*” tidak boleh didorong dan terkandas dalam lingkungan

emosi, kegemaran, sejarah pribadi, jantina, identiti, bangsa, kelas dan etnik (Denzin dan Lincoln, 2003:9) Ahli Etnografi SS mengakui cerita dalam bidang tersebut adalah penjelasan naratif politik berfungsi sebagai disentralisasi (Bakhtin, 1981 [1975];67) ditandakan oleh kepekaan kritikal dan sebagai agenda pembebasan. Oleh itu, walaupun Etnografi SS mencuba untuk menjadi analitik dan sistematik, ia tidak pernah lepas daripada pandangan kritikal terhadap kemanusiaan, moral dan kehidupan, serta penolakan terhadap alat pemikiran dan semua bentuk penentuan (determinism).

Semiotik dan kajian lapangan yang dicadangkan oleh Manning (1987:7) berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengurangkan perasaan berlegar-legar di sekitar teks. Bagi teks yang eksplisit etnografi SS bertujuan untuk mencari makna yang sebenar dengan mengenal pasti dan mengambil kira kekangan semiotik dan exo-semiotik kehidupan harian dalam gaya deskriptif yang ketara. Ahli Etnografi SS bukanlah mementingkan objektiviti formal (mementingkan bentuk), tetapi lebih cenderung pragmatik dengan memberikan tindak balas kritikal seperti memperjelas perihal yang mendorong kejelekan kemanusiaan dalam berbagai-bagai bentuk ketidaksamaan hegemoni dan ketidakadilan ideologi. Pemahaman mengenai “budaya hendaklah dilihat sebagai domain perjuangan yang mana hasil penciptaan dan penyebaran pengetahuan adalah suatu proses yang dipertandingkan” (Kincheloe dan Mc Laren 2003:441) dan “setiap ideologi mempunyai nilai semiotik” (Volosinov, 1973:10). Oleh itu Etnografi SS mencuba untuk mempunyai cita rasa yang berkisar di sekitar teks dan kisah-kisah yang dinyatakan secara tidak jelas seperti perasaan marah dalam semua bentuk dominasi logonamik dan lebih banyak kisah disebabkan oleh penggunaan bahasa yang melompat-lompat (*discursive*).

Semiotik struktur dalam antropologi budaya dan variasi kajian budaya, mempunyai kriteria yang berbeza telah menerima kriteria kesahihan yang lazim bagi yang positivisme dan sejarah materialisme yang diubah suai. Dengan berbuat demikian, ahli struktur semiotik telah berpura-pura memiliki pandangan eksklusif terhadap sesuatu yang dianggap fakta atau yang sebenarnya. Golongan ini turut memberi corak dan menempatkan pentafsiran dan apa yang mereka wakili dan sukai. Oleh hal yang demikian, secara tersirat, golongan ini telah membebaskan (diri) mereka dan apa yang mereka wakili daripada sebarang kesalahan. Hal ini terjadi disebabkan tiadanya pengiktirafan yang refleksif daripada tanggungjawab politik yang mencipta kenyataan atau hakikat realiti itu. Ahli etnografi SS mestilah mengakui secara terbuka bahawa pemilihan dalam amalan untuk memberi penjelasan dan tafsiran mengenai teks dan wacana ditentukan berdasarkan kepada kepelbahagian perspektif dan sudut pandang. Oleh hal itu, cakupan metodologi bagi etnografi SS berkisar kepada tiga dimensi yang meliputi wacana dan teks, pengalaman, latar belakang dan sejarah masyarakat. Di samping itu, ahli etnografi SS perlu sentiasa sedar mengenai keadaan-keadaan geopolitikal masyarakat yang sedang dikaji. Mereka juga hendaklah bersedia untuk mengamalkan pendekatan multidimensi yang sesuai dan bertanggungjawab untuk mendapatkan pelbagai perspektif yang berbeza dengan cara yang kreatif misalnya meredakan ketegangan antara satu pihak dengan pihak yang lain. (Sauko, 2003: 32). Sebenarnya, jika matlamat etnografi SS hendak memahami akibat politik polisemi maka, etnografi SS mestilah juga sedar terhadap akibat politik heteroglossia bagi wacana dan teks. Heteroglossia merujuk kepada kepelbagaian suara, kod, makna, wacana dan nilai yang memaklumkan signifikasi (Bakhtin, 1984, [1965], 1975, [1981], 1986, [1979]; Volosinov, 1973). Dalam melakukan kajian heteroglosik, para ahli etnografi SS berusaha untuk mengatasi kekangan struktur semiotik materialis. Kajian ini semestinya “adalah suatu daya” yang mengubah suai atau membina hakikat dan

kenyataan dalam kedua-dua terma simbolik dan material (Sauko, 2003:27) dan kajian ini perlu bagi semua ahli etnografi SS untuk memahami matlamat moral bagi menambahkan lagi amalan pentafsiran secara inklusif milik mereka yang hanya boleh dicapai melalui ontologikal, teoritikal, epistemologikal, metodologikal dan *methodical polyvocality*.

Etnografi SS cuba untuk merapatkan (aliran) interaksionism simbolik dan kajian kebudayaan. SS menyediakan ahli interaksionism teori dan analisis yang sangat dikehendaki bagi menyelidiki lambang dan ideologi (Vannini, 2004). Sebaliknya Interaksionism simbolik menyediakan kajian kebudayaan SS dengan memberi perhatian kepada *phenomenological*, pentafsiran dan pengalaman interaksionism bagi kehidupan seharian (Denzin, 1992). Berlawanan dengan Manning (1987), rumusan semiotik struktur dan kajian lapangan, etnografi SS terdapat pada prinsip *prosessual* interaksionism simbolik yang telah lama wujud dan dikongsi oleh kajian kebudayaan versi kemanusiaan. Hal ini adalah prinsip penentuan interaktif, simbolisasi, agensi manusia, dan kemunculan semula (Snow, 2001). Aplikasi prinsip-prinsip ini terhadap peringkat amalan kajian ontologikal dan epistemologikal hendaklah menjadikan etnografi SS sebagai suatu gabungan kajian kebudayaan dan interactionalism simbolik: ... berhati-hati terhadap bahayanya menyatakan sesuatu sebagai fakta bagi kesepakatan masyarakat dan menjadikannya sebagai dasar untuk menjelaskan atau menerangkan teks kebudayaan. Penekanannya yang tetap terhadap kebudayaan sebagai proses yang memisah dan juga menyatu... menekankan kepelbahagian dan debat selalunya terjadi dalam menentukan kumpulan sosial untuk mempersoalkan tanggapan jitu terhadap kebudayaan dan menganggap pada akhir proses pembudayaan terdapat pencapaian suatu masyarakat yang menyeluruh dan mantap (Frow dan Morris, 2003:492-493).

Secara ringkas etnografi SS sebagai kajian budaya dan projek interaksionisme akan menyatukan dua perspektif dan perhatian terhadap wacana politik, ekonomi, estetika, jantina, sejarah, teks, pencapaian dan pengalaman kehidupan (Denzin, 1992). Kini etnografi SS secara keseluruhannya telah diperkenalkan sebagai (kaedah dan cara analisis) analitik dan etnografik SS tetap memperhatikan cara atau prosedur penggunaannya. Etnografi SS adalah strategi pentafsiran dan bukan cara atau kaedah untuk mengumpul data. Dengan perkataan lain, SS bukanlah suatu teori yang tulen dan dalam masa yang sama juga bukan perspektif SS yang tersendiri (Van Leeuwen, 2005:1). Kajian strategi SS adalah sentiasa dalam kombinasi orientasi perspektif teoritikal terhadap penyelesaian persoalan dan masalah kajian spesifik. Sebagai kajian strategi, semiotik ialah suatu bentuk penyelidikan dengan konsep yang pelbagai bergantung kepada konteks kajian. Oleh itu etnografi SS sendiri tidak memberikan jawapan, etnografi SS hanya menawarkan idea untuk merumuskan soalan dan cara mencari jawapan (Van Leeuwen, 2005:1). Selanjutnya etnografi SS menolak untuk menerima konsep watak “hitam dan putih”, “baik dan jahat” yang disebut Saukko, (2003:105) sebagai “*Manichean machinery that splices the world into heroes and villains and mothers and whores*”. Penolakan ini disebabkan oleh kelaziman kajian struktur kebudayaan antropologi yang mempunyai perspektif seperti itu. Apa yang boleh dilakukan oleh etnografi SS ialah membenarkan kita untuk mula melihat kemelut yang terdekat dengan budaya dan dunia sosial yang tidak jelas dikotomi dan plotnya, tetapi berbelit-belit dan kabur yang mencerminkan dan mengubah makna dan sejarah dengan cara yang agak berisiko (Saukko, 2003:105).

Etnografi SS memperoleh manfaat dari kombinasi kritikal dan perspektif pentafsiran yang analitik, ia juga mendapat faedah daripada kombinasi kaedah bebas untuk tujuan mengumpul data seperti melakukan pelbagai jenis pemerhatian (peserta, tidak berstruktur, separuh berstruktur, wawancara berstruktur) dan pengumpulan data

tekstual. Kaedah ini dan lain-lain kaedah boleh menghasilkan bahan empirikal yang berguna untuk analisis etnografi SS. Selanjutnya, etnografi SS berkongsi dalam memikirkan isu prosedur seperti perumusan soalan kajian, sampling, pengumpulan data dengan kaedah etnografi yang lain, dan ia tidak di dalam skop penulisan ini untuk mengkajinya.

Adalah mustahak untuk menekankan perbezaan antara etnografi SS dan SS secara umum. Etnografi SS adalah tertumpu kepada kajian pengalaman sebenar mengenai makna sebenar, kegunaan amalan sumber-sumber semiotik sama ada etnografi SS berminat untuk memahami, mengumpul, mengkatalog sumber semiotik yang lama atau yang baru. Etnografi SS mesti kekal dan menumpukan cara agen sosial yang sebenarnya sama ada individu atau kumpulan, menghasilkan, mencipta, mengagih, bertukar ganti, dan selanjutnya menggunakan atau menterjemah sumber semiotik dalam konteks exo-semiotik yang spesifik. Hal ini berbeza antara semiotik struktur dan SS yang dilihat sebelumnya, yang mana semiotik struktur berfokus terhadap perkaitan struktur antara sistem sintagmatik dan paradigmatic antara lambang. SS pula bukan sahaja berfokus terhadap perkaitan sistemik antara sumber semiotik tetapi juga terhadap amalan dan hubungan sosial antara sumber semiotik dan hubungan antara penghasil dan pengguna. Etnografi SS pada asasnya tertarik kepada fungsi yang dimainkan oleh sumber semiotik dalam konteks sosial dan hal ini sangat penting bagi ahli Etnografi SS untuk pergi lebih jauh dari potensi semiotik yang teoritikal bagi memahami sumber semiotik potensial yang sebenar melalui penyelidikan pengalaman semiotik yang sebenar.

Seperti yang dikatakan di atas, bahawa ekspresi etnografi SS hendaklah difahami kerana ia mencakupi terma yang lebih luas untuk pelbagai pendekatan yang melampaui tanda klasikal bagi terma etnografi. Etnografi dalam detik sejarah ketujuh bagi inkuiri (Denzin dan Lincoln 2003) dan tidak terbatas kepada pengamatan peserta (untuk

pendapat yang berlawanan lihat Gans, 1999). Waktu pasca moden etnografi merujuk kepada apa sahaja yang menggambarkan pengalaman sebenar mengenai erti kebudayaan. Etnografi SS sesungguhnya merujuk kepada apa-apa juga representasi tentang cara manusia mendalami, menggunakan, mengamalkan, bercakap mengenainya, berdebat, mengkritik, memahami dan secara umum berinteraksi dengan makna polisemi sebagai sumber semiotik. Tambahan pula sebagai bentuk pasca moden etnografi, etnografi SS mengakui kekangan “wacana pakar”. Ahli etnografi SS juga mementingkan pencarian bagaimana ejen sosial mentaksir makna yang kompleks dan bertentangan sebagai akibat (mereka) menolak karakteristik preskriptif ontological dan epistemological yang serba tahu oleh pakar yang menjelaskan hakikat pengalaman seseorang dan memberi arahan diagnosis (Saukko 2003:76).

Ahli etnografi SS sentiasa memikirkan spesifikasi teknikal untuk kaedah dan prosedur. Dengan perkataan lain etnografi SS adalah satu bentuk etnografi pascamoden, yang prihatin terhadap makna, kaedah dan ontologi melebihi daripada epistemologi, serta kemunasabahan aplikasi kelengkapan dan perkakasannya (Denzin 1989).

Sebagai penyelidikan pengalaman semiotik, etnografi SS mengenal dunia berideologi yang dibina manusia melalui sumber semiotik. Ia adalah mengenai makna yang dipertikai dan yang subjektif yang dibentuk oleh sumber semiotik. Bagaimanapun, dalam interpretasi SS tiada yang benar-benar berstruktur, terikat kepada ideologi, sosial, dan kebudayaan tertentu. Dengan lebih ringkas terdapat sistem interaksi pelbagai makna dan agen sosial yang berbeza untuk matlamat kehidupan yang dinamik. Dunia SS berkehendakan pemerhati secara aktif terlibat dengan pentaksiran pelbagai teks dan pelaksanaannya harus mengungkapnya sendiri. Oleh itu etnografi SS sentiasa bermasalah kerana interpretasi politik bukannya sesuatu yang objektif atau ia juga bukan mendapat penjelasan daripada seorang realist. Setelah saya membincangkan apa

yang akan mendatang sebagai contoh heteroglosia analitik SS datang dari penyelidikan saya berkenaan peraturan logonomik berganda berkenaan interpretasi bagi kulit sawo matang sebagai sumber yang bermakna godaan atau sebagai bukti perubahan. Interpretasi yang berlawanan mendedahkan maksud dan situasi berdasarkan kenyataan yang ada. Sebenarnya Saukko (2003: 68) memberi teguran “berlawanan kepada beberapa, mempunyai potensi penyanggahan, kerana kenyataan sebenar menolong untuk mengatasi kemahuan yang kuat untuk memikirkan pengalaman hidup tertentu sebagai kebenaran terhadap suatu perkara dengan berlaku adil terhadap setiap pengalaman yang spesifik dan dalam masa yang sama menyedari adanya perbezaan-perbezaan yang khas.

Bagaimanapun etnografi SS mestilah tetap bersifat analitik. Matlamatnya adalah untuk menyingkap teori yang berkaitan pengalaman sebenar yang telah diabaikan dan penggunaan sumber semiotic. Dalam erti kata lain etnografi SS mesti cuba terlibat dalam membuat teori. Menurut Snow, Morrill dan Anderson (2003:184) ahli etnografi selalu mengabaikan garis panduan untuk merumus momen analitik bagi proses kajian. Lofland juga (1970:37) sebelumnya telah menyatakan antisipasi pengkaji lapangan terhadap sistematisasi analitis telah menyebabkan “kepapaan” konseptual etnografi. Etnografi pasca moden boleh bersifat memberikan penjelasan yang kritis dan eksistensial (manusia bertanggungjawab di atas tindakannya dan memilih destinasiya sendiri) seperti yang dinyatakan oleh Denzin (1989). Oleh itu, etnografi ini mesti bergantung kepada konsep pengembangan yang berhati-hati. Konsep pengembangan (development) ialah proses yang berkesudahan sekurang-kurangnya “sebagai fokus untuk membina peristiwa empirikal yang bermakna melalui konseptualisasi” dan suatu wacana yang memudahkan penjelasan mengenai peristiwa empirical (Snow, Morrill, dan Anderson, 2003:185). Oleh sebab itu, kita mesti berkongsi kelengkapan atau perkakasan konsep yang berguna bagi analisis etnografi SS. Konsep baru dan lama hendaklah

diperluas kepada pelbagai konteks penyelidikan dan penyelesaian masalah penyelidikan yang pelbagai dan ia mesti dimurnikan supaya boleh menjana perkara baru di sepanjang proses mengekod material (bahan) empirikal. Vannini (2004) memperkenalkan pelbagai konsep SS kepada pembaca yang diambil dari karya yang terkini untuk diaplikasi terhadap kajiannya berkenaan dengan warna kulit yang sawo matang yang dibuat secara sengaja.

2.3 Hubungan di antara Etnolinguistik dan Semiotik Sosial

Harimurti (1984: 47-48) mendefinisikan Etnolinguistik sebagai (1) Cabang linguistik yang menyelidiki hubungan antara bahasa dan masyarakat pedesaan atau masyarakat yang belum mempunyai tulisan (Linguistik Antropologi), (2) Cabang linguistik antropologi yang menyelidiki hubungan bahasa dan sikap para penuturnya terhadap bahasa; salah satu aspek etnolinguistik yang sangat menonjol ialah relativiti bahasa. Berdasarkan definisi ini, Etnolinguistik memberikan fokus kepada: Hubungan antara (1) bahasa dan masyarakat pedesaan, (2) bahasa dan masyarakat yang belum mempunyai tulisan, (3) bahasa dan sikap para penuturnya terhadap bahasa.

Sementara itu pula, menurut Leeuwen (2005: 3-4) Semiotik Sosial (SS) menyelidiki cara manusia menggunakan sumber-sumber semiotik sama ada untuk menciptakan atau melahirkan aksi-aksi dan artifak-artifak komunikasi supaya dapat diinterpretasikan melalui konteks situasi dan amalan sosial tertentu. Menurut Halliday (1978:192) sumber-sumber inilah yang mencipta makna.

Oleh itu, definisi Leeuwen (2005) dan Halliday (1978) ini menggambarkan bahawa sumber semiotic itu sebenarnya ialah “sign”. Sumber semiotic dapat dihasilkan secara fizikal melalui peralatan dan kelengkapan pertuturan manusia; melalui pergerakan otot pada bahagian muka bagi menunjukkan ekspresi wajah, *gestures* dan termasuk juga

gerakan anggota badan. Selain itu, jika dikaitkan dengan teknologi, semua peralatan dan kelengkapan yang digunakan merupakan media untuk menghasilkan ujaran dalam bentuk tulisan. Begitu juga halnya dengan fungsi komputer sebagai alat untuk menghasilkan ujaran dalam bentuk tulisan dan bunyi-bunyi suara manusia yang ditiru.

Dalam SS, sumber semiotic adalah signifier, kerana aksi-aksi dan objek-objeknya dapat diamati dan dimasukkan ke dalam domain komunikasi sosial yang mempunyai asas-asas potensi semiotic yang didirikan atau ditentukan oleh amalan komunikasi masa lalu. Jadi kesemua potensi ini merupakan potensi sebenar semiotic yang ditentukan oleh amalan pada masa lalu yang dikenali dan diperkirakan masih relevan oleh penuturnya. Potensi seumpama ini bakal disingkap oleh penutur berdasarkan kepada keperluan dan kecenderungan tertentu. Amalan-amalan komunikasi ini ditempatkan di dalam konteks sosial. Konteks sosial mempunyai peraturan-peraturan atau amalan-amalan baik bagi menunjukkan bagaimana sumber-sumber semiotic tertentu dapat digunakan. Ada kecenderungan menunjukkan, penutur dapat menentukan penggunaan sumber-sumber semiotic dengan bebas.

Bagi mencari titik pertemuan di antara Etnolinguistik dan SS dalam penyelidikan mengenai pertuturan masyarakat Seletar, pengertian Etnolinguistik dibataskan kepada (butiran 2 dan 3) hubungan antara bahasa dan sikap penutur sebagai masyarakat yang belum mempunyai tulisan. Sementara itu, SS perlu menyelidiki cara penutur masyarakat ini menggunakan sumber-sumber semiotik bagi menyatakan sikap mereka terhadap bahasa. Justeru itu, pernyataan sikap melalui interaksi sosial dapat diinterpretasi berdasarkan konteks sosial. Oleh itu, titik pertemuan di antara Etnolinguistik dan SS ini terletak pada bahasa yakni pertuturan yang merupakan “signifier” kerana semua aksi dan objeknya dapat diamati dalam domain komunikasi sosial. Sehubungan dengan itu, setiap pertuturan dianggap mempunyai potensi semiotic

kerana amalan komunikasi ini berkaitan dengan amalan-amalan komunikasi pada masa lalu. Dengan demikian, penutur bertutur berdasarkan jangkaan bahawa pertuturannya masih relevan dan berkecenderungan untuk menentukan penggunaan sumber semiotic dengan bebas.

2.4 Etnografi dan Demografi

Di dalam penyelidikan ini, etnografi memainkan peranan yang besar dalam pengumpulan data. Sungguhpun demikian, etnografi memiliki keanekaragaman yang luar biasa jumlahnya berdasarkan kepada aliran pemikiran yang dianut oleh seseorang atau kelompok pelopor etnografi itu. Ethnoscience atau Etnografi Baru yang berkembang sejak 1960-an bersumber dari satu aliran baru dalam ilmu antropologi yang disebut sebagai *cognitive anthropology*. Etnografi Baru ini mempunyai hubungan dan pengaruh linguistik yang kuat. Ini adalah kerana tokoh sebenar yang bertanggungjawab mencetuskan idea dan memberi inspirasi kepada Spradley (1997) ialah Ward Goodenough. Goodenough ialah tokoh besar dalam teori antropologi. Beliau memberikan takrifan baru terhadap budaya. Menurut Goodenough dalam Spradley, “budaya suatu masyarakat terdiri atas segala sesuatu yang harus diketahui atau dipercayai seseorang agar dia dapat berperilaku sesuai dengan cara yang diterima oleh masyarakat. Budaya bukanlah suatu fenomena jasmani: ia tidak terdiri atas benda-benda, manusia, perilaku, atau emosi. Ia adalah suatu pengorganisasian dari hal-hal tersebut. Ia adalah satu bentuk hal ehwal yang dipunyai manusia dalam fikiran, model yang mereka miliki untuk mempersepsi, menghubungkan, dan seterusnya menginterpretasikan perihal tersebut”. Goodenough dalam mencipta definisi budaya ini banyak terpengaruh oleh kajian-kajian linguistic (Spradley, 1997: xix).

Dalam perkembangannya, etnografi baru menerusi Spradley telah mempermudah definisi yang dikemukakan oleh Goodenough. Menurut Spradley (1997: xx), budaya itu ada di dalam fikiran manusia, dan bentuknya adalah organisasi fikiran tentang fenomena jasmani. Tugas etnografi adalah menemukan dan menggambarkan organisasi fikiran tersebut. Menurut Spradley lagi, jalan yang paling mudah dan paling tepat untuk memperoleh suatu budaya itu adalah melalui bahasa. Spradley mencadangkan secara khusus terhadap pemanfaatan daftar kata-kata yang ada dalam sesuatu bahasa kerana berpendapat bahawa penyelidikan bahasa suatu masyarakat adalah kunci utama dalam antropologi kognitif ini.

Sungguhpun kesesuaian ditemukan dalam etnografi baru seperti yang dicadangkan oleh Spradley ini, namun penyelidik berpendapat kebergantungan Spradley kepada sejumlah daftar kata sesuatu bahasa ini merupakan halangan utama kepada corak penyelidikan yang ingin dikemukakan. Oleh kerana itu, penyelidik kembali mengangkat etnografi yang dipelopori oleh Radcliffe-Brown dan Malinowski. Alasan utama penulis menggunakan etnografi Radcliffe-Brown dan Malinowski ialah kerana “bahasa” sebenarnya bukanlah terdiri dari sejumlah perangkat kata-kata melainkan kata-kata yang mengandung makna, dan terikat pula dalam suatu konteks. Konteks itu terbahagi pula kepada konteks budaya dan konteks situasi. Pandangan Radcliffe-Brown dan Malinowski ini diperjelaskan lagi oleh Homans (1941) dalam bukunya yang bertajuk *Anxiety and Ritual: the theories of Malinowski and Radcliffe-Brown*. Lagi pula pemilihan etnografi aliran fungsional ini bersesuaian dengan teori yang dikemukakan dalam penyelidikan ini yang mengemukakan Semiotik Sosial sebagai teori teras. Dalam buku *Sociocultural Theory in Anthropology: A Short History* suntingan George dan Louise Spindler (1977: 59) memberikan penjelasan yang selari mengenai perkara ini dengan menegaskan bahawa insituisi, peranan dan perhubungan mesti ditelaah dalam konteks kerana ianya diujarkan dan diintegrasikan sebagai suatu sistem yang

menyeluruh. Kesannya, pernyataan ini menolak sama sekali kajian bahasa yang berdasarkan kepada sejumlah daftar kata.

Dalam hal pengumpulan maklumat, cara dan teknik yang digunakan ialah penelitian (aktif) partisipasi. Namun merujuk kepada pendapat Babbie (1994: 264) instrumen observasi (aktif) partisipasi tidak perlu dinyatakan jika sesuatu penyelidikan itu menggunakan pendekatan kajian lapangan. Penyelidik memang harus berada di lapangan dan mengambil bahagian dalam interaksi sosial masyarakat Seletar.

Dalam kaedah ini, penyelidik mengambil bahagian dalam aktiviti sehari-hari masyarakat ini termasuklah rutin harian mereka. Oleh sebab itu semakin banyak masa diluangkan di lapangan semakin banyak data diperolehi. Semakin baik hubungan (rapport) dengan anggota masyarakat ini semakin berkualiti dan semakin tinggi nilai *authenticity* data. Rapport adalah kunci keberhasilan penyelidikan lapangan. Ini adalah kerana, dengan rapport informan mengizinkan penyelidik menyertai apa saja kegiatan seharian mereka. Dengan kata lain adanya hubungan baik, tanpa curiga, penyelidik dibawa dalam setiap rutin yang mereka jalani. Kajian lapangan memberi peluang kepada penyelidik mengikuti rutin harian anggota masyarakat ini mulai dari pagi hingga ke malam.

Sementara itu, demografi yang ditampilkan di dalam penyelidikan ini bergabung dengan Etnografi dan Semiotik Sosial untuk menghasilkan deskripsi yang menyeluruh terhadap permasalahan yang dikemukakan. Demografi adalah disiplin ilmu yang mempunyai kelebihan untuk bergabung atau digabungkan dengan mana-mana disiplin ilmu sekali pun. Dalam hal penyelidikan kualitatif seperti yang dikemukakan di sini, kehadiran disiplin ilmu demografi ini memberikan kesegaran terhadap data-data yang dikumpulkan. Ciri-ciri demografi yang telus dan dengan fakta dan bukti yang nyata dan

terbaru menjadikan penggabung jalinannya dengan teori-teori lain sebagai aset utama dalam bidang penyelidikan.

2.5 Etnografi Komunikasi

Berdasarkan kamus Antropologi, Etnografi ialah diskripsi yang sistematik terhadap suatu komuniti yang lazimnya dijalankan melalui kaedah kajian lapangan. Menurut, Schwartz & Jacobs (1979), secara umumnya Etnografi merujuk kepada diskripsi manusia dan kebudayaannya. Etnografi ialah amalan penyelidikan Antropologi yang menjalankan obsevasi langsung terhadap keseluruhan cara hidup manusia. Bagi penyelidik Etnografi, ada dua tahap yang perlu dilalui. Tahap pertama ialah kajian lapangan yang menghendaki penyelidik, melakukan pengamatan dan merekod data. Pada tahap kedua pula, penyelidik perlu menulis diskripsi dan melakukan analisis terhadap subjek yang dikaji tersebut.

Agar (1980), mendeskripsikan Etnografi sebagai terma atau istilah yang ambigu kerana merujuk kepada dua perkara serentak iaitu proses dan hasil. Sebagai proses, ia melibatkan seperangkat teknik untuk memerikan sebuah kebudayaan dari sebuah komuniti tertentu. Sementara itu, sebagai hasil, Etnografi ialah sebuah monograf lengkap yang mengambil kira segala aspek kehidupan sosial masyarakat tertentu.

Dengan meminjam prinsip-prinsip asas antropologi, Etnografi Komunikasi yakni pendekatan berdasarkan Linguistik Antropologi mempunyai kebiasaan berdepan dengan cabaran mengenai kehemogenan budaya menerusi tumpuan kepada penggunaan bahasa dalam interaksi. Tujuan etnografi komunikasi adalah untuk menggambarkan pengetahuan pengguna bahasa (partisipan) dalam interaksi lisan dan paparan yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan jayanya antara satu sama lain (Leeds-Hurwitz, 2005).

Perintis Etnografi Pertuturan seperti Malinowski, 1923; Hymes, 1964, 1972; Bernstein, 1971; Cook-Gumperz, 1975; dan Whorf, 1956; sebenarnya merupakan pakar dalam bidang sosiolinguistik yang lebih berminat dalam konteks sosial. Hasilnya, lahir kaedah baru selain etnografi namun diintegrasikan dengan etnografi komunikasi yang dikenali sebagai analisis wacana dan analisis perbualan (Leeds-Hurwitz, 2005). Titik temu di antara bidang-bidang yang disebut di sini ialah memberi focus terhadap penggunaan Bahasa dalam menjalani kehidupan sosial. Menurut Philipsen dan Coutu (2005), perkara yang membezakan etnografi dengan sosiolinguistik dan linguistik antropologi ialah penekanan yang diberikan terhadap pertuturan sebagai sistem sosial dan budaya dalam konteks yang spesifik di dalam komuniti pertuturan yang berbeza. Sementara itu, menurut Cameron, (2001) etnografi pertuturan memberikan focus terhadap amalan kebudayaan suatu masyarakat di mana bahasa terlibat secara langsung. Etnografi pertuturan juga memberikan focus terhadap perbezaan yang wujud dalam amalan-amalan itu dan maknanya di kalangan komuniti yang berbeza. Perkara yang penting ialah kerja-kerja analisis tidak berhenti pada tahap diskripsi, tetapi terus mencari jawapan dari pertanyaan *mengapa* peristiwa tertentu terjadi? Dan mengapa mereka (penutur) memiliki karakteristik-karakteristik yang tertentu.

Hymes yang terkenal kerana mengkritik linguistik kerana tidak menjadikan etnografi sebagai titik mula bagi menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan bahasa. Beliau juga mengkritik antropologi kerana tidak memberikan cukup perhatian terhadap kemampuan linguistic dalam usaha untuk memahami dan menggambarkan kebudayaan dalam konteksnya dan ternyata, bukan linguistik tetapi etnografi, bukan bahasa tetapi komunikasi yang menyajikan kerangka rujukan yang menentukan tempat sebenar bahasa di dalam budaya dan masyarakat untuk dinilai (Hymes, 1974: 4).

Sungguhpun kajian-kajian etnografi yang dijalankan tidak memfokuskan kepada percakapan, namun ia berjaya menunjukkan perbezaan yang ketara di antara satu komuniti dengan komuniti yang lain melalui cara atau kaedah setiap percakapan itu dituturkan. Selain itu di antara perkara yang menzahirkan perbezaan ini ialah, corak dan himpunan pertuturan yang menentukan mengambil giliran, *code switching*, dalam peranan dan makna suatu pertuturan itu (Hymes, 1974: 33). Bagi Hymes, apa yang diperlukan adalah teori umum dan ilmu pengetahuan di mana kepelbagaian pertuturan, himpunan pertuturan, dan cara bercakap mengambil keutamaan sebagai unit analisis. Hujah Hymes ialah analisis pertuturan terhadap bahasa akan membolehkan ahli-ahli sains sosial untuk menyuarakan bagaimana tingkah laku dan pertuturan sosial berinteraksi dengan cara yang sistematik, berperaturan dan berprinsip. Semua perkara ini disebutkan di dalam etnografi pertuturan (Hymes, 1962). Etnografi pertuturan telah diberi nafas yang baru namun masih memegang prinsip-prinsip asalnya dikenali sebagai etnografi komunikasi, yang merupakan pendekatan yang baru untuk memahami penggunaan Bahasa. (Hymes, 1974). Dengan cara ini, Hymes mensasarkan untuk menghindari daripada menganggap bahawa pertuturan sebagai model yang abstrak dan tampil bagi menyelidiki kepelbagaian pertuturan seperti yang diperolehi ketika melakukan kajian etnografi lapangan.

Hymes (1972) mencadangkan konsep *communicative competence* yang menggariskan asas-asas pengetahuan bagi peraturan bercakap. Ada beberapa peraturan yang membolehkan penutur asli bercakap dengan baik dan wajar. Selanjutnya, beliau menawarkan tiga unit yang relevan untuk dianalisis oleh etnografi komunikasi. Unit analisis tertinggi ialah dikenali sebagai “speech situation” yakni situasi sosial di mana pertuturan itu berlansung. Situasi perpututran ini mengambil kira semua ciri yang ada dalam sesuatu situasi itu. Ada sebahagian daripada situasi pertuturan itu bukanlah linguistik. Situasi pertuturan menurut Hymes ialah kontekstual situasi sosial seperti

upacara-upacara, pergaduhan, berburu, makanan, dan berasmara (1972: 56). Dalam situasi makan malam bersama keluarga misalnya, aktiviti yang berlangsung ketika itu seperti makan, minum, meminta sesuatu, mengambil sesuatu, menyuap bayi, dan meminta diri, semuanya itu diambil kira.

Peringkat selanjutnya ialah *speech event* yang dalam bahasa Melayu bermaksud peristiwa tuturan. Ahli-ahli etnografi berpegang pada pendapat bahawa peristiwa tuturan itu dibentuk oleh interaksi beberapa komponen bahasa. Unit asas komunikasi harian bukanlah klausa mahupun ayat (Leeds-Hurwitz, 2005: 342). Peristiwa tuturan ini dibentuk dengan menggunakan Bahasa. Penggunaan Bahasa perlu diberi perhatian sewajarnya kepada amalan sosial yang dipanggil peristiwa tuturan. Duranti (1985) menghuraikan perkara ini sebagai berikut:

Di dalam kuliah, ujian Ph.D, temuduga, perbualan telefon, pertuturan penting dan peristiwa itu tidak akan berlaku tanpanya. Hymes menamakan peristiwa ini sebagai peristiwa tuturan. Dalam kes-kes lain, pertuturan mempunyai peranan yang kecil, sampingan kepada kod-kod lain atau bentuk interaksi. Hymes merujuk peristiwa tuturan ini sebagai situasi pengucapan (*speech situation*) (m/s:201).

Hymes (1972) menyatakan bahawa, istilah *speech event* akan hanya dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti atau aspek-aspek aktiviti yang secara langsung dikawal oleh peraturan atau nilai penggunaan bahasa. Peristiwa itu mungkin mengandungi tindak tutur tunggal, tetapi selalunya lebih daripada itu (m/s 56). Unit pertuturan yang paling rendah ialah pecahan unsur-unsur peristiwa tuturan. Tindak tutur berkaitan dengan teori, fungsi dan penggunaan bahasa. Jadi dalam erti kata yang luas, kita boleh katakana bahawa tindak tutur termasuk semua tingkah laku yang lahir ketika bercakap. Dan ia berkaitan dengan semua perkara yang kita lakukan ketika kita bercakap (Schmidt and Richards, 1980: 129).

Mengimbas kembali apa yang Hymes maksudkan dengan mengambil contoh sebuah parti atau majlis (speech situation), percakapan semasa parti sedang berlangsung (speech event), dan jenaka ketika perbualan itu berlangsung (speech act), ketiga-tiga istilah ini dipaparkan dengan jelas. Kesemua yang dibincangkan di atas penting, namun telah disepakati bahawa tahap yang paling penting ialah “peristiwa tuturan” di mana peraturan percakapan diimplemetasikan.

Hymes (1974) juga mencadangkan agar speech event memiliki komponen yang memberi perhatian kepada usaha untuk menghasilkan deskripsi yang memuaskan terhadap mana-mana speech event. Beliau menawarkan sebuah mnemonic iaitu seperangkat susunan huruf yang membentuk sebuah perkataan iaitu SPEAKING. Mnemonik SPEAKING ini mengandungi pelbagai factor yang setiap satunya diwakilkan kepada setiap huruf tersebut yang dijangkakan relevan pula dengan maksudnya. Di antara factor-faktor yang mnemonic ini bermula dengan “S” iaitu Setting dan Scene atau latar dan suasana, “P” iaitu Participant atau Orang yang terlibat, “E” iaitu End atau hasil, “A” iaitu Act sequence atau bentuk atau kandungan yang sebenar terjadi dalam pertuturan, “K” iaitu Key atau kunci yang digunakan ketika berinteraksi serta upaya untuk menginterpretasikan pertuturan. Sementara “I” ialah Instrumental atau saluran sama ada lisan atau tulisan, sama ada bahasa, dialek yang dipilih ketika komunikasi. “N” ialah nilai atau norma diperlihatkan ketika berlangsungnya percakapan. Terakhir sekali ialah “G” iaitu genre yang merujuk kepada pelbagai cara bahasa diucapkan atau diungkapkan seperti pantun, sajak, pepatah, mantera, upacara dalam penyembahan dan sebagainya. Seperangkat komponen ini merujuk kepada grid percakapan yang digunakan oleh para ahli untuk menganalisis pertuturan berdasarkan kepada aturan sebagai berikut di bawah ini:

“S” yakni latar dan suasana merujuk kepada waktu dan tempat yang sebenar berlangsungnya pertuturan itu. Manakala scene merujuk kepada latar psikologi yang abstrak atau definisi budaya terhadap sesuatu kejadian (pertuturan). Bahagian tertentu dari pertuturan sebenarnya boleh memberitahu (menyediakan maklumat) untuk menentukan suatu latar (kejadian) sedangkan sebahagian kecil lagi daripada pertuturan itu agak tidak sesuai pula di dalam keadaan tertentu. Dalam latar tertentu, peserta adalah bebas untuk menukar tempat kejadian kerana mereka menukar tahap formality atau kerana mereka menukar jenis aktiviti di mana mereka juga ikut terlibat. Menurut Hymes (1972) subkomponen suasana boleh diintegrasikan dengan apa yang Goffman (1974) sebut sebagai sempadan ruang dan waktu. Selanjutnya menetapkan subkomponen latar sebagai penanda sempadannya. Setiap sempada tersebut hendaklah dianggap sebagai ciri universal kegiatan mahupun aktiviti sosial yang rentas masyarakat, kewujudan mereka (reality psikologi) yang penting bagi para peserta untuk mengawal diri mereka dalam interaksi dan analisis untuk mengasingkan objek siasatan (perhatian) mereka (Philipus: 1977, dalam Duranti, 1985: 206-207).

“P” ialah merujuk kepada peserta, pendengar, penutur, pengirim, dan penerima. Semua ini secara umumnya memiliki peranan masing-masing.

“E” ialah hasil. Merujuk kepada hasil (outcomes) yang konvensional diiktiraf dan hasil yang telah dijangka sebagai pertukaran bagi mencapai matlamat peribadi di mana setiap “participant” berusaha untuk mencapai tujuan pada keadaan-keadaan tertentu. Suatu pembicaraan di mahkamah mempunyai pengiktirafan sosial yang muktamat dalam perhatian masyarakat, tetapi pelbagai usaha peserta, iaitu hakim, juri, pendakwaan, pembelaan, tertuduh dan saksi masing-masing mempunyai matlamat peribadi yang berbeza.

Sementara itu, “A” pula merujuk kepada bentuk dan kandungan apa yang dituturkan, penggunaan kata dan perkataan yang digunakan dengan tepat. Selain itu, “A” juga berkaitan dengan hubungan di antara apa yang diucapkan dengan topic. Para ahli psikologi komunikasi mengambil berat mengenai kandungan analisis yang menunjukkan minat yang sama. Pada awalnya “A” ini lebih menumpukan perhatian kepada penyeldidikan terhadap pelbagai cara yang berbeza untuk menyebut perkara/benda yang sama.

“K” merujuk kepada cara, nada atau jiwa (semangat) pertuturan itu dilakukan. Penggunaan kunci ini dengan tepat membolehkan pendengar memahami maksud mesej beserta tujuannya masing-masing yang mengandungi maksud sindiran, serius, mumuji, pura-pura, menyembunyikan sesuatu akan difahami oleh pendengar jika cara dan nada serta jiwa yang menyertainya itu di sampaikan secara sesuai dan tepat. Kunci oleh juga ditandai dengan non verbal atau tingkah laku tertentu seperti mimik muka,gesture, kerdipan mata, gerak tubuh, cara dan gaya berpakaian dan sebagainya. Selalunya jika tindak tutur tidak lagi selaras akibat dari ketidaksejajaran apa yang diucapkan dengan kunci yang digunakan, pendengar lazimnya akan memberi lebih perhatian kepada kunci berbanding isi atau kandungan pertuturan.

“I” ialah saluran. Saluran merujuk kepada medium tingkah laku atau penyampaian: lisan, tulisan, telegram, perbualan telefon dan sebagainya. Bentuk pengucapan yang dipilih terdiri dari bahasa, dialek, kod atau laras. Saluran sangat luas dan kompleks.

“N” ialah norma dan nilai. Hymes andaikan bahawa di dalam ucapan terdapat peraturan – tingkah laku yang dikawal dan tugas penyelidik ialah untuk membuat kesimpulan mengenai apa yang terdapat di dalam ucapan tersebut. Pemerhatian yang sistematik melalui rakaman interaksi lisan mampu untuk mengungkapkan adanya tingkah laku atau pun peraturan yang ditentukan atau dikawal oleh norma dan nila yang ada di dalam

masyarakat. Ini ialah kerana tingkah laku tertentu dan sifat-sifat yang hadir serentak ketika bercakap. Selain itu, keadaan seperti ini boleh dilihat oleh seorang yang tidak berkongsi dengan mereka seperti kekuatan, berdiam diri, memulangkan kembali pandangan dan sebagainya,

Duranti (1985: 218) percaya bahawa norma-norma interaksi melibatkan pelbagai pihak, kecekapan, berulang alik. Kaedah-kaedah yang sangat asas untuk membina urutan terhadap kebolehan untuk memproses semula kata-kata untuk penggunaan kod atau register yang sesuai. Dengan demikian tiada kata yang akan terbuang, terbiar tanpa digunakan.

“G” ialah genre. Ia merujuk kepada pembatasan yang jelas mengenai jenis ucapan, termasuklah perkara-perkara seperti puisi, peribahasa, teka-teki, khutbah, upacara pemujaan, sembahyang, kuliah, dan editorial. Semua genre ini memiliki ciri-ciri yang khusus yang boleh dibezakan di antara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, genre ucapan itu dapat dikenalpasti perbezaannya melalui ciri-ciri tertentu seperti kesantiaian, kerasmian dan sebagainya. Selanjutnya, bagi genre yang seakan-akan mempunyai kemiripan ciri yang sangat dekat tetapi dalam keadaan tertentu masih memiliki perbezaan yang ketara contohnya ialah upacara pemujaan. Upacara seumpama ini kelihatan mempunyai kemiripan yang ketara di kalangan para penganutnya, namun jika diamati kandungan upacara tersebut ia jelas mempunyai perbezaan yang jelas di antara seorang yang beragama Hindu dengan seorang yang menganuti animism. Justeru itu, setiap genre itu mempunyai peranan, tanggungjawab dan khalayaknya yang tersendiri.

2.6 Wacana

Wacana dapat dilihat dari pelbagai sudut pandang. Sudut pandang yang dipilih itu mewakili mana-mana teori mahupun pendekatan. Dalam hal ini, Trask, (2007: 76)

mengemukakan pendapatnya berdasarkan sosiolinguistik dan analisis wacana kritikal (CDA) bahawa wacana ialah (apa saja) cebisan yang berkaitan dengan lisan (pertuturan atau perbualan) atau juga tulisan dalam konteks sosialnya. Tambah Trask lagi, dalam linguistik terapan, wacana dirujuk kepada pengertian yang lebih sempit lagi iaitu interaksi dan komunikasi. Interaksi dan komunikasi ini melibatkan analisis perbualan, semiotic dan proses-proses dinamik penghasilan teks dan kefahamannya.

Van Leeuwen (2005: 94) memberikan definisi berdasarkan pandangan Foucault (1977) mengenai aspek jamak wacana sebagai konstruksi (pengetahuan) sosial dari beberapa aspek reality. Tambah beliau lagi konstruksi sosial ini bermaksud pengetahuan itu terbina dalam konteks sosial yang khas. Oleh itu, konteks sosial yang khas ini berlandaskan kecenderungan aktor dalam konteks tersebut, sama ada (1) konteks yang luas seperti: institusi korporat yang multinasional mahupun (2) konteks yang lebih kecil: seperti institusi kekeluargaan tertentu atau institusi yang kukuh seperti: Surat Khabar Arus Perdana, (3) konteks bersahaja atau santai seperti: perbualan di meja makan. Tafsiran wacana seumpama di atas memberikan pemahaman mengenai aspek wacana itu jamak.

Sementara itu, Coupland dan Jaworski dalam Copley (2001; 134) mengemukakan pendapat Stubbs (1983:1) mengenai wacana yaitu, “wacana ialah bahasa yang berada di atas ayat atau di atas klausa”. Oleh itu definisi ini juga bermaksud semua bentuk penggunaan bahasa dapat disebut sebagai wacana. Dan wacana dalam pengertian Stubbs ini tidak termasuk mantera, senarai barangan untuk berbelanja, simbol, isyarat jalan raya. Kecenderungan Stubbs ini disebut sebagai “textual”. Sementara itu, Foucault 1980 dalam Vannini (2007: 26) pula berpendapat bahawa wacana ialah bentuk konstruksi sosial yakni pengetahuan yang berfungsi sebagai sumber kepada representasi. Oleh yang demikian, wacana seperti yang dirumuskan oleh Foucault ini

disebut sebagai “abstrak”. Aspek abstrak yang ditampilkan oleh Foucault ini disebabkan wacana merujuk kepada “makna” yang abstrak (non-material). Oleh itu dengan sendirinya bahasanya mengenai wacana sangat luas dan menyeluruh seperti yang diungkapkan olehnya “*the general domain of all statements*”. Sungguh pun demikian, Foucault masih mengakui bahawa wacana ialah penggunaan bahasa sama ada lisan mahupun tulisan yang merupakan sejenis amalan sosial namun menyarankan bahawa wacana sebaiknya difahami melangkaui batasan penggunaan bahasa.

Sehubungan dengan itu, Asmah (2006: 39) mengemukakan bahawa wacana merujuk kepada makna yang abstrak (*non material*) yang disampaikan oleh penutur atau penulis, sedangkan bentuk wacana disampaikan atau representasi wacana ialah teks. Melalui tekslah wacana mewujudkan makna (*make meaning*). Sebenarnya apa yang disampaikan oleh Asmah ini berasaskan kepada definisi Kress, dalam Cobley (ed.), 2001: 183 seperti kutipan berikut:

Text is means of realizing non-material social meaning, in language or in other representational modes. Discourse is social; text need not be linguistic.

Berdasarkan kepada definisi tersebut jelaslah bahawa teks tidak semestinya terikat kepada teks bahasa semata-mata. Impak dari definisi serupa ini menyebabkan terjadinya pembahagian teks kepada dua yang oleh Asmah disebut sebagai teks linear (teks bahasa) dan teks bukan linear (teks bukan bahasa).

Amalan wacana secara umum terdiri atas dua dimensi umum yakni (1) kumpulan atau anggota memanfaatkan atau mengawalinya dan (2) berdasarkan lingkungan sosial penggunaan bahasa itu sendiri. Dengan demikian dapat dikenalpasti amalan-amalan, pemahaman dan pengetahuan masyarakat terhadap konsep keibuan, atau tingkah laku ketika membeli-belah, atau juga konsep mengenai kewajaran “membudayakan anggota tubuh/badan” seperti *tattoo*, *piercing*, mengelapkan warna tubuh (*tanned*).

Serentak dengan itu Bakhtin (1981; 1986) dalam Coupland dan Jaworski (2001:139), berpendapat bahawa amalan wacana distrukturkan sebagai sebahagian dari genre. Konsep genre adalah berdasarkan kesusasteraan yang merujuk kepada jenis (teks) sastera yang konvensional seperti novel atau sonata atau juga balada. Sementara wacana bukan sastera terdiri dari gossip, penceritaan, penyediaan teks ucapan atau perbualan umum. Selanjutnya Bakhtin menyarankan agar para pengkaji mengenalpasti keupayaan bahasa yang kaya dengan kepelbagaian genre yang disebutnya sebagai “voices”. Dengan demikian teks-teks bahasa akan berlipat ganda jumlahnya. Graddol (1996) misalnya mengkaji kepelbagaian label yang diilustrasikan terhadap perkara yang berkaitan dengan wine (arak), juga sebagai ruang semiotic yang diambil dari genre yang berbeza. Contohnya, (1) deskripsi jenis wine dan kualitinya, (2) amaran kesihatan (kepada penggunaanya), (3) kod bar dan kod nombor pada botol wine tersebut dan sebagainya. Kesemua label (penanda) inilah yang disebut “voices” oleh Bakhtin.

Menurut van Leeuwen (2005:105-109) suatu wacana itu semestinya kelihatan dan hadir dalam kehidupan sehari-hari, para pengkaji mestilah peka tentang bagaimana mereka menyampaikan perkara yang berkaitan dengan elemen-elemen yang wujud dalam wacana. Menurut van Leeuwen lagi, ada 7 elemen wacana. Di antara elemen-elemen itu ialah (1) apa yang dilakukan (aksi), (2) bagaimanakah mereka bertingkah ketika itu (sikap), (3) di ruangan yang mana (Ruang), (4) Bila (Waktu), (5) Siapakah yang terlibat (aktor), (6) bagaimanakah penampilan ketika interaksi dengan orang sekeliling, dan, (7) apakah sumber semiotic yang digunakan atau dimanfaatkan ketika interaksi dengan orang di sekeliling.

Laura Alba-Juez memberikan rumusan mengenai bukunya yang bertajuk *Perspective on Discourse Analysis: Theory and Practice* (2009: 13) menyatakan bahawa, berdasarkan kategori wacana, dibolehkan untuk tidak hanya menyertakan kandungan linguistik asli

tetapi juga unsur-unsur bahasa dalam bentuk lain seperti bahasa isyarat, lakonan, atau juga *bodily hexis* (terminology yang digunakan oleh Bordieu (1990). Pengertian Bordieu mengenai *bodily hexis* ini ialah cara atau kaedah atau tingkah laku penutur seperti berdiri, bercakap, berjalan atau ketawa yang berkaitan dengan mitologi politik. Oleh sebab itu, wacana dapat dikatakan bersifat multi-modal kerana wacana melibatkan lebih dari satu unsur sistem semiotik dan hadir atau wujud dalam pelbagai fungsi serentak dalam suatu masa.

2.7 Gaya

Vannini (2007: 28) menyatakan bahawa gaya memainkan peranan yang besar dalam Semiotik Sosial. Gaya merujuk kepada “*metasign*” yang berfungsi bagi mempertahankan perbezaan dan keunikkan agen sosial. Gaya terutamanya memberikan perhatian kepada tingkahlaku atau adab yang digunakan sebagai sumber semiotic. Gaya selalunya berkisar pada penampilan luaran seseorang seperti pakaian yang dipakai, solekan, pewarnaan rambut, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Kress (2010: 28) berpendapat, gaya sangat dipengaruhi oleh penilaian sosial dan penilaian ini akan mengarah kepada ekspresi “*social ranking*” yang disebut pengadilan aesthetic. Dari sudut sosial, astetik dapat dilihat sebagai gaya politik.

Sehubungan dengan itu, Fairclough (2000: 14) dalam Van Leeuwen 2005: 139 mengemukakan pendapatnya sebagai kutipan di bawah ini:

Style (for example, Tony Blair’s style) are to do with political identities and values; discourse (for example, the discourse of the “Third Way” are to do with political representations; and genres are to do with how language figures as a means of Government (so the Green Paper constitutes a particular genre, a particular way of using language in governing)... These are only analytically separable – in actual cases they are always simultaneously in operation. So any speech by Tony Blair for instance can be look at in terms of how it contributes to the governing process (how it achieves consent, for instance), how it represents the social world and the political and governmental process itself, and how it project particularly identity, tied to particular values – that is, in terms of genre, discourse and style.

Selanjutnya, van Leeuwen (2005: 139) mengutip definisi gaya dari *Concise Oxford Dictionary*, sebagai gaya penulisan, pertuturan atau melakukan sesuatu sebagai lawan kepada perkara yang ingin disampaikan atau perkara yang perlu diselesaikan. Definisi ini juga secara tidak langsung termasuk wacana (perkara yang disampaikan), genre dan gaya. Menurut beliau, gaya itu multimodal kerana melibatkan tidak hanya pertuturan (lisan) dan tulisan tetapi juga perlakuannya. Sehingga kini Semiotik Sosial menumpukan perhatian lebih kepada wacana dan genre dari gaya. Tambah beliau lagi, cara hidup masa kini telah mengubah kelas sosial sebagai jenis yang utama dari kumpulan sosial dan sumber indentiti sosial. Oleh sebab itu, idea mengenai gaya semakin berkembang kepentingannya dalam masyarakat kontemporari. Selanjutnya, beliau membahagikan gaya kepada tiga jenis iaitu: gaya individu, gaya sosial dan gaya hidup. Dalam (1) gaya individu, memperkatakan tentang perbezaan yang wujud pada setiap individu yang terlibat dalam suatu wacana itu. Perbezaan yang wujud itu termasuklah ketika bercakap (bertutur), menulis dan bertingkah laku. Gaya merupakan ekspresi perasaan, yakni sikap tentang apa yang diperkatakan, ditulis, dilukis atau pun yang dilakukan. Semua ekspresi ini mengungkapkan personaliti penutur, penulis, pelukis mahupun pelakon. Namun tidak semua ini asli memandangkan gaya boleh ditiru seperti dalam kesusasteraan, seni lukis, teater. Sehubungan dengan itu, Barthes (1967: 17) menyatakan bahawa ekspresi gaya sebenarnya hanya berkaitan dengan referensi kerangka biografi dan biologi. Oleh itu, ekspresi gaya (dalam tulisan misalnya) bukan berkaitan dengan sejarah atau latar belakang seseorang tetapi merupakan “penjara” penulis yang hanya boleh dibebaskan melalui tulisan yang jujur dan tersendiri yang bebas dari segala ikatan yang membelenggunya seperti tatacara penulisan, peraturan-peraturan yang rigid, beku dan kaku. (2) Gaya sosial pula bergantung kepada peraturan atau kehendak tradisi. Hal ini bermakna, ketika bercakap, menulis atau melukis seseorang itu secara sedar mahupun tidak sedar terikat dengan tuntutan

kemasyarakatannya atau pun tanggungjawab sosialnya. Van Leeuwen (2005: 143) menyatakan "... posisi sosial tentang (a) siapa kita mengikut kategori yakni kelas, jantina dan umur, hubungan sosial, dan, (b) apa yang kita lakukan (fungsi) dalam aktiviti kemasyarakatan seperti tanggungjawab dan peranan yang dimainkan. Gaya sosial ini tampil secara luaran, tidak dipengaruhi atau dimotivasikan oleh aspek psikologi individu. Justeru itu gaya sosial tidak mengikut "mood" individu secara tetap dan stabil. Sebaliknya gaya sosial itu hadir sebagai faktor sosial di luar kawalan (individu berkenaan). Sungguhpun demikian, jati diri individu itu tidak akan hilang melainkan nilai dan kepentingan sosial yang diwakilinya akan hadir serentak dengan gaya individunya. (3) Cara hidup atau disebut juga *lifestyle* dinyatakan oleh Chaney (1996: 12) dalam Van Leeuwen sebagai "*People use lifestyle in everyday life to identify and explain wider complexes of identity and affiliation*" (van Leeuwen, 2005: 145). Dengan demikian, gaya hidup ini merupakan gabungan gaya individu dan gaya sosial kerana gaya individu itu mewakili gaya sosial dan begitulah sebaliknya tanpa mengira kedudukan geografi, jantina dan umur. "Keakuan" seseorang individu tetap terpancar di dalam kelompok sosialnya manakala identiti kelompoknya juga akan menyerlahkan kesamaan citarasa, kesamaan tentang permasalahan yang berkaitan dengan tempat bercucuk tanam ataupun tempat mencari rezeki dan sebagainya. Semua perkara ini merupakan penampilan sosial yang merupakan identity sosial yang dapat dikenal pasti dan dibezakan dengan masyarakat yang lain.

2.8 Modaliti

Van Leeuwen (2005: 160) menyatakan bahawa modaliti ialah pendekatan semiotic sosial terhadap persoalan tentang kebenaran. Ia berkenaan dengan pertentangan di antara fakta dan fiksi, reality dan fantasi, tulen dan buatan, asli dan palsu. Kebenaran menurut suatu kelompok sosial tertentu belum tentu benar bagi kelompok sosial yang

lain. Oleh itu, tanggapan semiotic sosial mengenai modaliti ini, ialah terhadap perkara yang dititikberatkannya bukan "*How true is this?* (Bagaimana benar perkara ini) tetapi *As how true is it represented?* (Bagaimana suatu yang benar itu ditampilkan kebenarannya). Selanjutnya van Leeuwen membahagikan modaliti kepada dua iaitu modaliti linguistik dan modaliti visual. Kedua-dua jenis modaliti ini sebenarnya dapat dikenalpasti dan dibuktikan kebenarannya secara serentak kerana modaliti linguistik harus selari dan sejajar dengan modaliti visual. Sebagai contoh jika seorang infoman bercakap mengenai kesusahan hidupnya kerana tempat tradisinya mencari makan sering diceroboh maka engan secara semulajadi mukanya akan berubah barangkali berkerut-kerut, bibirnya mengumam kerana marah dan kesal, manakala tangannya akan menunjukkan sesuatu atau mengenggam atau menumbuk atau menepuk-nepuk meja dan sebagainya. Ini akan terakam di dalam video dan setiap aksinya tadi akan diiringi oleh modaliti linguistik seperti di sana, mereka masuk, ceroboh, tinas dan sebagainya. Kesejajaran kedua-dua modaliti ini merupakan kayu ukur kepada "kebenaran" menurut semiotic sosial.

2.9 Hubungan Semiotik Sosial dengan Etnografi, Demografi dan Visual Antropologi

Pemilihan SS sebagai teori teras dilakukan dengan turut memberi pertimbangan kepada keupayaan dan kemampuannya bagi menyelidiki bahasa yang diancam pupus. Apatah lagi bahasa ini belum dikaji secara meluas. Berdasarkan keistimewaan yang dimiliki oleh SS, iaitu (1) boleh digandingkan dengan teori-teori lain, (2) kajiannya menjangkau bukan saja kepada bahasa lisan malah juga bahasa bukan lisan, (3) Kajian mengenai aspek bukan lisan adalah bonus pemilihan SS berbanding teori lain.

Merujuk kepada keistimewaan yang pertama, SS digandingkan dengan teori-teori seperti Etnografi, Demografi dan Visual Antropologi.

Etnografi ialah bidang kajian kualitatif. Etnografi mengkaji masyarakat secara menyeluruh. Kajian Etnografi membincangkan mengenai sesebuah masyarakat itu berdasarkan cara hidup dan amalan kehidupan seharian. Dari penyelidikan tersebut dapat dikenal pasti mengenai organisasi dan struktur masyarakat, perkahwinan, agama dan kepercayaan, ekonomi, aspek-aspek budaya dan produk-produknya seperti seni tari, muzik, dan nyanyian serta lain-lain lagi. Berdasarkan kelebihan yang dimiliki oleh Etnografi ini, SS memanfaatkannya dengan menelaah ke semua aspek tersebut dan menterjemahkannya ke dalam sumber-sumber semiotic seperti wacana, gaya, modality dan genre. Selanjutnya sumber-sumber semiotic ini ditelaah berdasarkan kepada amalan yang wujud di dalam proses interaksi sosial mereka. Pemerhatian terhadap amalan yang wujud di dalam proses interaksi sosial ini bertujuan untuk melihat masyarakat ini mengekspresikan, mengapresiasi dan, melestarikan perkongsian budaya yang menurut istilah dari Creswell (2005) iaitu "*culture-sharing*". Oleh itu, hubungan SS dan Etnografi sangat rapat.

Kehadiran demografi di dalam penyelidikan multidisiplin ini ialah sebagai bonus kepada penyelidikan. Memandangkan SS dan Etnografi ialah kajian kualitatif, Demografi tampil sebagai kajian kuantitatif dengan menyediakan input-input statistic terutamanya mengenai taburan penduduk, kelahiran, kematian, ekonomi, pendidikan, agama dan kepercayaan serta perpindahan berdasarkan kepada perubahan masa. Oleh itu segala maklumat yang berupa statistic sama ada dalam bentuk carta, jadual dan graf merupakan input yang penting bagi penyelidikan ini.

Kedudukan Visual Antropologi di dalam penyelidikan ini sangat penting kerana rakaman video, audio atau pun gambar pegun dilakukan untuk tujuan dokumentasi. Pendokumentasian yang dimaksudkan ialah pendokumentasian digital. Oleh itu, semua jenis rakaman perlu memberikan pertimbangan terhadap mutunya. Aspek mutu di sini

merujuk kepada penggunaan peralatan yang bersesuaian bagi menghasilkan rakaman yang dapat mewakili kehendak penyelidik. Visual Antropologi memberikan perhatian yang besar terhadap tujuan sesuatu rakaman itu dilakukan. Rakaman video mengenai mesyuarat di peringkat kampung misalnya, telah menggunakan dua buah perakam video bersama dengan sebuah kamera pegun. Tujuannya ialah untuk mendapatkan liputan berlangsungnya mesyuarat secara terperinci, dan dari sudut pandang (perakam) yang berbeza. Langkah ini bertujuan untuk mengamati peranan setiap peserta yang terlibat termasuklah aspek *gestural* di dalam mesyuarat tersebut. Teknik zoom in, zoom out, close up dimanfaatkan sebaik-baiknya. Sila lihat **RAJAH 3.2 Pendekatan, Teknik dan Instrumen Pengumpulan Data** muka surat 73.

Akhir sekali ialah aplikasi sistem pengkomputeran sama ada dilihat dari segi keupayaan hardware atau pun software bagi menyokong pendokumentasian digital. Penyetoran dilakukan secara online dengan menggunakan aplikasi komputer bersistem operasi linux yang dihidupkan (on) atau dimatikan (off) mengikut keperluan. Aplikasi komputer ini dijadikan sebagai *server*. Selanjutnya, software "*gotomypc*" menghubungkan komputer penyelidik di lapangan dengan server untuk pelbagai tujuan selain penyetoran. Jadi kerja-kerja penyetoran, penyemakan atau mengemas kini data dapat dilakukan dengan sangat mudah. Sila lihat **Rajah 3.3 : Teknik Integrasi Komputer + Server + Software** muka surat 75.

Penyelidikan multidisiplin yang berteraskan SS ini, dan disokong bukan sahaja oleh teori-teori dan pendekatan yang mapan malah juga turut mengaplikasikan peralatan dan kelengkapan berteknologi tinggi. Sila rujuk kepada **Rajah 3.1: Penyelidikan Multidisiplin** muka surat 66.

2.10 Kajian Terdahulu

Telah pun disebut di awal penulisan ini bahawa masyarakat Seletar jarang dikaji, apa lagi didokumentasikan. Kajian-kajian yang ada kebanyakannya dalam bentuk prosiding dan tidak diterbitkan. Hampir keseluruhan kajian-kajian ini hanya berfokus kepada mengumpul daftar kata sama ada mencari erti yang sepadan (dalam bahasa Melayu) atau dari segi semantik atau juga pun dari segi leksikostatistik.

Kajian-kajian yang dilakukan terhadap bahasa-bahasa yang diancam pupus ini seperti Seletar, Kanaq ini terlalu kecil bilangannya. Dan jika ada pun masih tidak lari dari penyelidikan yang hanya berfokus kepada daftar kata, mencari erti yang sepadan atau melakukan perbandingan di antara bahasa A dan bahasa B. Selanjutnya, sila lihat Mohd Sharifuddin, 2013, Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq. Pada pemerhatian penyelidik, tahap keterancaman bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq berada pada tahap yang berbeza. Sila rujuk Obiero (2010) mengenai Skala Pemeringkatan Gangguan Antara Generasi (*Graded Intergenerational Disruption Scale (GIDS)*), dan Lewis dan Simon (2009) *Expand Graded Intergenerational Disruption Scale (EGIDS)*. Oleh itu perbandingan yang dilakukan itu tidak seimbang dan hasilnya tidak begitu diharapkan kerana menyalahi prosedur perbandingan, umpamanya membanding A dengan A1, bukan A dengan B. Sila rujuk Bab 1, muka surat 16-17.

Asmah (ed.) pada tahun 2006 telah menerbitkan buku Bahasa Mah Meri. Buku ini sebenarnya merupakan monograf iaitu hasil penyelidikan yang dilakukan terhadap Orang Asli Mah Meri di Bukit Bangkong, Sepang. Selanjutnya pada 2013 dengan mengadakan banyak perubahan pada buku Bahasa Mah Meri (2006), buku *The Mah Meri Language: An Introduction*, diterbitkan. Sama ada buku yang terbit pada 2006 mahu pun 2013, kedua-duanya memperkatakan tentang fonologi, lexikon, sintaksis. Buku ini juga memberi perhatian yang khusus terhadap peranan Etnografi dalam

penyelidikan tersebut. Justeru itu pada bahagian pengenalan ada disentuh secara langsung mengenai cara hidup, budaya dan ekonomi mereka.

Kesimpulan

Memandangkan tiada sebarang penulisan mengenai bahasa atau pun masyarakat Orang Seletar yang boleh dijadikan panduan, maka penyelidikan ini tampil sebagai yang pertama. Penyelidikan ini membincangkan mengenai masyarakat Seletar secara holistik kerana menggabungkan pelbagai bidang seperti Etnografi, Demografi, Semiotik Sosial, dan Visual Antropologi. Justeru itu, penyelidikan ini adalah penyelidikan multidisiplin yang belum pernah diterapkan kepada mana-mana bahasa Orang Asli yang terdapat di Malaysia.

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Merujuk kepada pandangan Crystal (2000: 93) bahawa dalam penyelidikan bahasa khususnya mengenai bahasa-bahasa yang diancam pupus ini, tidak ada kerangka kerja yang baku digunakan. Kepelbagaian kerangka kerja ini akhirnya akan menyebabkan pelbagai kerangka kerja muncul dengan pelbagai terminologi pula. Oleh sebab itu, dalam penyelidikan ini pemilihan teori dan pembinaan kerangka kerja adalah merujuk kepada masalah kajian. Perbincangan dalam BAB IV ini akan memperkatakan tentang 4.2 Soalan Kajian, 4.3 Aturan Kajian, 4.4 Jenis dan sumber data, 4.5 Populasi dan sampel, 4.6 Pengumpulan Data dan Analisis Data.

3.2 Soalan Kajian

Pada Bab 1 muka surat 16, telah dinyatakan tiga soalan kajian yang menjadi fokus bahasan penyelidikan ini. Ketiga-tiga soalan kajian itu adalah seperti berikut:

1. Apakah jenis-jenis wacana yang terdapat dalam pertuturan masyarakat Seletar dari aspek Semiotik Sosial?
2. Bagaimanakah ketiga-tiga unsur gaya Semiotik Sosial boleh digambarkan dalam pertuturan masyarakat Seletar?
3. Bagaimanakah pertuturan masyarakat Seletar menunjukkan modaliti yang wujud di antara ahli-ahli masyarakat.

Bagi soalan kajian 1, objektif yang diinginkan ialah bagi mengenalpasti jenis-jenis wacana yang terdapat dalam masyarakat Seletar. Wacana dalam bahasa Seletar wujud dalam

pelbagai situasi di antaranya ialah dialog, ucapan, mesyuarat, dan rutin harian. Kesemua bentuk situasi ini merupakan pewujudan makna melalui bahasa di kalangan masyarakat Seletar ketika menjalani kehidupan sehari-hari.

Bagi situasi berbentuk dialog dapat dipecahkan lagi menjadi bahagian-bahagian kecil seperti dialog ketika santai misalnya ketika menunggu suami pulang dari laut, gossip, keluhan mengenai kepayahan hidup. Selanjutnya ada juga dialog ketika menjalani urusan berjual beli misalnya jualan runcit dan jualan hasil laut. Sementara itu, dialog mengenai rutin harian sebagai nelayan berkaitan dengan pekerjaan sebagai nelayan seperti memancing, menjaring atau memukat, mencari kupang, perumpun, menyelam dan sebagainya.

Situasi berikutnya ialah ucapan. Ucapan yang disampaikan oleh tentunya orang yang berjawatan di kalangan anggota masyarakat Seletar. Dalam hal ini ucapan yang dimaksudkan ialah ucapan Tok Batin sebagai ketua masyarakat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan anggota masyarakat misalnya mengenai pendidikan, kesihatan, keselamatan anggota masyarakatnya. Seringkali Tok Batin diminta oleh pihak-pihak seperti JHEOA, pihak sekolah, Majlis Bandaran dan lain-lain untuk menyampaikan amanat mahupun maklumat bagi mewakili pihak-pihak tersebut.

Situasi berikutnya ialah mesyuarat. Mesyuarat di peringkat kampung selalunya dianjurkan oleh JKKK kampung tersebut. Mesyuarat ini di pengerusikan oleh Tok Batin sementara ahli-ahli mesyuaratnya terdiri dari ahli jawatan kuasa JKKK kampung tersebut. Lazimnya ada mesyuarat bulanan dan mesyuarat atas permintaan penduduk mahupun panggilan mesyuarat oleh Tok Batin sendiri kerana diarahkan oleh pihak-pihak tertentu seperti JHEOA. Di antara agenda mesyuarat tersebut ialah persediaan mengadakan gotong royong bagi membersihkan kampung, permohonan bantuan kepada

nelayan, pengurusan surau, pencerobohan kawasan kampung oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab dan sebagainya.

Bagi menjawab soalan kajian 1, setiap situasi itu akan dibahasakan mengikut aturan yang telah ditentukan iaitu (a) Unsur-unsur Wacana, (b) Senario Teks, dan (c) Analisis Struktur Perbualan. Dalam (a) unsur wacana terdiri dari 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya adalah suatu rentetan peristiwa dengan suatu maksud yang jelas. Ketujuh-tujuh unsur itu ialah, (1) aksi, (2) sikap, (3) aktor, (4) Persembahan dan penampilan, (5) Sumber, (6) Masa dan (7) Ruang. Sila rujuk Bab 2, Kajian Pustaka, muka surat 43 bagi mendapatkan maksud setiap satu dari tujuh unsur wacana ini. Sementara itu dalam (b) senario teks bermaksud untuk mengungkapkan senario yang membangun suatu teks itu. Bahasan mengenai (b) ialah lanjutan bahasan (a). Namun bezanya dalam (b) berbanding (a) ialah setiap dari tujuh unsur itu diletakkan di dalam tujuh kolum yang berbeza secara *menegak*, sementara setiap peristiwa yang menghubungkan ketujuh-tujuh unsur ini diletakkan secara melintang. Selanjutnya peristiwa tuturan yang diletakkan secara mendatar ini dipisahkan secara mendatar pula oleh tanda () dengan kolum yang dikosongkan.

Soalan kajian 1 selanjutnya ialah (c) analisis struktur perbualan. Analisis (c) dikemukakan jadual yang terdiri dari tiga kolum. Kolum pertama ialah keseluruhan teks yang diletakkan dalam barisan (L) dan diberi nombor barisan dan nombor tuturan. Kolum dua diletakkan Kata kunci sementara kolum ketiga ialah nombor bagi setiap tuturan yang mewakili satu pertuturan. Setiap kata kunci mewakili satu maksud tuturan. Dalam hal ini, tuturan itu dapat berupa pengambilan giliran, seruan, soalan, jawapan dan sebagainya. Kata kunci ini ada yang mewakili keseluruhan maksud tuturan itu sehingga maksudnya disesuaikan dengan kata kunci yang dipilih. Kata kunci seumpama

ini bersifat eksplisit kerana rumusan bagi menamakan kata kuncinya diambil dari kata-kata yang terdapat dalam tuturan tersebut. Bagi kata kunci yang dirumuskan berdasarkan pengertian yang perlu ditakrifkan ini disebut implisit.

Selanjutnya, bagi menjawab soalan kajian 2, mengenai gaya berdasarkan sudut pandang semiotik sosial, bahasa mengenai gaya dipecahkan kepada tiga iaitu (1) gaya individu, (2) gaya sosial dan (3) gaya hidup atau *lifestyle*. Di antara perkara yang dibincangkan dalam (1) ialah ciri-ciri individu yang muncul sama ada melalui cara bertutur, cara mengungkapkan pandangan, loghat, pelat termasuklah juga atau bahasa tubuh. Sungguhpun individu ini terikat dengan fungsinya sebagai anggota masyarakatnya namun jatidiri atau ciri-ciri individu itu tetap muncul dalam perbualan sehingga menyebabkan individu berkenaan dapat dibezakan dengan individu yang lain. Sementara itu, dalam (2) gaya sosial pula diperhatikan mengenai jatidiri seseorang itu sebagai anggota masyarakat. Justeru itu pandangan, buah fikiran cenderung dikemukakan berdasarkan norma dan nilai yang mengatur masyarakat ini secara kolektif. Gaya sosial juga berkaitan dengan fungsi dan posisi individu di dalam masyarakat. Ini bermakna setiap pandangan, buah fikiran yang diungkapkan adalah atas kapasiti individu itu sesuai dengan fungsi mahupun statusnya di dalam masyarakat. Akhir sekali, bagi menjawab soalan kajian 1 ini, dibincangkan mengenai (3) Gaya hidup atau pun *lifestyle* iaitu gabungan gaya individu mahu pun gaya sosial. Dengan demikian, dalam gaya hidup ini, individu itu dapat dikenalpasti gayanya berdasarkan ciri-ciri individunya, peranan, tanggungjawab dan status dalam masyarakat serta lumrah individu itu menjalani kehidupannya sebagai anggota masyarakat. Misalnya di dalam organisasi kemasyarakatannya dia menjawat jawatan Tok Batin (status sosial), dalam masa yang sama dia tetap sama seperti individu Seletar yang lain kerana tetap turun ke laut kerana bekerja sebagai nelayan. Jadi dalam gaya hidup ini dapat ditonjolkan ciri


individu, ciri sosial yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawabnya sebagai anggota masyarakat Seletar.

Selanjutnya ialah mencari jawapan bagi soalan (3) yang berkaitan dengan modaliti yang wujud di antara ahli-ahli masyarakat Seletar. Perkara yang difokuskan dalam soalan ini ialah modaliti. Dalam penyelidikan ini, dibahaskan hanya satu aspek dari beberapa cara untuk membahas modaliti. Aspek itu ialah modaliti. Modaliti berkaitan dengan kategori nahu yang dihubungkan dengan ekspresi tentang tanggungjawab, keizinan, larangan, kesesuaian, kemungkinan, kemampuan dan sebagainya. Pembahasan mengenai modaliti ini akan menampilkan dua jenis modaliti iaitu modaliti lingusitik dan modaliti visual. Sungguh pun modaliti ini dipecah menjadi dua bahagian namun hakikatnya modaliti ada satu. Ini ialah kerana tuturan dikesan dalam modaliti lingusitik sementara aspek bukan lisan dikesan dalam modaliti visual. Kesejajaran mengenai apa yang dituturkan akan kelihatan dalam visual seperti pergerakan tangan, gelengan kepala, kerutan wajah, mimik muka dan sebagainya.

3.3 Aturan Kajian

Penyelidikan ini dapat dikategorikan sebagai penyelidikan deskriptif yang multi-disiplin, memandangkan dalam pengumpulan data contohnya, pelbagai kaedah dan pendekatan sampingan digunakan. Berikut di bawah ini ditunjukkan pertalian langsung antara pelbagai pendekatan, khususnya dalam pengumpulan data.

RAJAH 3.1: Penyelidikan Multidisiplin



Rajah 3.1 menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai bahasa yang diancam pupus ini terlebih dahulu dipastikan statusnya dari segi tahap bahayanya. Menurut Crystal (2000: 21) bahasa Seletar tergolong di bawah kumpulan bahasa yang terancam dengan serius kerana mempunyai penutur-penutur fasih berumur 50 tahun atau lebih. Setelah jelas mengenai status bahasa ini, ia disebut sebagai Bahasa Yang Diancam Kepupusan. Dua pendekatan digunakan untuk mengumpulkan data, pendekatan itu ialah Etnografi dan

Demografi. Kedua-dua pendekatan ini berteraskan kajian lapangan. Pendekatan Etnografi digunakan bagi mengumpul data-data kualitatif sedangkan pendekatan Demografi mengumpul dua jenis data iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Kedua-dua pendekatan digunakan bagi maksud yang berbeza. Pendekatan Etnografi mengumpul data yang melibatkan pertuturan dan semua jenis peristiwa bahasa sedangkan pendekatan Demografi mengumpulkan data yang berkaitan dengan kependudukan, lokasi, ekonomi, struktur masyarakat, pendidikan, agama dan lain-lain lagi. Semua data Demografi ini digunakan bagi mendapatkan statistic mengenai purata celik huruf, pendapatan isi rumah, organisasi kemasyarakatan. Penjelasan lebih lanjut mengenai Etnografi dan Demografi ini dibentang dalam Bab III. Kesemua jenis data itu seterusnya dikumpul dengan menggunakan teknik Antropologi Visual. Data-data yang dikumpul melalui teknik Antropologi Visual ini terdiri dari tiga bentuk iaitu audio, video dan gambar pegun (*still picture*). Data dalam pelbagai bentuk itu disimpan di dalam bank data untuk didokumentasikan. Setelah itu hanya data dalam bentuk video saja yang dikeluarkan untuk tujuan analisis. Data dalam bentuk audio dan gambar pegun disimpan untuk kegunaan pada penyelidikan selanjutnya atau digunakan sebagai *backup* kepada data video sekiranya perlu. Akhirnya, semua data itu, sedia diambil untuk dianalisis dan diinterpretasikan oleh bidang Semiotik Sosial. Peringkat selanjutnya, yakni pemprosesan data untuk tujuan analisis data akan dibincangkan pada bahagian selanjutnya.

Bagi memenuhi tuntutan dalam pendekatan Semiotik Sosial, digariskan dengan jelas perihal utama yang bakal dibentangkan dalam penyelidikan ini. Oleh itu, rujukan terhadap tiga soalan kajian perlu dilakukan. Hasilnya, dapat dipastikan perkara yang akan dianalisis ialah (1) wacana, (2) gaya dan (3) modaliti. Sila rujuk Bab 3, 3.2 Soalan Kajian.

3.4. Data

3.4.1 Kebenaran

(a) JHEOA

Kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dimohon daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia pada 14 Disember 2004. Surat bertarikh 14 Disember 2004 dengan nombor rujukan JHEOA PP.30.032 Jld. 3 (58) yang bertajuk Kajian “Bahasa dan Masyarakat Seletar” telah menyatakan tentang: (1) Persyaratan Jabatan berdasarkan Kepentingan JHEOA, (2) Lokasi: Perkampungan Orang Asli Seletar, Negeri Johor, (3) Tempoh kebenaran penyelidikan: 15 Disember hingga 15 Disember 2009. Sila lihat Appendix 1.

(b) Tok Batin

Kebenaran diperoleh dari Tok Batin adalah kebenaran lisan yang dirakam dengan menggunakan perakam audio pada 26 Disember 2004. Berikut adalah transkripsi rakaman tersebut.

Hehe... am kene cakap ke? Awak dah masuk sini semalam. Awak boleh la amik video ambik gambar ong Seletar. Mana-mana jek awak nak amik-amiklah... boleh juge kami nengok... Jampak kon nelayan... ke laut kalau siang, malam rehatlah. Awak boleh ikut ke laut kalau mau, ikut cari ketam pun boleh... cari mosel ke... tapi tanyalah dulu sak awak nak ikut... keng cuace tak menentu nanti awak mabuk susah...

3.4.2 Jenis dan Sumber Data

Jenis data bagi penyelidikan ini adalah data lisan atau pertuturan yang bersumber dari (peristiwa) pertuturan (*speech event*) yang sedang berlangsung. Dalam hal ini, pertuturan yang dimaksudkan itu ialah interaksi sosial yang berlangsung ketika masyarakat Seletar menjalani kehidupan seharian mereka. Interaksi sosial merupakan proses sosial yang berlaku di dalam masyarakat ini. Sila lihat Jadual di bawah ini.

JADUAL 3.1 : DATA

Bil.	Jenis Data	Situasi:Peristiwa/Topik	Kode	Durasi
1	Dialog	<p>Santai:*Tunggu suami :*Pak XX :*Kepayahan hidup</p> <p>Jual beli: Ketam : *Kepah Lokan : Perumpun/umpan : Ikan selaman : Hasil Empang : Runcit</p> <p>Rutin: Memancing : Menjaring/Memukat : Kupang : Cari perumpun</p>	<p>SSlog (1*,2,3, (4,5*,7,8,9) (10*,11,12,13)</p> <p>SJbKlog (1,2,3) SJbKllog (1,2,3*,4,5) SJbPUlog (1,2,3,4,5) SJbISlog (1,2,3,4,5,6) SJHElog (1,2,3) SJbrlog (1,2,3,4)</p> <p>SRmlog (1,2,3,4,5,6,7) SRjlog (1,2,3) SRklog (1,2,3,4,5, SRplog(1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12)</p>	<p>50 minit 2 jam 45 minit</p> <p>18 minit 20 minit 18 minit 13 minit 9 minit 17 minit</p> <p>1jam 40 minit 40 minit 55 minit 2 jam40 minit</p>
2	Ucapan	<p>*Tok Batin 1 kpd anak sekolah Tok Batin 2 kpd anak sekolah</p>	<p>SUlog (1,2,3*,4,5) (6,7,8,9,10)</p>	<p>2.5 jam 2 jam</p>
3	Mesyuarat	<p>*Persediaan Gotong-royong Permohonan Bantuan JKKK (Bulanan)</p>	<p>Smlog (1*,2,3) Smlog (4,5,6,7,8) Smlog (9,10,11,12,13)</p>	<p>4 jam 3 jam 4 jam (Total:27j.25m)</p>

Petunjuk:

Pak XX = Nama salah seorang informan

SSlr = Situasi dialog santai luar rumah

SSdr = Situasi dialog santai dalam rumah

SStv = Situasi dialog santai menonton tv

SSkara= Situasi dialog santai berkaraoke

SU = Situasi ucapan

SNKb = Situasi nyanyian ketam bangkang

SNy = Situasi nyanyian yosang

SNsdk = Situasi nyanyian seringit dua kupang

SM = Situasi mesyuarat

Nombor 1, 2, 3, dan seterusnya = Episod atau caption

A, B, C = Persembahan di pentas

Tanda (*) bermaksud = yang dipilih untuk tujuan analisis.

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, interaksi sosial ini berbeza-beza menurut situasinya yang diletakkan pada kolom kedua selepas bilangan yakni, dialog, ucapan, nyanyian, dan mesyuarat. Kolom ketiga ialah peristiwa atau topik. Kolom keempat ialah kod yang

diberikan (*tagging*). Kolum kelima pula ialah tempoh (masa) bagi setiap rakaman. Kesemua bentuk interaksi sosial ini dirakam dalam keadaan *in situ* yakni ketika peristiwa itu berlangsung.

Kolum ketiga memperincikan peristiwa atau topic bagi setiap situasi (kolum kedua). Misalnya bagi situasi dialog, terdapat tiga peristiwa atau topic, di antaranya ialah santai (bersantai atau beristirahat di rumah sambil-sambil menonton tv, berkaraoke, selepas makan malam, dan sebagainya). Ada juga rakaman yang dilakukan luar rumah misalnya ketika duduk-duduk di Jeti sambil menunggu suami pulang dari laut. Rakaman di jeti ini mengambil masa kira-kira lima puluh minit (dari pukul 5.20 petang hingga 6.10 petang). Rakaman ketika bersantai di rumah misalnya mengenai seseorang (*gossip*) yang mengambil masa dua jam, sementara rakaman yang diberi tajuk kepayahan hidup ini dirakam di rumah mengambil masa selama 45 minit. Begitulah keadaan selanjutnya bagi bersantai sambil menonton televisyen dan bersantai sambil berkaraoke yang masing-masing mengambil masa selama 1 jam 30 minit dan 2 jam.

Bagi rakaman kegiatan berjual beli tiada satu pun yang melebihi sepuluh minit. Ini ialah kerana proses jual beli berlangsung dengan cepat dan ringkas. Walaupun demikian, jumlah rakaman interaksi sosial dalam berjual beli ini adalah yang paling banyak sekali jumlahnya iaitu 26 buah rakaman.

Sementara itu pula, rakaman rutin harian masyarakat Seletar ini bermaksud rutin mereka sebagai nelayan. Di antara rutin ini ialah memancing, mencari ketam, menjaring atau memukat, mencari atau mengambil kupang, mencari perumpun dan menyelam. Sila lihat Bab 4, halaman 95-98, mengenai rutin harian Orang Seletar. Memandangkan orang Seletar biasa melakukan lebih dari satu kerja, rakaman bermula dari pukul 6.00 pagi hingga ke pukul 12.00 tengahari bagi sesi pagi. Dalam jangka masa tujuh jam itu, orang Seletar biasanya dapat melakukan 3 pekerjaan. Rakaman tidak dibuat selama tujuh jam

melainkan hanya berfokus kepada jangka masa setiap aktiviti yang berlangsung misalnya sejam bagi menjaring ikan yakni antara 6.00 hingga pukul 7.00 pagi, 2 jam 20 minit bagi aktiviti mencari/menggali perumpun (pukul 7.20 pagi hingga 9.40 pagi). Setelah itu, rakaman dilakukan pada pukul 10.00 pagi hingga pukul 11.40 pagi ketika memancing ikan selama kira-kira 1 jam 40 minit.

Pada sebelah petang, orang Seletar kembali ke laut untuk melakukan aktiviti seterusnya misalnya mengambil kupang selama 55 minit (dari pukul 3.15 petang hingga 4.10 petang). Setelah itu, mereka kembali ke lebung tempat mereka memasang jaring pada waktu pagi. Proses mengangkat pukut atau jaring ini hanya mengambil masa kira-kira 40 minit. Semua rakaman rutin ini dirakam berdasarkan citarasa dan gerak hati Orang Seletar sendiri seperti rutin manakah yang mahu didahulukan dan keputusan ini selain melibatkan *instinct* juga ditentukan oleh faktor cuaca.

Kesemua rakaman bagi setiap rutin di atas tidak termasuk masa bagi perjalanan ke setiap lokasi aktiviti. Sungguh pun penyelidik dapat menyertai semua rutin, namun tidak semua aktiviti boleh atau sesuai dirakam. Aktiviti memasang dan mengangkat jaring/pukat, misalnya tidak sesuai dirakam kerana beberapa sebab antaranya ialah (1) ketika menurunkan jaring ke laut perlu dilakukan dengan hati-hati supaya jaring tidak menjadi kusut. (2) ketika mengangkat jaring perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya bot tidak bergoyang. (3) Keadaan bot yang kecil, dengan bilangan ahli keluarga sampai lima orang (ibubapa dan tiga anak) tidak termasuk penyelidik. Kesemua faktor ini menyukarkan proses rakaman.


Situasi ucapan ini adalah rakaman ucapan Tok Batin kepada anak-anak buahnya (yang masih bersekolah). Ucapan ini dirakam di rumah Tok Batin. Semua anak-anak buahnya masih bersekolah hadir mendengarkan ucapannya. Penyelidik yang kebetulan ada di Kampung itu turut diundang. Rakam ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian

pertama mengenai permintaan pihak sekolah kepada pihak Tok Batin supaya menasihatkan anak-anak buahnya yang masih bersekolah supaya tidak ponteng sekolah, mematuhi arahan guru bagi menyelesaikan kerja rumah dan sebagainya. Bahagian kedua ialah rakaman mengenai keikutsertaan anak-anak buahnya dalam bidang sukan di sekolah. Kedua-dua bahagian rakaman ini dibuat di rumah Tok Batin dalam jarak masa sekitar 7 bulan setelah ucapan bahagian yang pertama.

Situasi nyanyian dipecahkan kepada tiga buah lagu iaitu lagu Ketam Bangkang, Lagu Yosang dan Lagu Seringit Dua Kupang. Lagu-lagu ini dirakam ketika latihan (dengan nombor 1,2,3) dan ketika dipersembahkan kepada penonton (A, B, C). Jangka masa setiap lagu ini ialah di antara 3 minit hingga 4 minit.

Selanjutnya, rakaman bagi situasi mesyuarat dibuat sejurus bermulanya mesyuarat, misalnya pukul 9.30 malam sehinggalah mesyuarat selesai 1.30 pagi. Bahagian yang difokuskan dalam mesyuarat ini ialah bahagian-bahagian yang mempunyai dialog seperti, soal jawab di antara Tok Batin dengan anak buahnya ataupun dialog antara sesama anggota masyarakat yang turut serta dalam mesyuarat itu. Rakaman mesyuarat berbeza tempoh masanya kerana semua perbincangan dilakukan secara lisan, tiada agenda mesyuarat (selain yang ditetapkan diminta oleh pihak-pihak berkuasa atau ditetapkan sendiri oleh Tok Batin), tiada minit mesyuarat, tiada pencatat minit mesyuarat. Selalunya mesyuarat akan mengambil masa yang panjang. Sementara itu di kolum keempat Kod ialah menunjukkan kaedah tagging dan nama kod bagi setiap data yang berdasarkan situasi (kolum 2), dan peristiwa atau topic (kolum 3). Sebagai contoh SSdlrlog (1*,2,3,) SSdrlog (1,2,3,4,5*,7,8,9,10*,11,12,13). SSslrlog bermaksud S: Situasi, S: Santai, lr: luar rumah, sedangkan log: adalah kependekan katatolog. Terakhir sekali ialah kolum 5 iaitu Tempoh (masa). Masa yang ditunjukkan ini adalah jangka masa bagi keseluruhan episode atau caption (misalnya 1 + 2 + 3 + 4 ... dsb).

RAJAH 3.2: Pendekatan, Teknik dan Instrumen Pengumpulan Data muka surat 72



Petunjuk:

Simbol (*) merujuk kepada peralatan dan kelengkapan berteknologi tinggi.

Simbol (↓) merujuk kepada proses selanjutnya


Pertuturan masyarakat Seletar dikumpul dan dirakam dengan menggunakan pendekatan utama iaitu Etnografi dan Demografi. Sungguhpun demikian, maklumat (data video,

audio dan pegun) yang dikumpul dan dirakam, disaring melalui pendekatan visual antropologi. Penyaringan yang dimaksudkan di sini bertujuan untuk mendapatkan data dalam bentuk visual yang berkualiti tinggi. Data seperti ini akan memudahkan dan memantapkan penyelidikan dari awal hingga ke akhir. Pendekatan demografi menyediakan data statistik namun pemerolehan maklumat itu juga berdasarkan pertuturan masyarakat Seletar melalui sesi wawancara misalnya. Sila lihat Bab 2 untuk melihat data-data statistik yang dikumpulkan.

Rakaman audio dibuat dengan menggunakan alat rakaman jenama Sony HDADR+MarkCam. Sementara itu rakaman video dibuat dengan menggunakan perakam video jenama Panasonic SuperHD DVCam. Rakaman gambar pegun pula, menggunakan kamera jenama Canon DSLR Mark II. Sungguhpun ada tiga jenis data yang dikumpul, namun hanya data video sahaja yang digunakan untuk tujuan analisis. Data audio digunakan untuk *back up* seandainya rakaman video kurang jelas kualiti suara. Data pegun lebih banyak digunakan bagi mengumpul maklumat demografi misalnya khususnya mengenai penduduk, penempatan, ekonomi dan budaya.

Kesemua data yang dirakam itu dihantar ke “bank data” melalui sebuah Server (*Linux Base*). Penghantaran data dibuat melalui sebuah komputer riba ke server dengan menggunakan software bernama *gotomypc (go to my pc)* secara *online*. Tujuan penghantaran data adalah untuk penyimpanan data. Sila lihat Rajah 3.3 di bawah ini.

Rajah 3.3: Teknik Integrasi Komputer + Server + software m/s 74



Petunjuk:

Simbol \longrightarrow = hubungan sehala

Simbol \longleftrightarrow = hubungan dua hala

Semua data ditanda dengan tarikh, kod, situasi dan topic serta anotasi tertentu bagi memudahkan penyuntingan (video, audio), rujuk semula dan *back up*. Selain itu, melalui teknik integrasi di antara computer + server + software ini, penyelidik berupaya untuk: (1) dapat menyediakan data dalam bentuk digital, rujukan bagi mengesan keberadaan data, dan tumpang tindih, (2) penyusunan data yang teratur, (3) menghindar dari kehilangan data, dan 4) menyediakan rancangan *back up* yang sistematik.

Selanjutnya, salah satu peralatan penyelidikan yang penting ialah buku catatan. Buku catatan ini dibawa dan digunakan sepanjang masa. Di antara kegunaan buku catatan ini ialah mencatat mengenai metadata seperti siapa (yang terlibat ketika pertuturan), apa

(perkara yang diperkatakan – topik), bila (waktu, tarikh berlangsungnya pertuturan), di mana (lokasi terjadinya perbualan), mengapa (topic diperkatakan) dan bagaimana (cara topic disampaikan, diekspresikan). Turut dicatat ialah tema-tema interaksi, nuansa-nuansa ketika berlangsungnya pertuturan.

Memandangkan, penyelidikan dijalankan untuk tempoh masa yang lama (2004-2010), jumlah buku catatan ini juga banyak (lima buah) dan perlu ditag dan ditanda. Selama tempoh tersebut, jangka masa penyelidikan tidak sama bergantung kepada kebenaran, cuti dan faktor kewangan. Jangka masa paling singkat berada di lapangan ialah 6 hari dan paling lama ialah 2 bulan. Dalam tempoh tersebut ada ketikanya penyelidik berulang alik dari rumah ke lokasi penyelidikan 2 kali sebulan. Ada ketikanya penyelidik ke lapangan selang 3 bulan sekali dalam tempoh setahun atau setahun dua kali.

3.5 Pengumpulan Data dan Analisis Data

Sebelum melakukan penyelidikan lapangan, terlebih dahulu dilakukan pencarian tempat kajian yang sesuai. Pencarian tempat ini dilakukan dengan cara menghubungi pihak JHEOA bagi mendapatkan keizinan untuk mengadakan penyelidikan. Selain dari memberikan keizinan, pihak JHEOA juga memberikan beberapa cadangan tentang lokasi, populasi dan demografi masyarakat Seletar di Negeri Johor. Setelah berbincang tentang semua perkara itu, pihak JHEOA telah membawa penyelidik melawat lokasi-lokasi yang dimaksudkan. Setelah selesai mengadakan lawatan tersebut, pihak JHEOA memberi nasihat, cadangan dan pandangan mengenai kesesuaian pemilihan lokasi penyelidikan. Akhirnya Kampung Bakar Batu, yang berada di Mukim Perling dipersetujui sebagai lokasi penyelidikan.

Selanjutnya, atas usaha pihak JHEOA juga, satu temu janji dibuat bagi mempertemukan penyelidik dengan Tok Batin Kampung Bakar Batu. Tindakan seterusnya dilakukan

oleh penyelidik ialah mengadakan pendekatan peribadi terhadap calon-calon informan. Pendekatan peribadi ini bertujuan untuk menjalin hubungan akrab di antara keseluruhan anggota masyarakat Kampung Bakar Batu. Pendekatan semacam ini di dalam penyelidikan etnografi disebut sebagai "*rapport*" (Moleong, 2000: 96-97), seperti yang dibentangkan di dalam Bab 2. Setelah berhasil menimbulkan hubungan akrab dan menampilkan rapport terhadap informan, barulah penyelidik memasuki tahap pengumpulan data.

3.5.1 Cara Pengumpulan Data

Cara dan teknik pengumpulan data yang digunakan, yaitu:

3.5.1.1 Kajian Lapangan

Dalam kaedah ini, penyelidik mengambil bahagian dalam aktiviti sehari-hari masyarakat ini termasuklah rutin harian mereka. Oleh sebab itu semakin banyak masa diluangkan di lapangan semakin banyak data diperolehi. Semakin baik hubungan (*rapport*) dengan anggota masyarakat ini semakin berkualiti dan semakin tinggi nilai *authenticity* data. Rapport adalah kunci keberhasilan penyelidikan lapangan. Ini adalah kerana, dengan rapport informan mengizinkan penyelidik menyertai apa saja kegiatan seharian mereka. Dengan kata lain adanya hubungan baik, tanpa curiga, penyelidik dibawa dalam setiap rutin yang mereka jalani.

Kajian lapangan memberi peluang kepada penyelidik mengikuti rutin harian anggota masyarakat ini mulai dari pagi hingga ke malam. Oleh sebab itu, data-data ini dapat dikumpul sepanjang penyelidik berada bersama-sama dengan anggota masyarakat ini. Sebagai contoh sila rujuk BAB 4, rutin harian masyarakat Seletar. Sebagai contoh, penyelidik menyertai keluarga informan A ke laut. Memandangkan Orang Seletar lazimnya menjalankan 2-3 rutin dalam sehari misalnya memasang pukut, menyelam dan

mencari perumpun (sejenis cacing laut). Kesemua rutin ini dirakam (dalam bentuk audio, video mahupun gambar pegun) dan dicatat (waktu, tarikh, lokasi, informan yang terlibat, tema interaksi) dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu, termasuklah interkasi-interaksi yang berlangsung sama ada interaksi sesama ahli keluarga mahupun interaksi yang melibatkan penyelidik.

Setelah penyelidik berjaya mendapatkan data sebegini, langkah selanjutnya ialah membuat:

- (1) **Identifikasi** data seperti yang telah dicatatkan yakni waktu, tarikh, lokasi, informan yang terlibat, dan tema interaksi. Identifikasi ini penting dilakukan sebab ia merupakan *metadata*. Rakaman yang dilakukan untuk satu tempoh yang lama. Pasti waktu, tarikh, lokasi, informan dan tema interaksi berbeza-beza. Oleh itu bagi menghindari kecelaruan atau tumpang tindih maklumat, identifikasi dilakukan lebih awal lagi.
- (2) **Klasifikasi** data yakni membahagi-bahagikan data mengikut situasi tertentu. Di antara situasi yang dimaksudkan ialah monolog, dialog, ucapan, mesyuarat, nyanyian dan lain-lain. Semua situasi ini masih dipecahkan lagi menjadi beberapa bahagian, misalnya Situasi dialog terbahagi kepada 3 bahagian iaitu (1) santai, jual beli dan rutin, (2) Situasi ucapan selalunya rasmi ini dibahagi berdasarkan topic atau amanat. Situasi nyanyian dibahagi berdasarkan tajuk lagu, sementara itu situasi mesyuarat dibahagi berdasarkan agenda atau sebab-sebab mesyuarat itu diadakan.
- (3) **Penanda**. Penanda data bertujuan untuk memudahkan rujukan terhadap data, dan data dapat disimpan dengan sistematik serta

selamat. Di antara contoh penanda ialah seperti; SSrlog (1*, 2, 3) yang bermaksud Situasi Santai luar rumah log 1, 2, 3. Sementara itu, SSdrlog (1, 2, 3, 4, 5 *6, 7, 8, 9, 10*, 11, 12, 13) bermaksud Situasi Santai dalam rumah (1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13). Untuk selanjutnya sila rujuk Jadual Data 3.1 yang lengkap dengan petunjuk bagi setiap simbol, dan angka yang digunakan untuk tagging.

3.5.1.2 Rakaman

Rakaman dalam penyelidikan ini terdiri dari tiga jenis yakni rakaman audio, video dan gambar pegun. Seperti yang telah dinyatakan di dalam 4.4 Instrumen Penyelidikan, bahawa teknik khusus antropologi visual digunakan di dalam dua jenis rakaman iaitu video dan gambar pegun. Teknik ini bertujuan untuk mendapatkan rakaman (video dan gambar pegun) yang dapat memenuhi kehendak dan maksud penyelidikan. Telah dibincangkan juga di dalam 4.4 bahawa hanya data dalam bentuk video sahaja yang digunakan untuk analisis, data audio digunakan untuk rancangan back up sementara rakaman pegun digunakan untuk maklumat demografi.

Rakaman dibuat berdasarkan situasi yang telah ditetapkan. Sila rujuk Rajah 3.1: Jadual Data m/s 61. Fokus rakaman ialah pada interaksi sosial yang terjadi di kalangan masyarakat Seletar. Diusahakan sedaya upaya supaya rakaman tidak disedari oleh para peserta interaksi. Jika para peserta menyedari rakaman sedang dijalankan mereka telah pun dimaklumkan akan tujuan rakaman, dan mereka sedia maklum akan hal ini.

3.5.1.3 Cara Wawancara

Teknik wawancara digunakan dalam penyelidikan ini berdasarkan beberapa tahap. Tahap yang pertama ialah sewaktu selesai mengumpul data, dan penyelidik masih mempunyai waktu sebelum meninggalkan lokasi penyelidikan. Pada tahap pertama ini

biasanya usaha mengenalpasti keabsahan data (*validity*) dilakukan ketika masih di lokasi. Tahap kedua ialah ketika semua proses pengumpulan data selesai dikumpulkan. Data-data yang dikenalpasti untuk dilakukan pengabsahan dikumpul dan disenaraikan. Setelah itu, teknik wawancara sekali lagi dilakukan untuk tujuan pengabsahan data. Ini bererti penyelidik harus sekali lagi kembali ke lokasi penyelidikan. Pada tahap kedua ini biasanya jenis wawancara yang digunakan ialah gabungan teknik wawancara standard (*standard interview*) dan teknik wawancara mendalam (*in-depth interview*) seperti yang diistilahkan oleh Asmah (2002: 85-88).

3.6 Kekangan Penyelidikan

Masyarakat Seletar adalah masyarakat yang bergantung hidup kepada laut. Ini bermakna mereka ialah nelayan. Mereka bekerja mencari dan mengumpul pelbagai hasil dari laut. Lazimnya seluruh anggota keluarga terlibat ketika bekerja. Tiada yang ditinggalkan di rumah (di darat), walaupun masih berusia 3-4 hari, bayi juga dibawa ke laut. Waktu turun ke laut ialah di antara pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang bergantung kepada jenis aktiviti yang dipilih berdasarkan gerak hati semata-mata (Samsur, 2005). Berikut di bawah ini dibincangkan kekangan-kekangan yang dihadapi selama menjalankan penyelidikan lapangan.

(1) Aspek teknikal: Perahu yang relatif kecil

Perahu kecil sesuai untuk dinaiki oleh 2 dewasa, 4 kanak-kanak. Rata-rata perahu ini dipacu oleh enjin 15 kuasa kuda. Jika penyelidik menyertai sebuah keluarga turun ke laut dengan perahu yang kecil, penyelidik telah mengambil ruang yang menjadi milik mereka sekeluarga. Ruang yang selebihnya diletakkan peralatan seperti pukut, joran pancing, cangkul, serampang, tong petrol, tong-tong plastik khas untuk hasil ikan, ruangan air untuk pelbagai guna, ruang untuk pakaian, dan makanan. Mereka terpaksa mengalah kerana terpaksa akur dengan permintaan penyelidik dan arahan dari Tok

Batin. Cabarannya ialah penyelidik berdepan dengan ruang yang sempit. Pergerakan menjadi terbatas. Peralatan rakaman tidak dapat dimaksimumkan penggunaannya. Cara penyelesaiannya, penyelidik terpaksa memilih keluarga yang tertentu yang memiliki perahu dan kapasiti enjin yang lebih besar.

(2) Menjadi beban

Agak sukar untuk mendapatkan keluarga yang bersedia untuk menerima kehadiran penyelidik. Begitu juga jika penyelidik ingin menemui mereka di darat (di sekitar kampung atau di rumah). Pada waktu siang sama ada pagi, tengah hari ataupun petang, sukar untuk menemu bual atau berinteraksi atau membuat rakaman kerana mereka tiada di rumah. Pada sebelah petang mereka akan pulang ke pengkalan sekitar pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang. Ketika mereka sampai di pengkalan, mereka akan menemui peraih ikan yang sentiasa menunggu mereka. Setelah menjual hasil dari laut tersebut mereka akan membeli makanan (nasi atau mee atau kuih muih). Sementara anak-anak mereka akan diberikan sejumlah wang untuk membeli makanan mereka sendiri biasanya minuman bergas dan makanan ringan. Sebaik saja semua ahli anggota mendapatkan keperluan masing-masing, mereka pulang ke rumah untuk berehat. Penyelidik berdepan dengan persoalan etika sama ada untuk memberi mereka sejumlah wang atau pun tidak. Bagi mengatasi masalah ini, penulis memberikan mereka saguhati dalam bentuk beras dan lain-lain barangan keperluan serta wang untuk membeli petrol.

(3) Sisi teknikal pada teori dan pendekatan: Menghindarkan diri dari terlibat dalam peristiwa bahasa yang dirakam

Hampir keseluruhan aspek pengumpulan data mengamalkan teori penyelidikan lapangan (Etnografi). Penyelidik memilih untuk secara *aktif ikut serta* dalam setiap aktiviti harian mereka. Penyelidik yang aktif berpartisipasi di dalam aktiviti interaksi sosial, dikekang oleh persoalan etika untuk tidak berada atau terlibat di dalam mana-mana peristiwa bahasa bagi membolehkan data tersebut dianalisis. Adakah ini dilema

pendekatan “*active participation*”? Penyelidik merasakan bahawa tugas sebagai penyelidik haruslah bersandarkan kepada sikap yang tidak memihak kepada mana-mana atau netral. Penyelidik harus fokus kepada tujuannya menjalankan penyelidikan yakni untuk mengumpul segala maklumat secara “*first hand*”. Sementara itu pula, setiap anggota masyarakat di kampung ini telah menerima kehadiran penyelidik berdasarkan “*rapport*” yang telah terbina sekian lama. Penyelidik telah sama-sama berdepan dan berkongsi rasa, emosi dalam pelbagai keadaan bukan hanya hal-hal yang menggembirakan malah juga hal-hal yang mendukacitakan. Sungguhpun demikian penyelidik berusaha untuk kekal tidak berpihak khususnya mengenai perkara yang berkaitan dengan hubungan di antara masyarakat Orang Seletar dengan pihak JHEOA. Oleh itu, menghindar diri dari menyertai aktiviti interaksi sosial adalah perkara yang tidak dapat dilakukan memandangkan *nature* penyelidikan ini, penyelidik aktif mengumpul maklumat dalam pelbagai peristiwa mahupun kegiatan harian. Berdasarkan keterangan ini, berikut dinyatakan tiga teks yang dirakam yang melibatkan penyelidik. Teks itu ialah Teks 1: JI menunggu suami, Teks 3: Pak XX, dan Teks 4: Keluhan BN. Penglibatan penyelidik di dalam Teks 1, Teks 3 dan Teks 4 adalah penglibatan tidak aktif atau terhad. Penyelidik sekadar menyatakan sama ada faham, menyokong, atau bersetuju dengan mengatakan “*ermmm... dan Oooo...*”. Manakala teks yang tidak melibatkan penyelidik ialah Teks 2: Ucapan TB, Teks 5: Jual Beli, Teks 6: Mesyuarat. Sungguhpun penyelidik terlibat secara langsung dalam Teks 1, 3, dan 4, namun tidak dapat dikesan adanya gangguan kepada penutur (lawan bicara) dengan keberadaan penyelidik. Penutur selaku lawan bicara kepada penyelidik dapat berbicara dengan lancar beserta dengan aspek *gesture*.

3.7 Pendekatan dan Justifikasinya

Secara keseluruhannya penyelidikan ini menampilkan pelbagai teori dan pendekatan bagi menghasilkan penyelidikan yang holistik. Pemilihan teori dan pendekatan dibuat berdasarkan kelebihan-kelebihan yang dimiliki. Oleh itu, penyelidikan ini menampilkan Teori Semiotik Sosial sebagai teori teras dan digandingkan dengan teori dan pendekatan lain seperti Etnografi, Demografi dan Visual Antropologi.

Keunggulan yang dimiliki oleh Semiotik Sosial berbanding teori lain ialah keupayaan dan kebolehannya untuk diintegrasikan dengan teori dan pendekatan lain. Ciri ini jarang ada pada teori yang berteraskan kajian kepada aspek *le langue*. Aspek pengintegrasian memberi nafas baru kepada penyelidikan bahasa pada masa kini, yang masih kurang memberikan perhatian kepada kaedah multidisiplin. Jika penyelidikan bahasa secara umumnya masih berkisar mengenai *le langue* apatah lagi penyelidikan terhadap bahasa-bahasa yang diancam pupus yang sememangnya masih belum mempunyai kerangka kajian yang mencapai tahap piawai sehingga boleh dijadikan sebagai model penyelidikan.

Teori Semiotik Sosial menganjurkan supaya aktiviti lisan (interaksi sosial) diperhatikan berdasarkan konteks situasi dan konteks sosial. Konteks ini dapat dikesan melalui sumber semiotik iaitu wacana, gaya, modaliti dan genre. Sungguhpun demikian sumber semiotik, genre tidak akan dibincangkan di dalam penyelidikan ini berdasarkan beberapa sebab. Di antara sebab yang paling utama ialah perbincangan mengenai genre akan menjadikan penyelidikan ini terlalu luas. Oleh itu satu penyelidikan khusus mengkaji genre dicadangkan kepada sesiapa yang berminat pada masa akan datang.

Teori Semiotik Sosial mengkaji wacana berdasarkan kepada unsur-unsur wacana, senario wacana serta struktur perbualan (dalam wacana). Selanjutnya teori ini

membahas sumber semiotik yang berasaskan kepada gaya. Gaya terdiri daripada gaya individu, gaya sosial dan gaya hidup. Terakhir sekali sumber semiotic yang dikaji ialah modaliti. Modaliti di dalam penyelidikan ini akan disorot berdasarkan modaliti bahasa dan modaliti visual. Oleh itu pertuturan masyarakat Seletar akan dikaji berdasarkan tiga sumber semiotik iaitu wacana, gaya dan modaliti. Sila lihat Rajah 3.4 yang merupakan gambaran reka bentuk penyelidikan ini.

Teori Semiotik Sosial merupakan teori yang sangat sesuai bagi mengkaji bahasa-bahasa yang tergolong pupus seperti bahasa Seletar ini kerana, teori ini tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek *le langue* malah juga aspek *le parole*. Secara umumnya, penyelidikan bahasa dewasa ini, sering memberi tumpuan kepada *le langue* iaitu struktur bahasa dan sistemnya. Teori Semiotik Sosial memberi kelainan dalam penyelidikan bahasa kerana keluar dari kelaziman biasa dengan memberikan pemberatan kepada *le parole*. Oleh itu, teori Semiotik Sosial berusaha untuk menyingkap makna yang ada disebalik proses interaksi sosial yang terjadi serentak dengan pertuturan seperti pergerakan anggota badan, pergerakan tangan, pergerakan kepala, dan pergerakan otot-otot muka.

Teori ini juga menterjemahkan maksud penggunaan ruang, posisi, dan jarak sebagai unsur penonjolan kuasa. Teori ini dapat mengesan sebarang maksud tersebut diperingkat awal lagi. Teori-teori lain yang berpusat kepada *le langue*, tidak dapat atau tidak mampu berbincang tentang perkara ini kecuali jika menemukan perkataan-perkataan khususnya GND diri tertentu yang merujuk kepada penutur kepada pendengar atau GND yang digunakan oleh penutur bagi merujuk kepada dirinya sendiri. Dalam hal ini teori Semiotik Sosial lebih unggul berbanding teori lain.

Selanjutnya, pendekatan etnografi digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan interaksi sosial dalam kehidupan harian mereka. Oleh itu, interaksi sosial sesama anggota masyarakat mahu pun dengan orang luar terikat pula dengan konteks (situasi dan budaya). Jadi interaksi sosial ini ditentukan oleh aturan-aturan sama ada oleh nilai-nilai atau norma-norma yang ada di dalam masyarakat. Dengan demikian data yang dikumpul ini merupakan data kebahasaan dan data etnobudaya.

Sementara itu pula, pendekatan demografi digunakan bagi mendapatkan data atau maklumat mengenai jumlah penduduk, struktur organisasi, ekonomi, pendidikan, agama dan lokasi penempatan. Data-data ini kemudian diproses dan diterjemahkan dalam bentuk statistik dan carta-carta tertentu. Hampir keseluruhan data ini dimuatkan ke dalam Bab 4 iaitu Dapatan Etnografi.

Selanjutnya, bagi mengoptimumkan kedua-dua jenis pendekatan ini, pendekatan sampingan digunakan iaitu visual antropologi. Sungguhpun ia merupakan sebuah pendekatan namun kedudukan visual antropologi dalam penyelidikan ini hanyalah sebagai alat atau *medium* penyelidikan yang bersifat teknik sahaja. Maksudnya, data etnografi dan demografi dikumpulkan dengan menggunakan teknik rakaman seperti yang dianjurkan oleh visual antropologi. Dalam hal ini penggunaan alat perakam video, dan kamera dioptimumkan penggunaannya. Oleh sebab itu, pada beberapa peristiwa bahasa, rakaman dibuat dengan menggunakan dua buah perakam video serentak bagi mendapatkan perspektif yang berbeza. Sementara itu, penggunaan kamera pegun diupayakan penggunaannya mengikut saranan visual antropologi bagi merakam gambar yang benar-benar mampu bercerita tentang kandungannya atau objeknya sesuai dengan slogannya "*a picture worth a thousand word*". Oleh itu, di dalam penyelidikan ini, beberapa keping gambar ditampilkan bagi mengukuhkan suatu perbincangan.

Sebagai kesimpulannya, pengintegrasian Semoitik Sosial dengan teori dan pendekatan lain dalam penyelidikan terhadap bahasa-bahasa yang diancam pupus ini, walaupun pertama kali dilakukan, namun telah berjaya menghasilkan dua dapatan sekaligus iaitu dapatan kebahasaan bahasa Seletar dan juga dapatan etnografi masyarakat Seletar. Setakat ini belum ada mana-mana penyelidikan di Malaysia yang mencapai tahap seperti ini.

3.8 Konvensi Transkripsi

Terdapat beratus-ratus jenis transkripsi yang digunakan oleh para ahli dalam perbagai penyelidikan ilmu sosial. Semuanya memberikan penekanan dan perincian berdasarkan kepada kehendak dan keperluan masing-masing penyelidikan. Salah satu dari sekian banyak konvensi transkripsi itu ialah seperti yang dilakukan oleh Tannen (1989). Pemilihan konvensi transkripsi Tannen ini ialah berdasarkan kepada kesamaan indikasi yang diberikan kepada teks sejak di awal transkripsi data lagi. Oleh itu, konvensi transkripsi Tannen telah dilakukan adaptasi oleh penyelidik berdasarkan batas dan keperluan. Mana-mana bahagian yang penyelidik fikir tidak bersesuaian atau tidak perlu dalam erti kata memadai, penyelidik tidak menggunakannya ketika melakukan transkripsi. Sungguh pun demikian, sebagai rujukan, konvensi transkripsi Tannen yang asal dan lengkap ini dilampirkan di bahagian akhir penulisan ini (Appendix). Berikut di bawah ini ialah cara konvensi transkripsi digunakan.

.	merujuk kepada intonasi akhir (noktah)
,	merujuk klausa akhir yang akan disambung
-	merujuk kepada intonasi exclamatori
...	titik tiga menandakan berhenti kurang dari 7 saat
..	titik dua menandakan berhenti ½ hingga 1 saat
CAPS	huruf besar sepenuhnya merujuk kepada nada, tone yang tinggi (marah, tengking, herdik dsb)
xXXXXx	ketawa
/##/	pertuturan yang tidak jelas
/#?#/	terlalu ramai yang bercakap sehingga tidak dapat mengesan apa-apa perkataan
?	merujuk kepada bunyi glotal
a	bunyi vokal di depan atau ditengah (ana?)
e	bunyi vokal “a” di akhir kata (dialek selatan: kite = kita)
O	bunyi “r” di depan atau di belakang disejajarkan dengan bunyi “r”
ay	bunyi diftong “ai”
-?-	merujuk kepada penggalan di antara suku kata (da?at = darat)
[merujuk kepada pengulangan sama ada kata, frasa

3.9 Sampel Analisis

Berikut di bawah ini dibincangkan dua tahap analisis data

3.9.1 Pemilihan Teks

Teknik acak digunakan untuk mengambil sebahagian dari sejumlah data yang telah siap sedia (setelah melalui pemprosesan seperti identifikasi, klasifikasi dan diberi tanda) untuk dianalisis. Data telah diberi penanda seperti, SSlog (1*, 2, 3, 4, 5*, 7, 8, 9, 10*, 11, 12, 13), SJbKlog (1, 2, 3), SJbKllog (1, 2, 3, 4, 5), SJbPUlog (1, 2, 3, 4, 5), SJbISlog (1, 2, 3, 4, 5, 6), SJHElog (1, 2, 3), SJbrlog (1, 2, 3*, 4), SRmlog (1, 2, 3, 4, 5, 6, 7), SRjlog (1, 2, 3), SRklog (1, 2, 3, 4, 5), SRplog (1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12), SUlog (1, 2, 3*, 4, 5, 6, 7*, 8, 9, 10) dan Smlog (1*, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13)

Perhatikan langkah-langkah berikut:

(1) Cabutan teks dibuat secara acak. Walaupun pemilihan teks dibuat secara acak namun beberapa ketentuan berikut diambil kira. Di antaranya ialah, (a) jenis situasi- dialog, ucapan, nyanyian, dan mesyuarat (b) peristiwa- santai, jual beli, rutin harian, memberi amanat atau nasihat, keluhan, (c) tempat dirakam di luar rumah atau di dalam rumah, (d) siapa yang terlibat- Tok Batin, anggota masyarakat biasa lelaki atau perempuan.

Ketentuan-ketentuan dalam pemilihan teks mampu memberikan gambaran mengenai kepelbagaian dan keanekaragaman teks. Oleh itu analisis dilakukan terhadap teks yang tidak sama. Masing-masing teks mempunyai keunikan yang tersendiri yang tidak sama dengan teks yang lain dari semua segi (ketentuan a-d).

Hasilnya, teks yang pilih itu ialah teks yang diberi tanda (*) dibelakang nombor kodnya. Jadi teks-teks itu ialah S1rlog1*, SUlog3*, SSlog5*, SSdrlog10*, SJbrlog 3* dan Smlog1*. Jumlah teks yang dipilih ialah lima teks.

Kesemua teks yang dipilih ini ditulis kembali secara lengkap seperti pada Teks 1 (SS1rlog1), Teks 2 (SUlog3), Teks 3 (SSlog5), Teks 4 (SSlog10), Teks 5 (SjbKllog3) dan Teks 6 (Smlog1)

3.9.2 Analisis Teks

Analisis dilakukan berdasarkan soalan kajian yang telah ditetapkan seperti pada 1.5 Soalan Kajian m/s 16. Analisis ini dilakukan untuk mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan berikut: (1) Apakah jenis-jenis Wacana yang terdapat dalam pertuturan masyarakat Seletar dari aspek-aspek SS? (2) Bagaimanakah ketiga-tiga unsur Gaya SS

boleh digambarkan dalam pertuturan masyarakat Seletar?, dan (3) Bagaimanakah unsur-unsur modaliti wujud dalam pertuturan masyarakat Seletar?

Bagi menjawab Soalan Kajian No. 1, analisis teks dari segi wacana dibahagikan kepada 4, iaitu (a) unsur-unsur wacana dalam teks. Perbincangan mengenai unsur-unsur wacana ini berdasarkan kerangka analisis yang dilakukan oleh van Leeuwen (2005: 106 hingga 109). Pembentangan mengenai (b) senario teks merujuk kepada kerangka teori yang dikemukakan oleh van Leeuwen (2005: 114 hingga 115). Manakala perbincangan mengenai (c) analisis teks dari segi struktur perbualan/pertuturan juga merujuk kepada van Leeuwen (2005: 251 hingga 253). Selanjutnya ketiga-tiga bahagian ini dianalisis satu persatu. Sebagai contohnya, pada bahagian (1) Unsur-unsur Wacana yang wujud dalam Teks diperincikan ketujuh-tujuh unsurnya, seperti (1) Aksi, (2) Sikap, (3) Aktor, (4) Persembahan dan Penampilan, (5) Sumber, (6) Masa dan (7) Ruang. Sila lihat Bab 5 m/s: 133 hingga 136 yang menunjukkan pembentangan mengenai perkara (1) hingga (7) yang dimaksudkan. Huraian mengenai (1) hingga (7) ini adalah untuk menggambarkan dengan jelas setiap unsur-unsur wacana tersebut.

Bahasan mengenai (1) Aksi adalah untuk melihat tingkah laku informan ketika itu, misalnya apa yang dilakukan oleh informan ketika dia sedang bercakap mengenai suatu perkara itu (topic), misalnya menggaru-garu kepala, menggosok-gosok ke dua belah tangannya, merokok dan sebagainya. Sementara itu, bahasan mengenai (2) Sikap pula adalah untuk melihat respon atau tindak balas informan terhadap topic. Sikap yang dimaksudkan di sini ialah seperti, acuh tak acuh, bersemangat, kesal, kecewa, tidak puas hati dan sebagainya.

Selanjutnya, mengenai (3) Aktor adalah untuk mengenal pasti informan yang mengambil bahagian memainkan peranan di dalam perbualan tersebut. Kupasan mengenai siapakah aktor yang terlibat ini akan memperlihatkan jenis wacana yang

dimaksudkan. Jika aktornya adalah dominan berbanding aktor-aktor lain dan interaksi yang terjadi ialah sehalu, jenis wacana ini ialah ucapan atau ceramah. Oleh sebab itu pihak yang dominan disebut juga sebagai pengucap sedangkan pihak yang lain dianggap sebagai pendengar. Sementara itu dalam unsur (4) Persembahan dan penampilan perkara yang diperhatikan ialah penampilan fizikal setiap aktor yang terlibat. Maksud penampilan fizikal di sini ialah pakaian yang dipakai, mulai dari baju, seluar, kain sehinggalah kasut, topi, jam tangan, dan sebagainya.

Pada bahagian (5) Sumber akan dibentangkan mengenai apakah unsur-unsur yang fizikal atau benda-benda atau peralatan (sama ada yang digunakan atau yang sedia ada) yang terlibat ketika suatu pertuturan atau perbualan itu. Di antaranya ialah kerusi, meja, tikar getah, lampu, jeti dan lain-lain. Selanjutnya dalam bahagian iaitu (6) Masa, dibincangkan mengenai bilakah suatu perbualan itu berlangsung dan selesai. Selain itu ada juga disentuh mengenai masa secara umum misalnya pagi, tengah hari, petang dan malam. Perkara yang terkahir dibincangkan ialah unsur (7) Ruang. Unsur ruang di sini bermaksud lokasi terjadinya suatu perbualan itu. Perbualan boleh terjadi di mana-mana saja. Di rumah, di laut, di kedai, di padang dan sebagainya. Jika di rumah misalnya perbualan itu berlangsung di dalam rumah di ruang tamu, di ruangan tambahan di depan rumah, di dapur. Jika di luar rumah ruangnya boleh saja terbuka seperti di jeti, di padang, di laut dan sebagainya. Setelah selesai membahaskan kesemua (a) unsur wacana, pembentangan diteruskan dengan membicarakan mengenai (b) scenario teks.

Senario di sini bermaksud rentetan peristiwa yang berlaku secara kronologis di alam teks yang dianalisis. Untuk membincangkan mengenai scenario teks, kesemua tujuh unsur wacana diturunkan kembali. Namun setiap unsur ini diletakkan di dalam kolom masing-masing bagi menunjukkan fungsinya. Setiap unsur ini saling mempunyai

hubungan dengan unsur-unsur yang lain. Tanpa salah satu unsur maka rentetan peristiwa akan menjadi tidak sempurna.

Selanjutnya (c) Analisis Teks dari Segi Perbualan,. Pembentangan ini akan memperkatakan tentang struktur fizikal teks secara mendalam. Ini bermakna, perkara-perkara yang diperhatikan di dalam pembentangan ini ialah (i) jumlah penutur dan jumlah pertuturan yang membina setiap pertuturan tersebut, (ii) jumlah pertuturan dan jenis-jenisnya, (iii) setiap pertuturan diberikan kata kunci tertentu (setiap kata kunci mewakili pula setiap maksud perbualan).

Selanjutnya, sila lihat contoh analisis bagi Soalan Kajian no. 1 mengenai (a), (b), (c) dan (d) di bawah.

Contoh Analisis

Analisis teks dari segi Wacana

Pembentangan mengenai wacana dipecahkan kepada dua bahagian, a) Unsur-unsur Wacana dalam Teks 2 (Ucapan), b) Senario Teks 2, dan c) ciri-ciri bahasa yang dikesan dalam wacana Teks 2.

A. Unsur-unsur Wacana dalam Teks 2

Wacana dalam Teks 2 merangkumi 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya adalah suatu rentetan pertuturan dengan suatu maksud yang jelas. Di antara unsur-unsur itu ialah, (1) Aksi, (2) Sikap, (3) Aktor, (4) Persembahan dan penampilan, (5) Sumber, (6) Masa, dan (7) Ruang. Berikut di bawah ini di bentangkan keseluruhan unsur-unsur tersebut bermula dari unsur (1) hingga (7).

1. Aksi

Tok Batin ABK memanggil anak-anak buahnya yang masih bersekolah dan memberi nasihat kepada mereka atas permintaan pihak sekolah. Berdasarkan maklumat dari pihak sekolah yang mengatakan “anak-anak buah” Tok Batin sering ponteng sekolah. Jadi Tok Batin memberi nasihat, semangat dan menerangkan tentang pelbagai perkara mengenai keuntungan bersekolah.

B. Sikap

Tok Batin menunjukkan sikap yang tegas mengenai masalah ini. Sikap tegas ini dipamerkan sejak mula beliau berucap lagi. Nasihat-nasihatnya disampaikan dengan penuh semangat. Sungguhpun demikian, beliau selang-selikan nada tegas ini dengan humor.

Untuk melihat lebih lanjut pembentangan mengenai (3) Aktor, (4) Persembahan dan penampilan, (5) Sumber, (6) Masa, dan (7) Ruang, sila lihat Dapatan Semiotik Sosial.

2. Senario Teks 2

Senario di sini bermaksud rentetan peristiwa yang berlaku di dalam Teks 2. Ada 7 elemen yang membangun Teks 2 ini. Semua elemen itu terdiri dari unsur-unsur wacana. Setiap unsur ini diletakkan di dalam kolum masing-masing bagi menunjukkan fungsinya. Setiap unsur ini saling mempunyai hubungan dengan unsur-unsur yang lain. Tanpa salah satu unsur maka rentetan peristiwa akan menjadi tidak sempurna.

Parag.	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	Tok Batin	Berucap mengenai kepentingan pelajaran	Serius dan bersemangat	Bermula pada pukul 8.45 mlm	Rumah Tok Batin	Di atas Kerusi kayu	Memberi nasihat dan semangat
	↓						


Untuk membaca senario ini, pada Pertuturan 1, dimulakan dengan menyebutkan Tok Batin (aktor), berucap mengenai kepentingan pelajaran (aksi) dengan serius dan bersemangat (sikap), waktu beliau berucap ialah pada pukul 8.45 malam (waktu) di rumahnya (tempat), sambil duduk di atas kerusi kayu (sumber) bagi memberi nasihat dan semangat (tujuan).

Analisis teks dari segi struktur perbualan

Di dalam jadual berikut, ditunjukkan analisis teks dari segi struktur perbualan. Secara fizikalnya Teks 2 ini terdiri dari lima pertuturan, yang dibina oleh dua puluh tiga pertuturan pelbagai jenis. Paragraf 1, terdiri dari pertuturan 1-11, paragraf 2, pertuturan 12, paragraf 3 (pertuturan 13-14), paragraf 4 (pertuturan 15) dan paragraf 5 terdiri dari pertuturan 16-23.

Setiap pertuturan dinyatakan maksud pertuturannya. Oleh sebab itu, bagi setiap satu dari 23 pertuturan ini mempunyai 23 maksud pertuturannya. Sungguhpun demikian, maksud-maksud pertuturan ini ada yang diulang-ulang namun demikian pengulangan maksud ini memperkemaskan interpretasi kandungan teks.

Sila perhatikan contoh jadual di bawah ini:

<p>L1: (1) haey dengaer...</p> <p>L2: (2) sudah tiga taun aih sekolah</p> <p>L3: (3) kami mengharap aih sekiranya aih dah pandai belajaer, dah pandai meBaca? pelajalan je? lah sekolah je? lah aih kejear cukup-cukup.</p>	<p><i>Seruan</i></p> <p><i>Kes 1</i></p> <p><i>Harapan 1</i></p>	
---	--	---

Huraian bagi setiap kata kunci di atas berdasarkan intisari keseluruhan daripada setiap pertuturan iaitu dari pertuturan nombor 1-23 dalam tanda () dan di dalam baris (L1-66). Kata kunci ini lazimnya diambil daripada salah satu perkataan atau frasa yang terdapat di dalam pertuturan yang mewakili maksud kata kunci tersebut. Contoh seperti di bawah ini.

1. Seruan 1 (1)

Kata kunci ini digunakan bagi merujuk maksud “haey dengaer” yang diucapkan oleh penutur. Dalam hal ini, penutur baru mahu memulakan ucapannya dan meminta supaya pendengar memberi perhatian kepada ucapannya.

Seruan 2 (9)

Penutur dalam pertuturan (9) menyeru dengan berkata “ingat ika pesan Tok batin” yang bermaksud *ingat, ini pesan Tok Batin*. Seruan ini bagi memberi ingatan supaya para pendengarnya memberi tumpuan kepada pelajaran.

2. Kes 1 (2)

Kata kunci ini digunakan bagi merujuk fakta yang dikemukakan oleh penutur. Sungguhpun fakta ini tidak tepat memandangkan ada di kalangan anak-anak sekolah ini yang bersekolah sudah darjah 5, namun fokus seolah-olah diberikan pada anak-anak yang bersekolah darjah 3. Hal ini terjadi demikian kerana “sudah tiga taun aih sekolah”

merupakan generalisasi terhadap tempoh masa. Barangkali maksud penutur ialah “sudah tiga taun” bermaksud “sudah sekian lama”.

3.9.3 Aspek Teknikal Perbincangan Analisis Struktur Perbualan dan Senario Teks

Perbincangan mengenai analisis struktur perbualan terlebih dahulu akan menjelaskan tentang kedudukan paragraf. Paragraf dalam perbualan yang singkat identik dengan pertuturan itu sendiri. Bezanya ialah paragraf tidak membawa maksud yang sama dengan kata kunci pada satu-satu pertuturan itu tetapi paragraf dapat diasosiasikan sebagai kerangka luar pertuturan itu. Dengan kata lain, dapatlah dikatakan bahawa paragraf itu terdiri dari kepala (permulaan), badan (isi), kaki (penutup). Oleh itu, paragraf 1, dalam Teks 1 misalnya mewakili maksud sapaan atau basa basi bagi memulakan perbualan. Paragraf boleh terdiri dari hanya satu pertuturan malah boleh juga lebih dari satu. Semua keadaan paragraf ini bergantung kepada jenis wacana. Jika sebuah wacana itu sederhana panjang (misalnya ucapan: Teks 2) paragrafnya terdiri daripada beberapa pertuturan. Sementara itu, bagi wacana panjang seperti mesyuarat misalnya, paragraf tidak lagi digunakan tetapi sebaliknya digunakan istilah lain iaitu bahagian. Setiap bahagian ini dapat pula terdiri dari beberapa paragraf, manakala setiap paragraf itu terdiri dari beberapa pertuturan. Paragraf yang baru dapat dikenal pasti melalui celahan atau pengambilan giliran.

Pembentangan mengenai senario teks memang pada dasarnya berpandukan kepada tujuh unsur wacana iaitu (1) aksi, (2) sikap, (3) aktor, (4) persembahan dan penampilan, (5) sumber, (6) masa dan, (7) ruang. Sungguh pun demikian, pembentangan senario teks tidak memasukkan unsur ke (4) persembahan dan penampilan tetapi sebaliknya menggantikan unsur ini dengan tujuan. Rasional pengguguran unsur ke 4 ini ialah kerana unsur persembahan dan penampilan ini tidak berubah. Ketika terjadinya proses interaksi sosial, penutur tampil dengan apa adanya dari segi pakaian, perhiasan diri, dan cara

membawa diri (bergaul) termasuk juga aspek lain misalnya kesantunan. Justeru itu, sepanjang berlangsungnya interaksi sosial, penampilan fizikal termasuk pakaian (baju, seluar, kasut, selipar, topi, tudung tidak berubah), bentuk rambut, solekan tidak berubah. Ketiadaan perubahan pada aspek persembahan dan penampilan menjadikannya tidak perlu dibincangkan sebaliknya menggantikan aspek tersebut dengan memasukkan aspek tujuan. Pembincangan tentang unsur tujuan lebih relevan kerana setiap pertuturan itu mempunyai tujuan yang tertentu. Selanjutnya, setiap tujuan itu dapat menggambarkan perkembangan pertuturan secara kronologi. Sila lihat perbincangan van Leeuwen (2005: 113 hingga 115) mengenai senario teks yang menjadi acuan kepada pembentangan senario teks dalam penyelidikan ini.

Sementara itu pula, pembentangan diteruskan dengan mencari jawapan bagi Soalan Kajian no. (2) Bagaimanakah ketiga-tiga unsur Gaya SS boleh digambarkan dalam pertuturan masyarakat Seletar? Pembentangan mengenai aspek gaya ini dilakukan seperti contoh di bawah ini:

Contoh Analisis dan Pembentangan mengenai soalan kajian no. 2: Gaya

Gaya

Aspek gaya dibentangkan di sini adalah (1) gaya individu, (2) gaya sosial dan (3) gaya hidup atau disebut juga *lifestyle*. Pembentangan ketiga-tiga aspek gaya ini akan memperjelaskan lagi maksud Teks 2, baik dari segi kandungan teks mahupun latar belakang masyarakat ini.

Gaya Individu

Tok Batin ABK menjawat jawatan Tok Batin sejak 1995 hingga 2008. Pada tahun 2008 beliau meninggal dunia digantikan oleh Tok Batin KK.

ABK adalah sosok pemimpin masyarakat Seletar yang disegani oleh anak buahnya. Namun beliau sangat akrab dengan anggota masyarakatnya.

Gaya Sosial

Keakraban dan keramahan Tok Batin ABK terhadap anggota masyarakatnya ketara dengan gaya pengucapannya, dan penampilannya di depan anak-anak buahnya. Beliau tampil dengan berpakaian yang bersahaja. Maksud berpakaian secara bersahaja ini ialah mengenakan kain sarung pelikat dan berbaju kemeja yang lusuh. Kehadiran anak-anak (sekolah) ke rumahnya adalah atas permintaan (perintah) dari beliau sendiri yang menerima arahan dari pihak Sekolah mahupun pihak JHEOA.

Ucapan beliau mengandungi nasihat, teguran dan kata-kata perangsang itu disampaikan oleh beliau sambil duduk di atas kerusi sedangkan anak-anak (sekolah) duduk di lantai dengan jarak kira-kira 1.5 meter. Modaliti yang dipaparkan ini menunjukkan perbezaan status di antara aktor dengan pesertanya.

Gaya Hidup

Pembicaraan mengenai gaya hidup ini dipecahkan kepada dua iaitu (1) berdasarkan bahasa yang digunakan dan (2) berdasarkan penampilan diri di depan khalayak.

Gaya hidup berdasarkan bahasa

Jika gaya individu merupakan wujud keakuan diri individu yang tercermin melalui tutur katanya, gaya sosial pula ialah gaya yang berkaitan dengan tanggungjawab, dan peranan terhadap masyarakatnya. Gaya hidup adalah gabungan dari dua gaya yang dinyatakan itu. Dengan lain perkataan, aktor dapat dilihat gayanya berdasarkan ciri-ciri individualnya, peranan, tanggungjawab dan status dalam masyarakat serta lumrah aktor menjalani kehidupannya sebagai anggota masyarakat.

Dalam kehidupan sehari-hari, Tok Batin (status sosial) menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Beliau juga turun ke laut, bekerja sebagai nelayan. Justeru itu, jika dilihat penggunaan GN misalnya, beliau pastinya lebih banyak menggunakan GN kami dan kita. Namun jika ada perkara yang berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai Tok Batin, GN diri khususnya yang digunakan iaitu *am*. Hanya GN *am* membezakan aktor dengan anggota masyarakatnya.

Bahagian terakhir dari analisis ini ialah bagi menjawab Soalan kajian no. (3) Bagaimanakah pertuturan masyarakat Seletar menunjukkan Modaliti yang wujud di antara ahli-ahli masyarakat? Bahasan mengenai Modaliti ini akan dipecahkan kepada dua iaitu Modaliti Linguistik dan Modaliti Visual. Untuk memahami gerak kerja dan langkah-langkah yang diambil sila perhatikan contoh analisis mengenai Soalan Kajian no. 3, seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

Contoh Analisis Soalan Kajian No. 3

Modaliti yang dikenalpasti di dalam teks dipecahkan dua iaitu Modaliti Linguistik dan Modaliti Visual

Contoh potongan teks (caption) seperti berikut.

Modaliti linguistik dan visual.

Dalam pertututan 3, 4, dan 5 di bawah ini, masing-masing menonjolkan unsur kuasa. Penonjolan unsur ini terjadi secara sengaja mahupun tidak sengaja. Namun demikian sangat sukar menentukan aspek linguistik yang mewakili paparan unsur kuasa ini kecuali dengan menampilkan secara serentak huraian mengenai modaliti linguistik dan visual. Sila perhatikan visual di bawah ini.

1.44

Tok Batin: (3) kita **tak** dibuli melayu, kita **tak** dibulikan cina, kita **tak** boleh dibohongi lagi pasal dah boleh membaca, aih dah pandai membaca. Dalam satu surat iye... ika tak tau baca, ung kalau tak tau membace, kita yang kene tipu, tau? kita yang kena tipu, ... 1.50

Visual 3



Modaliti Linguistik (3)

Dalam pertuturan 3, dapat dikesan keselarian dan kesejajaran tuturan yang diujarkan dengan yang kelihatan pada video. Berikut adalah pertuturan yang diambil bagi mewakili ekspresi yang diluahkan oleh Tok Batin dalam enam saat (1.44 hingga 1.50). Kata yang dihitamkan di bawah mewakili kesejajaran penonjolan unsur kuasa beliau. Kata **tak** diulang penggunaanya sebanyak tiga kali. **Tak** bermaksud tidak dan tergolong dalam kategori *Kata Nafi*. Oleh itu kata **tak** inilah yang dimaksudkan sebagai modaliti linguistik.

1.44 “ kita **tak** dibuli melayu, kita **tak** dibulikan cina, kita **tak** boleh dibohong lagi pasal aih dah boleh membaca, aih dah pandai membaca”1.50

Modaliti Visual (3)

Modaliti visual 3, adalah pergerakan tangan Tok Batin (sila lihat Visual 3 di atas) yang bergerak dalam posisi yang tinggi dan pergerakan ini dibuat dalam pusingan (jam) sebanyak tiga kali sejajar dengan modaliti linguistik **tak** yang diungkapkan sebanyak tiga kali. Setiap kali kata **tak** diujarkan, kedudukan tangan berada di puncak pusingan

tertinggi (dalam pusingan arah jam). Modaliti visual ini bertahan selama 6 saat. Ini sejajar dengan kedudukan Tok Batin sebagai pemimpin masyarakat.

3.11 Definisi Operasional

Penulisan ini banyak melibatkan istilah-istilah Sosio-Semiotik. Semua istilah-istilah yang digunakan dibentangkan di sini agar salah faham dan salah mengerti dapat dihindari. Berikut di bawah ini diperturunkan satu demi satu istilah tersebut dalam konteks aplikasinya di dalam penulisan ini.

1. Proses sosial lisan atau lisan adalah bentuk penggunaan bahasa yang berlangsung dalam aktiviti seharian seperti rutin harian di laut, dan di darat masyarakat Seletar di Kampung Bakar Batu.
2. Konteks situasi adalah lingkungan jasmani yang menjadi latar belakang pertuturan masyarakat Seletar, yang meliputi topik, suasana, hubungan di antara pelibat, dan bentuk bahasa yang digunakan.
3. Konteks budaya adalah norma, nilai, kepercayaan dan konsep yang mengarah atau memandu masyarakat Seletar dalam berperilaku ketika bertutur kata.

4. Intimate

Dalam bahasa Melayu, kata ini dapat diterjemahkan maksudnya menjadi akrab. Teori *proxemics* yang dikemukakan oleh Hall (1963), berpendapat bahawa, akrab ini mengambil kira jarak atau kedudukan atau kedekatan di antara dua atau lebih secara semula jadi tanpa mengambil kira bau, kehangatan tubuh badan dan juga sentuhan. Interaksi berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Jarak kedudukan peserta dalam sesuatu interaksi itu ialah di antara 0 inci hingga 18

inci. Jarak 0 inci menunjukkan kedudukan peserta interaksi itu bersentuhan di antara satu sama lain. Jarak 18 inci adalah jarak yang terjauh bagi maksud akrab ini kerana jarak lebih daripada itu tidak lagi dianggap akrab. Elemen ini akan digunakan dalam perbincangan mengenai modaliti bagi menjawab soalan kajian 3

5. Personal

Personal merujuk kepada maksud dalam bahasa Melayu sebagai kepribadian. Pembicaraan mengenai jarak sosial personal ini mengambil kira had atau batas (termasuk jarak dan kandungan percakapan) interaksi. Hall (1963) menetapkan jarak sosial bagi personal ialah 18 inci ke 4 kaki. Jika had dan batas ini dilanggar atau dicerobohi, kemungkinan lawan bicara yang mentafsir demikian akan keluar dari interaksi tersebut. Elemen ini akan digunakan dalam membincangkan modality bagi menjawab soalan kajian 3.

6. Sosial

Jarak sosial dalam pelbagai interaksi sangat bergantung kepada apa yang boleh dilihat dan boleh didengar. Urusan jual beli misalnya adalah termasuk di dalam jarak sosial ini yang jaraknya telah diperkirakan di antara 4 kaki hingga 10 kaki. Pada jarak yang begini, mata boleh menatap kepada keseluruhan muka sama masing-masing (peserta). Lazimnya, dalam jarak sosial ini, tiada apa-apa kesan yang berlaku jika peserta tidak memberi perhatian kepada peserta yang lain. Ini selanjutnya membolehkan peserta untuk keluar dari perbualan (jika ada). Elemen ini akan digunakan dalam membincangkan modality bagi menjawab soalan kajian 3.

7. Public

Jarak sosial bagi kategori public ini adalah dalam lingkungan 10 kaki dan lebih. Biasanya dalam jarak ini, tidak dapat lagi dikesan nuansa makna pada wajah atau juga nada (tone) suara jika ada perubahan. Mata pula boleh menatap atau memandang keseluruhan badan dengan pandangan sekali imbas. Jarak sosial ini adalah jarak kebiasaan bagi dewan kuliah, mesyuarat yang dihadiri oleh ramai peserta atau pun interaksi dengan tokoh penting sehinggalah mereka ini mengajak untuk para peserta untuk duduk lebih dekat dengannya. Elemen ini akan digunakan untuk membincangkan aspek modaliti bagi menjawab soalan kajian 3

3.11 Kesimpulan

Pembentangan Bab 3 ini dimulakan dengan penghuraian dan pentafsiran kehendak yang terkandung di dalam soalan kajian. Setelah itu, dibincangkan pula aturan-aturan yang merupakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjayakan penyelidikan ini. Selanjutnya, dikemukakan dan dibincangkan jenis dan sumber data. Pembentangan Bab 3 ini diakhiri dengan perbincangan mengenai pengumpulan data dan analisis data.

BAB IV

DAPATAN ETNOGRAFI

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Etnografi dan Demografi masyarakat Seletar. Perbincangan merangkumi Struktur Masyarakat Seletar yang terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu bahagian kecil iaitu Batin, Pawang, dan Orang Tua. Selanjutnya dibentangkan kehidupan seharian yang merangkumi Keluarga dan Perkahwinan. Setelah itu dibentangkan perkara berkaitan dengan Ekonomi, Pendidikan, Kebudayaan, Agama dan Kepercayaan.

4.2 Sumber Maklumat

Maklumat mengenai Dapatan Etnografi dikumpul melalui beberapa kaedah. Antaranya ialah wawancara, pengamatan dan rakaman visual serta kajian literasi. Wawancara dilakukan ke atas tokoh-tokoh masyarakat di antaranya ialah Tok Batin, Pawang, Orang-orang Tua dan beberapa anggota masyarakat yang dipilih dan disaring terlebih dahulu. Selanjutnya, maklumat dikumpul melalui pengamatan dan rakaman visual ketika masyarakat ini menjalani kehidupan harian mereka. Sementara itu, sumber yang terakhir ialah melalui kajian literasi yang berkaitan dengan masyarakat ini terutamanya yang mempunyai merit yang tinggi seperti yang diterbitkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sumber lain ialah dari Mohd. Shariffudin Yusof (2013). Maklumat yang dikumpul seterusnya dirujuk kepada maklumat yang tertulis bagi membandingkan keabsahannya, perbezaannya mahu pun perubahannya.

4.3 Struktur Masyarakat

Berdasarkan penelitian di Kampung Bakar Batu, Mukim Perling, Daerah Johor Baharu, masyarakat Seletar secara umumnya terbahagi kepada empat iaitu Tok Batin, Pawang, Orang Tua, dan Masyarakat Biasa.

4.3.1 Tok Batin

Beliau ialah ketua kampung yang juga ketua masyarakat di perkampungan Orang Asli. Tok Batin ialah jawatan yang diiktiraf oleh kerajaan negeri dengan perkenan Sultan. Antara tugas Tok Batin ialah mentadbir dan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat ini. Tok Batin menjadi penghubung antara masyarakat dengan kerajaan negeri serta Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Sejak dari tahun 1968 sehingga sekarang jumlah Tok Batin bagi Kampung Bakar Batu ialah lima orang, iaitu Toh bin Balun (1968 hingga 1974), Balun bin Top (1974 hingga 86), Kassim Bin Balun (1986 hingga 1998), Awang Bin Kassim (1998 hingga 2009) dan Tok Batin sekarang ialah KK (2009).

KK dilantik menjadi Tok Batin setelah Tok Batin sebelumnya iaitu Awang Bin Kassim meninggal dunia pada 2009. KK dipilih melalui mesyuarat dan pengundian peringkat Kampung Bakar Batu pada Ogos 2009. Sama seperti semua pemilihan Tok Batin sebelum ini, masyarakat sendiri yang memilih melalui pungutan suara atau undi.

Lazimnya seseorang yang dipilih menjadi Tok Batin memiliki beberapa kriteria seperti berikut: (1) mempunyai keturunan Tok Batin, (2) mempunyai kelebihan baik kekuatan fizikal mahupun kekuatan mental. (3) menjadi pemimpin ketika berdepan dengan masyarakat luar lingkungan komuniti Orang Asli, (4) pandai bergaul dengan semua anggota masyarakat sama ada masyarakat Orang Asli mahupun masyarakat luar, (5)

menunjukkan contoh yang baik seperti rajin bekerja, dan (6) mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh berbanding anggota masyarakat.

Kriteria (1) dan (6) bukan syarat tetapi kelebihan kepada calon Tok Batin. Kriteria (2), (3), (4) dan (5) dianggap sangat penting kerana Tok Batin mestilah memiliki sifat-sifat berwibawa secara semula jadi. Kriteria (6) adalah kriteria baharu memandangkan kecenderungan masyarakat Seletar di Kampung Bakar Batu dan juga beberapa kampung lain. KK terkenal di kampung ini berdasarkan kriteria (2), (3), (4), (5) dan (6). Namun demikian, kriteria yang lebih menonjol mengenai KK ini ialah kriteria (5) dan (6).

4.3.1.1 Tok Batin KK

KK mula berniaga kecil-kecilan seperti lazimnya dilakukan oleh Orang Seletar di kampung mereka. Dia menjual perumpun yakni sejenis cacing sebagai umpan untuk memancing. Namun begitu, beliau berbeza dengan kebanyakan Orang Seletar di kampungnya kerana beliau selalu mencuba untuk mempelbagaikan jualannya seperti nasi lemak bungkus, mee goreng, ayam goreng, dan pelbagai jenis makanan ringan. Hasilnya beliau menjadi orang pertama mampu membeli sebuah van untuk kegunaannya dan keluarga. Van juga biasa digunakan untuk membantu orang kampung ke bandar yang letaknya kira-kira sembilan kilometer dari kampung. Van ini juga biasa digunakan jika ada kecemasan, misalnya menghantar penduduk kampung yang sakit dan memerlukan rawatan segera.

KK membuka kedai runcit di rumahnya pada tahun 1998 secara kecil-kecilan. Dua tahun setelah itu, kerajaan pusat membina 23 buah rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT Fasa 1) dan beliau juga menerima sebuah rumah bagi menggantikan rumah kayu sedia ada yang uzur, yang dibina sendiri olehnya. KK terpaksa membina sebuah kedai untuk meneruskan perniagaannya kerana rumah PPRT tidak sesuai untuk

dijadikan kedai kerana ruangnya terhad. Dengan modal terkumpul selama dua tahun, beliau membina sebuah kedai yang mempunyai dua ruangan yang selesa untuk berniaga runcit dan makanan.

Pada tahun 2002 perniagaan runcit KK mula menampakkan hasil. Beliau seterusnya membina sebuah kedai panggung di tepi sungai berdekatan dengan rumah dan kampungnya. Di kedai ini KK dan isterinya Yang Binti Tom berniaga makanan seperti nasi dan lauk pauk serta beberapa jenis makanan gorengan panas. Pada bulan Mac 2002 kedai panggungnya dipukul angin puting beliung. Kedai itu rosak teruk, sebahagian daripada struktur bangunannya roboh. KK berhenti berniaga makanan dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada perniagaan runcit.

Kejayaan KK didorong oleh isterinya Yang Binti Tom serta dua orang anaknya IK dan Ak serta menantunya Jle dan BN . Anak dan menantunya rajin bekerja dan selalu berusaha untuk menambah pendapatan keluarga mereka. Berkat kerajinan, mereka masing-masing mampu memiliki sebuah kereta. Tok Batin KK sekeluarga dihormati oleh Orang Seletar bukan sahaja di kampung mereka, malah Orang Seletar di kampung-kampung lain.

4.3.1.2 Tugas dan Tanggungjawab Tok Batin.

Tugas dan tanggungjawab Tok Batin membezakannya daripada masyarakat biasa. Antaranya, Tok Batin menjadi tumpuan anggota masyarakat untuk menyatakan atau menyampaikan segala permasalahan kehidupan. Beliau selalu harus bersedia mendengar segala permasalahan masyarakatnya dan berusaha menyelesaikannya sendiri dan seterusnya mengajukan permasalahan tersebut kepada pihak yang berkuasa misalnya JHEOA, PDRM, LKIM, Pejabat Daerah dan lain-lain.

Lazimnya, Tok Batin akan memanggil masyarakat kampung untuk bermesyuarat bagi membincangkan apa-apa persoalan yang melibatkan anggota masyarakatnya. Sebagai contoh pada bulan Disember 2009, seorang kanak-kanak mengidap penyakit demam denggi, Tok Batin telah diminta untuk bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran dan Kerajaan Tempatan Perling untuk mengadakan gotong-royong bagi membersihkan kawasan perumahan dan persekitaran Kampung Bakar Batu.

Dalam mesyuarat tersebut Tok Batin menerangkan hal ini kepada masyarakat dan meminta mereka memberi kerjasama kepada pihak yang berwajib bagi mengadakan gotong royong. Hasil daripada mesyuarat tersebut, anggota masyarakat sebulat suara bersetuju untuk memberikan kerjasama dalam program gotong-royong anjuran MPKT Perling.

Sebagai sebahagian daripada entiti masyarakat, Tok Batin juga harus mencari nafkah. Dalam hal ini, Tok Batin KK sebelum memiliki kedai runcit, beliau juga terpaksa turun ke laut menangkap ikan, mencari ketam, mencari perumpun dan sebagainya sebagai mata pencarian hariannya. Tiada perkara lain yang berbeza antara Tok Batin dengan anggota masyarakatnya. Rumah Tok Batin juga rumah PPRT dan beliau juga bukan dari keturunan Tok Batin. Beliau tidak memiliki atau mengamalkan apa-apa ilmu perubatan atau ilmu-ilmu untuk kekuatan fizikal, namun beliau dihormati dan disukai oleh anggota masyarakatnya.

Dalam satu temuramah dengan Tok Batin Awang Bin Kassim (yang meninggal dunia pada 18 Jun 2009) pada tahun 2008, beliau sering merujuk kepada tradisi warisan Orang Seletar iaitu, orang yang berkuasa, dihormati dan disegani ialah Tok Batin, Pawang dan orang-orang tua kampung.

Dalam hal ini Tok Batin berada di tangga teratas struktur masyarakat Seletar. Tok Batin sangat penting kepada masyarakat Seletar kerana beliau turut menjaga dan memelihara adat dan budaya Orang Seletar. Perihal nikah kahwin, kematian, pelanggaran adat dan penentu hukuman dan denda adalah antara perkara-perkara yang diletakkan di bawah tanggungjawab Tok Batin. Persetujuan, pandangan, dan pendapatnya merupakan sesuatu yang dinanti-nantikan oleh penduduk kampung untuk didengar dan diikuti.

Ketiadaan Tok Batin dalam masyarakat Seletar misalnya akan memberi impak yang besar terhadap kehidupan masyarakat ini memandangkan fungsinya sebagai pemelihara dan pendaulat adat resam masyarakat Seletar. Tok Batin juga mempunyai keupayaan menggerakkan anggota masyarakat Seletar bagi sebarang tujuan. Tok Batin juga merupakan pihak yang pertama berdepan dengan mana-mana pihak luar yang masuk ke kampung mereka. Sebagai contohnya jika seorang orang luar (*ung*) masuk ke kampung untuk apa-apa tujuan sekali pun perlu bertemu dengan Tok Batin terlebih dahulu, jika tidak seluruh masyarakat Seletar akan menghindarkan diri daripada bertemu atau berhubungan dengan orang tersebut. Setelah bertemu dengan beliau, menyatakan tujuan kedatangan serta mendapat keizinan barulah orang berkenaan akan dapat berhubungan dengan penduduk kampung.

Jadi, jelaslah bahawa Tok Batin merupakan benteng hadapan masyarakat yang penting dalam memelihara adat resam, keselamatan dan kebajikan masyarakat Seletar amnya.

4.3.2 Pawang

Definisi Pawang atau Dukun adalah orang tertentu yang memiliki kuasa ghaib dalam bidang pengubatan tradisional yang membezakannya daripada masyarakat umum lainnya. Kemampuan kuasa ghaib itu dicapai atau diperolehi melalui beberapa cara;

ada yang diwarisi daripada datuk atau nenek, ada yang melalui mimpi dan ada yang dipelajari daripada guru secara tidak rasmi.

Tugas dan tanggungjawab pawang atau dukun kepada masyarakat sangat ditentukan oleh keadaan dan perilaku masyarakat tempat pawang itu tinggal. Bagi masyarakat Seletar, pawang dianggap serba boleh, terutamanya dalam hal-hal mistik. Beban yang dipikul oleh pawang juga meliputi segala hal, misalnya mengubati segala macam penyakit, menyelesaikan masalah gangguan di laut (daripada tidak dapat mencari rezeki atau mendapat rezeki yang sedikit), menahan atau menunda hujan, dan sebagainya.

Mengapa Pawang berada pada kedudukan kedua? Pawang yang berkebolehan dihormati oleh anggota masyarakat. Kehebatan pawang tidak pula boleh menyamai tugas atau tanggungjawab Tok Batin. Hal ini demikian kerana, masyarakat Seletar ialah masyarakat yang mengamalkan demokrasi. Jawatan Tok Batin bukan jawatan warisan tetapi dipilih berdasarkan persetujuan dan undian setiap anggota masyarakat. Pawang pula ditentukan oleh keturunannya, yakni mewarisi pengetahuan kepawangannya atau kedukunannya dari zaman ke zaman.

Seorang pawang dikatakan hebat apabila dia paling banyak menyelesaikan apa-apa permasalahan atau persoalan masyarakatnya. Malah kadang-kadang melalui kontak dengan masyarakat di sekeliling, ada masyarakat dari luar yang juga menggunakan perkhidmatannya. Justeru itu, jika perkhidmatannya juga berjaya dinikmati oleh masyarakat dari luar masyarakatnya, beliau akan lebih terkenal dan menjadi tumpuan masyarakat luar daripada pelbagai keturunan.

Pawang atau dukun dianggap penting oleh masyarakat Seletar. Hal ini demikian kerana Pawang merupakan penghubung dengan alam ghaib, makhluk-makhluk halus seperti

hantu, jin dan sebagainya. Beliau berkemampuan untuk mengubati pelbagai penyakit mistik yang tidak dapat dikesan oleh perubatan moden.

Sehingga tahun 2009, terdapat dua orang pawang yang merupakan pasangan suami isteri, iaitu Mat dan Besar Binti Palon. Besar Binti Palon meninggal dunia pada April 2010.

4.3.3 Orang Tua-tua

Orang tua-tua ialah orang yang dianggap tua (bijak dan berpengalaman dan bukan kerana faktor umur) dalam kampung (Kamus Dewan: 2010:1102). Mereka diberi kedudukan yang tinggi dan setanding dengan Pawang. Hal ini demikian kerana orang-orang tua kampung dipandang tinggi kerana pengalaman dan ketinggian ilmu pengetahuan mereka dalam selok-belok kehidupan seharian. Keistimewaan orang-orang tua kampung ini pelbagai. Ada yang pakar menangkap ikan, mempunyai pengetahuan yang luas tentang lubuk-lubuk ikan, ada pula yang pakar dalam mencari ketam. Selain itu, terdapat orang-orang tua kampung yang pandai bermain muzik, menyanyi, bertukang, mengukir dan sebagainya. Kesemua mereka ini memainkan peranan penting dalam masyarakat.

4.3.4 Masyarakat Biasa

Anggota masyarakat biasa bermaksud anggota masyarakat yang tidak memegang sebarang jawatan di dalam organisasi kemasyarakatan. Mereka terdiri dari peringkat umur termuda yakni bayi hingga ke peringkat tertua. Kesemua anggota masyarakat Seletar ialah nelayan. Kebiasaanya mereka melakukan 3-4 pekerjaan dalam sehari.

Sebagai anggota masyarakat, mereka menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh JKKK Kampung Bakar Batu seperti gotong royong membersihkan kawasan kampung,

Maulidur Rasul, dan program-program anjuran JHEOA dengan kerjasama pelbagai Kementerian dan jabatan kerajaan, seperti Program Kesihatan, Program Usahawan, Program Pembangunan Wanita dan lain-lain.

4.4 Kehidupan Orang Seletar

4.4.1 Kekeluargaan

Ahli keluarga biasanya terdiri daripada bapa, ibu, dan anak-anak. Kadang-kadang ibu atau bapa kandung atau mertua akan tinggal sekali. Hal ini bukanlah lumrah bagi masyarakat ini. Lumrah kepada mereka ialah dalam pengertian dan konsep yang telah diamalkan sejak *dam pauk* lagi. Masyarakat yang *merayap* (perkataan yang sering digunakan mereka untuk tujuan keluar mencari rezeki) menyelusuri kuala, muara dan laut ini hanya mengenal satu perahu untuk sebuah keluarga. Mungkin sebab itu kehadiran “orang lain” tidak diperlukan kerana biasanya satu keluarga terdiri daripada enam hingga tujuh ahli keluarga. Ditambah pula dengan keadaan perahu yang kecil dan sempit.

Konsep keluarga menurut orang Seletar terdiri daripada suami yang ketua keluarga, isteri dan anak. Walaupun suami ketua keluarga, namun tugas mencari rezeki dipikul bersama-sama dengan isteri. Tugas mendayung perahu misalnya dilakukan mengikut giliran. Walaupun kini mereka tidak menggunakan perahu dayung lagi, namun tugas harian masih dipikul bersama-sama.

Memandangkan konsep keluarga ialah suami, isteri dan anak, maka konsep ini mempengaruhi pola kehidupan seharian mereka. Oleh sebab itu, isteri selalu sentiasa bersama-sama dengan suami dan menyertai suami dalam apa-apa saja kegiatan seharian. Inilah kelaziman yang masih terpelihara. Salah seorang informan utama yang bernama YbT, 43 tahun, memberitahu bahawa hatinya gusar jika tidak bersama suami

ke laut. Seboleh-bolehnya dia akan mengikut ke mana-mana saja suaminya pergi terutamanya ke laut. YbT ialah contoh yang mewakili semua isteri Orang Seletar yang mempunyai sudut pandangan yang sama mengenai perkara ini.

Demikian juga halnya dengan anak-anak yang sejak bayi dibawa untuk menyertai apa-apa saja kegiatan mencari rezeki. Keadaan ini tidak berubah walaupun sekarang mereka sudah memiliki penempatan dan menetap di darat. Ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih kecil tidak kira umur atau jumlahnya, akan turut dibawa bersama ke laut. Oleh sebab itu, hubungan anak-anak dengan ibu bapa menjadi erat, kerana sejak kecil lagi wujud pola hubungan kekeluargaan yang terdiri daripada Suami + Isteri + Anak.

Di bawah ini ditunjukkan aktiviti berbeza yang dilakukan. Aktiviti-aktiviti tersebut terdiri daripada menjaring ikan, menjaring udang, mengempang, menjala, menyelam mencari siput, mencari ketam dan mencari besi. Bagi aktiviti seperti menjaring ikan, menjaring udang, menyelam, mereka ke kawasan-kawasan tertentu yang secara tradisinya merupakan lubuk-lubuk hasil laut itu. Lubuk dalam bahasa Seletar disebut *lebung*. Ada 6 lubuk semuanya.

Selanjutnya, waktu aktiviti-aktiviti ini bermula seawal pukul 5.30 pagi dan berakhir di antara pukul 5.30 petang hingga 6.00 petang. Ada kalanya, mereka akan balik ke kampung untuk beristirahat pada waktu tengah hari sekitar pukul 12.00 tengah hari. Namun kebiasaannya mereka hanya berehat di kawasan paya iaitu lokasi untuk mencari siput dan cacing paya yang dikenali *wat-wat*. Setelah itu mereka menyambung rutin di laut ini dengan melakukan aktiviti selanjutnya dan hanya pulang ke kampung kira-kira 6.00 petang.

Ibu bapa Orang Seletar, akan membawa semua anak-anak mereka termasuk yang masih bayi ke laut. Sewaktu pengamatan dibuat untuk menyiapkan ringkasan ini, ada ibu bapa membawa 3-5 orang anak-anak yang berumur di antara 2 bulan hingga 6 tahun. Orang Seletar tidak menentukan jenis aktiviti yang dilakukan dahulu. Semuanya bergantung kepada keadaan air laut dan naluri mereka semata-mata. Begitu juga dengan kekerapan turun ke laut, semuanya bergantung kepada jenis aktiviti yang dilakukan, keadaan air laut, dan naluri. Di bawah ini ialah ringkasan rutin harian beserta perinciannya bagi keluarga orang asli.

Jadual 4.1: Rutin Harian

Rutin Ahli Keluarga Waktu dan Aktiviti	Lokasi	Suami	Isteri	Anak-anak
5.30 pagi Menjaring ikan	Dari Jeti Bakar Batu ke Lebung 1 30 minit	Bawa enjin, pasang enjin di bot	Bawa pukat, siapkan tempat dan ruang duduk dan barangan	Bawa barang sesuai umur, air dalam botol, makanan, dll.
5.40 pagi Berangkat ke lebung 1		Mengemudi bot	Duduk dgn anak- anak	Ambil posisi duduk atau tidur.
6.10 pagi Memasang pukat	Tiba di Lebung 1	Matikan enjin, mula memasang pukat, menanda pukat dengan pelampung	Turunkan sauh, memasang pukat,	Tidur atau main
7.00 pagi Mencari cacing wat-wat	Ke darat	Angkat sauh, hidupkan enjin	Mengemudi bot	Masih tidur
7.20 pagi	Tiba ke pantai	Menolak perahu ke darat, mengikat perahu. Istirehat. Sarapan. Istirehat	Menolak perahu. Mengeluarkan makanan untuk sarapan. Membangunkan anak-anak. Mandikan anak- anak.	Bangun tidur. Sarapan bersama- sama. Main pasir, mandi.
7.40 pagi Menggali cacing wat-wat	50 meter dari bot.	Membawa timba yang berisi 2 cangkul kecil. Menggali perumpun	Menuntun anak- anak ke lokasi Menggali perumpun	Bermain-main sambil berjalan. Bermain pasir, menggali lubang mencari lokan sebagai permainan

9.40 pagi Berhenti menggali perumpun.	Kembali ke perahu	Membawa timba berisi perumpun, cangkul. Membersihkan perumpun, membahagi-bahagikan perumpun untuk dijual dan untuk kegunaan sendiri	Menuntun anak-anak kembali ke bot. Memasukkan anak-anak ke dalam bot. Membantu membersihkan perumpun dan mengasing-asingkan perumpun.	Bermain-main sepanjang jalan dengan lokan. Bermain-main dengan lokan di dalam bot.
10.00 pagi Memancing	Ke Lebung 2, sekitar 15 minit dari lokasi mencari perumpun.	Mendorong perahu ke air, mengemudi perahu,	Mendudukkan anak-anak, merapikan tempat duduk untuk ruang memancing	Duduk tetapi masih bermain-main atau tidur
11.40 pagi Balik ke Kg Bakar Batu.	Ke Jeti Bakar Batu	Berhenti memancing, menghidupkan enjin, mengemudi.	Mengemas peralatan pancing, Mengangkat sauh.	Tidur atau bermain.
12.00 tengah hari Tiba di Jeti Bakar Batu.	Jeti Bakar Batu	Mendorong perahu ke darat. Menambat perahu. Membawa enjin dan tong petrol balik ke rumah. Setelah itu kembali ke perahu. Membersihkan perahu dengan menyiram air laut ke tempat yang ada lumpur. Kemudian mengangkat timba berisi perumpun dan dan timba berisi ikan pulang ke rumah. Istirehat.	Menarik perahu ke darat. Menurunkan anak-anak ke darat. Memberi duit seorang 5 ringgit. Mengumpulkan ikan di dalam bekasnya, memilih ikan untuk dijual dan untuk dimakan. Masak. Hidangkan. Makan bersama.	Terus berlari ke warung membeli makanan ringan. Hanya balik ke rumah setelah dipanggil balik oleh ibu atau bapa.
3.15 petang Mengambil kupang	Rakit Kupang 9 20 minit dari Jeti	Pikul enjin, jinjing tong berisi petrol. Menyangkut perahu dan menghidupkan enjin.	Kumpul anak-anak untuk dibawa bersama. Bawa guni tong untuk isi ikan.	Anak-anak menuju ke jeti, bawa air minuman, makanan ringan dll.
Selesai mengambil	Tiba	Memantikan enjin. Mula mengambil dan mengumpul kupang di dalam guni. Mengangkat guni	Masukkan anak-anak dalam perahu. Duduk dengan tenang di sisi anak-anak.	Bermain-main, makan jajan. Tidur keletihan. Jika tidak akan melompat naik ke rakit kupang dan

kupang.		berisi kupang ke dalam perahu.	<p>Menambat perahu di rakit kupang.</p> <p>Membagi-bagi guni.</p> <p>Mengutip kupang dan mengumpul sambil berbual-bual dengan suami.</p> <p>Mengangkat guni berisi kupang ke dalam perahu.</p>	<p>bermain-main di atas rakit.</p> <p>Masuk ke dalam perahu setelah dipanggil.</p>
<p>4.10 petang Mengangkat pukut ikan</p> <p>4.50 petang Balik ke jeti.</p>	<p>Ke Lebung 1 20 minit dari rakit kupang.</p> <p>Tiba</p> <p>Selesai</p> <p>Tiba di Jeti 5.20 petang</p>	<p>Menghidupkan enjin, mengemudi.</p> <p>Mematikan enjin.</p> <p>Mula menanggalkan pelampung yang diikat pada pukut. (Jika terlalu banyak ikan, pukut saja dinaikkan terus menerus tanpa perlu mengeluarkan ikan).</p> <p>Menghidupkan enjin, tukar posisi tempat duduk.</p> <p>Mengangkat sauh.</p> <p>Turun dan mendorong perahu ke darat.</p> <p>Menarik perahu ke darat.</p> <p>Mengeluarkan ikan dari pukut.</p>	<p>Melepaskan tali tambatan perahu.</p> <p>Mengamankan anak-anak.</p> <p>Menurunkan sauh. Membantu menaikkan pukut.</p> <p>Menanggalkan ikan yang terkena pukut.</p> <p>Mengemudi perahu.</p> <p>Mematikan enjin. Turun dan mendorong perahu.</p> <p>Membangunkan anak-anak.</p> <p>Mengeluarkan ikan dari pukut.</p> <p>Membahagi ikan untuk dijual dan dibawa balik ke rumah.</p>	<p>Tidur atau bermain-main.</p> <p>Bangun dan keluar dari perahu. Terus berlari menuju penjual jajan.</p>
6.00 petang Pulang ke rumah.	Rumah	<p>Memikul enjin dan menjinjing tong petrol ke rumah.</p> <p>Patah balik ke perahu mengambil guni berisi kupang setelah menyiram dengan air laut bahagian perahu yang kotor.</p>	<p>Memikul guni berisi kupang, menjinjing timba berisi ikan.</p> <p>Kembali ke perahu mengambil bekas-bekas air, bekas makanan, pakaian dan apa-apa peralatan.</p>	

Perbezaan aktiviti, lokasi, waktu, jumlah anak yang menyertai, umur, dan kekerapan turun ke laut.

4.4.2 Perkahwinan

Orang Seletar didapati mempunyai sistem perkahwinan yang sederhana. Maksud sederhana di sini ialah lelaki dan wanita yang mahu berkahwin hanya perlu memaklumkan hasrat mereka kepada orang tua kedua-dua belah pihak. Seterusnya orang tua kedua-dua belah pihak akan memanjangkan hajat ini kepada Tok Batin. Tok Batin pula akan menyampaikan hal ini kepada Orang-orang Tua di kampungnya. Kemudian Tok Batin akan membawa pasangan yang mahu bernikah ini ke pejabat JHEOA, Johor Bharu. Pihak JHEOA akan mengeluarkan arahan kepada Unit Agama JHEOA untuk menyediakan kadi bagi tujuan akad nikah. Sekiranya pasangan ini bukan beragama islam, Tok Batin akan menjadi saksi bagi pendaftaran pernikahan itu di JHEOA.

Pada zaman Orang Seletar masih tinggal di dalam perahu dan belum memeluk agama Islam, pengiktirafan dibuat oleh Tok Batin. Oleh sebab itu, proses yang pertama ialah memilih pasangan, dan pemilihan pasangan berdasarkan suka sama suka. Persetujuan untuk berkahwin kedua-dua pasangan ini akan disampaikan kepada pihak ibubapa kedua-dua belah pihak. Kedua, kedua-dua belah pihak akan berbincang tentang anak-anak mereka yang telah bersetuju untuk berkahwin. Biasanya ibubapa tiada halangan apa-apa melainkan bersetuju dengan pilihan anak-anak mereka. Jika ada perbincangan pun lebih mengarah kepada ada tidaknya perahu atau rumah bakal pengantin ini. Jika tidak ada perahu mereka akan bersama-sama untuk mengusahakan atau membeli perahu dan rumah. Hal ini biasanya bergantung kepada kesediaan mana-mana pihak yang sanggup menerima pasangan ini tinggal secara sementara di rumah mereka.

Setelah itu pihak lelaki dan wanita akan menghadap Tok Batin. Kemudian Tok Batin akan mengumpulkan orang tua-tua dan anggota masyarakat yang lain bagi memberitahu keinginan pasangan tersebut di rumah mempelai perempuan. Selanjutnya, Tok Batin akan memanggil pasangan tersebut duduk di hadapannya dan di hadapan orang tua-tua, lalu bertanya langsung kepada mempelai lelaki seperti berikut:

Tok Batin: (*) Mau nikah? Alah ko?

Mempelai lelaki: Alah la.

(Kemudian Tok Batin akan bertanya kepada mempelai wanita seperti berikut)

Tok Batin: Alah ko nikah? Sak laki nyak?

Mempelai wanita: Alah, die (sambil menunjuk ke arah mempelai lelaki).

(Lalu Tok Batin berkata)

Tok Batin: Ika, jampak kon menyatu lagi. IK (nama mempelai lelaki) ka mau nikah dengan ka hah JI (nama mempelai perempuan). Mak bapak nyak sukelah, lebih-lebih lagi due orang ka sok. Kite setuju je, ye. Kon mau nikah, ye kita kasi nikah. Ini dengan am ada barang-barang hantaran, biaselah kain batik. Lain-lain am tak tau, pandai-pandai lah nyak bagi nanti...

Hah denger, ika IK ngan JI ka jadilah laki bini. Ada mau bantah? Sape tau bini IK yang lain ke, laki JI ke? Ade? Kalau tak der, Am sebagai Tok Batin katakan ni, keng IK alah nikah dengan JI.

(*) Bahasa yang digunakan di dalam dialog di atas tiada dalam bentuk bertulis.


Setelah Tok Batin menyatakan demikian, maka IK dan JI sah menjadi suami isteri. Lazimnya, ketika berlangsungnya pernikahan ini, tetamu akan dijamu dengan air teh atau kopi, dan kuih muih atau biskut di rumah mempelai wanita.

Kebiasaannya, perkahwinan di dalam masyarakat ini berlaku pada usia yang muda. Menurut Tok Batin ABK, seorang anak lelaki itu dianggap dewasa jika sudah mampu membawa perahu sendiri, tahu hala tuju di laut, faham pasang surut air, boleh mencari

dan menangkap ketam, mencari pelbagai jenis siput di laut dan di paya. Kriteria lain ialah bertanggungjawab terhadap keluarga dan telah membuktikan boleh hidup berdikari.

Di bawah ini ialah Rajah 4.1 Umur berkahwin bagi 50 informan di Kampung Bakar Batu. Rajah 4.1 menunjukkan umur berkahwin yang paling lazim ialah 15-21 tahun yang mencapai 80%. Ini diikuti perkahwinan bagi pasangan yang berumur di antara 22-28 tahun yang hanya mempunyai 5 informan dan jumlah itu mencakupi cuma 10%. Selanjutnya hanya 5 informan yang berkahwin di antara umur 29-35 tahun dan lebih dari 35 tahun. Jumlah peratusnya jika digabung hanya 10%. Sila lihat Rajah 4.1 di bawah.

Rajah 4.1: Umur Berkahwin




		Count	Column N %
Umur Berkahwin	15 – 21	40	80.0%
	22 – 28	5	10.0%
	29 – 35	3	6.0%
	> 35	2	4.0%
	Total	50	100.0%

Sumber: Samsur, Penyelidikan Ilmiah Bahasa dan Masyarakat Seletar 2004-2010)

Berdasarkan statistik dari Jadual 4.2 Umur Berkahwin dan Jantina, Orang Seletar berkahwin pada usia yang muda iaitu di antara 15-21 tahun yang mana jumlah keseluruhannya ialah 80%. Jumlah lelaki Orang Seletar yang berkahwin pada usia ini ialah 75%, manakala wanita Orang Seletar pula ialah 84.6%, yakni 9.6% lebih tinggi daripada lelaki Orang Seletar.

Sementara itu, bagi mereka yang berkahwin pada usia 22-28 tahun, secara keseluruhannya bagi lelaki dan wanita ialah 10% yakni 5 orang. Jika dilihat mengikut jantina lelaki ialah 8.3%, yakni hanya 2 orang, sedangkan wanitanya ialah 11.5% bersamaan dengan 3 orang. Mereka yang berkahwin pada umur 29-35 tahun secara keseluruhannya hanya 6% , yakni 2 orang mengikut pecahan jantina lelaki (8.3%) dan seorang wanita (3.8%). Selanjutnya mereka berkahwin pada usia lebih dari 35 tahun pula secara keseluruhannya hanya 4%. Jika dilihat dari pecahan mengikut jantina, hanya 2 orang lelaki Orang Seletar yang berkahwin pada usia ini dan tiada wanita Orang Seletar yang berkahwin pada usia ini.

Jadual 4.3: Umur Berkahwin dan Jantina



		Jantina					
		Lelaki		Perempuan		Total	
		Count	Column N %	Count	Column N %	Count	Column N %
Umur Berkahwin	15 – 21	18	75.0%	22	84.6%	40	80.0%
	22 – 28	2	8.3%	3	11.5%	5	10.0%
	29 – 35	2	8.3%	1	3.8%	3	6.0%
	> 35	2	8.3%	0	.0%	2	4.0%

Sumber: Samsur, Penyelidikan Ilmiah Bahasa dan Masyarakat Seletar 2001-2010.

4.4.2.1 Sebab-sebab Berkahwin Muda


Berdasarkan data di atas, didapati berkahwin pada usia yang muda menjadi pilihan anak muda Orang Seletar. Hal ini disebabkan persepsi orang tua yang menganggap anak mereka sudah dewasa jika mereka boleh mencari rezeki seperti (mengempang, menyelam, menangkap ketam, menjaring ikan, udang), pandai mengemudi perahu, tahu pasang surut air, dan ingat serta tahu lubuk-lubuk ikan, serta bertanggungjawab terhadap keluarga dan mampu berdikari.

Selain itu, hal ini disebabkan rata-rata anak Orang Seletar tamat persekolahan awal. Biasanya mereka hanya bersekolah sehingga darjah empat, lima atau enam saja. Apabila mereka tidak bersekolah, mereka mengikuti ibu bapa mereka mencari rezeki. Dalam masyarakat Seletar, semua orang harus bekerja atau ikut serta mencari rezeki. Oleh sebab itu, dari bayi yang berusia beberapa hari sehingga orang tua yang berumur lebih daripada 70 tahun masih dibawa ke laut atau turun ke laut. Anak-anak Orang Seletar tamat persekolahan awal kerana rata-rata anak Orang Seletar tidak berminat untuk ke sekolah dan tiada dorongan daripada pihak orang tua.

Anak-anak Orang Seletar tidak berminat untuk ke sekolah kerana latar belakang masyarakat Seletar itu sendiri, pengaruh lingkungan, dan kawan. Sementara itu pihak ibu bapa tidak memberi dorongan kepada anak-anak mereka untuk pergi ke sekolah kerana ibu bapa juga tidak bersekolah atau tiada pengalaman bersekolah. Selain itu, ibu bapa menganggap proses bersekolah memakan masa yang lama sebelum anak-anak mereka boleh bekerja. Seterusnya, hal ini disebabkan faktor kemiskinan dan kebiasaan bahawa semua ahli keluarga harus menyertai kegiatan mencari rezeki.

Oleh sebab itu, jika seseorang remaja dianggap sudah dewasa dan boleh memikul tanggungjawab, maka mereka tidak dihalang sekiranya mereka mahu mendirikan rumah tangga dengan pilihan masing-masing. Kesemua faktor di atas boleh dibuktikan melalui statistik dan rajah seperti di bawah ini:

Rajah 4.3: Pekerjaan dan Umur



		Pekerjaan											
		Nelayan		Berniaga		Kerja upah		Sekolah rendah		Tadika		Tidak sekolah	
		Count	Row N %	Count	Row N %	Count	Row N %	Count	Row N %	Count	Row N %	Count	Row N %
Umur (Tahun)	0 - 6	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	12	30.0%	28	70.0%
	7 - 12	0	.0%	0	.0%	0	.0%	21	72.4%	0	.0%	8	27.6%
	13 - 17	3	30.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	7	70.0%
	18 - 21	8	100.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%
	22 - 30	18	90.0%	0	.0%	2	10.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%
	31 - 40	16	94.1%	0	.0%	1	5.9%	0	.0%	0	.0%	0	.0%
	41 - 54	13	86.7%	2	13.3%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%
	55 - 70	4	100.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%
	> 71	2	100.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%	0	.0%
Total		64	44.1%	2	1.4%	3	2.1%	21	14.5%	12	8.3%	43	29.7%

Sumber: Samsur, Penyelidikan Bahasa dan Budaya Masyarakat Seletar 2004-2010

Rajah 4.3 Pekerjaan dan Umur menunjukkan dengan jelas ini bahawa usia bekerja bagi remaja Seletar ialah 13-17 tahun yakni 3 orang yang mewakili 30% daripada jumlah nelayan di pelbagai peringkat umur. Ketika usia begini mereka sudah bekerja sebagai nelayan bersama dengan ibu bapa mereka. Selanjutnya jika dilihat dari aspek tidak sekolah pula, jumlahnya pada umur 7-12 tahun ialah 8 orang yakni 27.6%. Sedangkan

pada umur 13-17 tahun yang tidak bersekolah ialah 7 orang yakni 70%. Hal ini menunjukkan bahawa 15 orang anak-anak Orang Seletar pada usia persekolahan tidak bersekolah.

4.5 Ekonomi

Berdasarkan kajian lepas, rata-rata penulis artikel dalam buku *Tribal Communities in the Malay World* (2002) berpendapat bahawa Orang Seletar cenderung menjadi pengumpul makanan atau "*forager*". Mariam, Chou, Collin dan Benjamin sendiri berpendapat bahawa sebagai masyarakat pengumpul makanan, tumpuan hidup mereka lebih di kawasan paya iaitu tempat aktiviti kemuncak pencarian rezeki ketika air surut.

Orang Seletar mengutip dan mengumpul pelbagai jenis siput seperti pepahat dan pelbagai jenis ketam seperti ketam bangkang, ketam nipah, ketam ne' (sejenis ketam nipah tetapi berwarna kelabu dan mempunyai tanda di bahagian cengkerang penutup di bahagian atas).

Selain itu, aktiviti mereka ialah "ngempang" iaitu memasang empang ketika air pasang dan mengutip hasil ketika air surut. Kegiatan mengempang ini dipraktikkan oleh hampir semua suku Orang Laut. Dahulu aktiviti ini hanya menggunakan pacakan kayu bakau, rotan, dan buluh. Tetapi kini aktiviti ini menggunakan jaring. Empang ini dipasang pada waktu air surut dan hasilnya (pelbagai jenis ikan, pelbagai jenis udang) boleh dikutip pada keesokan harinya ketika air surut juga.

Data yang telah dikumpul di Kampung Bakar Batu menunjukkan bahawa daripada 145 orang informan di kampung ini, 64 orang atau 44.1%, bekerja sebagai nelayan (sila rujuk Rajah 4.3: Pekerjaan dan Umur di atas). Pekerjaan sebagai nelayan ini merangkumi: (a) menangkap hidupan di laut dan (b) menangkap/mengumpul hidupan di

kawasan paya. Antara kaedah menangkap hidupan laut yang dimaksudkan ialah (1) Mengempang, (2) Menjala, (3) Menyelam, (4) Menjaring, dan (5) Memancing.

4.5.1 Mengempang

Mengempang ialah kaedah tradisional menangkap pelbagai jenis hidupan laut. Kaedah ini memerlukan pukot atau jaring bersaiz halus yang panjangnya kira-kira 100 meter dengan lebar kira-kira 2.5 meter. Pukot atau jaring ini akan dipasangkan secara menegak ketika air surut, meliputi sebahagian kawasan paya bakau yang kKng atau tiada air sehingga menjadi daratan ketika air surut dan ketika air pasang, kawasan ini ditenggelami air laut.

Dua hujung pukot diikat pada dua tiang utama yang panjangnya kira-kira lima meter dengan cara menegak dan pada jarak kira-kira 20 meter setiap bahagian pukot ditancap sebatang tiang. Ini bererti ada empat batang tiang bagi setiap 20 meter pukot yang panjangnya 100 meter. Kerja-kerja memasang pukot harus selesai sebelum air pasang penuh. Ketika air pasang penuh ikan biasanya akan menghampiri kawasan bakau untuk mencari makanan. Apabila ikan, udang telah masuk ke kawasan bakau yang telah dilitupi dengan jaring atau pukot, maka ikan tidak dapat lagi kembali ke laut apabila air sudah mulai surut kerana adanya halangan dari pukot yang mengempang tadi. Lazimnya ikan sudah mulai kelihatan ketika air sudah surut ke paras pinggang. Pada waktu begini, ikan-ikan bersaiz besar berusaha untuk melompat keluar merempuh jaring. Biasanya ikan dan udang mulai ditangkap pada waktu ini sehinggalah air surut sepenuhnya.

Mengempang merupakan kerja laut yang kadang-kadang sangat menguntungkan kerana aktiviti ini bergantung kepada keadaan cuaca. Jika cuaca buruk lazimnya hasil akan berkurangan. Selain itu, aktiviti ini bergantung kepada kecerahan bulan. Semakin gelap

bulan semakin banyak hasil tangkapan dan sebaliknya semakin cerah cahaya bulan semakin kurang hasil tangkapan. Seterusnya hasil tangkapan bergantung kepada keadaan pasang surut air. Jika air pasang besar atau air pasang terlalu kecil hasil tangkapan akan berkurangan. Tetapi apabila air pasang biasa atau normal lazimnya hasil tangkapan lebih banyak. Sila perhatikan gambar di bawah ini.

Gambar 4.1: Menangkap Ikan dengan Teknik Mengempang.



4.5.2 Menjala

Menjala merupakan kegiatan menangkap ikan atau udang dengan menggunakan jaring yang digantungkan pemberat daripada timah. Menjala dilakukan dengan menebarkan jala selebar yang boleh di permukaan air dan membiarkan jala tersebut jatuh ke dasar laut. Terdapat dua jenis jala iaitu jala yang ringan, lebih panjang untuk lebih luas tebarannya dan lebih kecil lubangnya. Jala ini digunakan untuk menangkap udang. Sementara itu, jala yang khusus digunakan untuk menangkap ikan pemberat timahnya lebih besar dan saiz lubang jalanya juga lebih besar. Panjang jala bergantung kepada kedalaman air di tempat menjala itu. Pemberat timah berfungsi untuk menentukan jala jatuh ke dasar laut dengan cepat kerana ikan biasanya berenang dengan cepat. Orang Seletar lazimnya mempunyai tempat-tempat menjalanya sendiri dan tempat-tempat ini jarang diambil oleh orang lain.

4.5.3. Menyelam

Kegiatan menyelam bagi menangkap ikan merupakan kegiatan yang berbahaya tetapi mendatangkan hasil yang lumayan. Oleh sebab itu, tidak ramai Orang Seletar yang aktif dalam kegiatan ini. Penyelam harus memiliki kekuatan fizikal selain mampu bertahan di dalam air laut untuk jangka waktu yang lama. Maksud jangka waktu yang lama di sini ialah antara 3-7 minit. Orang biasa seperti peneliti misalnya hanya mampu bertahan selama seminit. Kemampuan menyelam di antara 3-7 minit ini lumrah bagi Orang Seletar. Berdasarkan pemerhatian, Informan 7 misalnya mampu menyelam sehingga 10 minit. Informan 7 memang merupakan penyelam handalan Orang Seletar dari Kampung Bakar Batu. Beliau menyelam sejak berusia 13 tahun lagi.

Peralatan menyelam biasanya sangat sederhana. Cermin berbingkai getah yang kedap udara ialah alat yang terpenting. Lazimnya penyelam akan membawa dua jenis serampang untuk menombak ikan. Serampang tiga mata ialah alat yang terdiri daripada sebatang kayu yang kuat sebesar ibu jari lelaki dewasa yang diraut runcing sehingga sebesar jari kelingking di hujungnya. Di hujung kayu yang runcing ini ditancap atau diikatkan serampang tiga mata yang biasanya ditempah di kedai besi. Sejenis lagi ialah serampang mata tunggal yang dibuat daripada besi atau dawai besar yang tajam di hujungnya. Kedua-dua serampang ini mempunyai fungsi yang berbeza. Serampang tiga mata bagi menombak ikan bersaiz besar seperti siakap (pekap), ikan tanda, gemang (sembilang besar) dan lain-lain. Ikan-ikan bersaiz besar ini tidak boleh lari jika serampang tiga mata ini tertancap di badan mereka. Hal ini demikian kerana serampang mata tiga mempunyai "rawit" sama seperti yang ada pada mata pancing. Sementara itu, serampang mata tunggal biasanya digunakan untuk menombak ikan-ikan dari keluarga *discus* atau *rabbit fish* seperti ikan kitang, dengkis, dan ikan hijau. Serampang mata

tunggal tidak mempunyai rawit melainkan mata serampangya yang panjang dan sangat tajam.

Aktiviti menyelam mempunyai pelbagai risiko. Jika terlalu lama berada di dalam air, tubuh badan akan menjadi terlalu sejuk, tenaga akan banyak hilang. Menyelam terlalu dalam pula akan menyebabkan telinga menerima tekanan air yang luar biasa kuatnya. Gegendang telinga boleh pecah, air akan masuk ke bahagian dalam telinga dan penyelam akan mendapat sakit telinga, malah boleh menyebabkan pekak. Bahaya lain pula ialah terserempak dengan ikan kertang (*Giant Gorupa*) yang banyak terdapat di Selat Tebrau. Ikan ini sebenarnya tidak berbahaya kepada manusia jika tidak berasa diancam, tetapi jika diganggu dan berasa terancam ikan ini sangat berbahaya. Ikan ini sangat besar dengan ukur lilit luas mulutnya mencapai satu meter lebar dan mempunyai daya sedutan yang sangat kuat. Bahaya lain ialah terserempak dengan buaya air masin. Pada kebiasaan, penyelam yang terserempak atau ternampak buaya akan berusaha naik kembali ke dalam perahu secepat mungkin. Sila lihat gambar di bawah ini:

Gambar 4.2: Penyelam membawa serampang di tangan kanan dan menyepit ikan di celah jari tangan kiri



4.5.4. Menjaring

Menjaring ikan atau udang merupakan kerja-kerja yang lazim dilakukan oleh Orang Seletar. Menjaring adalah kerja yang dilakukan bersama-sama dengan kerja lain.

Menjaring ikan memerlukan Orang Seletar mengingat lebung atau lubuk-lubuk ikan. Ada lebung tradisi ada lebung baharu. Hampir semua Orang Seletar tahu lokasi lebung tradisi dan setiap kali ingin menjaring ikan mereka akan kembali ke lebung-lebung berkenaan. Tiada apa-apa tanda atau alat digunakan, namun mereka masih boleh mendapatkan lokasi lebung ini. Untuk menguji ketepatan mengenal pasti kawasan lebung ini, peneliti mengajak Informan 11, 12, 17, 22 dan 23 ke kawasan lebung pada waktu yang berbeza-beza. Untuk memastikan ketepatan kawasan peneliti menggunakan GPS (global positioning system). Hasilnya menakjubkan kerana lokasi lebung ditemukan. Untuk memelihara hak dan warisan Orang Seletar ini, bacaan mengikut GPS tidak dimasukkan dalam tulisan ini.

Jenis jaring adalah sangat penting untuk menjaring ikan, udang atau ketam renjong. Jaring berbeza digunakan untuk tujuanyang berbeza. Jaring ikan menjangkau 200 meter panjang dengan lebarnya antara dua hingga tiga meter. Orang Seletar jarang menggunakan jaring yang panjang. Kebiasaannya mereka menggunakan jaring yang panjangnya 50 meter hingga 100 meter.

Selain empat pekerjaan Orang Seletar yang disebut di atas, Orang Seletar juga bekerja menangkap atau mengumpul hidupan di kawasan paya. Antaranya menangkap ketam, menggali atau mengorek perumpun iaitu cacing paya. Menangkap ketam disebut *pekang* dalam bahasa Seletar. Berdasarkan pemerhatian di Kampung Bakar Batu, kerja-kerja mencari ketam merupakan kerja yang sukar dan meletihkan. Kenyataan ini diakui oleh Informan 4. Hal ini disebabkan mereka perlu meredah dan meranduk lumpur, serta mengorek lubang-lubang di kawasan paya. Kadang-kadang ada bahaya menanti seperti ular. Ketam juga sudah tidak banyak bilangannya. Oleh sebab itu, harganya semakin meningkat dan sebab itu juga Orang Seletar masih mencari ketam.

Ketam mempunyai nilai sentimental kepada masyarakat ini. Status istimewa ini diberi kepada ketam kerana harganya sentiasa mahal dan tetap, permintaan tinggi, rasanya lazat, dan penangkap ketam dihormati dan menjadi kebanggaan. Orang Seletar jarang sekali berjaya menangkap ikan bersaiz besar sehingga melebihi 10 kilogram. Ikan besar yang berjaya ditangkap rata-rata 5-6 kilogram. Ikan besar yang paling lazim ditangkap ialah ikan gemang atau sembilang besar yang harga pasarannya RM15 sekilogram. Harga ketam ialah RM35/Kampung Oleh sebab itulah, ketam selalu menjadi tumpuan bagi masyarakat ini. Menurut orang tua-tua kampung, suatu ketika dahulu ketam merupakan barangan tukaran yang paling tinggi permintaannya. Maknanya dengan memiliki ketam, Orang Seletar boleh mendapatkan apa-apa saja barangan keperluan yang diperlukan. Barangan ini termasuklah beras, keperluan dapur dan kain baju. Sila lihat gambar di bawah ini:

Gambar 4.3: Seorang pemuda Seletar berjaya mengait ketam.



Aktiviti lain yang dilakukan oleh mereka ialah mencari cacing laut atau paya yang dikenali sebagai perumpun. Perumpun merupakan umpan untuk memancing. Perumpun juga menjanjikan pendapatan yang lumayan. Harga tiga ekor perumpun yang panjangnya sekaki setiap ekor ialah RM15.00. Perumpun tangkapan penduduk

kampung ini sangat terkenal di sekitar Johor Bharu. Dari segi lokasi, kampung inilah yang paling hampir dan paling mudah untuk mendapatkan umpan untuk memancing. Perumpun dijual setiap hari kecuali hari Isnin. Paling laris penjualan perumpun ini ialah pada hari Jumaat (malam), Sabtu dan Ahad. Sila lihat gambar di bawah ini : Perumpun umpan pancing

Gambar 4.4: Perumpun atau cacing bakau



Orang Seletar akan berusaha untuk tidak bekerja di darat. Ada beberapa orang penduduk kampung ini yang pernah bekerja kilang, namun tidak lama. Mereka hanya bertahan selama empat belas hari saja. Dari pemerhatian dan wawancara yang dijalankan, Informan 9, mengaku bahawa dia pernah bekerja di kilang dan berpendapat Orang Seletar tidak sesuai bekerja di darat. Antara alasannya ialah, (1) badan akan menjadi tidak selesa dan sakit-sakit, (2) mereka tidak dibayar gaji, (3) ditipu oleh orang-orang yang tahu kelemahan mereka iaitu tidak tahu membaca atau buta huruf.

4.6 Pendidikan

Berdasarkan data dari lokasi penelitian di Kampung Bakar Batu, majoriti Orang Seletar buta huruf. Jumlah keseluruhan penduduk kampung ini ialah 145 orang. Hanya 21 orang yang boleh membaca dan mereka terdiri daripada kanak-kanak yang bersekolah. Oleh itu 124 orang di kampung ini buta huruf. Jika diperincikan lebih lanjut, hampir semua Orang Seletar dewasa buta huruf, yakni 96 orang bersamaan dengan 47%,

sementara itu pula seramai 43 orang kanak-kanak pada usia sekolah yang buta huruf. Kanak-kanak ini buta huruf kerana tidak bersekolah. Bagi memahami keadaan ini lebih lanjut, sila rujuk Rajah 2.3: Umur dan Pekerjaan, pada halaman 20 hingga 21.

4.7 Kebudayaan

Masyarakat Seletar mengenal erti kebudayaan berdasarkan kegiatan seni budaya mereka yang terdiri daripada beberapa unsur iaitu muzik, nyanyian dan tarian. Berdasarkan penelitian ke atas penempatan Orang Seletar di sembilan buah kampung, didapati hanya Kampung Bakar Batu yang memiliki sejumlah pemuzik, dan penyanyi irama tradisional masyarakat Seletar. Masyarakat Seletar dari kampung berdekatan jika mahu muzik irama tradisional, terpaksa mengundang pemuzik dan penyanyi dari Kampung Bakar Batu, terutamanya jika mereka mengadakan acara-acara keramaian yang memerlukan lagu-lagu tradisional Seletar bagi menyemarakkan sesuatu majlis.

4.7.1 Muzik

Muzik tradisional masyarakat Seletar terdiri atas unsur-unsur yang sangat sederhana, dengan alat-alat muzik seperti *belak* (biola), *tambu* (gendang), gong dan tamborin. Alat-alat muzik ini mengiringi lagu-lagu tradisional yang dinyanyikan sejak beberapa generasi sebelumnya.

Gambar 5: Pemuzik-pemuzik belak (biola), tambu (gendang ibu) dan gong.



4.7.2 Nyanyian

Lagu-lagu yang dinyanyikan semuanya di dalam bahasa Melayu dengan menggunakan dialek Johor Baharu. Namun demikian, ada terdapat beberapa perkataan dalam senikata lagu itu yang menggunakan perkataan dalam bahasa Seletar. Lagu-lagu yang dipersembahkan lazimnya mengisahkan kegiatan harian mereka mencari dan mengumpul hidupan laut serta kesukaran menjalani kehidupan pada zaman pendudukan Jepun.

Hampir keseluruhan lagu dan senikata lagu diwarisi sejak turun temurun dengan pelbagai pengubahsuaian baik dari penyanyi mahupun pemuzik. Hal ini tidak dapat dielakkan memandangkan senikata lagu tidak ditulis sebaliknya dihafal oleh penyanyi secara spontan. Sementara itu pengubahsuaian yang dimaksudkan di atas mencakupi penokokan, penggantian dan penghilangan sama ada satu perkataan, satu ayat atau satu perenggan. Semua senikata lagu itu diubah suai melalui cubaan yang akan diperbetulkan jika terdapat ketidaksesuaian. Jika ada kekeliruan, hal ini akan dirujuk kepada kalangan orang-orang tua kampung, lazimnya wanita yang pernah sewaktu mudanya menyanyikan lagu itu.

Lagu-lagu tersebut diubah suai sedemikian rupa agar memenuhi bukan hanya citarasa, malah juga komposisi peralatan yang ada. Sungguhpun dalam ruangan ini tidak dapat diperdengarkan alunan muzik yang dimaksudkan, namun lirik lagu yang sempat dirakam memaparkan suasana santai dan seronok.

Untuk maksud ini, ditampilkan tiga buah lagu utama yang bukan hanya merupakan identiti kumpulan muzik ini tetapi juga merupakan identiti masyarakat Seletar keseluruhannya. Tiga buah lagu tersebut ialah Lagu Yosang, Lagu Ketam Bongai dan Lagu Seringgit Dua Kupang.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, hanya ada satu saja lagu yang dinyanyikan di dalam bahasa Seletar. Lagu ini dikenal sebagai lagu “Jamu Roh”. Lagu ini dinyanyikan beramai-ramai setahun sekali pada setiap malam Hari Raya Puasa. Pada malam Hari Raya Puasa ini mereka akan berkumpul, membawa makanan dan kemudian meletakkan makanan di dalam dulang atau talam. Selanjutnya mereka akan menyalakan lilin yang banyak di sekeliling sajian. Setelah itu mereka menyanyi beramai-ramai. Upacara ini diketuai oleh Pawang kampung. Lagu ini dikeramatkan oleh Orang Seletar sehingga tidak dibenarkan untuk merakam, menulis atau meminta orang lain menyanyikan lagu ini.

4.7.3 Tarian

Tarian Orang Seletar dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan mereka. Gerak tarinya berdasarkan rutin harian mereka sebagai Orang Laut. Pola perilaku mereka merupakan hasil tindak balas dari kehidupan di laut dizahirkan melalui gerak tari. Sila lihat gambar berikut:


Gambar 4.6: Gerak tarian Lagu Ketam Bangkang



4.8 Agama dan Kepercayaan

Penduduk asal kampung memeluk agama Islam beramai-ramai pada tahun 1974 ketika Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika itu berkenan untuk menganugerahkan sebidang tanah kepada sekumpulan Orang Seletar yang mahu tinggal di darat. Sebidang tanah ini kemudiannya dikenal dengan nama Kampung Bakar Batu bersempena dengan tempat ini sebagai tempat pembuatan batu bata merah. Jika diperhatikan di bawah ini, graf menunjukkan status pemastautin penduduk Kg Bakar Batu. Jumlah penduduk asal (sumber JHEOA, 2003) ialah 136 orang yakni 93.8%, sedangkan penduduk yang baru berhijrah ialah 9 orang yakni 6.2%. Sila lihat Rajah 2. 4 dan statistik di bawah ini:

Rajah 4.4: Taraf Mastautin dan Agama



		Status mastautin					
		Penduduk asal		Baru berhijrah		Total	
		Count	Column N %	Count	Column N %	Count	Column N %
Agama	Bukan	0	.0%	9	100.0%	9	6.2%
	Islam	136	100.0%	0	.0%	136	93.8%

Sumber: Samsur, Penyelidikan Bahasa dan Budaya Masyarakat Seletar 2004-2010.

Berdasarkan rajah dan statistik di atas dapat dilihat bahawa penduduk asal kampung ini seramai 136 orang 100% beragama Islam, sementara itu 9 orang, Orang Seletar yang baru berhijrah menganut agama lain.

4.9 Kesimpulan

Semua perkara yang dibentangkan di dalam Bab 4 ini berdasarkan pendekatan Etnografi dan Demografi. Masih terdapat beberapa perkara yang tidak disentuh misalnya berkaitan dengan pantang larang, waktu dalam perspektif masyarakat Seletar

dan lain-lain. Peluang untuk melakukan kajian Etnografi dan Demografi secara khusus terhadap masyarakat ini masih terbuka dengan luas. Oleh itu diharapkan pembentangan mengenai struktur masyarakat, kehidupan Orang Seletar, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, agama dan kepercayaan ini memadai dan bersesuaian sebagai pengantar bagi penyelidikan mengenai *Analisis Etnografi dan Semiotik Sosial Pertuturan Masyarakat Seletar*.

BAB V

DAPATAN SEMIOTIK SOSIAL

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan ditampilkan pembentangan dan analisis data. Pembentangan akan dilakukan seperti berikut. Teks akan ditampilkan secara kronologi dengan urutan Teks 1 hingga Teks 5. Selanjutnya setiap teks itu akan dianalisis berdasarkan tiga perkara iaitu (1) Analisis Teks dari segi Wacana, (2) Gaya dan (3) Modaliti.

Bahasan mengenai (1) Analisis Teks dari segi Wacana akan dipecahkan kepada tiga iaitu (A) Unsur-unsur Wacana (B) Senario Teks dan (C) Analisis Struktur Perbualan. Sementara itu, pembentangan mengenai (2) Gaya akan dipecahkan kepada tiga iaitu: (i) Gaya Individu (ii) Gaya Sosial dan (iii) Gaya Hidup. Selanjutnya pembentangan analisis (3) Modaliti akan dibahagikan kepada dua iaitu (1) Modaliti Linguistik dan (2) Modaliti Visual.

5.2 Analisis Teks dari Segi Wacana: Teks 2

Bahasan mengenai wacana dipecahkan kepada tiga bahagian a) Unsur-unsur Wacana dalam Teks 1 (Menunggu suami pulang) b) Senario Teks 1 dan c) Analisis Teks dari segi struktur perbualan. Bagi memudahkan analisis ini dilakukan, berikut diturunkan tek yang dimaksudkan. Sila lihat teks di bawah ini.

Teks 1: Tunggu Suami

Pen : buat apa juli?

Juli : (1) aku (..) selalu tunggu iwan di jeti (.)

Pen : oooo (...)

Juli : (2) biasanya (..) kul 5 nyak sampai (...)

Pen : ermmm (...)

Juli : (3) semua kon macam je? (...)

Pen : ooo (...) ermmm (...)

Juli : (4) jarang balik waktu senje, magribpun tak pernah juge? (...)

Pen : ooooo (...)

Juli : (5) takut (...)

Pen : Takut?

Juli : (6) sampai je? (..) nyak tolak pau? ka ke da?at (..) lepas tolak ke da?at (..) nyak ti? pau?ka ke da?at (.)

5.2.1 Unsur-unsur Wacana dalam Teks 1

Wacana dalam Teks 1 merangkumi 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya ialah suatu rentetan pertuturan dengan suatu maksud yang jelas. Unsur-unsur itu ialah, (1) Aksi (2) Sikap (3) Aktor (4) Persembahan dan penampilan (5) Sumber (6) Masa dan (7) Ruang. Berikut dibentangkan keseluruhan unsur-unsur tersebut bermula dari unsur (1) hingga (7).

1. Aksi

Jl mundar-mandir di jeti baharu yang dibuat daripada tong plastik yang dialas dengan papan. Jeti baharu ini kelihatan kurang stabil berbanding jeti lama yang bertiangkan konkrit. Sejak hari pertama melahirkan anak ketiga sehinggalah usia anak mencecah 9 bulan, Jl saban hari menunggu suaminya IK pulang dari laut.

2. Sikap

Keresahan yang melanda Jl tergambar pada tingkahnya yang asyik mundar-mandir sambil meninjau-ninjau ke arah laut tempat suaminya memukat ikan.

3. Aktor

Teks 1 ini, merupakan interaksi yang berlaku antara Jl (respondan) dan Penyelidik. Interaksi ini berlangsung sehalu, kerana Jl mendominasi interaksi tersebut.

4. Persembahan dan penampilan

Jl memakai seluar jeans biru yang lusuh, dan t-shirt warna abu-abu sambil mendukung anak ketiganya yang berumur 9 bulan. Anak kecil itu yang asyik bermain kipas kecil. Jl kelihatan rapi dengan rambutnya dikenakan penyepit rambut. Pen. pula memakai t-shirt berwarna ungu dan berseluar panjang berwarna coklat gelap.

5. Sumber

Jl sedang berdiri di atas jeti yang dibuat daripada tong plastik yang dilapisi oleh kayu dan *plywood* di bahagian atas. Jeti berukuran 12 meter panjang dengan lebar 1 meter setengah ini kurang stabil berbanding jeti lama yang sudah runtuh.

6. Masa

Interaksi ini bermula pada pukul 5.40 petang. Kebiasaanya nelayan kampung Bakar Batu pulang kira-kira pukul 5.00 petang. Jl resah sebab suaminya belum pulang.

7. Ruang

Interaksi ini terjadi di hujung jeti baharu yang kurang stabil itu. Di sinilah Jl mundar-mandir sambil mendukung anaknya menunggu suaminya yang belum juga pulang dari laut.

5.2.2 Senario Teks 1

Berdasarkan scenario yang berlangsung pada Teks 1, dapat dibentangkan mengenai keseluruhan interaksi yang terjadi itu dari permulaan, pertengahan hingga akhir.

Pertu	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	Penyelidik	Menyoal Jl	bersahaja	Bermula pada pukul 5.40 ptg	Jeti nelayan di Kampung Bakar Batu	Jeti dari kayu yang di alas plywood	Bertanya khabar
	Jl	Menjawab soalan	Mula-mula bersahaja	5.42 ptg	Sda	Sda	Memberi penjelasan mengenai soalan yang diajukan
	Penyelidik	Mengajukan soalan	Berminat untuk mendapatkan penjelasan lanjutan	5.48 ptg	Sda	Sda	Minta penjelasan lebih lanjut
	Jl	Memberikan jawapan tetapi tiada kena mengena dengan soalan.	Kelihatan cemas dan resah	5.49 ptg	Sda	sda	Menghindar dari menjawab kerana menyentuh persoalan taboo

Untuk melihat dan memahami scenario teks 1 ini, secara keseluruhannya terdiri daripada Pertuturan 1, 2, 3 dan 4 sahaja. Pertuturan 1 bermula apabila Penyelidik (aktor)

mengajukan soalan setaraf dengan *phatic communion* (aksi), secara santai dan bersahaja (sikap), ketika itu waktu menunjukkan pukul 5:40 petang (waktu), di Jeti Nalayan Kampung Bakar Batu (tempat), sambil berdiri di atas Jeti kayu yang dialas dengan plywood (sumber) bagi mendapatkan respon (tujuan) daripada JI.

Selanjutnya, pada Pertuturan 2, JI (aktor) memberi jawapan (aksi) bermula dengan bersahaja, namun makin lama makin cemas (sikap), waktu ketika itu menunjukkan pukul 5:42 ptg (waktu), di Jeti (tempat), sambil mendukung anaknya dengan berdiri di atas Jeti tersebut (sumber) bagi memberikan jawapan kepada soalan yang diajukan (tujuan).

Sementara itu pada Pertuturan 3, Penyelidik (aktor) ingin mengetahui lebih lanjut mengenai perkara yang diperkatakan oleh JI. Penyelidik kembali mengemukakan soalan lanjutan (aksi) kerana teruja (sikap), pada ketika itu jam menunjukkan pukul 5:48 ptg. Di tempat dan sumber yang sama iaitu di Jeti, yang dibina daripada kayu dengan dialas oleh plywood, penyelidik cuba mendapatkan maklumat lebih lanjut daripada JI (tujuan).

Pada Pertuturan 4, JI (aktor) yang menyedari telah terlanjur memberikan maklumat sehingga menyentuh perkara yang berkaitan dengan taboo segera menukar topik perbualan (aksi) kerana mulai merasa cemas (sikap), pada ketika itu jam menunjukkan pukul 5:49 petang. Tempat berlangsung dan sumber masih sama. JI memberikan respon tetapi respon JI tiada kaitan dengan topik perbualan malah, JI sebenarnya bermaksud untuk menghindarkan diri daripada menyentuh persoalan taboo.

5.2.3 Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan

Struktur perbualan yang dimaksudkan di sini ialah unsur-unsur yang membina perbualan tersebut. Teks 1 terdiri daripada empat paragraf. Pertuturan-pertuturan ini ditanda oleh kata kunci-kata kunci yang boleh mewakili maksud perbualan tersebut.

Selanjutnya sila perhatikan jadual di bawah ini.

Jadual 5.2: Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan

L1: Pen: (1) Buat apa JI?	Soalan 1	<p>→ P1 ← (1)</p> <p>-----</p> <p>↓</p> <p>P2 (2-10)</p> <p>↑</p> <p>-----</p> <p>→ P3 ← (11)</p> <p>→ P4 ← (12)</p>
L2: JI: (2) Aku... selalu tunggu IK di jeti.	Jawapan 1	
L3: Pen: (3) Oooo...	Mengeyakan1	
L4: JI: (4) Biasanya kul 5 nyak sampai.	Lanjutan1: Andaian 1	
L5: Pen: (5) Ermmm...	Mengeyakan 2	
L6: JI: (6) Semua kon macam jek.	Lanjutan2: Generalisasi	
L7: Pen: (7) Ooo... ermmmm	Mengeyakan 3	
L8: JI: (8) Jarang balik waktu senje, magrib pun tak pernah juek.	Lanjutan3: Andaian 2	
L10: Pen: (9) Ooooo	Mengeyakan 4	
L11: JI: (10) Takut.	Lanjutan4: Alasan	
L12: Pen: (11) Takut?	Soalan 2	
L13: JI: (12) Sampai jek, nyak tolak pauk ka ke da'at, lepas tolak ke da'at, nyak tik pauk ka ke da'at.	Menghindar	

Petunjuk: L1-15 = Barisan
(1) hingga (13) = Pertuturan

Di dalam jadual di atas, ditunjukkan analisis teks dari segi struktur perbualan. Secara fizikalnya Teks 1 ini terdiri daripada empat paragraf yang dibina oleh dua belas pertuturan pelbagai jenis. Paragraf 1, terdiri daripada pertuturan 1, paragraf 2 terdiri daripada 9 pertuturan iaitu pertuturan 2-10, paragraph 3 terdiri daripada pertuturan 11, dan paragraf 4 terbina daripada pertuturan 12.

Setiap paragraf ditentu berdasarkan kepada binaan paragraf iaitu permulaan (kepala), isi kandungan (badan) dan penutup (kaki). Dalam teks ini, binaan paragraf permulaan terdiri daripada ucapan sapaan yang diberi tanda P1. Sementara itu binaan paragraf isi

kandungan terdiri daripada maksud 9 kata kuncinya yang masing-masing dapat menerangkan maksudnya dan ia diberi tanda P2. Selanjutnya paragraf penutup terdiri daripada P3 dan P4. Paragraf P3 terdiri dari kata kunci soalan sedangkan paragraf P4 ialah jawapan kepada kata kunci P3 tetapi jawapan yang diberi bukanlah merupakan jawapan yang dikehendaki atau diharapkan kerana jawapan P4 sebenarnya ialah untuk menamatkan pertuturan. Oleh itu, kata kunci bagi P4 ialah menghindar.

Setiap pertuturan dinyatakan maksud pertuturannya. Oleh sebab itu, bagi setiap 1 daripada 12 pertuturan ini, terdapat pula 12 maksud pertuturannya. Sungguhpun demikian, maksud-maksud pertuturan ini ada yang diulang-ulang, namun demikian pengulangan maksud ini untuk memperkemaskan interpretasi kandungan teks.

Huraian bagi setiap kata kunci di atas berdasarkan intisari keseluruhan daripada setiap pertuturan iaitu dari pertuturan nombor 1-12 dalam tanda () dan di dalam baris (L1-15). Kata kunci ini lazimnya diambil daripada salah satu perkataan atau frasa yang terdapat di dalam pertuturan yang mewakili maksud kata kunci tersebut. Contohnya di bawah ini.

1. Soalan 1 (1)

Soalan “*Buat apa JI?*” dikemukakan oleh Penyelidik (Pen.) Soalan seumpama ini sebenarnya setaraf dengan soalan-soalan *phatic communion*. Dalam perkataan lain, soalan ini merupakan sapaan Pen. kepada JI tanpa mengharap apa-apa respon lanjutan daripada JI. Sekiranya JI menjawab soalan ini “saje saje jer” maka tiada lagi kelanjutan perbualan ini.

Soalan 2 (11)

Soalan “Takut?” dikemukakan oleh Pen. adalah rentetan daripada ketakutan JI yang secara sengaja tidak diperjelaskan olehnya. Ketakutan JI ini berkaitan dengan taboo dan

perkara atau persoalan yang berkaitan dengan perkara yang tidak boleh diperkatakan. Sila lihat Jawapan lanjutan 4: Alasan (10) di bawah.

Jawapan 1 (2)

Jl memberikan jawapan yang memungkinkan perbualan ini diteruskan dengan berkata “*Aku... selalu tunggu IK di jeti*”. Jawapan Jl ini juga merupakan isu penting di dalam perbualan (yang singkat) ini kerana mengandungi makna yang berkaitan dengan konteks budaya masyarakat Seletar secara keseluruhannya.

Jawapan lanjutan 1: Andaian1 (4)

Jl menyambung jawapannya memandangkan Pen. mencelah perbualannya. Selanjutnya Jl membuat andaiannya sendiri bahawa “*biasanya kul 5 nyak sampai*” (pada kebiasaannya, pukul 5 dia sampai). Berdasarkan pemerhatian yang dibuat di lapangan selama 10 tahun (di Kampung Bakar Batu), pukul 5 cuaca masih cerah, jarang-jarang Orang Seletar pulang dari laut pada pukul 5. Oleh sebab itu, jawapan Jl ini juga memberikan maklumat tambahan tentang latar belakang masyarakat ini, iaitu penentuan waktu lebih berdasarkan “agakan atau dugaan” dan bukan kepada waktu sebenar dengan berpandukan jam. Tiada seorang pun penduduk sama ada lelaki atau perempuan yang memakai jam tangan. Berdasarkan pemerhatian juga didapati hanya beberapa buah rumah yang ada jam dinding. Dari jumlah yang beberapa itu hampir semua jam dinding tidak berfungsi lagi. Ada kemungkinan agakan atau dugaan Jl mengenai waktu ini berdasarkan penentuan waktu secara “*intuitive*” sahaja. Berdasarkan waktu terjadinya perbualan ini, iaitu pukul 5.40 petang, Jl diperkirakan mula menunggu suaminya sekitar pukul 5.30 petang. Dengan perkataan lain, jika suaminya pulang pukul 5.00 petang tentu saja Jl sudah terlambat hampir setengah jam. Sementelahan pula Jl sedang mendukung anaknya. Pukul 5.00 petang di jeti yang tidak berbumbung tentu saja panas. Lazimnya orang Seletar menghindari panas petang di

antara pukul 4.00 hingga pukul 5.00 petang. Pada waktu ini mereka jarang sekali keluar dari rumah. Sewaktu perbualan ini masih berlangsung, IK sampai di jeti dan waktu menunjukkan pukul 6.05 petang.

Jawapan lanjutan 2: Generalisasi (6)

Selanjutnya, pada Jawapan lanjutan 2, maklumat yang diberikan berupa generalisasi iaitu “*Semua kon macam jer*” (semua Orang Seletar macam ini). Pertuturan ini memberi kesan kepada dua perkara di atas mengenai (1) kelaziman menunggu suami dan (2) kebiasaan pulang dari bekerja pukul 5.00 petang. Generalisasi dalam pertuturan ini bertujuan untuk menunjukkan kedua-dua perkara ini merupakan kebiasaan dan bukan perkara yang aneh dalam masyarakat Seletar.

Jawapan lanjutan 3: Fakta (8)

Jawapan lanjutan 3 mengandungi keterangan yang merupakan kenyataan (fakta) yakni pertuturan “*Jarang balik waktu senje, magrib pun tak pernah jugak*” (jarang balik pada waktu senja, pada waktu maghrib pun tidak pernah juga). Orang Seletar memang tidak balik ketika waktu ini. Pertuturan ini mengungkapkan persoalan sebenar konsep taboo yang diamalkan dalam kalangan mereka. Memandangkan perkara atau persoalannya berkaitan dengan taboo jadi tiada penjelasan selanjutnya.

Sementara itu, hal yang sangat menarik untuk diperhatikan ialah mereka membezakan waktu senja dan waktu magrib. Berdasarkan pemerhatian, dugaan sementara Pen. *waktu senje* merupakan waktu yang menunjukkan saat tenggelamnya matahari dan pada ketika itu langit kelihatan kemerah-merahan. Sementara *waktu magrib* merupakan hasil daripada asimilasi masyarakat ini dengan masyarakat di sekeliling mereka yang beragama Islam. Waktu maghrib ialah saat mengerjakan sembahyang maghrib dalam kalangan orang Islam. Orang Seletar di Kampung Bakar Batu majoritinya beragama Islam.

Jawapan lanjutan 4: Alasan (10)

Dalam keterangan tambahan ini, JI hanya memberikan alasan “takut” tanpa perlu menyebut perkara atau hal yang ditakutinya. Oleh ini, JI berharap ketakutannya boleh dimengerti melalui “*common sense*” yakni saling mengerti atau diistilahkan sebagai *mutual understanding* dalam kalangan mereka. Pada hakikatnya, ketakutan JI ini berlandaskan persepsi secara kolektif masyarakat Seletar. Sila perhatikan diagram berikut ini:

Rajah 5.1: Realiti dan Fantasi “takut”. Sumber: Nota Lapangan:2005-2006)

Realiti	Takut:	Taboo
	Nelayan mesti pulang sebelum maghrib sebab masih cerah. Setelah maghrib hari sudah gelap.	
<p>Perahu karam disebabkan:</p> <p>Ombak / gelombang besar</p> <p>Ribut</p> <p>Hujan lebat</p> <p>Perahu bocor</p> <p>Perahu hanyut disebabkan:</p> <p>Minyak (petrol) habis</p> <p>Arus kuat</p> <p>Tersengat ikan :</p> <p>Sembilang, pari, depu,</p>	<p>G</p> <p>E</p> <p>⇐ L ⇒</p> <p>A</p> <p>P</p>	<p>Tetali air/arus</p> <p>Hantu laut</p> <p>Hantu bakau</p> <p>Jembalang</p> <p>Penunggu lebung (lubuk)</p> <p>Polong</p>

Dari diagram di atas, dapat dipastikan bahawa ketakutan sebenar Orang Seletar berpunca daripada persepsi mereka terhadap gelap. Kegelapan menyukarkan kerja-kerja di laut, kegelapan juga mengundang imajinasi mereka terhadap perkara-perkara yang mereka anggap tabu (Sumber: Samsur Rijal Bin Yahaya, 2002-2010)

Jawapan 2: Menghindar (12)

Jawapan 2 ini sebenarnya bukan merupakan jawapan yang diharapkan oleh Pen. tetapi merupakan satu bentuk penghindaran dengan maksud untuk menukar atau mengakhiri perbualan.

2. Mengeyakan

Mengeyakan merupakan kata kunci yang dipilih sesuai dengan maksud yang diinginkan oleh Pen. Walaupun bilangannya empat, namun tiada beza sama sekali maksudnya. Mengeyakan dalam Teks 1 ini, membenarkan pengucapan JI dengan maksud tidak mahu mencelah. Proses mengeyakan ini dilakukan dengan hasrat JI meneruskan perbualannya. Oleh sebab itu, dalam Mengeyakan 1 (3) berbunyi “Oooo...”, sedangkan Mengeyakan 2 (5) berbunyi “Ermmm...”, sementara itu Mengeyakan 3 (7) merupakan gabungan “Oooo... dan ermmm...” dan Mengeyakan 4 (9) pula berbunyi “Oooo...”.

5.3 Gaya

Lazimnya bahasan mengenai gaya mengikut Semiotik Sosial akan memperkatakan tiga jenis gaya iaitu (1) gaya individu (2) gaya sosial dan (3) gaya hidup atau pun *lifestyle*. Namun begitu, berdasarkan keunikan Teks 1 ini bahasan mengenai gaya individu dan gaya sosial digabungkan dengan maksud untuk mengungkapkan pertentangan antara gaya individu dan gaya sosial.


5.3.1 Gaya Individu dan Gaya Sosial


Pertentangan gaya dalam Teks 1 ini terungkap melalui kata-kata JI: (1) *Aku... selalu tunggu IK di jeti*. Kata Adjektif *selalu* seolah-olah menunjukkan perbuatan menunggu suami itu perkara yang lumrah di dalam masyarakat ini. Walhal hakikat sebenarnya ialah para isteri masyarakat Seletar tidak pernah menunggu suami pulang dari laut,

sebaliknya para isteri membawa kesemua anak mereka dari yang besar hinggalah yang berusia 2-3 hari menyertai suami ke laut. Lazimnya, para isteri setelah melahirkan anak, hanya beristirahat selama 3-4 hari di rumah sebelum keesokannya telah menyertai suami ke laut (Bab 4, muka surat 110). Oleh hal yang demikian, generalisasi “*semua kon macam jek*” kurang tepat dalam konteks budaya masyarakat Seletar.

Jika dirujuk kepada konteks sebab JI berkata demikian ialah, (1) kedudukan ekonomi keluarganya jauh lebih baik berbanding keluarga yang lain, (2) *selalu* atau sering bagi JI ini ialah sejak dia melahirkan anak yang pertama hinggalah anak yang ketiga ini, suaminya tidak membenarkannya ikut serta ke laut, sebaliknya tinggal di rumah bagi menguruskan anak-anak mereka. Bagi JI *selalu* itu sangat identik dengan bosan menunggu di rumah kerana lumrah para isteri senantiasia mendampingi suami ke laut. Oleh itu, gaya sosial yang diamalkan oleh JI sudah bertentangan dengan norma-norma Orang Seletar. Gaya sosial yang diamalkan olehnya juga boleh mengundang tanda tanya kepada anggota masyarakat Seletar secara keseluruhannya. Oleh itu, soalan-soalan andaian seumpama ini mungkin saja timbul: (1) Mengapa JI menunggu suaminya pulang dari laut? (2) Mengapa JI tidak mengikut suaminya? Jawapan bagi kedua-dua soalan ini terjawab pada awal pertuturan ini. Sila lihat diagram di bawah ini:

Rajah 5.2: Generalisasi JL



Berdasarkan diagram di atas, JL melakukan generalisasi () dengan mengatakan “aku... selalu tunggu IK di jeti” dan “semua kon macam jek” tidak terkecuali dirinya sendiri. Generalisasi seumpama ini harus dilihat dari konteks budaya masyarakat Seletar kerana kegagalan memahaminya akan mengundang salah tafsiran terhadap budaya masyarakat Seletar. Generalisasi JL ini seolah-olah memberikan maksud semua orang Seletar tanpa mengira jantina, peringkat umur dan sebagainya. Walhal dalam konteks ini hanya JL yakni wanita dan seorang isteri yang menunggu suaminya dan tiada pula mana-mana suami yang menunggu isteri pulang dari laut. Selanjutnya semua orang Seletar yang ke laut, tanpa mengira jantina atau umur akan pulang kira-kira (perkiraan menurut JL) pukul 5.00 petang apatah lagi waktu senja, jarang sekali. Semua orang Seletar pulang sebelum senja kerana *takut*. Sila rujuk halaman sebelum ini mengenai pembentangan tentang “takut”.

5.3.2 Gaya Hidup atau *Lifestyle*

Pembicaraan mengenai gaya hidup ini dipecahkan kepada dua iaitu 1) berdasarkan bahasa yang digunakan dan 2) berdasarkan penampilan diri di depan khalayak.

5.3.2.1 Gaya Hidup Berdasarkan Bahasa

Jl berperawakan riang dan ceria. Lebih cepat mesra berbanding wanita Seletar yang lain. Dari segi penggunaan bahasanya dapat dikesan penggunaan GN "*aku*". GN ini sebenarnya jarang digunakan dalam kalangan masyarakat Seletar kerana mereka menganggap "*aku*" itu agak kasar dan GN "*aku*" dipinjam dari bahasa Melayu. GN yang lazim digunakan dalam kalangan masyarakat Seletar ialah "*kami*". GN ini digunakan kepada sesiapa saja tanpa mengira pangkat (dalam kekeluargaan), status sosial, jantina, umur dan *ung* (orang asing atau luar).

Dari segi pergaulan, Jl lebih banyak (masa dan peluang) berkomunikasi dengan Orang Melayu seusianya yang juga tinggal di sebelah kampung mereka. Ada kemungkinan, faktor pergaulannya ini mempengaruhi cara dia membahaskan dirinya.

5.3.2.2 Gaya Hidup Berdasarkan Penampilan di Depan Khalayak

Jl ialah menantu kepada pasangan Tok Batin KK dan isterinya YbT. Kelibat Jl sering ditagih untuk membantunya menjaga kedai runcit. Hal ini demikian kerana kebolehan Jl berdepan dengan pelanggan yang terdiri daripada kalangan anggota masyarakatnya sendiri ataupun *ung* yang tinggal di pinggir kampung mereka.

Jl ialah isteri kepada IK Bin KK, ibu kepada tiga orang anak, berasal dari Kampung Danga (terletak di sebelah Bandar Perling) kira-kira 7 minit melalui jalan laut dari Kampung Bakar Batu. Sebelum melahirkan anak yang pertama, Jl sentiasa

mendampingi suaminya ke laut sebagaimana lazimnya para isteri Orang Seletar. Setelah melahirkan anak pertama, JI tidak lagi digalakkan ke laut, walaupun sering juga JI berkeras mahu menuruti suaminya ke laut. Apabila lahir anak kedua dan ketiga, JI tidak lagi dibenarkan oleh suaminya ikut ke laut. Antara sebab JI tidak dibenarkan untuk bersama suaminya ialah (1) IK ialah nelayan yang berjaya di Kampung Bakar Batu. Kejayaan IK ini dapat diukur daripada hasil laut yang berjaya dibawa pulang.

Lazimnya nelayan Seletar melakukan sekurang-kurangnya 3 jenis rutin nelayan, iaitu menjaring, mencari ketam (bangkang), menyelam atau mencari perumpuan. Sila rujuk ke Bab 4, Rutin harian nelayan, halaman 95-98. Namun begitu, kejayaan IK terletak kepada (1) pilihan rutin yang paling banyak mendatangkan hasil (pendapatan). Faktor 2) IK memiliki sebuah enjin bot (sangkut) berkuasa 45 kuasa kuda. Suami JI merupakan satu-satunya nelayan Seletar yang memiliki enjin bot sebesar itu. Rata-rata nelayan Seletar memiliki enjin bot 15 kuasa kuda. Dengan sebab yang kedua ini, IK mampu pergi ke lebung (lubuk) tradisi nenek moyang mereka dengan lebih jauh dan lebih cepat. Hal ini bermakna, suami JI melakukan kerja 2 hingga 3 kali ganda lebih cepat berbanding nelayan Seletar di Kampung Batu sebagai faktor ke 3. Disebabkan pendapatan suaminya lebih tinggi daripada anggota masyarakat yang lain, jadi JI menjadi suri rumah sepenuh masa. Dalam masyarakat Seletar, tiada konsep suri rumah kerana isteri juga bekerja.

Pada persepsi masyarakat Seletar terutamanya para isteri yang lain, JI berperilaku janggal dan di luar kelaziman masyarakat. Sungguhpun demikian, nalurinya sebagai wanita Seletar tetap ketara. JI tidak pernah menolak untuk ke laut dalam jarak yang dekat misalnya mencari *mosel* atau kupang, mencari *pahat* (siput pepahat) atau mencari perumpuan. JI melakukan semua ini bagi memenuhi nalurinya sebagai Orang Seletar


berbeza dengan wanita-wanita Seletar yang lain kerana mereka melakukan ini untuk mencari nafkah.

Berdasarkan kemampuan suaminya IK, JI lebih banyak berdandan berbanding wanita Seletar yang lain. Penampilannya dari sudut berpakaian juga sedikit berbeza kerana kualiti pakaiannya lebih baik dan lebih sesuai. Penampilan JI juga sangat berkaitan dengan pergaulannya dengan masyarakat *ung*.

5.4 Modaliti

5.4.1 Modaliti Linguistik dan Visual

Secara keseluruhannya agak sukar untuk mengesan kedua-dua modaliti di dalam Teks 1 ini. Namun begitu, setelah pengamatan dibuat dengan saksama akhirnya dapat dikesan kedua-dua aspek modaliti ini dalam pertuturan 8 (L8) dan 10 (L10) seperti yang ditunjukkan dalam bentuk kolum di bawah ini.

<p>P8 JI: Jarang balik waktu senje, maghrib pun tak pernah jugek...</p>	<p>Visual 8</p> 
---	---

Modaliti Linguistik 8

Dalam pertuturan 8, JI menyatakan bahawa nelayan Seletar, “*jarang balik waktu senje, maghrib pun tak pernah jugek*”. Kata ***jugek*** di sini adalah untuk meletakkan keserataan waktu senje dan waktu maghrib. Kata ini dianggap sebagai modaliti linguistik kerana ekspresi JI seperti mahu menyatakan lebih daripada itu tetapi dia tidak mampu

mengungkapkannya atas alasan tertentu. Di sini menunjukkan JI tidak “berkuasa” memperkatakan perkara yang berkaitan dengan “taboo”.

Modaliti Visual 8

Dalam pertuturan 8, dapat dikesan halangan yang dialami oleh JI sewaktu bercakap. Halangan ini merupakan keadaannya sewaktu bercakap sambil mendukung anaknya. Tiada apa-apa gerakan dilakukannya. Namun demikian secara spontan JI melakukan satu-satunya gerakan yakni memuncungkan bibirnya sebaik saja mengucapkan kata terakhir “jugek”. Pergerakan memuncungkan bibir ini adalah seperti mahu menunjukkan sesuatu. Gerakan memuncungkan bibir ini ketika dilakukan JI mengarahkannya kepada lawan bicaranya (Penyelidik) seolah-olah JI mengharapkan pengertian lawan bicaranya. Oleh sebab itu, perkara ini akan terjawab pada perbincangan selanjutnya.

Modaliti Pertuturan 10

Sila lihat kolom serta pembentangan mengenai P10 di bawah ini:

<p>P10 JI: Takut. ... (Takut?)</p>	<p>Visual 10</p> 
--	--

Modaliti Lingusitik 10

JI selanjutnya menyatakan “takut”. Sila rujuk perbincangan mengenai kata ini pada pembahasan sebelum ini iaitu Gaya. Kata “takut” ini diungkapkan setelah JI sebelumnya menyatakan pada pertuturan 8 yang berbunyi “Jarang balik waktu senje,

maghrib pun tak pernah jujuk”. Di sini kedudukan pertuturan 8 merupakan *alasan* sedangkan pertuturan 10 merupakan *sebab*. Oleh itu modaliti linguistik 10 ini terletak pada kata “takut” itu sendiri. JI tidak memberi apa-apa penjelasan tentang sebab dia “takut”. “Kuasa” yang ada padanya hanya sekadar itu kerana perkara yang diperkatakan berkaitan dengan taboo. Dia tidak boleh atau tidak dibolehkan untuk memperkatakan perkara seumpama ini memandangkan JI ialah seorang wanita Seletar biasa yang tidak menjawat apa-apa jawatan dalam struktur sosial masyarakatnya. Hal ini menyebabkan dia tidak mempunyai kelayakan atau kuasa.

Modaliti Visual 10

Visual 10 ini adalah lanjutan daripada Visual 8 sebelum ini. Dalam visual 10 ini JI ketika mengucapkan kata “*takut*” serentak dengan itu juga langsung memuncungkan bibirnya seraya memalingkan mukanya ke sebelah kiri (laut lepas) dan menajamkan muncungan bibirnya. Perbuatan ini dilakukan dengan maksud untuk menunjuk arah yang menyebabkan rasa *takut* itu datang yakni laut. Setelah mengungkapkan kata “takut”, tiada lagi kata-kata lain. Hal ini menyebabkan timbul tanda tanya lawan bicaranya lalu lawan bicaranya bertanya “*takut?*” Akhirnya JI berkata, “*Sampai jek, nyak tolak pauk ka ke da’at, lepas tolak ke da’at, nyak tik pauk ka ke da’at.*” (terj. Rik Sebaik saja sampai, dia tolak perahu itu ke darat, lepas tolak ke darat, dia Tarik perahu itu ke darat) Kata-kata JI ini langsung tiada kaitan dengan soalan lawan bicaranya. Oleh sebab itu dalam bahasan mengenai 5.1.3.1 Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan ini disebutkan sebagai “menghindar”.

5.5 Analisis teks dari segi Wacana: Teks 2

Bahasan mengenai wacana dipecahkan kepada dua bahagian, a) Unsur-unsur Wacana dalam Teks 2 (Ucapan), b) Senario Teks 2, dan c) ciri-ciri bahasa yang dikesan dalam wacana Teks 2.

Teks 2

Tok Batin : hōy deNα⊗ (...) sudah tiga taun oih sekolah (.) kami mengharap aih sekira?nya? aih dah pandai belaja⊗ dah pandai mebaca? (..) pelajalan je? lah (..) sekolah je? la [aih [aih keja⊗ cukup-cukup (.) am nak neNok aih belaja⊗ sampai dima? kalau la sehingganya aih belaja⊗ lagi panday (...) panday membace?(..) ije?(..) satu-satunya? rasa bangga? pada aih sendiri? kami ingat aih salah satu (...) PABILA AIH LA SUDAH PANDAY MEBACE? esok jangan lupa bangsa sendiri (..) jangan lupa bangsa sendiri, latih bangsa sendiri, aja⊗ bangsa sendiri (.) kita tak boleh tumpuan pada nelayan, kita tak boleh tumpuan pada negeri, laut akan datang pun susah, kita akan susah juga (...) dalam sekolah ka lah aih belaja⊗ lah betul-betul sekiranya aih nak jadi uN yang berguna masa depan (.) ingat ika pesan tok batin (.) kami minta?-minta?, anak-anak dalam kampung ka, pabila sudah sekolah macam aih ka, am ingat bogus, am ingat (...) tengok aih balik sekolah bogus kan? (...) boleh membace? sikit-sikit(.) awang bin kasim(...) boleh baca sikit (..) oh! nama? batin (..) nama? kua? toba?

Anak-anak : xXXXXx, / #?#? sudah tok (...) / ## /

Tok Batin : am tengok apek, nya? pegi sekolah danga, [kan gi sekolah (..) [kan gi sekolah danga (..) aih dah panday baca macam ma? (..) [macam ma?(..) jiwa aih ok dek? (.) [macam ma?(..) senang dek?

Anak-anak : senang (...)

Tok Batin : KITA TAK DIBULI MELAYU, KITA TAK DIBULIKAN CINA, KITA TAK BOLEH DIBOHONG LAGI PASAL DAH BOLEH MEMBACA (..) aih dah pandai membca (.) dalam satu surat iye (..) ika tak tau baca, uN kalau tak tau membace? (..) kita yang kene tipu, tau? (..) kita yang kena tipu, bangsa kita sendiri yang tertekan (.) (masih tak sedar lagi) (..) semenjak ka ingatan am pesan-pesan aih sekolah la panday panday (...) jangan sampai tetekan aih (.) walaupun kita (..) walaupun kita jampak hanya ketinggalan sekolah, walaupun ibu bapa dulu tak sekolah, suruh anak-anaknya sekolah macam ika kan? (..) SEKOLAH PANDAY PANDAY jalan terus, sekolah adek (..) usah undur (.) kami nak tengok dalam bakar batu, salah satu anak-anak kalau tiga belas uN, lima orang kami nak terus panday (..) am nak tengok (.) batin nak tengok (..) barulah bakar batu dapat naik, kami mengharap AIH, AIH KA! SEKOLAH BETUL-BETUL, dah besar esok tolong ibu bapa, tolong adik-adik, ika generasi-generasi aih akan datang (..) bukan generasi-gengarisi batin (..) bukan generasi-generasi bapa?(..) bukan generasi-generasi ibu lagi dek (..) generasi buat aih ke (mekah) esok (.) adik-adik kecik pun dah ade, jangan la, sudah la, megah la, sudah pandai la (...) jangan megah, tak boleh dek (.) ilmu jangan lokek (..) ilmu tak boleh lokek (.) sekiranya aih lokek ilmu (..) aih ⊗ugi? (.) bangsa sendiri (..) aih boleh tindas bangsa sendiri? (.) TAK BOLEH! (..) jangan tindas bangsa sendiri, bangsa sendiri, aih tengok melayu, tolong melayu (.) cina tolong cina, india tolong india (.) kita nak macam jer (..) asli tolong asli, naik terus, kalau boleh, kalau boleh (..) kalau boleh am nak macam je? (..) am nak aih berjaya dalam sekolah, sekolah panday panday (...)

5.5.1 Unsur-unsur Wacana dalam Teks 2

Wacana dalam Teks 2 merangkumi 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya merupakan suatu rentetan pertuturan dengan suatu maksud yang jelas. Unsur-unsur itu ialah (1) Aksi (2) Sikap (3) Aktor (4) Persembahan dan penampilan (5) Sumber (6) Masa dan (7) Ruang. Berikut di bawah ini dibentangkan keseluruhan unsur tersebut.

(1) Aksi

Tok Batin ABK memanggil anak-anak buahnya yang masih bersekolah dan memberi nasihat kepada mereka atas permintaan pihak sekolah. Maklumat daripada pihak sekolah mengatakan bahawa “anak-anak buah” Tok Batin sering ponteng sekolah. Jadi Tok Batin memberi nasihat, semangat dan menerangkan pelbagai perkara mengenai keuntungan bersekolah.

(2) Sikap

Tok Batin menunjukkan sikap yang tegas mengenai masalah ini. Sikap tegas ini dipamerkannya sejak beliau mula berucap lagi. Nasihat-nasihatnya disampaikan dengan penuh semangat. Sungguhpun demikian, beliau menyelang-nyelikan nada tegas ini dengan humor.

(3) Aktor

Interaksi ini berlaku antara Tok Batin (Pengucap) dengan anak-anak buahnya (Pendengar). Interaksi berlangsung sehalu, cuma sesekali Tok Batin melibatkan pendengarnya dengan mengajukan soalan dan menerima jawapan sebagai tindak balas.

(4) Penampilan

Tok Batin memakai baju kemeja lusuh dan berkain pelikat. Pendengarnya pula memakai pakaian harian seperti baju T, seluar pendek, seluar panjang, malah ada yang memakai kain sarung. Pakaian harian dalam konteks budaya masyarakat Seletar ialah

pakaian yang boleh digunakan untuk apa-apa saja situasi seperti bekerja di laut, jalan-jalan ke pasar malam dan seringkali juga dibawa tidur.

(5) Sumber

Tok Batin ketika berucap duduk di atas kerusi dengan jarak kira-kira dua meter dari pendengarnya yang duduk di lantai beralaskan tikar getah. Lampu di rumah Tok Batin agak suram kerana menggunakan lampu kalimantang yang kecil “watt” nya. Lampu tunggal inilah yang menerangi keseluruhan rumah Tok Batin.

(6) Masa

Interaksi ini bermula kira-kira pukul 8.00 malam. Sewaktu interaksi ini berlangsung, isteri Tok Batin sibuk di dapur menyediakan makan malam. Oleh itu, sesekali terdengar suara yang datang dari arah dapur (pintu dapur terletak kira-kira satu meter di belakang kerusi tempat Tok Batin duduk berucap. Dari arah dapur juga sesekali terdengar suara anak-anak Tok Batin.

(7) Ruang

Interaksi ini berlangsung di ruang tamu rumah Tok Batin. Ruang tamu ini lapang dengan anggaran keluasan purata empat meter lebar kali tujuh meter panjang. Perabot yang ada ialah set kerusi 3+2+1 dan sebuah meja kecil. Set kerusi ini diletakkan di sebelah penjuru kanan tempat Tok Batin menyampaikan ucapannya.

5.5.2 Senario Teks 2

Senario di sini bermaksud rentetan peristiwa yang berlaku dalam Teks 2. Ada 7 elemen yang membangun Teks 2 ini. Semua elemen itu terdiri daripada unsur-unsur wacana. Setiap unsur ini diletakkan di dalam kolum masing-masing bagi menunjukkan fungsinya. Setiap unsur ini saling berhubungan dengan unsur-unsur yang lain. Tanpa salah satu unsur, rentetan peristiwa akan menjadi tidak sempurna.

Pert	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	Tok Batin	Berucap mengenai kepentingan pelajaran	Serius dan bersemangat	Bermula pada pukul 8.45 mlm	Rumah Tok Batin	Di atas Kerusi kayu	Memberi nasihat dan semangat
2	Anak-anak	Mendengar ucapan. Memberi respon jika perlu	Tidak serius, ada yang berbual, ada yang fokus	8.47 mlm	sda	Di lantai beralas tikar getah	Mendengar
3	Tok Batin	Menunjuk contoh salah seorang anak-anak ini	Meredakan ketegangan	8.47 mlm	sda	Di atas Kerusi kayu	Menarik perhatian
4	Anak-anak	Memberi respon yang baik	Gembira	8.48 mlm	sda	Di lantai beralas tikar getah	Mendengar
5	Tok Batin	Memfaatkan respon baik dari pendengar dan melanjutkan ucapannya	Bertambah semangat	8.49 mlm	sda	Di atas Kerusi kayu	Memberi nasihat dan semangat

Untuk membaca senario ini, pada Pertuturan 1, dimulakan dengan menyebutkan Tok Batin (aktor), berucap mengenai kepentingan pelajaran (aksi) dengan serius dan bersemangat (sikap), waktu beliau berucap ialah pada pukul 8.45 malam (waktu) di rumahnya (tempat), sambil duduk di atas kerusi kayu (sumber) bagi memberi nasihat dan semangat (tujuan).

Pada pertuturan 2, anak-anak selaku (aktor) yang merupakan pendengar bagi ucapan Tok Batin ini, mendengar ucapan tersebut dengan memberi reaksi (aksi) jika perlu (seperti menganggukkan kepala), namun sebilangan anak-anak ini ada yang tidak serius termasuklah berbual-bual ketika ucapan tersebut (sikap). Ketika itu pukul 8.47 malam (waktu), di rumah Tok Batin (tempat) dan semua anak-anak ini duduk bersila atau bersimpuh di lantai beralas tikar getah, untuk mendengar ucapan Tok Batin (tujuan).

Pada pertuturan 3, Tok Batin (aktor) merujuk contoh salah seorang anak-anak ini (aksi), dengan maksud untuk meredakan ketegangan (sikap). Situasi ini berlangsung pada pukul 8.47 minit (waktu), di ruang tamu di rumahnya (tempat), Tok Batin duduk di atas kerusi kayu (sumber). Sikap yang ditunjukkan Tok Batin itu bertujuan (tujuan) untuk menarik perhatian anak-anak ini yang mulai berbual-bual dan tidak memberi perhatian ketika dia berucap.

Sementara itu pada pertuturan 4, Anak-anak (aktor) memberi respon yang baik (aksi) terhadap sikap yang ditunjukkan oleh Tok Batin dan menyebabkan mereka gembira (sikap). Peristiwa ini berlangsung pada pukul 8.48 malam (waktu), di tempat dan sumber yang sama dengan maksud untuk mendengar (tujuan).

Pada pertuturan 5, Tok Batin (aktor) memanfaatkan respon yang ditunjukkan (aksi) oleh anak-anak buahnya dengan mempamerkan semangatnya (sikap) melalui kata-kata nasihat dan perangsang. Peristiwa ini berlangsung pada pukul 8.49 malam (waktu), di tempat dan sumber yang sama bagi menyampaikan maksud ucapannya seperti yang telah diamanahkan oleh pihak sekolah (tujuan).

5.5.3 Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan

Di dalam jadual berikut, ditunjukkan analisis teks dari segi struktur perbualan. Secara fizikalnya Teks 2 ini terdiri daripada lima paragraf, yang dibina oleh dua puluh tiga pertuturan pelbagai jenis. Paragraf 1, terdiri daripada pertuturan 1-11 (permulaan ucapan), paragraf 2, ialah pertuturan 12 (respon hadirin), paragraf 3 ialah pertuturan 13-14 (menyambung ucapan), paragraf 4 terdiri dari pertuturan 15 (respon hadirin) dan paragraf 5 terdiri daripada pertuturan 16-23 (menyambung ucapan).

Setiap pertuturan dinyatakan maksud pertuturannya. Oleh sebab itu, bagi setiap satu dari 23 pertuturan ini mempunyai 23 maksud pertuturannya. Sungguhpun demikian,

maksud-maksud pertuturan ini ada yang diulang-ulang dan pengulangan maksud ini untuk memperkemas interpretasi kandungan teks.

Sila perhatikan jadual di bawah ini:

L1: 1) hay dengar...	<i>Seruan</i>	-----
L2: 2) sudah tiga taun aih sekolah	<i>Kes 1</i>	↓
L3: 3) kami mengharap aih sekiranya aih dah pandai belajaer, dah pandai mebaca pelajalan jek lah sekolah je lah aih kejar cukup-cukup.	<i>Harapan 1</i>	
L6 :4) am nak nengok aih belajaer sampai di mak	<i>Cabaran</i>	
L7 : 5) kalau la sehingganya aih belajaer lagi pandai... pandai membace ije satu-satunya rasa bangga pada aih sendiri? kami ingat aih salah satu.	<i>Andaian 1</i>	
L10: 6) pabila aih ka sudah pandai mebace esok jangan lupa bangsa sendiri, jangan lupa bangsa sendiri, latih bangsa sendiri, ajeer bangsa sendiri.	<i>Harapan 2</i>	P 1 (1-11)
L13: 7) kita tak boleh tumpuan pada nelayan, kita tak boleh tumpuan pada negeri, laut akan datang pun susah, kita akan susah juga...	<i>Andaian 2</i>	↑
L16: 8) dalam sekolah ka lah aih belajaer lah betul-betul sekiranya aih nak jadi ung yang berguna masa depan.	<i>Harapan 3</i>	
L18: 9) ingat ika pesan tok batin.	<i>Seruan 2</i>	
L19: 10) kami mintak-mintak, anak-anak dalam kampung ka, pabila sudah sekolah macam aih ka, am ingat bogus, am ingat... tengok aih balik sekolah bogus kan?... boleh membace sikit-sikit. ABK boleh baca sikit oh nama batin. nama batin.	<i>Harapan 4</i>	
L24:11) nama kuak toba	<i>Intermission (humor)</i>	-----
L25: 12) Anak-anak: (ketawa, semua yang hadir ketawa) sudah Tok.	<i>Respon (ketawa)</i>	P2 (12)
L27: 13) am tengok Apek, nyak pegi sekolah Dangga, kan gi sekolah... kan gi.	<i>Kes 2</i>	↓
L28: 14) sekolah Dangga.. aih dah pandai baca macam mak macam mak, jiwa aih ok dek? Macam mak Senang dek?	<i>Soalan</i>	P3 (13-14)
L31: 15) Anak-anak: senang,...	<i>Respon (jawapan)</i>	-----
L32: 16) Tok batin: kita tak dibuli Melayu, kita tak dibulikan Cina, kita tak boleh dibohong lagi pasal dah boleh		P4 (15)

<p>membaca, aih dah pandai membaca.</p> <p>L35: 17) Dalam satu surat iye... ika tak tau baca, ung kalau tak tau membace, kita yang kene tipu, tau? kita yang kene tipu, bangsa kita sendiri yang tertekan [masih tak sedar lagi]..</p> <p>L39: 18) semenjak ka ingatan am pesan-pesan aih sekolah la pandai-pandai... jangan sampai tetekan aih...</p> <p>L41: 19) walaupun kita,.. walaupun kita jampak hanya ketinggalan sekolah, walaupun ibu bapa dulu tak sekolah, suruh anak-anaknya sekolah macam ika kan?</p> <p>L45: 20) sekolah pandai-pandai jalan terus, sekolah adek... usah undur. kami nak tengok dalam Bakar Batu, salah satu anak-anak kalau tiga belas ung, lima, enam orang kami nak terus pandaey.</p> <p>L49: 21) am nak tengok, batin nak tengok, barulah Bakar batu dapat naik,kami mengharap aih, aih ka! sekolah betul-betul, dah besar esok tolong ibu bapa, tolong adik-adik, ika generasi-generasi aih akan datang, bukan generasi-generasi batin bukan generasi-generasi bapa bukan generasi-generasi ibu lagi dek.</p> <p>L55: 22) generasi buat aih ke [mekah] esok.</p> <p>L56: 23) adik-adik kecik pun dah ade, jangan la, sudah la, megah la, sudah pandai la, jangan megah, tak boleh dek. ilmu jangan lokek, ilmu tak boleh lokek. sekiranya aih lokek ilmu aih rugi. rugi? bangsa sendiri. aih boleh tinas bangsa sendiri? tak boleh! jangan tinas bangsa sendiri.bangsa sendiri, aih tengok Melayu, tolong Melayu, Cina tolong Cina, India tolong India. kita nak macam jek... asli tolong asli, naik terus, kalau boleh, kalau boleh am nak macam je? am nak aih berjaya dalam sekolah, sekolah pandai- pandai... (L5 66)</p>	<p><i>Andaian 3</i></p> <p><i>Contoh</i></p> <p><i>Harapan 5</i></p> <p><i>(latar belakang sejarah)</i></p> <p><i>Minta kepastian</i></p> <p><i>Harapan 6</i></p> <p><i>Sasaran</i></p> <p><i>Andaian</i></p>	<p>.....</p> <p>↓</p> <p>P5 (16-23)</p> <p>↑</p> <p>.....</p>
--	---	--

Petunjuk: L1-66 = Barisan
(1) hingga (23) = Pertuturan

Huraian bagi setiap kata kunci di atas berdasarkan intisari keseluruhan daripada setiap pertuturan iaitu dari pertuturan nombor 1-23 dalam tanda () dan dalam baris (L1-66). Kata kunci ini lazimnya diambil daripada salah satu perkataan atau frasa yang terdapat di dalam pertuturan yang mewakili maksud kata kunci tersebut. Contoh seperti di bawah ini.

3. Seruan 1 (1)

Kata kunci ini digunakan bagi merujuk maksud “haey dengaer” yang diucapkan oleh penutur. Dalam hal ini, penutur baru mahu memulakan ucapannya dan meminta pendengar memberi perhatian kepada ucapannya.

Seruan 2 (9)

Penutur dalam pertuturan (9) menyeru dengan berkata “*ingat ika pesan Tok batin*” yang bermaksud *ingat, ini pesan Tok Batin*. Seruan ini bagi memberi ingatan supaya para pendengarnya memberi tumpuan kepada pelajaran.

4. Kes 1 (2)

Kata kunci ini digunakan bagi merujuk fakta yang dikemukakan oleh penutur. Sungguhpun fakta ini tidak tepat memandangkan ada dalam kalangan anak-anak sekolah ini yang bersekolah sudah darjah 5, namun fokus seolah-olah diberikan pada anak-anak yang bersekolah darjah 3. Hal ini terjadi “sudah tiga taun aih sekolah” merupakan generalisasi terhadap tempoh masa. Barangkali maksud penutur ialah “sudah tiga taun” bermaksud “sudah sekian lama”.

Kes 2

Jika Kes 1 merujuk fakta tentang masa, Kes 2 pula merujuk individu tertentu yang merupakan salah seorang daripada pendengar iaitu APK. Oleh itu, pertuturan “*am tengok Apek, nyak pegi sekolah Dangga, kan gi sekolah... kan gi*”(saya tengok APK, dia pergi sekolah Dangga, (APK) pergi sekolah kan?). Kes 2 ini adalah fakta tentang APK yang pergi ke sekolah Dangga dan bukan sekolah lain. Justeru itu soalan yang selanjutnya iaitu “(APK) pergi sekolah?” ialah soalan yang tidak memerlukan jawapan memandangkan semua yang hadir tahu bahawa APK belajar di sekolah Dangga.

5. Harapan 1

Harapan ialah kata kunci yang digunakan bagi merujuk maksud “*Tok Batin mengharap aih sekiranya aih dah pandai belajaer...*” . Harapan seumpama ini tidak pasti dan oleh hal itu, kata *sekiranya* disertakan dalam pertuturan ini. Selanjutnya, dalam meletakkan harapan ini, penutur turut memberikan motivasi, antaranya ialah penutur berkata “*pelajalan je? lah sekolah je? lah aih kejar cukup-cukup.*” (pelajaran ini sajalah, sekolah ini sajalah, awak kejar cukup-cukup).

Harapan 2

Penutur berharap agar “*pabila aih ka sudah pandai mebase? esok jangan lupa bangsa sendiri, jangan lupa bangsa sendiri, latih bangsa sendiri, ajar bangsa sendiri*” (apabila awak ni sudah pandai membaca, esok (kelak) jangan lupa bangsa sendiri, jangan lupa bangsa sendiri, latih bangsa sendiri, ajar bangsa sendiri).

Harapan 3

Pertuturan “*dalam sekolah ka lah aih belajaer lah betul-betul sekiranya aih nak jadi ung yang berguna masa depan*” (di dalam sekolah ini awak belajar bersungguh-sungguh sekiranya awak mahu menjadi orang yang berguna pada masa hadapan), penutur berharap agar pendengar menggunakan peluang atau kesempatan yang ada bagi menjamin masa depan yang cerah.

Harapan 4

Selanjutnya Tok Batin menyatakan harapannya yang menggunakan unsur pengulangan atau penggandaan. Penggunaan penggandaan L19 “*minta-minta*” di sini memberi maksud betapa tingginya harapan beliau kepada anak-anak buahnya yang sedang bersekolah ini. Hal ini dapat dilihat pada L19:10 “*kami minta-minta, anak-anak kampung ka... .*” . Walaupun harapan yang diletakkan sedemikian tingginya tetapi

Penutur sebenarnya tidak terlalu mengharap anak-anak buahnya bekerja bagus-bagus di sektor kerajaan ataupun swasta apabila selesai sekolah. Beliau secara implisit berharap agar anak-anak buahnya ini L22: 10 *“boleh membace sikit-sikit.. (walaupun sekadar nama) ABK, nama Tok Batin mereka.* Pemaparan tentang tingginya harapan beliau ini juga mengungkapkan secara tidak langsung mengenai masalah buta huruf yang tinggi (93% daripada 156 orang penduduk) dalam kalangan masyarakat Seletar di Kampung Bakar Batu (Sila rujuk Bab 2, Pendidikan, halaman 33-35).

Harapan 5

Berdasarkan contoh L35-38:17, iaitu kekurangan kerana tidak tahu membaca, menyebabkan kerugian kepada mereka kerana mereka akan ditipu. Penipuan seumpama ini menyebabkan mereka berasa tertekan. Sila lihat petikan di bawah:

L35:17 Dalam satu surat iye... ika tak tau baca, ung kalau tak tau membace, kita yang kene tipu, tau? kita yang kene tipu, bangsa kita sendiri yang tertekan [masih tak sedar lagi].

Oleh sebab itu, Penutur secara implisit berharap agar pengalaman pahit seumpama ini akan menjadi pengajaran kepada anggota masyarakatnya. Sejak seringkali ditipu, Penutur sering memberikan ingatan (peringatan) dan pesan-pesan (nasihat) supaya anak-anak buahnya belajar dengan bersungguh-sungguh agar menjadi pandai atau sekurang-kurangnya boleh membaca. Jika boleh membaca dan pandai pula, mereka (pendengar) tidak lagi hidup dalam keadaan tertekan. Sila lihat petikan di bawah ini:

L39: 18) semenjak ka ingatan am pesan-pesan aih sekolah la pandai-pandai... jangan sampai tetekan aih...

Harapan 6

Penutur selanjutnya mengajak anak-anak buahnya yang masih bersekolah ini untuk terus belajar supaya menjadi pandai. Penutur juga tidak mahu mereka berputus asa. Sila lihat petikan di bawah ini:

L45 hingga L48: *sekolah pandai-pandai jalan terus, sekolah adek... usah undur.*

Kami nak tengok dalam Bakar Batu, salah satu anak-anak kalau tiga belas ung, lima, enam orang kami nak terus pandaey.

Harapan yang dinyatakan secara eksplisit ini terletak pada penutur yakni “kami” yang mewakili harapan setiap anggota masyarakat Seletar amnya dan masyarakat Seletar di Kampung Bakar Batu khasnya. Harapan ini selanjutnya dizahirkan dengan menetapkan anggaran lima keenam orang daripada pendengarnya ini akan terus berjaya.

Harapan 7

Penutur seterusnya menaruh harapan kepada anak buahnya agar sekolah betul-betul, belajar dengan bersungguh-sungguh kerana jika berjaya mereka boleh membantu orang tua dan ahli keluarga masing-masing. Harapan penutur terungkap seperti berikut:

L50: 21) *..., kami mengharap aih, aih ka! Sekolah betul-betul, dah besar (berjaya) esok tolong ibu bapa, tolong adik-adik... .*

6. Cabaran

Penutur mengajukan cabaran kepada anak-anak buahnya. Cabaran ini diajukan memandangkan penutur telah masak dengan keadaan masyarakatnya dan faham keadaan anak-anak buahnya yang bersekolah. Barangkali berdasarkan pengalamannya juga penutur mengajukan L6: 4, “*am nak nengokmai belajar sampai dimak?*” Dalam sejarah persekolahan anak-anak kampungnya, tiada seorang pun daripada mereka yang bersekolah sampai ke tingkatan 3. Kebanyakan mereka berhenti sekolah ketika di darjah 4 lagi.

7. Andaian 1, 2, 3 dan 4

Merujuk kepada kata kunci “andaian”, terdapat 4 buah andaian yang dikesan dalam Teks 2. Andaian 1, misalnya merujuk kepada kenyataan Tok Batin yang menyatakan sebagai berikut:

L7 hingga L9: *“Kalau la sehingganya aih belajaer lagi pandai pandai membacek, ijek, satu-satunya rasa bangga pada aih sendiri, kami ingat aih salah satu”*.

Kata-kata pada L7 hingga L9 di atas secara jelas menampilkan kata kunci “*kalau*”. “*Kalau*” seerti dengan “sekiranya” yang mempunyai maksud andaian. Dengan perkataan lain, perkara yang diandaikan itu boleh berlaku ataupun tidak. Jika suatu andaian itu benar-benar terjadi andaian disebut “kenyataan”. Jika andaian itu tidak berlaku andaian itu boleh disebut impian atau angan-angan. Hakikat daripada pertuturan Tok Batin ini berlatarbelakangkan kepada penduduk kampungnya yang rata-rata buta huruf. Oleh itu, pandai membaca dan pandai mengeja merupakan suatu hal yang menjadi kebanggaan mereka. Namun demikian, Tok Batin selanjutnya berkata bahawa kebolehan membaca dan mengeja itu sebenarnya menjadi kebanggaan kepada diri sendiri (dalam kalangan mereka). Andaian 1 ini dapat dijeniskan sebagai eksplisit kerana andaian dibuat dengan menampilkan kata “*kalau*” itu sendiri.

Selanjutnya, andaian 2 dibuat tanpa sebarang kata kunci yang boleh mewakili andaian tersebut. Andaian begini disebut sebagai “implisit”. Hal ini disebabkan tiada satu kata pun ditemui yang boleh mewakili andaian yang dibuat. Sila lihat kutipan di bawah ini:

L13 hingga L15: *“kita tak boleh tumpuan pada nelayan, kita tak boleh tumpuan pada negeri, laut akan datang pun susah, kita akan susah juga...”*

Dalam konteks pertuturan L13 hingga L15 ini kata *tumpuan* bermaksud “berharap kepada kerja...”, berharapkan bantuan daripada ...”. Sementara itu, andaian yang dibuat oleh penutur bermula dengan ungkapan berikut “laut akan datang pun susah, kita akan susah juga”. Jika ditelusuri maksud “laut akan datang pun susah, kita akan susah juga” ialah laut akan kekurangan ikan, tercemar dan terganggu dengan aktiviti pembangunan di kawasan persekitaran. Selanjutnya ungkapan “kita akan susah juga” bermaksud

“mereka” dalam hal ini Orang Seletar mengasosiasikan diri mereka identik dengan laut. Jika laut susah maka mereka juga akan susah.

Andaian 3, merujuk kepada ungkapan penutur seperti berikut:

L32 hingga L34: *“kita tak dibuli Melayu, kita tak dibuli Cina, kita tak boleh dibohong lagi pasal dah boleh membaca, aih ah pandai membaca.”*

Menurut penutur, salah satu sebab pembulian berlaku terhadap Orang Seletar ialah mereka buta huruf. Penutur optimis mengatakan jika dalam kalangan mereka (anak-anak sekolah) ini sudah boleh membaca, “kita tak boleh dibohongi lagi” . Ungkapan penutur mengenai perkara ini ada benarnya, namun masih banyak faktor lain yang menyebabkan mereka dibuli, dibohongi, ditindas dan sebagainya.

Andaian terakhir ialah andaian 4, Andaian ini bersifat eksplisit kerana penutur menggunakan perkataan “sekiranya”. Sila perhatikan kutipan berikut:

L56 hingga L66: *“adik-adik kecil pun dah ade, jangan la, sudah la, megah la, sudah pandai la, jangan megah, tak boleh dek. Ilmu jangan lokek, ilmu tak boleh lokek. **Sekiranya** aih lokek ilmu aih rugik. Rugik bangsa aih sendiri. Aih boleh tindas bangsa sendiri? Tak boleh! Jangan tindas bangsa sendiri. Bangsa sendiri, aih tengok Melayu tolong Melayu, Cina tolong Cina, India tolong india. Kita nak macam jek... asli tolong asli, naik terus, ... kalau boleh, kalau boleh am nak macam jek. Am nak aih berjaya dalam sekolah, sekolah pandai-pandai...”*

8. Humor

Teks 2 ini merupakan ucapan mengenai kepentingan pelajaran kepada anak-anak buahnya (yang masih bersekolah). Tok Batin menyampaikannya dengan bersahaja, namun dapat dikesan semangatnya melalui setiap ujaran yang disampaikan. Salah satu elemen yang menarik dalam ucapan beliau ialah beliau berkebolehan untuk berjenaka. Jenakanya bukan saja menghiburkan, malah jenakanya dapat menambahkan semangat dan keyakinannya untuk terus berucap dan menyampaikan mesej-mesej yang telah diamanahkan kepadanya. Kedudukan humor di sini penting. Sila lihat kutipan berikut:

L24: *nama kuak tobak.*

Dalam ungkapan sebelumnya iaitu pada kupasan mengenai Harapan 4, L19 hingga L23, Tok Batin menyebutkan namanya ABK. Beliau berjenaka dengan mengatakan bahawa namanya itu ialah “nama sejenis kura-kura paya yang buruk rupanya disebut “kuak tobak”. Sungguhpun humor ini seolah-olah Tok Batin mempersendakan dirinya sendiri, namun respon yang didapati luar biasa. Para pendengarnya ketawa berdekah-dekah. Hal ini disebabkan semua Orang Seletar mengenali binatang yang disebut *kuak toba* ini. Sumber jenaka yang digunakan tepat dan bersesuaian dengan anggota masyarakatnya kerana beliau menampilkan contoh-contoh yang lazim dengan mereka. Humor seumpama ini tidak sesuai digunakan kepada orang asing atau orang luar yang diistilahkan “ung”, kerana ung tidak mengenali hal yang dimaksudkan *kuak tobak* ini.

9. Respon

Respon atau tindak balas ini berkaitan dengan reaksi para pendengar ucapan ini. Respon di dalam Teks 2 ini terdiri daripada 1 dan 2.

Respon 1 ialah seperti pada:

L27: (ketawa, semua yang hadir ketawa)... *sudah Tok*.

Ungkapan “... *sudah Tok*” di sini ialah permintaan salah seorang pendengarnya supaya Tok Batin berhenti daripada berjenaka kerana mereka sudah tidak mampu menahan kelucuan jenaka Tok Batin tersebut.

Respon 2 pula ialah pada:

L31: *senang...*

Ungkapan hanya sepatah kata ini disebut oleh semua pendengar. Kata “*senang*” di dalam kontek ini bermaksud mudah atau gembira. Hidup tentu menjadi lebih senang jika mereka boleh membaca, Mereka akan menjadi gembira jika mempunyai kemampuan seperti itu.

10. Soalan

Selanjutnya ialah soalan yang dikemukakan oleh penutur kepada pendengarnya. Soalan ini merupakan satu-satunya soalan yang ada dalam Teks 2 ini. Penggunaan kata kunci “soalan” ini berdasarkan kepada ungkapan yang digunakan yang sememangnya soalan. Soalan ini diajukan kepada pendengar untuk mendapatkan maklum balas sama ada mereka sudah boleh membaca atau tidak. Jika mereka sudah boleh membaca, bagaimana perasaan mereka (anak-anak sekolah). Bagaimana pula dengan jiwa mereka? Gembira? Senang? (Suka). Sila lihat petikan di bawah ini:

L28 hingga L30: *sekolah Danga... aih ah pandai baca macam mak? Macam mak?, jiwa aih ok dek? Macam mak? Senang dek?*

11. Contoh

Penutur mengemukakan contoh tentang kelaziman Orang Seletar dibuli, dibohong dan ditipu. Contoh yang dikemukakan ini implisit sifatnya kerana penutur tidak menyebut ungkapan ini sebagai sebuah contoh. Kata “contoh” ini merupakan kata kunci daripada ungkapan yang dilafazkan yang membawa maksud contoh. Sila lihat kutipan di bawah.

L35 hingga L38: *Dalam satu surat iye.. ika tak tau baca, ung kalau tak tau membaca, kita yang kene tipu, tau? kita yang kena tipu, bangsa kita sendiri yang tertekan [masih tak sedar lagi] ...*

Dalam petikan di atas penutur memberikan contoh yang dimaksudkan iaitu sepucuk surat. Selanjutnya penutur menyatakan jika surat ini tidak dapat dibaca (kerana buta huruf), maka merekalah yang kena tipu. Tertipu seumpama ini menyebabkan mereka Orang Seletar akan tertekan. Selanjutnya penutur menyatakan sindiran dengan nada yang sangat perlahan [masih tak sedar lagi] kepada pendengarnya.

12. Latar belakang sejarah

Kata kunci selanjutnya disebut “latar belakang sejarah” memandangkan penutur merujuk kepada masa lalu orang-orangnya tidak ke sekolah, beliau menyebutnya sebagai ketinggalan sekolah. Jika diamati, penggunaan kata “*walaupun*” kurang sesuai kerana mengganggu maksud yang ingin dikemukakannya memandangkan hadir perkataan **hanya**. Sebenarnya Orang Seletar **bukan hanya** ketinggalan sekolah, tetapi langsung tidak ke sekolah. Kata ketinggalan sebenarnya merujuk kepada ketinggalan dari pelbagai aspek bukan hanya ketinggalan sekolah. Perkataan “*jampak*” sebenarnya secara khas merujuk hanya kepada masyarakat Seletar. Penggunaan kata *jampak* selalu merujuk kepada masa lalu mereka sewaktu tinggal di dalam perahu (kajang) sebelum tinggal menetap di darat. Sila perhatikan petikan di bawah ini:

L41 hingga L44: *walaupun* kita... *walaupun* kita **jampak** hanya ketinggalan sekolah, *walaupun* ibu bapa dulu tak sekolah, suruh anak-anaknya sekolah macam ika kan?

13. Sasaran

Masyarakat Seletar selalu menjadikan masyarakat yang ada di sekeliling mereka sebagai kayu pengukur kejayaan. Seringkali orang Melayu dijadikan rujukan memandangkan mereka juga beragama Islam. Oleh hal yang demikian, jika ada orang Melayu yang berjaya dan kaya mereka akan menggunakan kekayaan dan kejayaan mereka itu untuk menunaikan haji ke Mekah. Sebab itulah penutur mengemukakan ungkapan seperti berikut:

L55: *generasi buat aih ke [mekah] esok.*

Persoalan yang timbul di sini bukan suruhan ke Mekah itu tetapi sebab penyebutan Mekah itu disenyapkan sehingga bunyinya antara dengar dan tidak.

Berdasarkan analisis teks genre ini, disimpulkan bahawa ada 13 kata kunci secara keseluruhannya. Bagi kata kunci yang muncul lebih kerap seperti Harapan 1-7,

menunjukkan bahawa Penutur sewaktu menyampaikan teks ini memberi penekanan kepada perkara tersebut.

5.6 Gaya

Aspek gaya yang dibentangkan di sini ialah (1) gaya individu (2) gaya sosial dan (3) gaya hidup atau disebut juga *lifestyle*. Pembentangan ketiga-tiga aspek gaya ini akan memperjelaskan maksud Teks 2, baik dari segi kandungan teks mahupun latar belakang masyarakat ini.

5.6.1 Gaya Individu

Tok Batin ABK menjawat jawatan Tok Batin sejak 1995 hingga 2008. Pada tahun 2008 beliau meninggal dunia dan digantikan oleh Tok Batin KK. ABK merupakan sosok pemimpin masyarakat Seletar yang disegani oleh anak buahnya. Namun begitu, beliau sangat akrab dengan anggota masyarakatnya.

Dalam Teks 2, ditemukan beberapa gaya khas ABK. Yang pertama ialah beliau sering membuat jenaka walaupun ketika dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah untuk memberi nasihat kepada anak-anak buahnya yang masih bersekolah agar tidak ponteng sekolah. Pada *caption* 1.18, Tok Batin: "... . *boleh membace sikit-sikit. ABK... boleh baca sikit.. oh nama batin, nama kuak tobak...* . setelah ujaran ini (sebagai respon), pada *caption* 1.19 Anak-anak: (*Ketawa, semua yang hadir ketawa*). Kelucuan kata-kata Tok Batin itu terletak pada asosiasi nama ABK itu dengan nama *kuak tobak* (nama sejenis kura-kura paya, yang berkulit lembut dan mempunyai rupa yang buruk).

ABK berbanding dengan individu lain di Kampung Bakar Batu adalah seorang yang tegas dan sangat berani berdepan dengan sesiapa saja. Pengalaman beliau yang luas berdepan dengan *ung* (orang asing) menyebabkan beliau tidak kekok untuk bertutur

kata. Pengaruh bahasa dan budaya asing termasuk bahasa Melayu sendiri telah sebatian dengan dirinya. Dalam hal ini, pengaruh bahasa Melayu dalam dirinya terpapar apabila beliau mengaplikasikan imbuhan bahasa Melayu dalam perkataan bahasa Seletar.

Sila lihat contoh di bawah ini.

Kata Dasar Bahasa Seletar	Kata Dasar Bahasa Melayu	Penggunaan kata oleh Tok Batin
Bace - (tiada imbuhan)	Baca	Bace baca mebaca mebace membaca membace
Buli - (tiada imbuhan) + (pinjaman, di-)	Buli	Dibuli Dibulikan
Teken + te-	Tekan	Tertekan tertekan teteken
Jaya + be-	Jaya	Berjaya (Sepatutnya) berjaya
Harap - (tiada imbuhan) - (pinjaman, meng-)	Harap	Mengharap
Nengok - (tiada imbuhan)	Tengok	Tengok Nengok

Seperkara lagi yang menonjolkan keistimewaan ABK ialah beliau menjadikan pencapaian masyarakat Melayu, Cina dan India sebagai penanda aras kejayaan masyarakatnya. Beliau beranggapan bahawa jika berjaya harus menunaikan haji di Mekah (contoh penanda aras Melayu), seperti yang dituturkan olehnya, pada caption 2.56, Tok Batin: "... .. *buat aih ke Mekah esok*".

5.6.2 Gaya Sosial

Keakraban dan keramahan Tok Batin ABK terhadap anggota masyarakatnya ketara dengan gaya pengucapannya, dan penampilannya di depan anak-anak buahnya. Beliau tampil dengan berpakaian yang bersahaja. Maksud berpakaian secara bersahaja ini ialah beliau mengenakan kain sarung pelikat dan berbaju kemeja yang lusuh. Kehadiran anak-anak (sekolah) ke rumahnya atas permintaan (perintah) daripada beliau sendiri yang menerima arahan dari pihak Sekolah dan pihak JHEOA.

Ucapan beliau mengandungi nasihat, teguran dan kata-kata perangsang yang disampaikan oleh beliau sambil duduk di atas kerusi sedangkan anak-anak (sekolah) duduk di lantai dengan jarak kira-kira 1.5 meter. Modaliti yang dipaparkan ini menunjukkan perbezaan status antara aktor dengan pesertanya.

Ketika menyampaikan ucapannya, aktor kelihatan bersemangat dan bergaya. Tahap keyakinannya ketika berucap sangat tinggi. Namun demikian, aktor tidak dapat juga lari daripada menjadi individu “ABK”. Oleh hal yang demikian, beliau menyebut dirinya “*kami*” di awal-awal ucapannya, sebelum menyebut “*am*” yang bermaksud saya (formal) dan kemudian kembali menyebut “kami”. Setelah itu, beliau secara berturut-turut menggunakan GN “kita” (yang bermaksud turut meletakkan dirinya sebahagian daripada permasalahan yang sedang diperkatakan. Setelah penggunaan kata “kita” ini, aktor kembali menyebut dirinya sebagai “Tok Batin”. Selanjutnya beliau secara terus-menerus menggunakan “am” setelah itu menyebut nama penuhnya ABK kemudian menyebut (Tok) Batin. Klimaks dari ini ialah aktor secara sengaja menyebut nama ABK yang diasosiasikan namanya itu dengan nama seekor kura-kura. Hal ini dilakukan oleh aktor dengan maksud untuk meletakkan dirinya ke tahap yang lebih rendah dari anak-anak buahnya. Di samping itu, hal ini dilakukan sebagai jenaka.

Pada paragraf 5 (paragraf terakhir), aktor semakin yakin dengan persoalan yang sedang dibicarakan setelah mendapat respon (ketawa) yang baik daripada anak buahnya. Selanjutnya, aktor menempatkan dirinya dengan menggunakan GN kita. Penggunaan GN kita ini sekali lagi meletakkan dirinya sebagai sebahagian daripada permasalahan yang sedang dihadapi oleh anak-anak buahnya.

5.6.3 Gaya Hidup

Pembicaraan mengenai gaya hidup ini dipecahkan kepada dua iaitu (1) berdasarkan bahasa yang digunakan dan 2) berdasarkan penampilan diri di depan khalayak.

5.6.3.1 Gaya Hidup Berdasarkan Bahasa

Jika gaya individu merupakan pewujudan diri individu yang tercermin melalui tutur katanya, gaya sosial pula ialah gaya yang berkaitan dengan tanggungjawab, dan peranan terhadap masyarakatnya. Gaya hidup merupakan gabungan daripada dua gaya yang dinyatakan itu. Dengan perkataan lain, aktor dapat dilihat gayanya berdasarkan ciri-ciri individualnya, peranan, tanggungjawab dan status dalam masyarakat serta kelaziman aktor menjalani kehidupannya sebagai anggota masyarakat.

Dalam kehidupan sehari-hari, Tok Batin (status sosial) menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Beliau juga turun ke laut, bekerja sebagai nelayan. Justeru itu, jika dilihat penggunaan GN misalnya, beliau pastinya lebih banyak menggunakan GN kami dan kita. Tetapi jika ada perkara yang berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai Tok Batin, GN diri khususnya yang digunakan iaitu *am*. Hanya GN *am* membezakan aktor dengan anggota masyarakatnya.

5.6.3.2 Gaya Hidup Berdasarkan Penampilan di Depan Khalayak

Keseluruhan anggota masyarakat Seletar nelayan. Setiap anggota masyarakat sejak kecil dibiasakan dengan kerja-kerja laut. Justeru itu mereka berpakaian ala kadar sesuai dengan pekerjaan mereka. Mereka tanpa mengira jantina sama ada lelaki atau wanita, lebih selesa memakai seluar pendek, kadang-kadang seluar panjang, baju-T lengan pendek atau lengan panjang, baju kemeja lengan pendek atau lengan panjang atau tidak memakai baju sama sekali (lelaki dan kanak-kanak).


Justeru itu jika berdepan dengan khalayak mereka tampil sebagaimana layaknya. Jika khalayak itu bernasib baik, mereka akan tampil dengan memakai pakaian lebih baik daripada pakaian untuk bekerja di laut. Oleh itu, telah menjadi lumrah jika khalayak bertemu dengan anggota masyarakat yang masih mengenakan pakaian yang sama untuk bekerja di laut. Namun demikian, jika ada sesuatu acara keramaian, barulah anggota masyarakat ini akan berpakaian lebih baik daripada biasa. Kaum wanitanya pula akan mengenakan solekan mengikut citarasa mereka sendiri.

5.7 Modaliti

Modaliti yang dikenal pasti di dalam teks dipecahkan kepada beberapa potongan teks (caption) seperti berikut.

5.7.1 Modaliti Berdasarkan Modaliti Linguistik dan Visual.

Dalam pertututan 3, 4, dan 5 di bawah ini, masing-masing menonjolkan unsur kuasa. Penonjolan unsur ini terjadi baik secara sengaja mahupun tidak sengaja. Namun demikian sangat sukar menentukan aspek linguistik yang mewakili paparan unsur kuasa ini kecuali dengan menampilkan secara serentak huraian mengenai modaliti linguistik dan visual. Sila perhatikan visual di bawah ini.

<p>1.44</p> <p>Tok Batin: (3) kita tak dibuli melayu, kita tak dibulikan cina, kita tak boleh dibohongi lagi pasal dah boleh membaca, aih dah pandai membaca. Dalam satu surat iye... ika tak tau baca, ung kalau tak tau membace, kita yang kene tipu, tau? kita yang kena tipu, ... 1.50</p>	<p>Visual 3</p> 
---	--

Modaliti Linguistik (3)




Dalam pertuturan 3, dapat dikesan keselarian dan kesejajaran tuturan yang diujarkan dengan yang kelihatan pada video. Berikut adalah pertuturan yang diambil bagi mewakili ekspresi yang diluahkan oleh Tok Batin dalam enam saat (1.44 hingga 1.50). Kata yang dihitamkan di bawah mewakili kesejajaran penonjolan unsur kuasa beliau. Kata **tak** diulang penggunaannya sebanyak tiga kali. **Tak** bermaksud tidak dan tergolong dalam kategori *Kata Nafi*. Oleh itu kata **tak** inilah yang dimaksudkan sebagai modaliti linguistik.


*1.44“ kita **tak** dibuli Melayu, kita **tak** dibulikan Cina, kita **tak** boleh dibohong lagi pasal aih dah boleh membaca, aih dah pandai membaca”1.50*

Modaliti Visual (3)

Modaliti visual 3, merupakan pergerakan tangan Tok Batin (sila lihat Visual 3 di atas) yang bergerak dalam posisi yang tinggi dan pergerakan ini dibuat dalam pusingan (jam) sebanyak tiga kali sejajar dengan modaliti linguistik **tak** yang diungkapkan sebanyak tiga kali. Setiap kali kata **tak** diujarkan, kedudukan tangan berada di puncak pusingan tertinggi (dalam pusingan arah jam). Modaliti visual ini bertahan selama 6 saat. Hal ini sejajar dengan kedudukan Tok Batin sebagai pemimpin masyarakat.

Selanjutnya, bagi modaliti linguistik dan visual bagi pertuturan (4), (5), (6) dan (7) dapat dilihat pada jadual berikut ini.

<p>2.03</p> <p>4(a) bangsa kita sendiri...</p>	<p>Visual 4(a)</p> 
<p>4(b) yang <i>tertekan</i> 2.04</p>	<p>Visual 5(b)</p> 
<p>4(c) ... masih <i>tertekan</i> 2.04</p>	<p>Visual 6(c)</p> 

4(d) ... lagi 2.05	<p>Visual 7(d)</p> 
--------------------	---

Modaliti Linguistik 4(a)

Selanjutnya pada pertuturan 4(a), Tok Batin mengungkapkan kejadian yang lumrah terjadi berkaitan dengan topik yang sedang bincangkan olehnya mengenai wujudnya unsur penindasan. Beliau mengungkapkannya sebagai berikut:

2.03 “4(a) bangsa kita sendiri...

Modaliti Visual 4(a)

Modaliti visual 4(a) merupakan pergerakan tangan Tok Batin mulai diangkat tinggi melebihi paras bahunya. Keadaan ini bermaksud Tok Batin baru memulakan penekanan maksud mesej yang ingin disampaikan.

Modaliti Linguistik 4(b)

Selanjutnya ialah sambungan daripada ungkapan (5) di atas iaitu... *yang tertekan...* Tok Batin menyebutkan dengan jelas ungkapan ini yang bermaksud ... *yang tertindas*.

Modaliti Visual 4(b)

Pada visual kelihatan tangan kanan Tok Batin pada kedudukan 4(a) telah diarahkan (ditekankan) ke bawah melebihi paras tempat meletakkan tangan di kerusinya pada kedudukan dalam visual 4(b).

Modaliti Linguistik 4(c)

Pertuturan ... *masih tertekan*, sungguhpun merupakan sambungan daripada pertuturan sebelumnya iaitu *yang tertekan*, namun pertuturan ini merupakan pengulangan dengan maksud yang sama seperti di atas. Bezanya ialah penggunaan kala kini *masih* (tense)... masih tertekan.

Modaliti Visual 4(c)

Kedudukan tangan kanan Tok Batin masih di paras bawah tempat meletakkan tangan, namun sudah mulai naik dari kedudukan 4(b).

Modaliti Linguistik 4(d)

Ungkapan terakhir dalam pertuturan ini ialah ... *lagi*. Pada kata *lagi* inilah letaknya intonasi akhir pada pertuturan tersebut.

Modaliti Visual 4(d)


Kedudukan tangan sudah kembali ke kedudukan asal iaitu di atas tempat meletak tangan. Hal ini bermaksud penekanan maksudnya sudah berakhir di sini pada suntingan 2.05.

Sungguhpun pergerakan pada V4, V5, V6 dan V7 bukanlah pergerakan yang universal, namun maksud pergerakan ini terungkap dengan perbuatan yang dilakukan oleh Tok Batin bagi membuktikan bahawa memang masyarakat Seletar tertindas.

Dalam pertuturan yang berlangsung selama .02 saat ini modaliti linguistiknya ialah ML 4(a), bangsa kita sendiri, ML 4(b), yang *tertekan*, ML 4(c), masih tertekan, dan ML 4(d), *lagi*. *Tertekan* dalam konteks pertuturan ini bermaksud tertindas. Imbuhan *ter-* di sini bermaksud tidak disengajakan. Ertinya penindasan yang berlaku disebabkan oleh kelemahan dan kekurangan yang dimiliki mereka. Dalam hal ini, maksud Tok Batin

dalam konteks ucapannya ialah “buta huruf”. Oleh itu, buta huruf di dalam konteks pertuturan ini merupakan sebab sehingga sekarang mereka masih *tertindas*.

Modaliti linguistik dan visual 5) dapat diperhatikan dalam jadual di bawah ini.

<p>2.40</p> <p>(5) JI: <i>shssss...</i></p> <p>2.40</p>	<p>Visual 5</p> 
---	--

Modaliti Linguistik (5)

Sementara itu, ujaran 5 berlaku sebagai pengukuhan kepada unsur kuasa yang dimiliki oleh aktor (Tok Batin). JI meminta semua anak-anak yang hadir agar jangan bercakap kerana Tok Batin sedang bercakap. Tindakan JI ini sebenarnya juga merupakan satu bentuk pameran kuasa sungguhpun kuasa yang dimilikinya tidak dominan seperti kuasa Tok Batin. Justeru tindakan JI itu telah menaikkan lagi kuasa dominan Tok Batin. Dalam ujaran 5 ini, JI berkata kurang dari satu saat (pada 2.40-2.40) “...*shshss...*”. Unsur “shshss...” ini tidak tergolong sebagai perkataan tetapi mengandungi maksud yang universal iaitu “jangan bising”.

Modaliti Visual (5)

Pada modaliti visual 5, tindakan yang dilakukan oleh JI merupakan pergerakan yang universal. JI memberi isyarat dengan memuncungkan bibir sambil mendekati jari

telunjuk kirinya tepat di tengah bibirnya yang dimuncungkan itu. Modaliti linguistiknya ialah “*shssss*” yang merupakan arahan kepada adik-adik bawahannya supaya jangan bising atau bercakap-cakap ketika Tok Batin (yakni orang yang dihormati) sedang bercakap. Tindakan JI ini sekali gus merupakan tindakan pengukuhan terhadap “kuasa” yang dimiliki oleh Tok Batin, selain menampakkan bahawa dalam kalangan adik-adik di bawah perhatiannya, dia lebih tua (sudah berkahwin dan mempunyai dua orang anak) dan sewajarnya dia berbuat demikian.

5.8 Analisis Teks dari segi Wacana Teks 3

Bahasan mengenai wacana dipecahkan kepada dua bahagian, (a) Unsur-unsur Wacana dalam Teks 3, (b) Senario Teks, dan (c) Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan.

Teks 3

- Pen : XX tu kenapa?
 Kais : XX ah (..) lame ncaik ke laut (..) nyak ade empang (..) pukak udang (..) ikan (..)keN (..) XX keje da'at(.)
 Pen : emmm..
 Iwan : nyak pawang (..) nyak ubat kon dapat duit jujuk (..) XXi (..) bini XX pawang jujuk (..) dulu keberet kejek kelab malam siNapor sana(.) mak besar pandai dukun sama XX .
 Pen : Oooo
 Kais : XX pandai palu tambu (.) XX (..) ketua muzik seletar sikak. XXi pandai nyanyi?
 Iwan : hah (..) nyak selalu pun nyaklah nyanyi (..) ncaik ade oN lain dikasi nyanyi?(.) Sika? (..) adik-adik muda- muda (..) banyak yang pandai nyanyi? (.)
 Pen : ermm macam tu...
 Kais : haah ye (...)
 Iwan : Selalu pejabatatan panggil XX untuk main (.) XX bawa penari adik-adik kampung ka (..) main merata tempat jujuk (..) ikut permintaan la (..) main kat mana (..) kualalumpur pun selalu jujuk (.)
 Pen : ohh...
 Kais : XX ada ntokar (..) pejabatatan suruh XX amik upah antar anak sekolah (.) cuma XX ni payah (.)
 Pen : Payah?
 Iwan : PAYAH (...) KAU INGET APA?
 Pen : Hah???
 Iwan : Pejabatatan kasi duit banyak bila main muzik (..) nyak ncaik kasi adik-adik penari (..) Pejabatatan kasi duit upah antar anak-anak sekolah (..) nyak selalu tak antar adik-adik Sekolah (..) macam- macam la (..) ncaik ade minyak (..) ntokar nyak rosak (..) macam-macam la (.) nyak ncaik mau jujuk campor kon (..) payah (...) payah (...)
 P : ish ish ish...
 Kais : XX macam ka lah (...)

Terjemahan:

- Kais : *XX sudah lama tidak ke laut.. dia ada empang, pukak udang, ikan. Sekarang XX keje darat.*
 Iwan : *Dia pawang, dia ubatkan orang kita pun dapat duit juga. XXi isteri XX pun pawang juga. Dulu dia kerja keberet kelab malam di Singapura sana. Y pandai macam X berdukun.*
 Kais : *XX pandai pukul gendang. XX ketua music Seletar di sini. XXi pandai menyanyi.*
 Iwan : *Hah... selalu pun dialah saja yang menyanyi. Orang lain tidak diberi menyanyi. Di sini adik-adik yang muda-muda pandai menyanyi.*
 Kais : *haah ya..R4 : Selalu pihak JHEOA panggil XX untuk persembahan. XX bawa adik-adik di kampung main di merata tempat... ikut permintaan, di Kuala Lumpur pun selalu juga.*
 Kais : *XX ada kereta, JHEOA suruh XX ambil upah hantar anak-anak sekolah. Cuma XX ni payah.*
 Iwan : *Payah... kau ingat apa?*
 Iwan : *JHEOA beri duit banyak bila buat persembahan muzik, dia tak bagi upah adik-adik penari. JHEOA beri upah antar anak-anak sekolah, dia selalu tidak hantar... macam-macam la, tidak ada minyak, kereta rosak, macam-macam la. Dia tidak mahu bergaul dengan orang kita.. payah-payah..*
 Kais : *XX macam ni lah.*

5.8.1 Unsur-unsur Wacana dalam Teks

Wacana dalam Teks 3 merangkumi 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya ialah suatu rentetan pertuturan dengan suatu maksud yang jelas. Unsur-unsur itu ialah (1) Aksi (2) Sikap (3) Aktor (4) Persembahan dan penampilan (5) Sumber (6) Masa dan (7) Ruang. Berikut dibentangkan keseluruhan unsur tersebut bermula dari unsur 1 hingga 7.

(1) Aksi

Penyelidik bertandang ke rumah Tok Batin KK. Ketika itu beliau dan IK sedang rancak berbual-bual mengenai XX yakni salah seorang warga Kampung Bakar Batu. Dari luar rumah, Pen. terus masuk dan mencelah perbualan mereka.

(2) Sikap

Tok Batin dalam perbualan ini kelihatan bersahaja sedangkan IK agak kurang senang dengan topik perbualan itu. Pen. pula bersemangat kerana ingin tahu lebih lanjut mengenai watak yang disebut-sebut dalam perbualan ini.

(3) Aktor

Interaksi di dalam perbualan ini terjadi antara Tok Batin, IK dan Pen. Interaksi ini berlangsung dalam dua hala. Hal ini menunjukkan Tok Batin dan IK saling mengemukakan pandangan dan pendapat mengenai topik. Sementara itu, Pen. yang berusaha untuk mengumpulkan maklumat sesekali mencelah dan mengemukakan soalan kepada Tok Batin dan IK.

(4) Persembahan dan Penampilan

Tok Batin dalam perbualan ini memakai baju kemeja lengan pendek berwarna abu-abu dan berseluar panjang berwarna hitam. IK pula memakai kemeja T lengan pendek dwiwarna iaitu merah di bahagian dada dan hitam di bahagian bahu dan lengan. Tok

Batin KK menghisap rokok di sepanjang perbualan ini sedangkan IK tidak merokok. IK memang tidak pernah merokok.

(5) Sumber

Ketika perbualan ini berlangsung, Tok Batin, IK dan Pen. duduk di lantai ruang tamu yang beralaskan tikar getah bercorak papan catur berwarna hitam dan putih.

(6) Masa

Pada ketika perbualan ini berlangsung, waktu sudah menunjukkan pukul 10.30 malam. Tok Batin biasanya menutup kedai runcitnya pada pukul 10.00 malam. Hal ini menunjukkan perbualan ini baru saja berlangsung. Kira-kira pukul 10.30 inilah juga lazimnya Pen. mengunjungi Tok Batin dan keluarganya.

(7) Ruang

Ruang tamu di rumah Tok Batin ini agak gelap walaupun diterangi lampu kalimantang. Keadaan ini menunjukkan lampu yang digunakan tidak bersesuaian dengan keluasan ruangan tersebut. Tiada kerusi atau sofa dan tiada juga meja. Semua kerusi dan sofa serta meja diletakkan di bahagian luar iaitu anjung (dari jenis pisang sesikat) yang baru dibina.

5.8.2 Senario Teks 3

Senario Teks 3 ialah rentetan peristiwa yang berlaku dari awal perbualan hinggalah ke akhir perbualan. Berdasarkan 7 unsur wacana (yang telah dibincangkan di atas) yang terkandung di dalam wacananya, setiap unsur diletakkan di dalam kolum masing-masing bagi menunjukkan fungsinya. Setiap unsur ini saling melengkapi. Tanpa salah satu unsur ini, rentetan peristiwa tidak akan menjadi sempurna.

Jadual: Senario Teks

Pertu	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	Pen.	Mencelah perbualan	Ingin tahu	Bermula pada pukul 10.30 mlm	Di rumah Tok Batin	Di atas lantai beralas tikar getah	Mencari maklumat lebih lanjut
2	Tok Batin	Menyambung perbualan	Bersahaja	10.31mlm	sda	sda	Meluahkan perasaan
3	Pen.	Mengiya	Tidak mahu mencelah	10.31mlm	sda	sda	Menunggu maklumat lanjut
4	IK	Menyambung perbualan	bersemangat	10.32 mlm	sda	sda	Mengkritik XX
5	Pen.	Mengiyakan	Tidak mahu mencelah	10.34 mlm	sda	sda	Mahu lebih banyak maklumat
6	Tok Batin	Mencirikan XX	Kesal	10.35mlm	sda	sda	Menerang – kan ttg XX
7	IK	Mencelah perbualan	Tidak puas hati	10.35mlm	sda	sda	Lanjutkan kritikan terhadap XX
8	Pen.	Mengeyakan	Tidak mahu mencelah	10.36mlm	sda	sda	Menanti lebih banyak maklumat
9	Tok Batin	Mengiyakan kata-kata IK	Tidak mahu mencelah	10.36mlm	sda	sda	Membiarkan IK melanjutkan
10	IK	Melanjutkan kritikan terhadap XX	Selesa untuk melanjutkan pandangannya	10.37mlm	sda	sda	Meluahkan isi hatinya
11	Pen.	Mengeyakan	Khairanan	10.37mlm	sda	sda	Ingin mengetahui lebih lanjut
12	Tok Batin	Menyambung kata-kata IK	Bertambah kesal	10.38mlm	sda	sda	Meluahkan isi hatinya
13	Pen.	Mencelah sambil provokasi	Kurang sabar	10.38mlm	sda	sda	Mahu tahu maklumat selanjutnya
14	Tok Batin	Merespon provokasi	Bertambah kesal	10.39mlm	sda	sda	Mahu menjelaskan lebih lanjut

15	Pen.	Mengulang provokasi	bersemangat	10.39mlm	sda	sda	Mahu lebih banyak maklumat
16	IK	Menyambut provokasi Pen	Lebih bertenaga	10.40mlm	sda	sda	Menjelaskan dengan lebih detail.
17	Pen.	Mengeyakan kata-kata IK	Masih kehairanan	10.41mlm	sda	Sda	Berharap agar IK menyambung penjelasannya
18	Tok Batin	Mengeyakan kebenaran kata-kata IK	Lebih lega	10.42mlm	sda	sda	Menunjukkan rasa puas hati terhadap perbualan ini

Dalam pertuturan 1, Pen. (aktor) yang mencelah perbualan (aksi) dengan rasa ingin tahu (sikap), waktu celahan ini ialah 10.30 malam (waktu), di rumah Tok Batin (tempat), sambil duduk melantai beralas tikar getah (sumber) bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai topik perbualan (tujuan).

Pertuturan 2, Tok Batin (aktor) menyambung perbualan (aksi) dengan bersahaja (sikap). Ketika ini waktu menunjukkan pukul 10:31 malam (waktu). Tempat dan sumber Tok Batin bercakap ini masih sama hanya tujuannya berbeza (tujuan) iaitu aktor meluahkan perasaannya mengenai topik perbualan. (Unsur wacana seperti tempat dan sumber tidak akan dibincangkan lagi pada pertuturan selanjutnya memandangkan tempat dan sumber ketika perbualan ini bersifat tetap).

Pertuturan 3, Pen. (aktor) tidak mahu mencelah perbualan (aksi) kerana rasa ingin tahu yang tinggi (sikap). Ketika ini menunjukkan pukul 10:31 malam (waktu). Sementara itu, tujuan aktor tidak mencelah perbualan ini adalah untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lebih lanjut mengenai perkara yang sedang diperkatakan (tujuan).

Pertuturan 4, IK (aktor) menyambung perbualan (aksi), dia kelihatan bersemangat (sikap). Ketika itu jam menunjukkan pukul 10:32 malam. IK mula membuat kritikan (tujuan).

Pertuturan 5, Pen. (aktor) mengeyakan (aksi) apa yang dituturkan oleh IK dan tidak berhajat untuk mencelah perbualan (sikap) kerana mahu mengumpul lebih banyak maklumat (tujuan). Ketika itu menunjukkan 10:34 malam.

Pertuturan 6, Tok Batin (aktor) mengambil gilirannya dengan memberikan butiran (aksi) dengan bersahaja (sikap). Tujuannya ialah untuk menerangkan perkara yang sedang dibualkan.

Pertuturan 7, IK (aktor) mengambil giliran dengan mencelah (aksi) perbualan. Ketika IK tidak puas hati (sikap) terhadap perkara yang dibualkan. IK bermaksud untuk menyambung kritiknya terhadap perkara ini. Waktu ketika ini menunjukkan pukul 10:35 malam.

Pertuturan 8, Pen. (aktor) mengeyakan kata-kata IK (aksi) dengan niat tidak mahu mencelah (sikap) dengan maksud untuk menunggu lebih banyak maklumat (tujuan). Ketika itu ialah pukul 10:36 malam. Sekali lagi, tujuan Pen ialah untuk menanti lebih banyak maklumat.

Pertuturan 9, Tok Batin (aktor) bersetuju dengan IK (aksi), tetapi beliau tidak mahu mencelah perbualan IK (sikap) dan membiarkan IK melanjutkan perbualannya (tujuan). Ketika ini pukul 10:36 malam.

Pertuturan 10, IK (aktor) melanjutkan kritiknya terhadap perkara yang dibualkan (aksi) dengan selesa kerana Tok Batin bersetuju dengan pandangannya (sikap). Oleh itu,

IK mengambil peluang ini untuk meluahkan isi hatinya (tujuan) terhadap permasalahan yang sedang diperkatakan. Ketika ini jam menunjukkan pukul 10:37 malam.

Pertuturan 11, Pen. (aktor) mengeyakan kata-kata IK (aksi) tetapi hairan mengenai subjek yang dibualkan (sikap). Pen. mempamerkan sikap seumpama ini adalah untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut. Ketika ini jam menunjukkan pukul 10:37 malam.

Pertuturan 12, Tok Batin (aktor) menyambung kata-kata IK (aksi) dengan nada yang menunjukkan dia semakin kesal terhadap subjek (sikap). Waktu menunjukkan pukul 10:38 malam. Tok Batin meluahkan apa-apa yang terbuku di hatinya selama ini.

Pertuturan 13, Pen. (aktor) mencelah dengan cara provokasi (aksi), untuk mengukur atau menilai tahap kekecewaan (sikap) mereka berdua. Tujuan Pen. adalah untuk mendapatkan kepastian mengenai tahap kekecewaan serta menginginkan maklumat selanjutnya. Ketika ini waktu menunjukkan pukul 10:38 malam.

Pertuturan 14, Tok Batin (aktor) memberi respon provokasi (aksi) dari Pen. Beliau bertambah kesal (sikap) terhadap subjek. Beliau mahu memberikan penjelasan lebih lanjut (tujuan). Ketika ini jam menunjukkan pukul 10:39 malam.

Pertuturan 15, Pen. (aktor) sekali lagi mengulang provokasi (aksi) kali ini memberi reaksi lebih bersemangat (sikap). Hasrat Pen. adalah untuk mendapatkan lebih banyak maklumat yang lebih lengkap. Ketika ini pukul 10:39 malam.

Pertuturan 16, IK (aktor) melanjutkan kritiknya (aksi) terhadap subjek dan kali ini IK lebih bersemangat (sikap) dengan memberikan perincian mengenai subjek dan apa yang dilakukan oleh subjek dengan lebih lengkap. Waktu ketika ini menunjukkan pukul 10:40 malam.

Pertuturan 17, Pen. (aktor) mengeyakan kata-kata IK (aksi) tetapi masih menunjukkan kehairanan (sikap) dengan tujuan untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut. Ketika ini waktu menunjukkan pukul 10:41 malam.

Pertuturan 18, Tok Batin (aktor) bersetuju sekali gus membenarkan kata-kata IK (aksi) dengan mempamerkan kelegaannya (sikap) kerana apa yang selama ini barangkali terpendam di hatinya telah disampaikan oleh IK. Ketika ini jam menunjukkan pukul 10:42 malam.

5.8.3 Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan

Di dalam jadual di bawah, ditunjukkan analisis teks dari segi struktur perbualan. Secara fizikalnya, Teks 3 terdiri daripada 18 pertuturan. Setiap pertuturan itu identik dengan paragraf. Sungguhpun paragraf atau pertuturan di sini ada yang tidak sempurna namun penentuan paragraf dilakukan dengan melihat kepada aspek pengambilan giliran secara kronologi.

Pertuturan 1, 3, 5, 8, 9, 11, 13, 14, 15, 17 dan 18 adalah terdiri dalam pelbagai bentuk, sama ada soalan, atau pertuturan tidak sempurna (ekspresi dengan maksud bersetuju, seruan, atau pun kehairanan). Pertuturan yang sempurna terdiri daripada pertuturan 2, 4, 6, 7, 10, 12 dan 16. Pertuturan ini dianggap sempurna kerana mempunyai maksud yang lengkap.

Bagi membentangkan analisis struktur perbualan ini, sila lihat jadual berikut:

L1 : 1) XX tu kenapa?	Celahan	P1
L2 : 2) XX ah lame ncak ke laot.. nyak ade empang, pukat udang, ikan. Keng XX keje da'at.	Kes 1	P2
L4: 3) Emmm..	Mengeyakan 1	P3
L5: 4) Nyak Pawang. Nyak ubat kon dapat duit juek.. Y bini XX Pawang juek. Dulu keberet kejek kelab malam Singapor sana. Y pandai dukun sama XX	Kes 2	P4
L8: 5) Oooo	Mengeyakan 2	P5
L9: 6) XX pandai palu tambu. XX, Ketua Muzik Seletar sikak. Y pandai nyanyik.	Keterangan Kes1	P6
L11: 7) hah nyak selalu pun nyaklah nyanyi, ncak ade ong lain dikasi nyanyik. Sikak, adik-adik muda- muda banyak yang pandai nyanyik.	Keterangan Kes2	P7
L14: 8) ermm macam tu...	Mengeyakan 3	P8
L15: 9) haah ye...	Mengesahkan	P9
L16: 10) Selalu pejabatan panggil XX untuk main. XX bawa penari adik-adik kampung ka main merate tempat juge. Ikut permintaan la main kat mana, Kuala Lumpur pun selalu juek.	Keterangan Kes 3	P10
L20: 11) ohh...	Kes 3	P12
L21: 12) XX ada ntokar, pejabatan suruh XX amik upah antar anak sekolah. Cuma XX ni payah.	Soalan	P13
L23: 13) Payah?	Jawapan	P14
L24: 14) Payah... kau inget apa?	Khairanan	P15
L25: 15) Hah???		
L26: 16) Pejabatan kasi duit banyak bila main muzik, nyak ncak kasi adik-adik penari. Pejabatan kasi duit upah antar anak-anak sekolah, nyak selalu tak antar adik-adik sekolah, macam- macam la, ncak ade minyak, ntokar nyak rosak, macam-macam la. Nyak ncak mau juge campor kon. Payah... payah...	Kesimpulan 1	P16
	Khairanan	P17
	Kesimpulan 2	P18
L32: 17) ish ish ish...		
L33: 18) XX macam ka lah		

Jumlah barisan = 33 (L1-33)

Jumlah pertuturan = 18 (P 1- 18)

Teks 3 ini, pada mulanya merupakan perbualan di antara Tok Batin dan IK (anaknyanya). Penyelidik datang bertandang ke rumah Tok Batin (tempat perbualan berlangsung) dan mencelah perbualan ini. Teks ini terdiri daripada 33 baris, dalam 18 paragraf (pertuturan). Setiap paragraf sama ada lengkap atau sebaliknya merupakan satu ujaran yang membawa satu maksud yang diberikan kata kunci yang mewakili maksudnya. Terdapat 18 kata kunci, ada kata kunci yang secara eksplisit mewakili maksud perbualan, ada juga kata kunci yang mewakili maksud yang implisit atau dengan kata lain maksudnya perlu diinterpretasi. Berikut secara kronologi diturunkan kesemua kata kunci tersebut.

(1) Celahan

Perbualan antara Tok Batin dan IK telah berlangsung. Pen., bertandang ke rumah Tok Batin dan mendengar perbualan mereka. Antara perkataan yang didengar ialah “XX”. Pen. masuk ke dalam rumah Tok Batin dan langsung mencelah perbualan mereka (Tindakan Pen. ini boleh dinilai kurang sopan, namun Pen mempunyai hubungan yang baik dengan Tok Batin, ahli keluarganya dan orang kampung yang lain). Semua ini berdasarkan “rapport” Pen. kerana telah menjalankan penyelidikan di sini sejak tahun 2001 lagi). Sila rujuk Bab 4; rapport muka surat 84.

Celahan yang dilakukan Pen. langsung tidak mengganggu perbualan mereka. Oleh sebab itu, Tok Batin secara spontan pula menyambung perbualan dengan menjawab soalan yang ditanyakan oleh Pen yang berbunyi (L1:1) *XX tu kenapa?*

(2) Kes

Kata kunci “kes” ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kes 1, kes 2 dan kes 3. Disebutkan kes kerana melibatkan “fakta” atau punca perbualan ini. Kes 1, kes 2 dan

kes 3 merupakan kes yang berbeza kerana walaupun kes saling berkaitan, namun fakta atau puncanya berbeza.

Kes 1

Tok Batin menyatakan pada L2-3: P2 sebagai “*XX lame ncak ke laot.. nyak ade empang, pukak udang, ikan. Keng XX keje da’at*”. Pernyataan ini bermaksud XX sudah lama tidak turun (bekerja) ke laut walaupun mempunyai peralatan yang lengkap seperti empang dan pelbagai jenis pukak. Selanjutnya Tok Batin mengatakan bahawa sekarang ini XX bekerja di darat (bukan lagi nelayan). Inilah perkara yang akan dikaitkan dengan bahasan dalam kata kunci selanjutnya.

Dalam konteks budaya Orang Seletar, mereka adalah nelayan, turun ke laut satu kemestian, tidak turun ke laut (bekerja di darat) dianggap pemalas kerana Orang Seletar jarang bekerja di darat kerana tidak mempunyai kemahiran lain seperti bercucuk tanam ataupun bertukang. Lagi pun, kelengkapan nelayan milik XX lengkap, jarang juga ada Orang Seletar yang mempunyai pelbagai peralatan nelayan sepertinya.

Kes 2

Kes 2 ini berkaitan dengan pekerjaan XX di darat iaitu sebagai Pawang. Di kampung Bakar Batu, memang XX menjawat jawatan Pawang berdasarkan struktur organisasi kampung. Permasalahan timbul kerana XX mengenakan bayaran terhadap perkhidmatannya. Hal ini bertentangan dengan norma kemasyarakatan Orang Seletar. Jawatan Pawang disandang secara tradisi kerana mewarisi kebolehan ini daripada orang tuanya. Tidak seperti jawatan Tok Batin yang dipilih setiap tiga tahun sekali. Keadaan bertambah kacau apabila sejak akhir-akhir ini, isterinya iaitu Mak Besar juga menjadi Pawang.

Kes 3

Bagi kes 3 ini menunjukkan XX memiliki sebuah van dan pihak JHEOA memberi upah kepada XX supaya menghantar dan menjemput anak-anak sekolah. Namun begitu, XX mungkin bermasalah. Masalah-masalah XX akan jelas kelihatan pada kata kunci selanjutnya iaitu Kesimpulan 1 dan 2.

(3) Mengeyakan 1, 2, 3, dan 4

Kata kunci mengeyakan ini terjadi ketika giliran bercakap Penyelidik. Kata kunci ini merujuk kepada maksud bersetuju dengan lawan bicara. Persetujuan yang diberikan di sini tidak bermakna bersetuju dengan apa yang diujarkan tetapi lebih kepada memberi peluang lawan bicara untuk mengungkapkan atau menyampaikan maklumat sebanyak mungkin. Kata kunci ini terdiri daripada (1) Ermmm... (2) Oooo... dan (3) Ermm macam tu... Kata kunci 1) dan 2) mempunyai kemiripan makna kerana kedua-duanya bermakna “bersetuju”. Terdapat sedikit perbezaan pada kata kunci 3) kerana maksudnya bukan hanya sekadar bersetuju, malah faham dengan perkara/ hal yang disampaikan oleh lawan bicaranya. Maksud kata kunci 1, 2, 3, dan 4 ini merujuk kepada maksud bersetuju dan faham. Perkara ini telah bincangkan dan disahkan oleh Tok Batin KK. (Samsur: 2006. Nota Lapangan).

(4) Keterangan Kes 1, 2 dan 3

Keterangan kes di sini bermaksud penjelasan lanjutan mengenai kes yang dirujuk iaitu kes 1 dan kes 2. Ada tiga keterangan kes, masing-masing disebut Keterangan Kes 1, 2 dan 3. Berikut dibentangkan ketiga-tiga kata kunci tersebut.

Keterangan Kes 1

Kes 1 berkisar tentang XX yang tidak bekerja sebagai nelayan lagi, keterangan kes di sini merujuk kepada sebab-sebab XX tidak berkerja sebagai nelayan. Antaranya

sebabnya ialah XX pandai bermain tambu (gendang). Dialah juga yang menjadi pemimpin kumpulan muzik di Kampung Bakar Batu. Selanjutnya isteri XX, Mak Besar pula pandai menyanyi. Dia menjadi penyanyi untuk kumpulan muzik yang dipimpin suaminya.

Keterangan Kes 2

Berdasarkan huraian Keterangan Kes 1, keterangan selanjutnya diperolehi apabila IK mencelah perbualan. Celahan ini memberikan maklumat yang lebih lengkap mengenai perkara yang dibualkan. Dalam keterangan Kes 2 ini, IK menyatakan bahawa Mak Besar sebagai penyanyi tidak memberi peluang sama sekali kepada orang lain khususnya penduduk kampung yang masih muda untuk menyanyi walhal menurut IK, ramai kalangan remaja di kampungnya yang mempunyai kebolehan menyanyi.

Keterangan Kes 3

Kumpulan muzik pimpinan XX ini selalu diundang oleh JHEOA untuk membuat persembahan di merata tempat termasuk di Kuala Lumpur. XX biasanya membawa bersama-sama para penari bagi menyertai kumpulan muziknya.

(5) Mengesahkan

Kata kunci ini bermaksud penutur membenarkan atau bersetuju dengan perkara yang disebutkan oleh penutur sebelumnya.

(6) Kagum

Kata kunci ini diekspresikan oleh Penyelidik kerana berasa kagum dengan kumpulan muzik dan kumpulan penari yang membuat persembahan di banyak tempat termasuk Kuala Lumpur.

(7) Soalan

Kata kunci soalan di sini merujuk kepada soalan yang diajukan oleh Penyelidik iaitu “payah”? Penyelidik tidak faham apa yang dimaksudkan “payah” oleh penutur.

(8) Jawapan

Kata kunci ini merupakan jawapan kepada soalan yang dikemukakan iaitu “payah”. Jawapannya juga ialah “payah” tetapi penutur menyambung dengan mengatakan “kau inget apa? Di sinilah letaknya konflik antara penutur dengan Penyelidik. Konflik ini berpunca daripada keinginan Penyelidik untuk mengetahui lebih lanjut sedangkan penutur pula beranggapan Penyelidik sudah memakluminya.

(9) Kehairanan 1 dan 2

Kata kunci kehairanan ini merujuk kepada persoalan “mengapa terjadi demikian”.

Kehairanan 1

Kehairanan yang dimaksudkan di sini bukan terhadap persoalan yang dibincangkan tetapi hairan terhadap sikap penutur yang tiba-tiba bernada tinggi (marah) kepada Penyelidik ketika Penyelidik mengajukan soalan “payah?”. Sebenarnya, penyelidik tidak menyedari bahawa perbualan yang sedang berlangsung ini sudah sampai ke kemuncaknya. Kedua-dua penutur IK dan Pak KK meluahkan isi hati mereka terhadap XX.

Kehairanan 2

Kata kunci yang diwakili oleh kehairanan 2 ini merujuk kepada kata kunci Kesimpulan 1 yang disampaikan oleh penutur yang merumuskan sikap tamak dan tidak jujur XX.

(10) Kesimpulan 1 dan 2

Kata kunci Kesimpulan 1 adalah rumusan daripada sikap XX yang dianggap tamak dan tidak jujur sedangkan Kesimpulan 2 adalah gambaran rasa kesal terhadap sikap XX itu.

5.9 Gaya

Pembentangan mengenai gaya dalam Teks 3 ini akan memperkatakan tiga pembahagian gaya iaitu gaya individu, gaya sosial dan gaya hidup. Fokus bahasan akan tertumpu kepada dua individu iaitu Pak KK dan IK ketika mendepani persoalan mengenai XX.

5.9.1 Gaya Individu

KK

Setelah Tok Batin ABK meninggal dunia pada tahun 2007, KK telah dipilih oleh warga Kampung Bakar Batu sebagai Tok Batin. JHEOA telah mengesahkan perlantikan beliau. KK seorang yang lemah lembut, mudah mesra dan seringkali tersenyum. Nada suaranya rendah tetapi jelas didengar. Beliau tidak suka marah-marah dan sentiasa bertenang dan bersabar. Sikapnya yang begini menyebabkan beliau disukai oleh kebanyakan warga kampungnya. Namun demikian, ada juga warga kampung yang menganggapnya sebagai lemah, tidak tegas dan penakut.

Ketika berbual dan berbincang mengenai XX, KK hanya menyampaikan perkara-perkara yang tidak disetujui atau disukai olehnya terhadap XX. Hal ini terlihat pada L2-3: 2 dan, L9-10:6. Sementara itu, pada L15: 9, KK hanya bersetuju dan membenarkan penjelasan IK seperti pada L11-13:7. Sementelahan pula tiada dikesan sebarang penggunaan GN yang boleh dijadikan asas pendirian KK. Hanya pada L21-22:12, KK berkata “*X ada ntokar, pejabatan suruh X amik upah antar anak sekolah. Cuma X ni payah.*” Dalam ayat terakhir yang bergaris iaitu “*Cuma X ni payah*” merupakan komen KK terhadap XX. Sungguhpun demikian, sukar untuk memahami maksud “payah” yang disampaikan oleh KK. Sebab itu jugalah IK membentak Penyelidik ketika Penyelidik bertanya seperti pada L23:13 *payah?* Kata *payah* di sini merujuk kepada sikap XX

secara keseluruhan iaitu mementingkan diri sendiri, tidak amanah, tidak jujur serta malas. KK akhirnya mengakhiri perbualan itu seperti pada L33:18 “*X macam ka lah*” dengan nada yang mengeluh.

IK

IK ialah anak KK. Pemuda ini terkenal dengan sikapnya yang tegas. Sangat rajin bekerja. Dia merupakan model pemuda Seletar yang berjaya. Setelah KK bapanya, dialah orang kedua di kampungnya yang mampu memiliki sebuah kereta. Pada masyarakat Seletar, kereta ialah barang mewah bukan barang keperluan. Justeru itu, dia dihormati oleh masyarakat kampungnya. Dalam soal menyatakan pandangan dan pendapatnya, IK sangat terbuka. Dengan perkataan lain, dia akan menyatakan pandangannya secara jelas tanpa berselindung. Oleh itu, dalam teks ini, IK lebih dominan dari segi mengungkapkan pendapat dan pandangannya.

5.9.2 Gaya Sosial

Dalam Teks 3 ini gaya individu KK dan IK tergambar pada sikap dan peranan masing-masing. Namun begitu, dalam gaya sosial ini akan tergambar pula keterikatan sikap dan pandangan mereka kepada komuniti yang diwakilinya. Pembentangan mengenai gaya sosial KK dan IK adalah seperti berikut.

KK

Jika pada pembentangan gaya individu kelihatan bahawa KK lebih banyak mengungkap permasalahan atau persoalan pada peringkat permukaan sahaja sedangkan IK menjelaskan lebih dalam setiap persoalan tersebut. KK kelihatan ragu-ragu dengan perubahan pada XX, terutama pada L2-3 : 2) *X ah lame ncak ke laot.. nyak ade empang, pukut udang, ikan. Keng X keje da'at.* Jika diperhatikan pada L2-3 tersebut, hanya ada satu perkara yang menjadi tanda tanya KK iaitu 1) mengapa XX berubah

kerjaya dari laut ke darat, sedangkan peralatannya lengkap. Persoalan yang dikemukakan KK ini mewakili keseluruhan masyarakat Seletar kerana pada mereka Orang Seletar nelayan dan sampai bila-bila akan menjadi nelayan. Oleh itu, jika ada antara mereka tidak lagi bekerja sebagai nelayan dianggap menentang nilai dan norma masyarakat.

IK

Dalam Teks 4 ini, IK menyatakan pendiriannya dengan jelas, dia memang tidak puas hati dengan XX dan Mak Besar. Perbezaannya IK dan KK ialah IK lebih lantang. Kelantangan IK ini kadang-kadang disusuli dengan emosinya. KK juga sebenarnya tidak puas hati dengan XX, namun KK lebih berhati-hati dan bersabar. IK mewakili golongan muda sedangkan XX mewakili golongan tua Seletar. Ada kecenderungan kelantangan IK itu disebabkan dia tahu kedudukannya di dalam masyarakat. IK adalah JKKK Kampung Bakar Batu. Tetapi IK dihormati dan disegani bukan hanya kerana dia JKKK di kampungnya tetapi kerana IK merupakan model terbaik bagi anak muda Seletar yang berjaya. Kehidupannya jauh lebih senang berbanding kebanyakan Orang Seletar. Sungguhpun perihal yang berkaitan dengan XX ini dianggap melanggar nilai-nilai dan norma-norma masyarakat Seletar, namun sebenarnya IK juga turut melanggar tuntutan masyarakatnya. Sila lihat pembentangan Teks 1.

5.9.3 Gaya Hidup atau Lifestyle

Gaya hidup yang tergambar di dalam Teks 3 ini merupakan realiti sebenar gambaran kehidupan Orang Seletar yang ditonjolkan melalui KK dan IK. Dalam Teks 3 ini ketara sikap dan pandangan KK terikat kepada posisi dirinya di tengah masyarakat. Sebagai pemimpin masyarakatnya dia memang perlu memberikan pertimbangan yang mendalam terhadap permasalahan yang melanda masyarakatnya. Tetapi nalurinya sebagai individu tidak lepas daripada berdepan dan menghadapi permasalahan ini. Berbeza dengan IK,

tanpa ragu dia menyampaikan apa yang ada dibenaknya. IK sangat berterus terang. Keterusterangan IK menyebabkan perihal XX dan isterinya jelas kelihatan.

Gaya hidup yang tergambar di dalam Teks 3 ini merupakan pemaparan terhadap perbezaan dua generasi iaitu generasi kedua yang diwakili oleh KK dan generasi ketiga diwakili oleh IK. Perbezaan antara dua generasi ini berkisar pada perubahan yang sedang melanda masyarakat Seletar secara keseluruhannya. Perubahan yang sedang terjadi ialah, (1) Tidak semua Orang Seletar sekarang nelayan, (2) Perkhidmatan Pawang perlu dibayar. Perubahan (1) dipersoalkan oleh KK sedangkan perubahan(2) dipersoalkan oleh IK.

5.10 Modaliti Teks 3




Pembentangan mengenai modaliti akan menjadi terlalu luas jika tidak dibatasi ruang cakup bahasannya. Pembentangan modaliti akan menyentuh dua jenis modaliti iaitu Modaliti Lingusitik dan Modaliti Visual. Sungguhpun modaliti dipecahkan menjadi dua bahagian, namun sebenarnya kedua-dua modaliti ini terjadi serentak. Pembahagian dua jenis modaliti ini hanya bertujuan untuk memudahkan perbincangan. Modaliti lingusitik dalam bahasa Seletar diwakili oleh pelbagai jenis kelas kata. Modaliti visual pula adalah paparan mengenai aksi atau tindakan pada saat suatu modaliti lingusitik itu diujarkan. Aksi atau tindakan atau juga tingkah laku itu diekspresikan melalui mimik muka, dan pelbagai jenis pergerakan bahasa tubuh aktor.

Sebelum analisis dilakukan, kedua-dua jenis modaliti ini ditampilkan secara serentak (di dalam dua kolum yang berbeza). Setelah itu barulah modaliti dibentangkan satu persatu. Pemisahan yang dilakukan hanyalah bertujuan untuk memudahkan pembentangan analisis teks ini. Pembentangan ini akan mengupas mengenai modaliti pada pertuturan (2) dan (16). Sila perhatikan kolum yang dimaksudkan di bawah ini.

5.10.1 Modaliti dalam Pertuturan (2)

Pembentangan mengenai Modaliti dalam pertuturan (2) terdiri atas modaliti linguistik a, b dan c dan modaliti visual a, b, dan c. Modaliti dalam pertuturan 2, berdasarkan pertuturan yang diungkapkan oleh KK yang berbunyi “*XX ah lame ncak ke laot... nyak ade empang, pukak udang, ikan. Keng XX keje da’at*”. Pertuturan ini terjadi setelah Pen. bertanya seperti pada pertuturan (1) *XX tu kenapa?* KK dalam pertuturan 2 ini memberikan penjelasan mengenai *XX* atau *X* yang sedang dibincangkan olehnya dan IK sebelum Pen. datang bertandang.

Sila lihat kolum-kolum di bawah ini.

<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(2a) <i>X ah lame ncak ke laot...</i></p>	<p>Visual 2a</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(2b) <i>nyak ade empang, pukak udang, ikan.</i></p>	<p>Visual 2b</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(2c) <i>Keng XX keje da’at.</i></p>	<p>Visual 2c</p> 

Modaliti Linguistik (2a)

Dalam pertuturan (2a) KK berkata “*XX ah lame ncaak ke laot...*” Ungkapan KK ini bernada kesal. Kekesalan KK ini berkaitan dengan budaya dan latar belakang Orang Seletar. Jadi pertuturan (2a) merupakan intisari daripada keseluruhan Teks 3. Frasa Sendi Nama “*ke laot*” yang dihitamkan adalah modaliti Linguistik bagi pertuturan (2a).

Modaliti Visual (2a)

Sejajar dengan ungkapan KK di atas, terjadi pergerakan yang mewakili modaliti yang dimaksudkan. KK mendepakan tangan kirinya sambil menunjuk ke arah laut yang berada kira-kira 100 meter di belakang rumahnya. Ketika mendepakan tangannya, tapak tangannya dibuka sehingga membuka semua jarinya.

Modaliti linguistik (2b)

Pada pertuturan (2b) KK menyambung kata-katanya dengan berkata “*nyak ade empang, pukat udang, ikan.*” Modaliti linguistik bagi pertuturan ini ialah *empang, pukat udang, ikan*. Modaliti linguistik ini tergolong dalam Kata Nama (*empang*) dan Frasa Nama (*pukat udang*, dan (*pukat*) *ikan*). Dalam konteks budaya masyarakat Seletar, jarang ada di kalangan mereka yang memiliki kesemua peralatan ini sekali gus. Dalam kes ini, XX dianggap mewah kerana memiliki peralatan dan kelengkapan seperti ini dalam satu masa yang sama.

Modaliti Visual 2b

Selaras dengan pertuturan KK di atas, dapat dilihat dalam visual bahawa pergerakan yang dilakukan itu mewakili pertuturannya. Posisi tangan KK dinaikkan sehingga melebihi paras bahu dan menyamai paras kepalanya (berbanding dengan pergerakan asal seperti pada visual (2a)). Setelah tangannya dinaikkan seperti itu, bahagian pergelangan tangannya digerakkan sehingga menyebabkan tapak tangan dan jarinya

bergerak ke atas dan ke bawah sebanyak tiga kali. Pergerakan pertama mewakili modaliti *empang*, pergerakan kedua mewakili modaliti *pukat udang* dan pergerakan ketiga mewakili modaliti *(pukat) ikan*.

Modaliti Lingusitik (2c)





Pada pertuturan (2c), KK berkata, “*Keng XX keje da’at*”. Maksud pertuturan ini jika diterjemahkan ialah *sekarang, XX kerja di darat*. Modaliti linguistik bagi pertuturan (2c) ini ialah “*keng*”. Kata *keng* atau *sekarang* dalam bahasa Melayu, termasuk dalam kelas kata, Kata Nama.

Modaliti Visual 2c

Pada visual 2c, kelihatan pergerakan tangan KK dihalakan ke lantai dan dengan menggunakan jari telunjuknya. Dalam konteks Teks 3 ini, lantai mewakili maksud *da’at*. Sila bandingkan visual 2a di atas dengan 2c di bawah mengenai arah *laot* dan *darat*.

5.10.2 Modaliti dalam Pertuturan (16)

Pembentangan mengenai Modaliti dalam pertuturan (16) terdiri atas modaliti linguistik a, b, c, d dan e, sementara itu modaliti visual a, b, c, d dan e. Modaliti dalam pertuturan (16), berdasarkan pertuturan yang diungkapkan oleh IK yang berbunyi “*Pejabat kasi duit banyak bila main muzik, nyak ncah kasi adik-adik penari. Pejabat kasi duit upah antar anak-anak sekolah, nyak selalu tak antar adik-adik sekolah, macam-macam la, ncah ade minyak, ntokar nyak rosak, macam-macam la. Nyak ncah mau juge campor kon. Payah... payah...*”. Pertuturan ini terjadi setelah Pen. menunjukkan reaksi seperti kebingungan seperti pada pertuturan (15) yang berbunyi “*hah???*” IK kelihatan marah atau kurang senang dengan “kebingungan” Pen. Lalu terjadilah pertuturan (16) ini.

<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(16a) <i>Pejabatn kasi duit banyak bila main muzik, nyak ncak kasi adik-adik penari.</i></p>	<p>Visual 16a</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(16b) <i>Pejabatn kasi duit upah antar anak-anak sekolah,</i></p>	<p>Visual 16b</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(16c) <i>nyak selalu tak antar adik-adik sekolah,</i></p>	<p>Visual 16c</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(16d) <i>macam-macam la, ncak ade minyak, ntokar nyak</i></p> <p><i>rosak, macam-macam la.</i></p>	<p>Visual 16d</p> 

Modaliti Linguistik

(16e) *Nyak ncaak mau juge campor kon. Payah... payah...*

Visual 16e



Modaliti Linguistik (16a)

Pada pertuturan (16a), IK mengatakan “**Pejabatan** kasi duit banyak bila main muzik, nyak ncaak kasi adik-adik penari.” Modaliti bagi pertuturan (16a) ialah Kata Nama iaitu **Pejabatan** yang bermaksud jabatan.

Modaliti Visual 16a

Pada visual 16a, dapat dilihat posisi tangan kanan IK ditunjuk ke arah kanan ketika mengujarkan kata *Pejabatan*. Sementara itu, semua jarinya dilipat ke arah telapak tangan kecuali jari telunjuk ditunukkan ke arah kanan. Posisi tangannya kekal dalam keadaan demikian sehingga selesai pertuturan (16a).

Modaliti Linguistik 16b)

Selanjutnya pada pertuturan (16b), IK menyambung pertuturannya pada (16a) dengan mengatakan “**Pejabatan** kasi duit upah antar anak-anak sekolah”. Modaliti bagi pertuturan (16b) ini sama seperti modaliti pertuturan (16a) iaitu Kata Nama *pejabatan*. Sungguhpun modalitinya sama namun maksud yang dirujuk bagi Kata Nama ini berbeza iaitu pada (16a) ... “*kasi duit banyak...*” .dan pada (16b) “*kasi duit upah...*” .

Modaliti Visual 16b

Jika dibandingkan pposisi tangan IK pada visual 16b dan visual 16b, kelihatan bahawa dalam visual 16b, tangan kanan IK direndahkan dan dibengkokkan sehingga

membentuk lengkungan yang lebih dalam dari 16a. Manakala jari-jarinya sudah mula terbuka sedikit sementara jari telunjuk masih menunjuk ke arah yang sama. Ketika inilah IK menyebut “*pejabatan*”.

Modaliti Lingusitik (16c)

Pada (16c), IK menyambung pertuturan 16b dengan berkata “*nyak selalu tak antar adik-adik sekolah*”. Kata ***tak*** merupakan kata yang termasuk dalam kelas Kata Nafi. ***Tak*** bermaksud tidak.

Modaliti Visual 16c

Pada visual 16c, kedudukan tangan IK secara keseluruhannya mulai dari lengan sehingga ke bahagian jari telah kembali berada pada kedudukan asal seperti pada visual 16a. Bezanya ialah pada bahagian jari IK yang dirapatkan sehingga menampakkan keseluruhan tapak tangannya dan semua posisi jarinya menunjuk ke arah atas. Pergerakan IK ini merupakan pergerakan yang universal bagi mewakili maksud “***tak***”.

Modaliti Linguistik (16d)

Selanjutnya, pada pertuturan (16d) IK menyambung pertuturan (16c) iaitu “***macam-macam la, ncaak ade minyak, ntokar nyak rosak, macam-macam la***”. IK pada pertuturan (16d) ini bermaksud untuk menyatakan pelbagai alasan yang diberikan oleh XX kerana tidak menghantar anak-anak ke sekolah walhal itu merupakan pekerjaan yang diamanahkan oleh pihak Jabatan kepadanya. Inilah perkara yang menyebabkan KK dan IK kesal. Frasa yang dihitamkan iaitu ***macam-macam la***, merupakan modaliti lingusitik (16d). *Macam-macam* bermaksud beraneka jenis, berjenis-jenis, pelbagai jenis dan sebagainya. Sementara itu, *la(h)* merupakan partikel yang berfungsi sebagai penegas.

Modaliti Visual 16d

Visual 16d menampilkan dominasi pergerakan tangan kiri IK. Tangan kirinya diluruskan sehingga bahagian tapak tangan berada di atas paras pahanya. Tapak tangan terbuka lebar sementara jari-jarinya dirapatkan. Tapak tangannya ini diarahkan ke lantai. Pergerakan ini merupakan modaliti visual 16d, kerana pergerakan ini mewakili maksud yang ingin disampaikan oleh IK iaitu XX memberikan pelbagai macam alasan kerana tidak menghantar dan mengambil anak-anak sekolah.

Modaliti Linguitik (16e)

Pada pertuturan (16e), IK berkata “*Nyak ncaik mau juge campor kon. Payah... payah...* “. Maksud keseluruhan pertuturan (16e) ini ialah *dia* tidak mahu juga bercampur atau bergaul dengan orang Seletar yang lain. XX ni bermasalah dalam banyak perkara yang berkaitan tingkah lakunya, peranan dan tanggungjawabnya terhadap anggota masyarakat Seletar yang lain.

Modaliti visual 16e

Visual 16e, memaparkan pergerakan IK setelah pergerakan sebelumnya iaitu 16d. Setelah IK mengujarkan pertuturan 16d, mengembalikan posisi tangan kiri ke paha kirinya. Selanjutnya pada 16e, IK menaikkan tangan kanannya dan menggerakkan bahagian pergelangan tangannya sehingga tapak tangan kanannya tegak dengan keseluruhan jari-jarinya menghadap ke atas. Tatkala mengucapkan kata *payah... payah*, bahagian tapak tangan ini digerakkan ke kiri dan ke kanan. Pergerakan ini merupakan pergerakan yang universal.

5.11 Analisis Teks 4 dari segi Wacana: Teks 4

Pembentangan mengenai wacana dipecahkan kepada dua bahagian a) Unsur-unsur Wacana dalam Teks 4, b) Senario Teks 4 dan c) Analisis Teks dari segi Struktur Pertuturan.

Teks 4

- Pen : hujan-hujan ni jauh termenung?()
- BN : keje? laot ka susah (...) kami? (..) tiap hari turun laot.
- Pen : ermmm ye ye...
- BN : kalau ⊗ibut, hujin lebat, gelombang, ombak besar, kami tunggu nyak rede dulu (..)
- Pen : Ermmm...
- BN : kadang ⊗ibut ncah rede, tunggula (...)
- Pen : Ooooo (...)
- BN : sika? bahaye (..) ada mpat butay pauk tenggelem sika? (.)
- Pen : ermmm macam tu...
- BN : haaa (...) kalau hujin sit, ombak kecil sit, kami turun laot, rugi satu hari belanje ncah ade la (.)
- Pen : ermmm ya la
- BN : keje? laot ka susah(..) keng lagi susah (.)
- Pen : keng susah apa?()
- BN : susah la (...) ikan ncah ade, ketam habis (...) semua habis (...) kalau nak ikan kene pegi jauh(.) ini semua pasal danga bay tula (...)
- Pen : ohh... habis tu buat apa?
- BN : BUT ANA? (..) LAUK KENE CARI JUGEK (..) tangkap ikan jugek (..) ade ade la (..) ncah ade ncah la (..) ermm (...) kami cari besi buruk (.)
- Pen : Ooo... ish ish ish... danga bay tu macam mana?
- BN : tu awak tengok tu (...) TU KAPAL PROJEK DANGA BAY (..) dia korek pasir (..) habis rosak lebuN (..) ikan lari (.)
- Pen : Oooo
- BN : Eh (..) aku nak ke laut (.) dah dekat pukul 5 ni (.) kami pegi dulu ya (.)

5.11.1 Unsur-unsur wacana Teks 4

(1) Aksi

Pen. bertandang ke rumah BN untuk bertanya khabar. BN berkata kepada Pen. bahawa pekerjaan sebagai nelayan ini sukar kerana perlu berdepan dengan pelbagai rintangan. Sejak kebelakangan ini, pekerjaan sebagai nelayan bertambah sukar kerana adanya projek pembinaan berdekatan dengan persekitaran kampungnya.

(2) Sikap

Sikap ialah reaksi atau tindak balas penutur terhadap permasalahan yang dibincangkan. Dalam hal ini, sikap Pen. secara keseluruhannya ialah bersahaja dan menunjukkan minat terhadap perbualan. Sementara itu, BN menunjukkan sikap kesal terhadap permasalahan yang sedang diperkatakan, adakalanya dia bercakap dengan penuh semangat, dan tegas. Sikap yang ditunjukkan BN ini sesuai dengan permasalahan yang sedang dihadapinya.

(3) Aktor

Interaksi ini berlaku antara Pen. dan BN. Interaksi ini berlangsung secara dua hala.

(4) Persembahan dan penampilan

BN sewaktu dikunjungi Pen. di rumahnya memakai baju T, dan berseluar pendek. Pakaian yang digunakan oleh BN ini merupakan pakaian harian BN untuk pelbagai tujuan. Hal ini bermakna dengan pakaian itu BN boleh menggunakannya untuk ke laut, berjalan-jalan, tidur dan ketika berbual-bual dengan rakan sekampungnya.

(5) Sumber

Perbualan ini berlangsung di rumah BN. BN dan Pen. duduk di lantai beralas tikar getah.

(6) Masa

Perbualan ini bermula pada pukul 3:45 petang dan berakhir pada pukul 3:49 petang.

(7) Ruang

Interaksi ini berlangsung di ruang tamu, rumah BN. Ruang tamu berkeluasan empat meter lebar dan 7 meter panjang. Ruangan ini bersambung terus ke pintu dapur. Ada sofa 3+2+1 yang agak lusuh dan sebuah meja kecil. Sofa ini diletakkan bersebelahan dengan dinding dapur, ada beberapa kerusi kayu dan plastik bersebelahan dengan sofa. Ada beberapa longgokan kain di atas sofa, dan di atas kerusi.

5.11.2 Senario Teks 4

Senario di sini bermaksud rentetan peristiwa yang berlaku di dalam Teks 4. Ada 7 elemen yang membangun Teks 4 ini. Semua elemen itu terdiri daripada unsur-unsur wacana. Setiap unsur ini diletakkan di dalam kolom masing-masing bagi menunjukkan fungsinya. Setiap unsur ini saling berhubungan. Oleh itu, tanpa salah satu unsurnya, rentetan peristiwa akan menjadi tidak sempurna.

Pertu.	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	Pen.	Menyapa	bersahaja	3.45 ptg	Rumah BN	Di lantai alas tikar getah	Menyapa
2	BN	Mengeluh	Kesal	3.45ptg	Sda	sda	Menyatakan kekesalan
3	Pen.	Mengiyakan	bersahaja	3.45ptg	sda	sda	Memberi peluang
4	BN	Meluahkan isi hati	Bersungguh-sungguh	3.45ptg	sda	sda	Menyampaikan isi hatinya
5	Pen.	Mengiyakan	bersahaja	3.45ptg	sda	sda	Memberi peluang
6	BN	Memberi contoh	bersemangat	3.46ptg	sda	sda	Memberi bukti
7	Pen.	Mengiyakan	bersahaja	3.46ptg	sda	sda	Memberi peluang

8	BN	Memberi contoh	bersemangat	3.46ptg	sda	sda	Memberi bukti
9	Pen	Mengiyakan	bersahaja	3.46ptg	sda	sda	Memberi peluang lebih besar
10	BN	Memberi maklumat	bersemangat	3.46ptg	sda	sda	Menunjukkan kesungguhan
11	Pen.	Mengiyakan	bersahaja	3.46ptg	sda	sda	Memberi peluang
12	BN	Kembali Mengeluh	Kesal	3.46ptg	sda	sda	Meminta simpati
13	Pen.	Bertanya	Ingin tahu	3.47ptg	sda	sda	Mahu penjelasan
14	BN	Menjawab	Kesal	3.47ptg	sda	sda	Memberi penjelasan
15	Pen.	Bertanya	Ingin tahu	3.47ptg	sda	sda	Mahu penjelasan
16	BN	Menjawab	Kesal	3.48ptg	sda	sda	Menunjukkan kekesalan
17	Pen.	Bertanya	Ingin tahu	3.48ptg	sda	sda	Mahu penjelasan
18	BN	Menjawab	Tegas	3.49ptg	sda	sda	Memberi penjelasan
19	Pen	Mengaku	Kurang puas hati	3.50ptg	sda	sda	Mahu penjelasan
20	BN	Mengakhiri pertuturan	Sedikit resah	3.50ptg	sda	sda	Mahu ke laut

Senario teks ini terbina daripada 20 pertuturan yang bermula dengan nombor 1 hingga nombor 20. Jumlah 20 pertuturan ini jika dibahagikan kepada dua aktor yang terlibat bermakna setiap seorang mendapat sekurang-kurangnya 10 kali giliran bertutur.

Senario ini dapat dilihat dan dibaca dengan dua cara iaitu: (A) secara melintang, dari kiri ke kanan yang terdiri daripada 7 perkara iaitu (1) aktor (2) aksi (3) sikap (4) waktu (5) tempat (6) sumber dan (7) tujuan. Aktor di sini bermaksud orang yang terlibat dalam pertuturan ini. Aksi pula merujuk kepada tindakan aktor dalam pertuturan itu. Sikap

mewakili tindak balas aktor ketika pertuturan itu. Waktu menunjukkan masa dan ketika terjadinya pertuturan. Tempat ialah lokasi terjadinya pertuturan sedangkan sumber merujuk kepada unsur-unsur yang wujud di tempat terjadinya pertuturan ini termasuk barangan yang berupa kelengkapan atau peralatan yang digunakan ketika pertuturan berlangsung. Ketika membentangkan analisis ini perkara (5) tempat dan (6) sumber tidak dibincangkan dengan lebih lanjut memandangkan tempat iaitu *di rumah BN* dan sumber iaitu *di atas lantai beralas tikar getah* tidak mengalami apa-apa perubahan.

Sementara itu cara B) secara menegak (kronologi) yang terdiri daripada nombor 1-20. Setiap nombor dipisahkan oleh petak kosong yang mendatar di mana setiap petak yang pertama (paling kiri) diletakkan tanda () yang menunjukkan peralihan senario misalnya dari pertuturan 1 ke pertuturan 2 dan seterusnya.

Dalam pertuturan 1, Pen. menyapa BN dengan bersahaja. Tujuan Pen. adalah untuk bertanya khabar. Dalam pertuturan 2, BN menjawab dengan nada mengeluh. Keluhan itu mempamerkan sikap kesalnya. Tujuan BN adalah untuk menyatakan kekesalannya. Sementara itu Pen. dalam pertuturan 3, dengan bersahaja hanya mengeyakan keluhan BN. Tujuan pertuturan ini adalah untuk memberi peluang kepada BN meluahkan isi hatinya. Dalam pertuturan 4, BN menyambung luahan hatinya dengan bersungguh-sungguh. Tujuan BN supaya pendengar merasai perasaannya. Pen. dalam pertuturan 5, mendengar dan mengeyakan keluhannya dengan penuh minat. Tujuan Pen. sekali lagi adalah untuk memberi peluang kepada BN menyatakan isi hatinya tanpa mencelah. Dalam pertuturan 6, BN mengesan minat yang ditunjukkan Pen. lalu memberi contoh keadaan yang dihadapinya dengan bersemangat. Tujuan BN dalam pertuturan ini untuk memberi bukti tentang kebenaran kenyataannya. Pen. dalam pertuturan 7, mengeyakan kata-kata BN sambil menunjukkan minat terhadap pernyataannya. Tujuan Pen. dalam pertuturan ini untuk memberi kesempatan kepada BN supaya terus mengungkapkan isi

hatinya. Selanjutnya, BN dalam pertuturan 8, sekali lagi menampilkan contoh yang baharu tentang masalah yang dihadapi dengan bersemangat. Tujuan BN pada kali ini ialah menambahkan contoh-contoh baharu bagi mengukuhkan bukti yang dikemukakan. Pen. dalam pertuturan 9, membenarkan pernyataan BN dengan menunjukkan minat yang mendalam. Tujuan Pen. dalam pertuturan ini masih lagi mengharapkan BN terus meluahkan isi hatinya.

Sementara itu BN dalam pertuturan 10, menyambung maklumat dengan bersemangat. Tujuan BN dalam pertuturan ini untuk memberi bukti tentang kesungguhannya bekerja. Berdasarkan maklumat yang diberi BN dalam pertuturan 10 itu, Pen. dalam pertuturan 11 dengan bersahaja hanya mengeyakannya. Tujuan Pen. adalah untuk memberi peluang kepada BN supaya meneruskan luahan hatinya. Oleh sebab itu, dalam pertuturan 12, BN kembali mengeluh dan menunjukkan kekesalannya. Tujuannya dalam pertuturan 12 ini untuk meminta simpati kepada Pen. Selanjutnya, dalam pertuturan 13, Pen. bertanya kepada BN kerana ingin tahu permasalahan yang dialaminya. Tujuan Pen. dalam pertuturan ini kerana mahukan penjelasan. BN seperti dalam pertuturan 14, memberikan jawapan dengan menunjukkan kekesalannya kepada pihak tertentu. Tujuannya untuk memberi penjelasan tentang permasalahan yang dihadapi. Sementara itu, Pen. dalam pertuturan 15 kembali mengemukakan soalan kerana terkejut dengan penjelasan BN itu. Tujuan Pen. untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut. Selanjutnya dalam pertuturan 16, BN memberikan jawapan dengan mempamerkan kekesalannya. Tujuan BN untuk menunjukkan kekesalannya terhadap hal yang berlaku kepada dirinya dan masyarakatnya. Pen. dalam pertuturan 17 ingin tahu lebih lanjut mengenai perkara yang telah dinyatakan oleh BN dalam pertuturan 14. Tujuan Pen. adalah untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut mengenai perkara itu. BN dalam pertuturan 18, dengan tegas memberi penjelasan mengenai perkara itu. Tujuan BN supaya Pen. tahu akan perkara sebenarnya. Sungguhpun demikian, Pen.

memberi respon bahawa dia telah memahaminya, namun Pen. kurang puas hati. Tujuan Pen. sebenarnya agar BN melanjutkan penjelasannya. Namun, dalam pertuturan 20, BN resah dan secara tiba-tiba mahu menghentikan perbualan itu. Tujuan BN dalam pertuturan ini ialah mahu ke laut untuk mengangkat jaring ikannya. Ketika itu waktu menunjukkan pukul 3.49 petang.

5.11.3 Analisis Struktur Perbualan

Teks 4 secara fizikalnya terdiri daripada 3 paragraf. Paragraf I terdiri daripada pertuturan 1 hingga 11 (permulaan). Paragraf II pula terdiri daripada pertuturan 12 hingga 19 (pertengahan), manakala paragraf III ialah pertuturan 20 (penutup).

Sila perhatikan jadual di bawah ini:

Jadual 5.4.3: Analisis Struktur Pertuturan

L1:1) Pen:	Hujan-hujan ni jauh termenung?	Menyapa
L2:2) BN:	Kejek laot ka susah,... kamik.. tiap hari turun laot.	Respon	↓
L4:3) Pen:	ermmm ye ye...	Mengeyakan1	
L5:4) BN:	Kalau ribut, hujin lebat, gelombang, ombak besar, kami tunggu nyak rede dulu	Penjelasan 1	↓
L7:5) Pen:	Ermmm...	Mengeyakan2	P I (1-11)
L8:6) BN:	Kadang ribut ncaak rede, tunggula..	Penjelasan 2	↑
L9:7) Pen:	Oooooo...	Mengeyakan3	
L10:8) BN:	Sikak bahaye, ada mpat butay pauk tenggelam sikak.	Contoh	
L12:9) Pen:	Ermmm macam tu...	Mengeyakan4	
L13:10) BN:	Haaa... kalau hujin sit, ombak kecik sit, kamik turun laot, rugi satu hari belanje ncaak ade la.	Penjelasan 3
L16:11) Pen:	Ermmm ya la	Mengeyakan5
L17:12) BN:	Kejek laot ka susah, keng lagi susah.	Rungutan	
L19:13) Pen:	Keng susah apa?	Soalan 1	
L20: 14) BN:	Susah la... ikan ncaak ade, ketam habis... semua habis... kalau nakikan kene pegi jauh. Ini semua pasal Danga Bay tula...	Jawapan 1	↓
L23:15) Pen:	Ohh... habis tu buat apa?	Soalan 2	P II (12-19)
L24:16) BN:	But anak.. Lauk kene hari jugek. Tangkap ikan jugek... ade ade la, ncaak ade ncaak la.. erm... kami cari besi buruk.	Jawapan 2	↑
L27:17) Pen:	Ooo... ish ish ish... Danga bay tu macam mana?	Soalan 3	
L29:18) BN:	Tu awak tengok.. tu kapal projek Danga bay, dia korek pasir... habis rosak lebung... ikan lari...	Jawapan 3	
L32:19) Pen:	Oooo	Mengeyakan6
L33:20) BN:	Eh, aku nak ke laut. Dah dekat pukul 5 ni. Kami pegi dulu ya	Penutup	P III (20)

Petunjuk: L 1-34 = Barisan

(1) Hingga (20) = Perbualan

Kata kunci ini lazimnya diambil daripada salah satu perkataan atau frasa yang terdapat di dalam perbualan yang mewakili maksud kata kunci tersebut. Di antara kata kunci yang terdapat di dalam teks ini ialah (1) Menyapa, (2) Respon, (3) Mengiyakan 1-6, (4) Penjelasan 1-3, (5) Contoh, (6) Rungutan, (7) Soalan dan Jawapan (3 pasang), dan (8) Penutup. Sila perhatikan huraian bagi kata kunci seperti di bawah ini.

(1) Menyapa

Kata kunci ini mewakili maksud Pen. sewaktu memulakan perbualan. Sungguhpun menyapa seperti pada L1:1 *Hujan-hujan ni jauh termenung?* bukanlah lazim, namun maksud Pen. sekadar untuk mengetahui keadaan BN.

(2) Respon

BN memberi respon terhadap sapaan Pen. dengan merujuk langsung kepada maksud sapaan tersebut. BN bingkas menjawab seperti pada L2-3:2 *kejek laot ka susah... kami... tiap hari turun laot*. Respon dari BN ini tepat kerana dia menyatakan keadaan yang menyebabkan dia termenung jauh.

(3) Mengeyakan

Mengeyakan adalah kata kunci yang diambil daripada ungkapan Pen. yang menyatakan persetujuan terhadap hal yang dipertuturkan oleh BN. Dalam teks ini terdapat 6 ungkapan yang termasuk di bawah kata kunci mengeyakan seperti pada L4:3 *ermmm ye ye...*, L7:5 *ermmm...*, L9:7 *Ooooo...*, L12:9 *Ermmm macam tu...*, L16:11 *Ermmm ya la*, dan L32:19 *Ooooo...*. Semua ungkapan tersebut pada dasarnya memang membenarkan atau bersetuju dengan apa-apa yang diperkatakan oleh BN, namun tujuan lain adalah untuk memberi laluan/peluang/kesempatan kepada BN supaya terus menyatakan apa-apa yang terkandung di dalam hati dan fikirannya.

(4) Penjelasan

Kata kunci ini digunakan bagi merujuk maksud yang ingin disampaikan oleh BN. Kata kunci ini terdiri daripada penjelasan 1, 2, dan 3. Dari segi maksud, ketiga-tiganya tiada perbezaan. Nombor yang diletakkan selepas kata kunci ini hanyalah urutan.

Pada Penjelasan 1, seperti pada L5:4), BN memberi penjelasan kepada Pen. tentang hal yang dimaksudkan dengan *keje laot ka susah*. Menurut BN, nelayan sepertinya terpaksa berdepan dengan ribut, hujan lebat, gelombang dan ombak besar. Jika semua ini terjadi, tiada apa-apa yang dapat dilakukan melainkan seperti pada L6:4 ...*kami tunggu nyak rede dulu*.

Sementara itu, dalam Penjelasan 2, BN menyambung keterangannya bahawa adakalanya ribut, hujan, gelombang dan ombak besar tidak berhenti seperti pertuturannya pada L8:6) *Kadang ribut ncak rede...* . Jika keadaan ini terjadi BN tiada pilihan lain selain menunggu. Selanjutnya, dalam Penjelasan 3, seperti pada L13-15:10 *kalau hujin sit, ombak kecil sit, kamik turun laot.*. Dalam Penjelasan 3 ini, BN menyatakan bahawa jika semua keadaan tersebut sudah reda dia akan segera turun ke laut kerana *rugi satu hari belanje ncak ade la*.

(5) Contoh

Ketika memberikan penjelasan (1, 2, dan 3) mengenai keadaan cuaca yang terpaksa dihadapinya, BN memberi satu contoh seperti pada L10-11:8) *Sikak bahaye, ada mpat butay pauk tenggelem sikak*. Kata kunci ini mewakili maksud BN bagi membuktikan bahawa keadaan cuaca memang merupakan perkara yang tidak boleh dipandang remeh.

(6) Rungutan

Kata kunci ini merujuk pada pertuturan BN yang mewakili keluhannya. Rungutan dan keluhannya ini seperti pada L17-18:12) *Kejek laot ka susah, keng lagi susah*. Ayat yang

digaris bawah ini sebenarnya merupakan pengulangan daripada pertuturan kedua di atas yang diberi kata kunci Respon. Pengulangan ini merupakan penegasan BN tentang kesusahan bekerja sebagai nelayan. Kesusahan, kepayahan bekerja sebagai nelayan ini ditambah lagi dengan keadaan yang telah berubah kerana pembangunan dan sebagainya. Rungutan BN ini secara implisit mengandungi maksud bahawa BN dan nelayan-nelayan lain menjadi mangsa kepada perubahan persekitarannya. Inilah yang dimaksudkan dengan *keng lagi susah* atau dapat diterjemahkan sebagai *sekarang lagi susah*.

(7) Soalan dan Jawapan

Kata kunci bagi Soalan dan Jawapan ini terdapat dalam tiga pasang iaitu Soalan 1 dan Jawapan 1, Soalan 2 dan Jawapan 2, serta Soalan 3 dan Jawapan 3. Ketiga-tiga pasang kata kunci ini muncul setelah kata kunci sebelumnya iaitu Rungutan. Kata kunci Soalan dan Jawapan ini akan memperjelaskan persoalan sebenar yang dihadapi oleh BN dan nelayan lain sepertinya.

Soalan 1 dan Jawapan 1

Pen. mengemukakan soalan seperti pada L19:13) *keng susah apa?* Dalam soalan ini Pen. Mengemukakan soalan ekoran daripada pertuturan BN dalam kata kunci sebelum ini iaitu Rungutan *keng lagi susah*. Pen. mahukan penjelasan lanjut daripada BN mengenai ungkapannya itu. Oleh sebab itu, dalam kata kunci Jawapan 1, BN menjawab seperti pada L20-22:14) *Susah la... ikan ncah ade, ketam habis... semua habis... kalau nak ikan kene pegi jauh. Ini semua pasal Danga Bay tu la... .* Jawapan 1 ini menjelaskan bahawa sejak Projek Danga Bay dijalankan, hidupan laut menjadi berkurangan kerana pencemaran kesan daripada aktiviti pembinaan. Pencemaran tersebut menyebabkan BN dan nelayan sepertinya terpaksa pergi lebih jauh jika mahu mendapatkan ikan dan lain-lain hidupan laut.

Soalan 2 dan Jawapan 2

Pen. yang agak terkejut dengan jawapan yang diberikan oleh BN selanjutnya mengemukakan Soalan 2 seperti pada L23:15) *Ohh... habis tu buat apa?* BN menjawab seperti pada L24-26:16) *But anak... lauk kena cari jugak. Tangkap ikan jugak... ade, ade la, ncak ade ncak la... ermm... kami cari besi buruk.* (Terjemahan: Buat apa (lagi)... lauk kena cari juga. (kena) Tangkap ikan jugak... ada (ikan), adalah, kalau tidak ada (ikan), tidak adalah... ermm... saya cari besi buruk). Dari penjelasan BN itu, dapat dimengerti bahawa dia dan nelayan lain tidak punya banyak pilihan, mereka mesti berusaha untuk mencari ikan untuk dijadikan lauk. Pilihan lain ialah mencari besi buruk sebagai sumber pendapatan baharu.

Soalan 3 dan Jawapan 3

Pen. mengemukakan soalan seperti pada L27-28:17) *Ooo... ish ish ish... Danga Bay tu macam mana?* Dalam pertuturan ini, Pen. mengeyakan Jawapan 2, daripada BN. Dalam masa yang sama Pen. agak terkejut dengan pekerjaan baharu BN iaitu mencari besi kerana menurut pengetahuannya Orang Seletar tidak pernah bekerja di dalam bidang lain selain menjadi nelayan. Pen. selanjutnya meminta BN memberi penjelasan mengenai perkara yang disebutkan dalam Jawapan 1 di atas mengenai Danga Bay.

BN dalam Jawapan 3, seperti pada L29-31:18) *Tu awak tengok... tu kapal projek Danga bay, dia korek pasir... habis rosak lebung... ikan lari... .* Jawapan BN ini, memberi penjelasan tentang kesan-kesan yang dialami oleh dirinya dan seluruh nelayan di tempatnya.

(8) Penutup

Kata kunci terakhir dalam Teks 4 ini ialah penutup. Disebut penutup kerana dalam pertuturan ini BN mahu mengakhiri perbualan dengan Pen. BN berkata seperti pada L33-34:20) *Eh, aku nak ke laut. Dah dekat pukul 5 ni. Kami pergi dulu ya.* Pertuturan

20 ini memberikan beberapa sebab BN mahu menamatkan perbualan iaitu (a) hujan sudah reda, waktu yang diagak/diduganya pukul 5.00 petang.

5.12 Gaya

Sama seperti pembentangan mengenai gaya dalam teks-teks sebelum ini, gaya dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu (1) gaya individu, (2) gaya sosial, dan (3) gaya hidup. Pembentangan mengenai ketiga-tiga aspek gaya ini akan memberi kefahaman mengenai individu-individu yang terlibat dalam suatu interaksi sosial. Pembentangan mengenai gaya ini secara tidak langsung akan memperjelas isi dan kandungan teks di samping itu juga akan menyentuh persoalan yang beraitan dengan latar belakang.

5.12.1 Gaya Individu

BN , bapa kepada tiga orang anak, sama seperti lelaki dewasa Seletar yang lain bekerja sebagai nelayan. BN agak pendiam dan sukar didekati. Dia bertutur sangat cepat kadang-kadang memerlukan sedikit masa untuk memahami apa yang diucapkannya. Namun bagi mereka yang biasa dengannya, tiada sebarang masalah timbul. Selain menjaring ikan dan udang, BN bersama isterinya mencari besi buruk untuk menambah pendapatan.

Memandangkan sejak akhir-akhir ini pendapatan mereka semakin berkurangan, BN dan isterinya sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan mereka sekeluarga. Namun begitu, apabila berdepan dengan fenomena alam semula jadi misalnya ribut, gelombang dan ombak besar, mereka hanya mampu mengeluh. Secara kebetulan ketika berkunjung ke rumah BN hujan lebat. Tiada sebuah rumah pun yang terbuka pintunya kecuali rumahnya. Pen. melihat BN duduk di dalam rumahnya dan sesekali menjenguk ke luar untuk melihat sama ada masih hujan atau hujan sudah berhenti. Pen. terus ke rumah BN dan menyapanya. Dapat dikesan pada awal perbualan, BN menjadi sedikit

sensitif, seperti yang kelihatan pada pertuturan 2, iaitu *Kejek laot ka susah... kamik... tiap hari turun laot*. Respon BN ini terjadi secara spontan, namun pertuturannya itu seolah-olah dia memang mahu menceritakan kepayahan hidup yang dilaluinya.

Jika dilihat pada GND yang digunakan, BN menyebut dirinya sebagai *kamik* seperti yang dapat dilihat pada L2:2), L6:4), L14:10), L26:16) dan L34:20). GND *kamik* seperti yang telah dibentangkan dalam teks-teks yang terdahulu membawa maksud saya. Namun begitu, dalam pertuturan hanya ada satu penggunaan kata *kamik* yang mewakili dirinya sebagai seorang individu yang agak berbeza dengan individu yang lain iaitu seperti pada L13-15:10) *Haaa... kalau hujan sit, ombak kecil sit, kamik turun laot, rugi satu hari belanje ncah ade la*. Oleh itu, apabila BN mendapati hujan sudah reda, dia bergegas ke laut bersama isterinya seperti pada L33-34:20) *Eh, aku nak ke laut. Dah dekat pukul 5 ni, kami pergi dulu ya*. Selesai saja berkata demikian BN berdiri dan memanggil isterinya Ak lalu mereka terus keluar. Pen. juga berdiri dan terus keluar sambil mengekori BN dan isterinya berlari-lari anak ke jeti. Waktu itu tiada seorang pun jirannya ataupun orang kampungnya yang berjumlah 150 orang itu berada di luar rumah. Semua rumah ketika itu tertutup pintunya.

5.12.2 Gaya Sosial

Penggunaan GND *kamik* selain dari pertuturan 10) di atas, iaitu *kamik* dalam L2-3:2), L5-6:4), L24-26:16) dan L33-34:20) sebenarnya mewakili anggota masyarakatnya. Hal ini kerana, seperti pada L2-3:2) *... kamik... tiap hari turun laot*, ialah kata *kamik* dalam konteks ini bermaksud nelayan. Justeru itu, semua nelayan setiap hari turun ke laut untuk mencari rezeki. Begitu juga dalam pertuturan L5-6:4) iaitu *... , kamik tunggu nyak rede dulu*, kata *kamik* kali ini merujuk kepada konteks semua nelayan bukan hanya nelayan Seletar tetapi nelayan dalam konteks yang lebih luas.

Sementara itu dalam pertuturan L26:16) iaitu ... *kamik cari besi buruk.*, merujuk kepada keseluruhan nelayan Seletar ketika teks ini dirakam. Ketika itu, projek pembangunan Danga Bay sedang giat dijalankan. Ada puluhan kapal penyedut pasir melakukan kerja-kerja mengorek pasir saban hari. Natiyahnya, ada longgokan-longgokan pasir di sekitar tanjung di perkampungan Kampung Bakar Batu. Hampir semua jenis aktiviti nelayan tidak dapat dijalankan berdekatan dengan perkampungan mereka kerana ketiadaan ikan dan udang. Agak berbeza dengan nelayan dari bangsa lain yang tinggal berdekatan dengan perkampungan mereka seperti nelayan keturunan Melayu, dan Cina yang tidak mencari besi buruk. Antara sebab nelayan dari keturunan lain tidak mencari besi buruk ialah mereka mampu pergi lebih jauh ke tengah laut untuk memukat atau menjaring ikan atau udang. Selain itu, mereka mampu memiliki enjin bot yang lebih besar kuasa kudanya (30 kuasa kuda dan ke atas) dan mereka juga memiliki bot-bot yang lebih besar (7-9 meter). Sebaliknya, nelayan Seletar memiliki bot yang kecil (4-5 meter) dan enjin yang kecil (10-15 kuasa kuda).

5.12.3 Gaya hidup

Pembentangan mengenai gaya hidup ini akan dipecahkan kepada dua iaitu (1) berdasarkan bahasa yang digunakan, dan (2) berdasarkan penampilan diri di depan khalayak.

5.12.4 Gaya Hidup Berdasarkan Bahasa

Gaya hidup adalah gabungan dari dua gaya iaitu gaya individu dan gaya sosial. Dengan perkataan lain, aktor (BN) dapat dilihat gayanya berdasarkan ciri-ciri individualnya, peranan, tanggungjawab dan status dalam masyarakat serta kelazimannya menjalani kehidupan sebagai anggota masyarakat.

Dalam strata tradisional masyarakat Seletar, BN tidak menjawat sebarang jawatan. Namun begitu, dalam organisasi moden berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan yang beribu pejabat di Pejabat Daerah, BN dan beberapa orang lagi telah dilantik sebagai anggota Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kesihatan Kampung (JKKKK) yang dipengerusikan oleh Tok Batin. Sebagai anggota JKKKK di kampungnya, sudah tentu dia disegani oleh anggota masyarakat kampungnya.

Telah disebutkan dalam gaya individu di atas bahawa BN bercakap dengan cepat sehingga agak sukar difahami oleh mereka yang tidak biasa dengan cara pertuturannya. Bagi yang biasa dengannya, jika percakapan BN didengar betul-betul, secara tidak langsung orang akan memberi tumpuan terhadap hal yang dituturkannya. BN seorang yang pendiam, kata-kata BN biasanya singkat dan padat. Jika diperhatikan Teks 4, pertuturan BN paling panjang tidak melebihi 21 patah perkataan. Dalam dua pertuturannya iaitu pertuturan 14 dan 16 jumlah perkataannya 21, jumlah barisnya ialah 3 baris. Sungguhpun pertuturannya relatif pendek, namun maksudnya dapat dimengerti dengan baik kerana pertuturannya jelas dan padat.


5.12.5 Gaya Hidup Berdasarkan Penampilan di Depan Khalayak


Seperti yang telah dibincangkan dalam teks-teks sebelum ini bahawa semua Orang Seletar nelayan, oleh itu penampilan mereka di depan khalayak ala kadar sesuai dengan pekerjaan mereka. Kebanyakan Orang Seletar tidak membezakan pakaian untuk ke laut dengan pakaian ketika di rumah. Apa-apa saja yang dipakai, yang itulah akan dibawa ke laut atau di rumah atau di dalam keramaian. Namun begitu, BN agak berbeza, dia mempunyai pakaian khusus untuk ke laut lebih-lebih lagi baju atau jeket berlengan panjang bagi menutupi anggota badannya. Isterinya juga begitu, mereka pasangan yang mempunyai citra tersendiri berbanding keseluruhan masyarakat mereka.



Gaya penampilan BN dan keluarganya memang menjadi perhatian terutamanya orang luar seperti Pen. Sewaktu bertandang ke rumah BN, akan kelihatan kerusi dan meja kecil diatur dengan baik. Sungguhpun semuanya bukan perkakasan baharu tetapi ditata dengan baik. Lebih istimewa lagi, di rumah BN tiada baju-baju atau kain yang disangkut di cermin tingkap. Begitu juga jika diperhatikan anak-anaknya, mereka berpakaian bersih dan kemas. Jadi, sebagai orang luar, kita akan kenal anak BN berbanding anak-anak Orang Seletar yang lain. Dalam hal ini BN dan keluarganya lebih maju ke hadapan berbanding masyarakatnya.

5.13 Modaliti Teks 4

Pembentangan ini akan mengupas mengenai modaliti dalam pertuturan 14 dan 18. Sila perhatikan kolum yang dimaksudkan di bawah ini.

<p>Modaliti Lingusitik</p> <p>(14a) <i>Susahla...</i></p>	<p>Visual 14a</p> 
---	---

<p>Modaliti Lingusitik</p> <p>(14b) <i>ikan ncaak ade, ketam habis... semua habis...</i></p>	<p>Visual 14b</p> 
--	---

<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(14c) ... <i>kalau nak ikan kene pegi jauh.</i></p>	<p>Visual 14c</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(14d) <i>Ini semua pasal Dangan Bay tula</i></p>	<p>Visual</p> 

Modaliti Linguistik (14a)

Pada pertuturan (14a), BN dengan nada kesal memberi penjelasan mengenai kepayahan yang dihadapinya dan seluruh masyarakatnya. Kata yang digunakan olehnya ialah kata Adjektif *susah* dan kata penegas *la(h)*. Kata adjektif *susah* sinonim dengan kata payah atau sukar. Kata *susah* dalam konteks ini merujuk kepada maksud payah atau sukar untuk menangkap ikan, udang dan pelbagai hidupan laut lainnya. Kepayahan ini sebenarnya merupakan hal yang lumrah bagi nelayan seperti BN. Kata penegas *la(h)* untuk menyatakan maksudnya iaitu memang susah atau betul-betul susah.

Modaliti Visual 14a

Pada visual dapat dilihat bagaimana kata payah diekspresikan dengan penuh emosi. Dia mengangkat tangan kiri sehingga melebihi paras bahu, kepalanya dimiringkan ke kiri sementara mukanya sejajar dengan jarinya. Kemudian dia menjatuhkan tangannya

semula, ketika itu kepalanya miring ke kiri sambil menunduk ke lantai. Wajahnya kelihatan tegang tanpa ada senyum sama sekali.

Modaliti Linguistik (14b)

Selanjutnya, sambungan daripada (14a) di atas, BN selanjutnya menyebut “*ikan ncaak ade, ketam habis... semua habis...*”. Perkataan yang dihitamkan ialah modaliti bagi pertuturan ini. Sungguhpun frasa “*ncaak ade*”, dan kata “*habis*” berbeza dari segi satuan bahasa, namun dari segi maksud kedua-duanya sama iaitu tidak ada. Dengan demikian maksud pertuturan (14b) ialah ikan tidak ada, ketam tidak ada, semua tidak ada lagi.

Modaliti Visual 14b

Pada visual kelihatan bahawa ketika pertuturan ini diungkapkan, kedua-dua belah tangan (tapak tangan) berada pada posisi di atas kedua-dua pahanya dan kemudian tangan kiri dan kanannya terbuka. Selanjutnya kedua-dua tangannya membuat pusingan di atas paha dengan tangan kiri membuat pusingan lawan arah jam dan tangan kanan mengikut pusingan arah jam. Bentuk pusingan yang tidak sejajar ini merupakan ciri universal bagi memberi maksud “tidak ada”.

Modaliti Linguistik (14c)

Pada (14c), BN selanjutnya mengungkap “... *kalau nak ikan kene pegi jauh.*” Modaliti bagi pertuturan ini ialah kata adjektif jauh. Kata jauh bermaksud jarak dari lokasi A ke lokasi B. Tidak diketahui maksud jauh BN ini sejauh mana, cuma yang boleh difahami pengertian *jauh* dalam konteks Orang Seletar itu berkaitan dengan minyak petrol dan kuasa kuda enjin bot yang mereka miliki.

Modaliti Visual 14c

Sewaktu pertuturan (14b) diungkapkan, BN menghadapkan mukanya ke arah Pen., namun sebaik saja dia mula mengungkapkan pertuturan (14c) hingga selesai, BN memalingkan mukanya ke kiri dan ketika kata *jauh* diungkapkan, kepalanya sedikit didongakkan ke arah kiri dan memuncungkan mulutnya seperti menunjuk ke tempat yang dimaksudkan olehnya *jauh* itu.

Modaliti Linguistik (14d)

Selanjutnya ialah pertuturan (14d) yang berbunyi “*Ini semua pasal Danga Bay tu la*”. Pertuturan ini merupakan kemuncak ekspresi BN yang sarat dengan emosi. Modaliti (*i*)*tula(h)* merujuk kepada punca masalah yang sedang mereka hadapai sekarang. Fungsi modaliti ini ialah untuk memberikan penekanan terhadap maksudnya.





Modaliti Visual 14d

Seperti yang telah dinyatakan pada (14d) di atas bahawa pertuturan ini merupakan kemuncak kepada ekspresi BN untuk menyatakan kekesalannya. Pada Visual 14d, sewaktu BN menyebut (*i*)*tula(h)*, dia menunjukkan dengan tangan kirinya ke arah Danga Bay yang dimaksudkan. Dalam masa yang sama dia memuncungkan bibirnya sebelum mengembalikan bentuk bibirnya ke bentuk mendatar. Pada waktu ini, wajah BN menghadap ke arah Pen. sedangkan tangannya menunjuk ke arah Danga Bay.

Modaliti 18

Pembentangan mengenai Modaliti 18 terdiri daripada modaliti linguistik dan visual a, b, c, dan d. Modaliti 18, berdasarkan pertuturan 18 yang diungkapkan oleh BN yang berbunyi “*Tu awak tengok... tu kapal projek Danga Bay, dia korek pasir... habis rosak lebung... ikan lari...*”.

Sila lihat kolum-kolum di bawah ini.

<p>Modaliti Lingusitik</p> <p>(18a) <i>Tu awak tengok...</i></p>	<p>Visual 18a</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(18b) <i>tu kapal projek Danga Bay</i></p>	<p>Visual 18b</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(18c) <i>dia korek pasir...</i></p>	<p>Visual 18c</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(18d) <i>habis rosak lebung... ikan lari...</i></p>	<p>Visual 18d</p> 

Modaliti Linguistik (18a)

Pada pertuturan (18a) BN berkata “**Tu awak tengok...**”, kata-kata BN ini sebagai pengukuhan dari apa yang telah dikatakannya sebelum ini, iaitu pada pertuturan (14d). Kata tunjuk (*i*)**Tu** merupakan modaliti pada pertuturan ini. Kata (*i*)**tu**, digunakan BN untuk merujuk kepada tempat atau projek atau organisasi. Pertuturan 18a) ini merupakan ayat suruhan yang meminta Pen. melihat atau memberi perhatian terhadap perkara yang bakal diungkapkan selanjutnya.

Modaliti Visual 18a

Pada visual ini kelihatan BN membengkokkan tangan kiri dan menunjuk dengan jari telunjuknya. Selanjutnya, BN melakukan dua kali pergerakan jarinya dengan mengerakkan pergelangan tangannya. Pergerakan seperti ini merupakan pergerakan yang universal. Satu perkara yang lebih menarik lagi ialah bentuk jari yang demikian itu (ibu jari mendatar lebih tinggi daripada jari telunjuk, sementara jari telunjuk itu tertunjuk lurus sedangkan tiga jari lain itu dilipatkan ke tapak tangan) menyamai bentuk pistol. Oleh itu pergerakan “pistol” BN diarahkan kepada tempat yang dimaksudkannya.

Modaliti Linguistik (18b)

Sementara itu pula, pada pertuturan (18b) iaitu “**Tu kapal projek Dangan Bay**”, kata (*i*)**tu** ialah kata tunjuk yang tergolong dalam kumpulan Kata Nama. Kata ini merupakan modaliti bagi pertuturan ini. Cuma (*i*)**tu** kali ini merujuk *kapal projek* (makna khusus) dan *projek* serta *kerja-kerja* yang dilakukan (makna umum).

Modaliti Visual 18b

Selari dengan pertuturan (18b) di atas, pada visual 18b kelihatan BN menggerakkan tangannya dengan membuka semua jari kirinya, dan kemudian membuat pergerakan tangannya mengikut arah lawan jam. Pergerakan ini memberikan isyarat dari segi

jumlah kapal yang dimaksudkannya. Hal ini demikian kerana, dalam pertuturan (18b) BN hanya menyebut “*kapal*” dan bukan kapal-kapal.

Modaliti Linguistik (18c)

Selanjutnya, pada pertuturan 18c) BN menyambung kata-katanya yang berbunyi “*dia korek pasir...*”. Secara sepintas lalu, GND *dia* merujuk kepada kata *kapal* dan bukan pelaku atau aktor. Namun jika diteliti maksud pertuturan ini secara mendalam dalam konteks pertuturan 18, GND *dia* merujuk kepada pihak pengurusan Projek Danga Bay. Mereka inilah yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti yang dimaksudkan. Jika modaliti-modaliti sebelum ini adalah Kata Adjektif atau gabungan kata Adjektif dengan Kata Penegas, namun modaliti bagi pertuturan (18c) ini adalah dari kelas Kata Kerja

Modaliti Visual 18c

Sejajar dengan ungkapan BN dalam pertuturan (18c), ekspresi dapat dilihat dari pergerakan jarinya yang membentuk pergerakan seolah-oleh mengaut atau mengambil sesuatu di hadapannya. Perbuatan ini dilakukannya sebanyak tiga kali. Oleh itu dapat diinterpretasikan bahawa pergerakan BN itu mewakili kegiatan kapal itu mengaut atau mengambil pasir berulang kali.

Modaliti Linguistik (18d)

BN menyambung pertuturan (18c) dengan (18d) iaitu “*habis rosak lebung... ikan lari...*”. Pertuturan ini membawa maksud tidak ada lubuk (*lebung*) yang tidak rosak, semua ikan lari atau ikan tidak ada lagi. Perkataan-perkataan yang dihitamkan merupakan modaliti kepada pertuturan ini. Kata *rosak* bermaksud musnah dan kata ini tergolong dalam Kata Adjektif, sementara itu pula, kata *lari* tergolong dalam Kata Kerja.

Modaliti Visual 18d

Ketika mengujarkan pertuturan ini, posisi tangan kanan BN berada hampir separas bahu sementara tangan kiri berada sedikit di atas paras bahu. Ketika tangannya berada dalam posisi inilah modaliti *rosak* diujarkan, sedangkan ketika modaliti *lari* diujarkan, pergelangan tangannya mengerakkan semua jari kiri dan kanan ke arah yang bertentangan bagi membentuk bulatan “O” atau kosong, yang bermaksud tidak ada lagi. Ketika itu raut wajah BN pada 18a kelihatan tegang kerana kesal atau marah, pada 18d, dia sedikit tersenyum. Senyuman ini dapat ditafsir sebagai senyuman sinis.

5.14 Analisis Teks 5 dari Segi Wacana

Bahasan mengenai wacana dipecahkan kepada dua bahagian, (a) Unsur-unsur Wacana dalam Teks 5, (b) Senario Teks 1, dan (c) Analisis Teks dari Segi Struktur Pertuturan.

Teks 5

Pembeli: apa ni?
Penjual: kami panggil boNan (..) orang awak panggil lokan (.) pernah makan?
Pembeli: oh lokan (..) Sedap ke?
Penjual: kalau pandai masak sedap jugek (..)
Pembeli: masak ape sedap?
Penjual: orang kami biasa bakar saje (..) rebus pun boleh jugek (..) kalau buat kari pun sedap (.)
Pembeli: sedap ek?
Penjual: sedap(..) nak cube?
Pembeli: ermm (..) bagi sekilo (.) ni duitnye (.)
Penjual: ok(.) RM4.50 saja (.) terima kasih (.)
Pembeli: tak ade jual bende lain ke?(...)
Penjual: sekarang tinggal ini saje (..) pagi tadi jual kunci? (..) sekarang dah habis (..) kat sebelah sana tu masih ada kunci? (..) mosel (.)
Pembeli: ermm (...) lain kali jual banyak macam sikit (...) ramai orang nak beli(..)
Penjual: memang (..) kalau ikut hati semua saya nak jual kat sini bukan setakat boNan (..) kuncik (..) mosel je (...) jo? pun saya nak jual (.)
Pembeli: kuncik (..) mosel? tu apa pulak? jok? (.)
Penjual: orang awak kata kunci? tu macam siput pepahat (..) kami di sini sebut kunci? (..) mosel tu kupang la (...) hahaha jo? tu saya main-main je cakap (...) jo? tu biawak (..) hahahaha (...)
Pembeli: oh (.) tapi (...) ish ish ish (...) biawak pun nak jual?
Penjual: jual (.) laku tu (.) ramai yang suka (..)
Pembeli: ish hh (...) makan? (.)
Penjual: makanlah (...) hahaha (...)
Pembeli: awak?
Penjual: dulu (..) sebelum masuk islam (.) sekarang tangkap untuk jual (.)
Pembeli: ooo (...) orang cina beli ye?
Penjual: cina (..) orang india pun suka juga (..) orang sabah (..) sarawak beli juga .
Pembeli: ohh (...) ye lah (..) saya beli ni ye (..)
Penjual: saya jual (.) terima kasih ye (..) datanglah lagi nanti (...) awal sikit (...)
Pembeli: Ok (.) Inshaallah (.)

5.14.1 Unsur-unsur Wacana Dalam Teks 5

Wacana dalam Teks 5 merangkumi 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya ialah suatu rentetan pertuturan dengan suatu maksud yang jelas. Unsur-unsur itu ialah, (1) Aksi (2) Sikap (3) Aktor 4) Persembahan dan penampilan (5) Sumber (6) Masa dan Ruang. Berikut dibentangkan keseluruhan unsu tersebut bermula unsur 1 hingga 7.

(1) Aksi

KeK (penjual) menjual beberapa jenis siput di antaranya lokan kepada pelanggan luar. KeK juga menerangkan cara-cara untuk masak lokan kepada pelanggan yang tidak pernah memasak lokan.

(2) Sikap

KeK bersikap secara bersahaja melayani kerendah pelanggannya yang mahu tahu lebih banyak maklumat tentang siput yang mahu dibelinya. Sungguhpun bersahaja namun keterangan dan maklumat yang KeK sampaikan menyakinkan pelanggannya.

(3) Aktor

Aktor dalam Teks 5 ini ialah KeK sebagai pembeli dan orang luar sebagai pembeli. Interaksi ini berlangsung secara timbal balik.

(4) Persembahan

KeK tidak memakai baju. Baju T diselempangkan di atas bahunya. Sesekali dia memegang bajunya sambil dikibas-kibas ke belakangnya di sebelah kiri dan kanan. KeK memakai seluar pendek berwarna biru kelabu yang lusuh. Pembelinya memakai seluar hitam dan baju kemeja merah berbunga-bunga dan bertudung putih.

(5) Sumber

Ketika interaksi terjadi KeK berdiri sambil kedua tangannya memegang tiang pondok jualannya. Di pondok itu ada para setinggi satu meter. Di para ini dilonggokan lokan dalam kuantiti melebihi 5 kilogram. Pondok beratap nipah ini bersaiz 1 meter lebar, 1.5 meter panjang dan 2.1 meter tinggi. Pondok disebelah pondok KeK juga dalam saiz yang sama.

(6) Masa

Interaksi terjadi pada pukul 10.46 minit pagi. Cuaca sudah mulai panas.

Ruang

Interaksi ini berlaku di pondok jualan di Kampung Bakar Batu. Biasanya di pondok ini Orang Seletar biasa menjual berjenis-jenis siput seperti bongon, kuncik, mosel, dan pahat.

5.14.2 Senario Teks 5

Jadual 5.5.1: Senario Teks 5

Perbu.	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	Pembeli	Bertanya mengenai barangan jualan	Ingin tahu	10:45 pagi	Pondok jualan Kampung Bakar Batu	Pondok kayu	Inginkan kepastian
2	Penjual	Menjawab soalan pembeli	Gembira menerangkan	10:45 pagi	sda	sda	Memberi kepastian
3	Pembeli	Memahami tetapi mahu tahu lebih lanjut	Gembira untuk tahu lebih lanjut	10.45 pagi	sda	sda	Mendapat kepastian, tapi masih perlu maklumat lanjut
4	Penjual	Memberi penjelasan lanjut	Bersahaja	10.46 pagi	sda	sda	Memancing perhatian pelanggan
5	Pembeli	Tertarik untuk tahu	bersemangat	10:46	sda	sda	Mendapatkan penjelasan lanjut
6	Penjual	Memberikan beberapa cara	bersahaja	10:47	sda	sda	Menyakinkan pelanggan
7	Pembeli	Meminta kepastian	Ragu-ragu	10:47	sda	sda	Perlukan kepastian
8	Penjual	Memberi keyakinan	Pasti	10:47	sda	sda	Memberi kepastian

9	Pembeli	Mendapat keyakinan	Yakin	10:47	sda	sda	Membuat keputusan
10	Penjual	Menimbang jualan	Lega dan gembira	10:47	sda	sda	Menjual barangan
11	Pembeli	Bertanya tentang barangan lain	Ingin tahu	10:48	sda	sda	Mahu tahu
12	Penjual	Memberi penjelasan	bersemangat	10:48	sda	sda	Memberikan penjelasan
13	Pembeli	Memberi pendapat	bersemangat	10:48	sda	sda	Memberi nasihat
14	Penjual	Menerima pandangan	Bersetuju dengan pandangan itu	10:49	sda	sda	Memberikan persetujuan sehingga menjadi berlebih-lebihan
15	Pembeli	Bertanya mengenai perkara yang didengar	Bingung	10:50	sda	sda	Mendapatkan penjelasan lanjut
16	Penjual	Memberi penjelasan	Riang	10:51	sda	sda	Berjenaka
17	Pembeli	Menunjukkan reaksi geli	terkejut	10:51	sda	sda	Ingin tahu
18	Penjual	Mengaku dan membenarkan apa yang disampaikan	bersahaja	10:52	sda	sda	Memberikan penjelasan
19	Pembeli	Menunjukkan ingin tahu	kegelian	10:52	sda	sda	Mendapatkan kepastian
20	Penjual	Memberi tahu perkara sebenar	riang	10:52	sda	sda	Mengusik pelanggan
21	Pembeli	Bertanya untuk mendapatkan kepastian	resah	10:52	sda	sda	Mendapatkan kepastian

22	Penjual	Memberi penjelasan	bersahaja	10:53	sda	sda	Mereda keresahan pelanggan
23	Pembeli	Memahami	Lega	10:53	sda	sda	Menyatakan kefahaman berdasarkan pengetahuan sendiri
24	Penjual	Memberikan penjelasan tambahan	gembira	10:53	sda	sda	Menyatakan perkara sebenar
25	Pembeli	Menunjukkan reaksi terkejut tetapi mahu mengakhiri pertuturan	Terkejut tetapi memberi isyarat mahu berhenti	10:54	sda	sda	Menerima penjelasan dan mahu mengakhiri pertuturan
26	Penjual	Memahami isyarat	gembira	10:54	sda	sda	Mengakhiri pertuturan
27	Pembeli	Mengakhiri pertuturan	lega	10:54	sda	sda	Mengakhiri pertuturan

Senario teks ini terbina di atas 27 pertuturan yang bermula dengan nombor 1 hingga nombor 27. Setiap nombor ini mewakili satu pertuturan. Nombor-nombor ganjil ialah pertuturan yang dilakukan oleh pembeli sementara itu nombor pertuturan genap mewakili pertuturan penjual. Jumlah 27 pertuturan ini jika dibahagikan kepada dua aktor yang terlibat bermakna setiap seorang mendapat sekurang-kurangnya 14 kali giliran pertuturan. Dalam teks ini pembeli mendapat 15 kali giliran pertuturan.

Senario ini dapat dilihat dan dibaca dalam dua keadaan iaitu: (A) secara melintang, setiap petak dari kiri ke kanan terdiri daripada 7 perkara – (1) aktor, (2) aksi, (3) sikap, (4) waktu, (5) tempat, (6) sumber dan (7) tujuan. Aktor di sini bermaksud orang yang terlibat dalam pertuturan ini (sama ada pembeli atau penjual). Aksi pula merujuk kepada tindakan aktor dalam pertuturan itu. Sikap mewakili tindakbalas aktor ketika

pertuturan itu. Waktu menunjukkan masa dan ketika terjadinya pertuturan. Tempat ialah lokasi terjadinya pertuturan sedangkan sumber merujuk kepada unsur-unsur yang wujud di tempat terjadinya pertuturan ini termasuk barangan yang berupa kelengkapan atau peralatan yang digunakan ketika pertuturan berlangsung. Ketika membentangkan analisis ini perkara (5) tempat dan (6) sumber tidak dibincangkan secara lebih lanjut dalam perbincangan pertuturan 2 hingga 27 memandangkan tempat dan sumber tidak mengalami apa-apa perubahan.

Sementara itu secara kronologi (menegak) terdiri atas nombor-nombor 1-27. Setiap nombor dipisahkan oleh petak kosong yang mendatar di mana setiap petak yang pertama (paling kiri) diletakkan tanda () yang menunjukkan peralihan scenario misalnya dari pertuturan 1 ke pertuturan 2 dan begitulah seterusnya.

Pada pertuturan 1, pembeli (aktor) bertanya (aksi) mengenai barangan yang dijual dengan menunjukkan rasa ingin tahu (sikap) yang tinggi. Ketika itu waktu menunjukkan pukul 10:45 pagi (waktu). Pertuturan ini terjadi di pondok jualan di Kampung Bakar Batu (tempat). Pondok jualan ini (sumber) dibuat daripada kayu berukuran 2.1 meter tinggi, 1.5 meter panjang dan 1 meter lebar yang merupakan para bagi meletakkan barangan jualan yang tingginya kira-kira 1.1 meter dari lantai. Di atas para ini dilonggokkan sejenis kerang-kerangan yang disebut oleh Orang Seletar sebagai *bongan*. Dalam bahasa Melayu ia dikenali sebagai lokan. Pembeli mengajukan pertanyaan bagi mendapatkan kepastian tentang barangan yang ingin dibelinya (tujuan).

Pertuturan 2, penjual (aktor) menjawab pertanyaan (aksi) dengan senang hati (sikap). Tujuan pertuturan 2 ini ialah untuk memberikan kepastian bahawa soalan yang diajukan itu ialah *bongan* dalam bahasa Seletar dan disebut lokan dalam bahasa Melayu. Dari maklumat pertuturan 2, pembeli (aktor) dalam pertuturan 3, mengerti (aksi) mengenai barangan yang mahu dibelinya dan dengan senang hati (sikap) masih mahu mengetahui

lebih lanjut mengenai rasa lokan (tujuan). Selanjutnya dalam pertuturan 4, penjual (aktor) memberikan jawapan (aksi) dengan bersahaja (sikap). Tujuan penjual ialah untuk memancing perhatian pelanggannya.

Sementara itu pertuturan 5, menunjukkan pembeli mulai tertarik (sikap), lalu bertanya lebih lanjut (aksi). Tujuan pertanyaannya ialah untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai cara dan jenis masakan yang sesuai. Selanjutnya dalam pertuturan 6, penjual memberikan beberapa contoh cara dan jenis masakan dengan penuh keyakinan. Tujuannya ialah untuk menyakinkan pembeli.

Pada pertuturan 7, pembeli mengajukan pertanyaan (aksi) kerana ragu-ragu (sikap) terhadap cara memasak lokan. Tujuan pembeli dalam pertuturan 7 ini ialah untuk mendapatkan kepastian (tujuan). Oleh itu, penjual dalam pertuturan 8 memberikan keyakinan (aksi) dengan tegas (sikap) bahawa lokan sedap dimakan. Penjual berjaya memberi kepastian kepada pembeli (tujuan). Selanjutnya, dalam pertuturan 9, pembeli (aktor) mendapat keyakinan (aksi) dan seterusnya berasa yakin (sikap) dengan penjelasan yang diberikan oleh penjual. Pembeli seterusnya membuat keputusan untuk membeli lokan (tujuan). Dalam pertuturan 10, Penjual menimbang lokan (aksi) sambil berasa lega (sikap) dengan keputusan yang dibuat oleh pembeli. Tujuan penjual adalah untuk memastikan jualanannya dibeli.

Pada pertuturan 11, pembeli bertanya (aksi) kerana ingin tahu (sikap) mengenai barang lain yang dijual. Tujuan pertuturan ini ialah untuk mengetahui adakah hanya lokan yang dijual. Pertuturan 12, pembeli memberi penjelasan (aksi) dengan bersemangat (sikap) bahawa barangan jualanannya yang lain sudah habis dijual sambil menyatakan barangan lain masih ada dijual di pondok sebelah. Selanjutnya, pada pertuturan 13, pembeli memberi cadangan (aksi) dengan bersemangat (sikap) supaya pejual menambah

barangan jualannya. Tujuan pembeli sebenarnya ialah untuk memberi nasihat kepada penjual.

Sementara itu, pertuturan 14 menunjukkan penjual menerima nasihat (aksi) dan cadangan pembeli dengan bersetuju (sikap) dengan cadangannya. Tujuan pertuturan 14 ini ialah untuk memberikan persetujuan, cuma penjual menjadi terlebih-lebih sehingga perkataan perkara yang tidak sepatutnya. Sehubungan dengan itu, pada pertuturan 15, pembeli yang kebingungan (sikap) mengemukakan pertanyaan (aksi) kepada penjual. Tujuan pembeli mengajukan pertanyaan ini ialah kerana mahu mendapatkan penjelasan lebih lanjut mengenai maksud yang dinyatakan oleh penjual. Pada pertuturan 16 penjual memberikan penjelasan (aksi) mengenai setiap perkataan yang menimbulkan keraguan pembeli. Penjual riang (sikap) ketika memberi penjelasan kerana tujuan penjual ialah untuk berjenaka.

Sementara itu, pada pertuturan 17, pembeli mengemukakan pertanyaan sambil menunjukkan aksi kegelian kerana terkejut (sikap) dengan penjelasan yang diberikan. Tujuan pertuturan 17 ini ialah pembeli ingin tahu kerana merasa hairan dengan penjelasan penjual. Selanjutnya, pada pertuturan 18, penjual membenarkan (aksi) pertanyaan pembeli dengan bersahaja. Tujuan penjual adalah untuk memberikan penjelasan supaya penjual tidak hairan lagi. Sebaliknya dalam pertuturan 19, pembeli menyambung pertanyaannya (aksi) dan menunjukkan sikap kurang senang. Tujuan pertuturan 19 ini ialah pembeli ingin mendapat kepastian. Selanjutnya, pembeli menjelaskan perkara tersebut sebenar (aksi) dengan riang (sikap). Sungguhpun perkara yang penjual nyatakan adalah benar penjual menyampaikannya sambil ketawa. Tujuan pertuturan 20 ini ialah untuk mengusik pembeli. Berdasarkan pertuturan 20, pembeli dalam pertuturan 21 mengajukan pertanyaan (aksi) dalam keadaan sedikit resah kerana mahu kepastian (tujuan) sama ada penjual “makan” biawak. Pembeli dalam pertuturan

22, memberikan penjelasan (aksi) dengan bersahaja (sikap) dengan tujuan untuk meredakan keresahan pelanggan. Pembeli dalam pertuturan 23, menerima (aksi) penjelasan pembeli dengan perasaan lega (sikap). Penjual menyatakan kefahamannya berdasarkan pengetahuannya sendiri.

Selanjutnya, dalam pertuturan 24, penjual memberikan penjelasan tambahan dengan membetulkan pandangan (aksi) pembeli dengan bersahaja (sikap). Tujuan penjual ialah untuk menyatakan perkara yang sebenarnya. Pada pertuturan 25, pembeli menunjukkan rasa terkejut (aksi) tetapi mula menunjukkan isyarat mahu berhenti berbual (sikap). Tujuan pembeli ialah mahu segera berhenti berbual. Sementara itu, dalam pertuturan 26, penjual memahami isyarat (aksi) pembeli dan merasa gembira (sikap) dengan interaksi di antara mereka. Tujuan penjual ialah untuk menghormati pelanggannya dan segera mengakhiri pertuturan. Akhir sekali, pembeli menutup pertuturan (aksi) dengan perasaan lega (sikap) dan segera berlalu pergi (tujuan).

5.14.3 Analisis Struktur Pertuturan

Di dalam jadual berikut, ditunjukkan analisis struktur pertuturan. Secara fizikalnya Teks 5 ini terdiri dari 4 bahagian. Bahagian yang pertama iaitu pertuturan 1-8 dinamakan sebagai pertuturan pra jual beli. Bahagian kedua iaitu pertuturan 9-10 dinamakan pertuturan ketika jual beli, sedangkan bahagian ketiga ialah 11-24 pula ialah pertuturan sesudah jual beli. Terakhir sekali ialah pertuturan penutupan. Setiap pertuturan ini dinyatakan maksud pertuturannya. Oleh itu, bagi setiap satu dari 27 pertuturan ini mempunyai 27 maksud pertuturannya. Sungguhpun demikian, maksud-maksud pertuturan ini ada yang diulang-ulang sehingga kata kuncinya tidak lagi disebut melainkan diberikan nombor bagi setiap pertuturan itu.

Sila lihat jadual di bawah ini

Jadual 5.6.2 : Analisis Struktur Pertuturan

L1: 1) Pembeli:	Apa ni?	Soalan 1a
L2: 2) Penjual:	Kami panggil bongon. Orang awak panggil lokan. Penah makan?	Jawapan 1b	↓
L4: 3) Pembeli:	Oh lokan. Sedap ke?	2a	
L5: 4) Penjual:	Kalau pandai masak sedap jugkek.	2b	
L6: 5) Pembeli:	Masak ape sedap?	3a	Bhg 1 (1-8)
L7: 6) Penjual:	Orang kami biasa bakar saje, rebus pun pun boleh jugkek. Kalau buat kari pun sedap.	3b	↑
L9: 7) Pembeli:	Sedap ek?	4a	
L10: 8) Penjual:	Sedap. Nak cube?	4b
L11: 9) Pembeli:	Erm... bagi sekilo. Ni duitnye.	Membeli	Bhg 2 (9
L12: 10) Penjual:	Ok. RM4.50 saja. Terima kasih.	Menjual	10)
L13: 11) Pembeli:	Tak ade jual bende lain ke?	5a
L14: 12) Penjual:	Sekarang tinggal ini saje, pagi jual kuncik sekarang dah habis. Kat sebelah sana masih ada kuncik, mosel.	5b	↓
L17: 13) Pembeli:	Erm... lain kali jual banyak macam sikit... ramai orang nak beli.	Cadangan	
L19: 14) Penjual:	Memang kalau ikut hati semua saya nak jual kat sini bukan setakat bongon, kuncik, mosel je... jok pun saya nak jual.	Setuju	↓
L22: 15) Pembeli:	Kuncik, mosel? Tu apa pulak? Jok?	6a	Bhg 3 (11-24)
L21: 16) Penjual:	Orang awak kata kuncik tu macam siput pepahat, kami di sini sebut kuncik. Mosel tu kupang la... hahaha jok tu saya main-main je cakap... jok tu biawak... hahahaha	6b	↑
L28: 17) Pembeli:	Oh, tapi... ish ish ish... biawak pun nak jual?	7a	
L30: 18) Penjual:	Jual. Laku tu. Ramai yang suka.	7b	
L31: 19) Pembeli:	Ishhh... Makan?	8a	
L32: 20) Penjual:	Makanlah... hahaha	8b	
L33: 21) Pembeli:	Awak?	9a	
L34: 22) Penjual:	Dulu, sebelum masuk Islam. Sekarang tangkap untuk jual.	9b	
L36: 23) Pembeli:	Ooo orang Cina beli ye?	10a	
L37: 24) Penjual:	Cina, orang India pun suka juga, orang Sabah, Sarawak beli juga.	10b
L39: 25) Pembeli:	Ohh... ye lah. Saya beli ni ye.	Penutup a
L40: 26) Penjual:	Saya jual. Terima kasih ye. Datanglah lagi nanti... awal sikit...	Penutup b	↓
L41: 27) Pembeli:	Ok. Insyallah.	Penutup c	Bhg 4 (25-27)
			↑
		

Petunjuk: L 1 hingga 41 = Barisan

1) Hingga 27) = Pertuturan

1a = Soalan 1 dikemukakan oleh pembeli

1b = Jawapan 1 dijawab oleh penjual

Membeli, menjual, cadangan dsb = kata kunci

Huraian bagi setiap kata kunci di atas berdasarkan intisari keseluruhan daripada setiap pertuturan iaitu pertuturan (1) – (27) dan berpandukan barisan (L 1 – 41). Setiap kata kunci lazimnya diambil daripada salah satu perkataan atau frasa yang terdapat di dalam pertuturan yang mewakili maksud kata kunci tersebut. Teks 5, ini ialah konteks sosial “jual beli”. Oleh sebab itu urusan jual beli ini dapat dilihat dari: pembukaan, jual-beli, selepas jual beli dan penutup.

Sila perhatikan pembentangan di bawah ini:

1. Soalan dan Jawapan

Sungguhpun kata kunci soalan dan jawapan ini adalah kata kunci yang berbeza, namun pembahasan mengenai kedua ini tidak boleh dibuat secara terpisah kerana akan mengurangkan ketepatan huraian. Oleh yang demikian, pembahasan mengenai soalan dan jawapan ini akan dibuat secara selang seli sesuai dengan kelaziman iaitu ada soalan tentu ada jawapan.

Di dalam Teks 5 ini, Pembeli (a) bukan merupakan orang tempatan, ada banyak perkara yang tidak diketahuinya dikemukakan kepada penjual (b). Soalan merupakan kata kunci yang mewakili pertuturan 1a, 2a, 3a, 4a, 5a, 6a, 7a, 8a, 9a dan 10a. Soalan-soalan yang dikemukakan mempunyai pelbagai maksud dan tujuan. Sementara itu kata kunci berikutnya ialah jawapan yang diberikan oleh penjual terhadap semua soalan yang dikemukakan oleh pembeli seperti yang dibentangkan pada kata kunci Soalan di atas. Kata kunci jawapan ini terdiri dari Jawapan 1b, 2b, 3b, 4b, 5b, 6b, 7b, 8b, 9b, dan 10b. Setiap jawapan yang diberi bergantung kepada jenis soalan dan tujuan soalan itu dikemukakan. Sila rujuk juga 5.6.2: Jadual Senario Teks khususnya pada kolum terakhir paling kanan iaitu tujuan.

Soalan 1a dan Jawapan 1b

Soalan 1a adalah soalan pembukaan pembeli kepada penjual. Bagi Soalan 1a misalnya, tidak bermakna pembeli tidak mengetahui atau tidak mengetahui tentang *bongan* atau lokan tetapi hanya untuk mendapatkan kepastian kerana tidak biasa makan atau memasak lokan. Jawapan 1b, penjual menerangkan bahawa barangan yang ditanya iaitu dalam bahasa Seletar disebut *bongan* dan dalam bahasa Melayu disebut lokan seperti pada L2-3:2 *Kami panggil bongan. Orang awak panggil lokan. Pernah makan?* Kata GND kami itu merujuk kepada Orang Seletar sedangkan *orang awak* merujuk kepada Orang Melayu kerana pembeli ialah Orang Melayu. Dalam jawapan yang diberikan penjual ini ada soalan balas yang dikemukakan kepada pembeli iaitu *pernah makan?* Namun demikian, soalan susulan dari penjual ini tidak dijawab oleh pembeli.

Soalan 2a dan Jawapan 2b

Setelah pasti *bongan* itu ialah lokan, pembeli mengajukan soalan lanjutan 2a (L4:3) .. *sedap ke?* Soalan ini menunjukkan pembeli tidak pernah makan lokan. Selanjutnya pada 2b, penjual menjawab secara umum sahaja iaitu seperti pada L5:4 *kalau pandai masak sedap jugkek.* Jawapan seumpama ini bertujuan untuk memancing perhatian pembeli.

Soalan 3a dan Jawapan 3b

Selanjutnya, pada 3a, pembeli yang sudah terpancing bertanya lagi (L6:5) *masak ape sedap?* Pertanyaan ini membuktikan pembeli tidak pernah memasak lokan. Selanjutnya penjual menjawab (3b) seperti pada L7:6 *Orang kami biasa bakar saje, rebus pun boleh jugkek. Kalau buat kari pun sedap.* Jawapan penjual dengan memberi beberapa jenis masakan mulai menyakinkan pembeli yang masih belum membuat keputusan sama ada mahu mencuba (membeli) atau tidak.

Soalan 4a dan Jawapan 4b

Pada 4a, pembeli yang masih ragu-ragu mengemukakan sekali lagi pertanyaan seperti pada L9-7 *sedap ek?* jawapan 4b seperti pada L10:8 *Sedap. Nak cube?* Merupakan jawapan yang optimis, jawapan seperti inilah yang diperlukan oleh penjual yang tidak pernah atau jarang mencuba memasak lokan. Dari jawapan 4b inilah akhirnya pembeli membuat keputusan untuk membeli lokan.

Soalan 5a dan Jawapan 5b

Soalan 5a, pembeli setelah membeli sekilo lokan (L11:9 *Ermm... bagi sekilo. Ni duitnye*) menyambung pertanyaannya iaitu seperti pada L13:11 *tak ade jual bende lain ke?* Dalam soalan 5a ini, pembeli ingin mengetahui jikalau ada lagi barangan lain yang boleh dibelinya. Selanjutnya, jawapan 5b, seperti pada L14-16:12 *Sekarang tinggal ini saje, pagi tadi jual kuncik. Sekarang dah habis. Kat sebelah sana tu masih ada kuncik, mosel.*

Soalan 6a dan Jawapan 6b

Selanjutnya pembeli kembali mengemukakan soalan 6a, merujuk kepada perkataan-perkataan yang asing pada dirinya seperti pada L22:15 *Kuncik, mosel tu apa pulak? Jok?* Kata *Kuncik*, dan *mosel* ialah nama-nama siput sedangkan *jok* ialah nama reptilia. Nama-nama ini tidak diketahui sama sekali oleh pembeli. Penjual pada jawapan 6b seperti pada L23-27:16 *Orang awak kata kunci tu macam siput pepahat, kami di sini sebut kuncik. Mosel tu kupang la... hahaha jok tu saya main-main je cakap... jok tu biawak... hahaha.* Penjelasan dari penjual ini mengenai kuncik dan mosel itu dapat diterima dengan baik oleh pembeli. Namun pembeli menunjukkan reaksi kurang senang mengenai biawak sungguhpun penjual hanya berjenaka.

Soalan 7a dan Jawapan 7b

Berdasarkan rasa kurang senang terutamanya mengenai biawak, pembeli seperti pada soalan 7a, bertukar mengenai biawak pula seperti pada L28-29: 17 *oh, tapi... ish ish*

ish... biawak pun nak jual? Pembeli terkejut dan hairan. Selanjutnya penjual pada jawapan 7b, mengaku dengan mengatakan seperti pada L30:18 *Jual. Laku tu. Ramai yang suka.*

Soalan 8a dan Jawapan 8b

Pembeli yang masih memberi reaksi kegelian selanjutnya mengemukakan soalan 8a iaitu L31:19 *ishhh... makan?* Penjual yang mengesan adanya reaksi seumpama itu memberitahu perkara yang sebenarnya dengan niat untuk mengusik pembeli seperti pada L32:20 *Makanlah... hahaha*

Soalan 9a dan 9b

Pembeli yang semakin resah bertanya untuk mendapatkan kepastian seperti pada L33:21 *Awak?* Kedua-dua soalan iaitu 8a dan 9a ini mempamirkan ketidakselesaan pembeli dan mungkin kurang senang dengan jenaka penjual. Selanjutnya, penjual yang mulai mengesan ketidaksenangan pembeli lalu menjawab seperti pada L34-35:24 *Dulu, sebelum masuk Islam. Sekarang tangkap untuk jual.*

Soalan 10a dan 10b

Pembeli yang lega dengan penjelasan penjual seperti pada L36:23 *Ooo... orang Cina beli ye?* Ungkapan *Ooo...* mewakili perasaan lega pembeli. Selanjutnya pembeli mengemukakan soalan susulan sungguhpun soalan ini sebenarnya bukan soalan tetapi merupakan dugaan atau agakkan berdasarkan pengetahuan atau pengalaman pembeli sendiri. Oleh sebab itu, jawapan dari penjual seperti pada L37-38:24 *Cina, orang india pun suka juga, orang Sabah, Sarawak beli juga.* Jawapan penjual ini adalah berdasarkan pengalaman dan pengetahuannya. Pada soalan 10a dan 10b ini, menunjukkan pengetahuan dan pengalaman penjual mengenai perkara ini mengatasi pembeli.

2. Membeli dan Menjual

Urusan membeli dan menjual berlaku setelah berlakunya fasa yang disebutkan di sini sebagai pra jual beli. Dalam Teks 5 ini, fasa yang dimaksudkan bermula pada pertuturan 1 hingga pertuturan 8. Sila lihat kolum paling kanan jadual 5.6.2 Analisis Struktur Pertuturan. Lazimnya pada fasa pra jual beli seperti ini adanya proses tawar menawar harga tetapi tiada dalam Teks 5.

3. Cadangan

Dalam Teks ini, pembeli mengemukakan cadangan seperti pada L17-18:13 supaya ... *lain kali jual banyak macam sikit... ramai orang nak beli*. Cadangan pembeli ini tentunya baik namun sebenarnya penduduk Kampung Bakar Batu agak sukar berniaga di kampung mereka memandangkan kurangnya permintaan. Tidak ramai pembeli dari luar yang masuk ke kampung membeli hasil laut mereka. Cadangan ini tidak mengambil kira keadaan dan persekitaran Kampung Bakar Batu yang letaknya 3Km dari Bandar Perling. Perlu difahami cadangan ini dibuat oleh pembeli yang bukan warga tempatan. Dari percakapan, loghat yang digunakan menunjukkan pembeli memang orang Johor tetapi bukan dari daerah atau kampung-kampung berdekatan. Penduduk kampung-kampung yang berdekatan dengan Kampung Bakar Batu, mengenal pelbagai jenis siput yang disebut dalam bahasa Seletar.

4. Persetujuan

Penjual pada dasarnya bersetuju dengan cadangan pembeli, namun seperti kata-katanya dalam L19-21: 14 *Memang kalau ikut hati semua saya nak jual kat sini, bukan setakat bongon, kuncik, mosel je... jok pun saya nak jual*. Masalah utama penjual seperti KeK dan penjual-penjual lain dari kampungnya ialah kurangnya pelanggan yang tahu dan sanggup masuk ke kampung kerana terletak jauh dari jalan utama.

5. Penutup

Penutup di sini merujuk kepada tindakan pembeli untuk mengakhiri pertuturan. Sunggupun pembeli tidak berkata mahu berhenti atau mahu pulang tetapi pembeli seperti pada L39:25 berkata *Ohh... ye lah. Saya beli ni ye*. Secara implisitnya pertuturan ini dimengerti oleh penjual seperti pada L40:26 *Saya jual. Terima kasih ye. Datanglah lagi nanti... awal sikit...*. Setelah berlakunya proses akad tersebut pembeli langsung menyambutnya seperti pada L41:28 *Ok. Insyaallah*. Dapat diduga bahawa ungkapan *Ok* dari pembeli itu merujuk kepada ucapan terima kasih daripada penjual, sedangkan ungkapan *insyaallah* merujuk kepada *Datanglah lagi nanti* dan *awal sikit*.

5.15 Gaya

Pembentangan ketiga-tiga aspek gaya ini bermaksud untuk memperjelaskan lagi maksud Teks 5, baik dari segi kandungan teks mahupun latar belakang masyarakat ini. Teks 5 adalah interaksi yang berlaku di antara penjual (KeK) dengan pembeli yang bukan dari kalangan masyarakat sekitar. Tiada apa-apa maklumat mengenai pembeli selain, wanita, berbangsa Melayu, dan berumur lebih kurang 30-an. Pembentangan ini hanya akan memperkatakan tentang KK, sementara perihal pembeli hanyalah sebagai bandingan bagi mengidentifikasikan.

5.15.1 Gaya Individu

Penjual (KeK), berumur 40 tahun, dulunya bekerja sebagai nelayan tetapi sejak mendapat kemalangan yang mengakibatkan saraf bahagian kakinya cedera, KeK tidak mampu lagi bekerja di laut. Kini KK berjualan hasil-hasil laut masyarakat kampungnya.

KeK secara individu sering berpeluang berdepan dengan para pelanggannya yang majority adalah penduduk kampung berhampiran dengan Perkampungan Orang Seletar iaitu Kampung Bakar Batu. Kadang-kadang ada juga pelanggannya bukan merupakan

penduduk dari kampung berhampiran tetapi dari daerah luar yang kebetulan masuk ke kampungnya dengan pelbagai tujuan. dengan Pembeli yang bukan dari kalangan masyarakat sekitar.

Di dalam Teks 5 ini, perkara yang paling nyata untuk melihat indentiti KeK ini ialah melalui penggunaan GND. Orang Seletar menyebut diri mereka sebagai *kami*, contohnya ialah pada L2:2 *Kami...* dan LL24:16 *kami di sini...* . Sungguhpun demikian, seperti yang telah disebut di atas bahawa KeK telah terbiasa berdepan dengan masyarakat luar jadi KeK lebih sering menggunakan GND saya berbanding *kami*. Hal ini dapat dilihat pada L19:14 *saya...* , L23:16 *saya...* dan L40:26 *saya...* .

Seterusnya, gaya individu KeK ini dapat dikesan dalam penggunaan bahasa yang lazim digunakan kepada masyarakat yang tinggal berhampiran dengan kampungnya, khususnya yang berkaitan dengan aktiviti jual-beli hasil-hasil laut. Hal ini dapat dilihat pada L20:14 dan L21:14 penggunaan kata *bongan*, *kuncik*, *mosel* dan *jok*. KeK kemungkinan tidak mengetahui bahawa pelanggannya bukan berasal dari kampung berhampiran. Penggunaan nama-nama hasil laut ini terjadi secara spontan. Cara KeK ini berkaitan peranannya sebagai penjual hasil-hasil laut di kampungnya. Sebenarnya, seperti pada L2:2, KeK sepatutnya sudah boleh mengagak bahawa pelanggannya tidak biasa berurusan dengan penjual-penjual Orang Seletar. Namun, keadaan inilah yang merupakan salah satu indikasi yang menunjukkan jatidirinya sebagai Orang Seletar. Masyarakat yang tinggal berhampiran dengan kampung KeK umumnya mengenali semua nama hasil laut tersebut. Penduduk persekitaran juga menggunakan nama-nama tersebut jika berurusan dengan penduduk kampung di situ.

Berkaitan dengan cara dan peranannya sebagai penjual, secara tegas diungkapkan seperti pada L19-21:14 *Memang kalau ikutkan hati semua saya nak jual kat sini bukan setakat bongan, kuncik, mosel je... jok pun saya nak jual*. Perkataan yang digaris bawah

ini merupakan ekspresi peribadi KeK. Nalurnya sebagai penjual memang berhajat untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburinya. Namun ada pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi sehingga cita-citanya itu hanya mampu diluahkan sedemikian sahaja.

5.15.2 Gaya Sosial

Pembentangan mengenai gaya sosial ini akan membincangkan beberapa perkara antaranya ialah, penggunaan GND majemuk, perasaan saling memiliki (*senses of belonging*), dan Kesopanan.

Pembentangan mengenai 5.6.3.1 Gaya Individu di atas ada menyentuh mengenai GND *kami* yakni GND Orang Pertama. Namun dalam tidak menyentuh mengenai GND majemuk seperti pada L2:2 *Orang awak...* sebagai bandingan seperti pada L7:6 *Orang kami...* yang hanya digunakan sekali sahaja. Jika dilihat kepada kecenderungan penggunaan GND *saya*, ada kemungkinan KeK boleh menyebutnya dengan *orang saya* tetapi kK tidak pernah sekali pun berbuat demikian. Hal ini membuktikan KeK masih menyedari bahawa dia adalah anggota masyarakat Seletar.

Selanjutnya, KeK menampilkan kelaziman penjual Orang Seletar yang sopan. Kesopanan ini ditunjukkan ketika KeK melayani 10 soalan yang dikemukakan oleh pembeli. Kesemua jawapan yang diberikan menunjukkan pembeli berpuas hati. Begitu juga dengan cadangan dan pandangan yang diberikan oleh pembeli seperti pada L17-18:13 *Ermm... lain kali jual banyak macam sikit... ramai orang nak beli*. KeK bersetuju dan menerimanya seperti pada L19-21:14 *Memang kalau ikut hati semua saya nak jual kat sini bukan setakat bongan, kuncik, mosel je... jok pun saya nak jual*. KeK sedar bahawa walaupun cadangan pembeli baik tetapi agak sukar dilaksanakan.

Selanjutnya, kesopanan KK ini dapat dilihat ketika urusan jual beli terjadi di antara dia dan pembelinya seperti pada L11:9 *Ermmm... bagi sekilo. Ni duitnya* dan L12:10 *Ok. RM4.50 saja. Terima kasih*. Setelah KeK mengucapkan terima kasih, pembeli tidak membalasnya sama sekali. Begitulah juga pada akhir Teks 5 ini, pembeli melakukan “akad” bagi urusan jual beli tersebut KeK sekali lagi mengucapkan terima kasih seperti pada L40:26 *Saya jual. Terima kasih ye... .*

5.15.3 Gaya Hidup

Pembentangan mengenai gaya hidup mencakupi dua perkara iaitu gaya hidup berdasarkan penggunaan bahasa dan gaya hidup berdasarkan penampilan di depan khalayak.

Gaya hidup berdasarkan penggunaan bahasa dilihat pada interaksi yang berlaku di antara KK dan pelanggannya. KeK dalam interaksi ini banyak membantu pelanggannya dengan memberikan pelbagai jenis maklumat. Setiap pertanyaan dijawab dengan penuh minat. Sesekali KK cuba berjenaka terutama perihal yang berkaitan dengan biawak. Hal ini dapat dilihat pada L23-27:16 *Orang awak kata kuncik tu macam siput pepahat, kami di sini sebut kuncik. Moesl tu kupang la... hahaha jok tu saya main-main je cakap... jok tu biawak... hahaha...* Berdasarkan latar belakang yang berbeza, jenaka KeK itu kurang menjadi kerana pelanggannya itu memberi reaksi atau respon kurang senang atau kurang selesa sehingga menunjukkan rasa resah dan kegelian. Reaksi pembeli ini dapat dilihat pada L28-29:17 *Oh, tapi... ish ish ish... biawak pun nak jual?* KeK yang bagaikan terkejut lantas berkata seperti pada L30:18 *Jual. Laku tu. Ramai yang suka*. Penjelasan KeK yang berupa pengakuannya (Sila rujuk Jadual 5.6.1. Senario Teks 5, no. 18) ini tidak lagi dalam bentuk jenaka atau cuba berjenaka sebaliknya hanyalah memberi maklumat sebenar. Natiujahnya, pembeli langsung memberi respon yang lebih keras seperti pada L31:19 *Ishhh... Makan?* Ekspresi *ishh* mewakili maksud kurang

senang pembeli. Oleh sebab itu, pada interaksi selanjutnya, KeK secara bersahaja menjawab segala pertanyaan pembelinya semata-mata bagi menyampaikan maklumat dan memberi penjelasan, tiada lagi jenaka.




Gaya hidup berdasarkan penampilan di depan khalayak. KeK sama seperti Orang Seletar yang lain, tampil di depan khalayak seadanya. KeK dilihat lebih banyak tidak memakai baju, hanya mengenakan seluar pendek. Tetapi ketika rakaman dilakukan KeK memakai baju T. Cuma yang berbeza di antara KeK dan orang kampungnya ialah KeK tidak lagi ke laut. Oleh itu baju yang digunakan oleh KeK adalah baju yang hanya dipakai di darat. Sila rujuk pembentangan mengenai gaya hidup berdasarkan penampilan di depan khalayak pada teks-teks sebelum ini.

5.16 Modaliti

Pembentangan modaliti akan menyentuh dua jenis modaliti iaitu Modaliti Lingusitik dan Modaliti Visual. Sungguh pun modaliti dipecahkan menjadi dua bahagian namun sebenarnya kedua-dua modaliti ini terjadi serentak. Pembahagian dua jenis modaliti ini hanya bertujuan untuk memudahkan perbincangan. Modaliti lingusitik dalam bahasa Seletar diwakili oleh pelbagai jenis kelas kata. Modaliti visual pula adalah paparan mengenai aksi atau tindakan pada saat suatu modaliti lingusitik itu diujarkan. Aksi atau tindakan atau juga tingkah laku itu diekspresikan melalui mimik muka, dan pelbagai jenis pergerakan bahasa tubuh aktor.

Sebelum analisis dilakukan, kedua-dua jenis modaliti ini ditampilkan secara serentak (di dalam dua kolum yang berbeza). Setelah itu barulah modaliti dibentangkan satu persatu. Pemisahan yang dilakukan hanyalah bertujuan untuk memudahkan pembentangan analisis teks ini. Pembentangan ini akan mengupas mengenai modaliti pada pertuturan

(2). Sila perhatikan kolum yang dimaksudkan di bawah ini:

<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(2a) <i>Kami panggil bongan..</i></p>	<p>Visual 2a</p> 
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(2b) <i>Orang awak panggil lokan</i></p>	<p>Visual</p>  <p>2b</p>
<p>Modaliti Linguistik</p> <p>(2c) <i>Penah makan?</i></p>	<p>Visual 2c</p> 

5.16.1 Modaliti dalam Pertuturan (2)

Pembentangan mengenai Modaliti dalam pertuturan (2) terdiri atas modaliti linguistik dan visual a, b, dan c, Modaliti dalam pertuturan (2), berdasarkan pertuturan yang

diungkapkan oleh KK yang berbunyi “*Kami panggil bongan... Orang awak panggil lokan. Penah makan?*” Pertuturan ini terjadi setelah Pen. mengajukan pertanyaan seperti pada pertuturan (1) yang berbunyi “*Apa ni?*” KeK menjawab dengan memberi respon an reaksi seperti yang boleh dilihat dalam kolom-kolom di bawah ini.

Modaliti Pertuturan (2a)

Pada pertuturan (2a), iaitu “*Kami **panggil** bongan*”, KeK menyatakan bahawa benda yang ditanyakan oleh pembeli itu dalam bahasa Seletar disebut sebagai *bongan*. Modaliti linguistik (2a) ialah kata ***panggil***. Kata ini tergolong dalam kelas kata Kata Kerja. Kata ini bermaksud menamakan atau menyebut.

Modaliti Visual 2a

Pada visual 2a, KeK memegang *bongan* dengan tangan kanannya kemudian mengangkatnya sedikit ke arah pembeli. Reaksi spontan KeK ini bermaksud untuk menyatakan “inilah yang kami panggil bongan”.

Modaliti Pertuturan (2b)

Selanjutnya pada pertuturan (2b) KeK menyambung pertuturannya dengan berkata, “*Orang awak **panggil** lokan*”. Dengan berkata demikian, KeK telah menterjemahkan kata *bongan* dalam bahasa Seletar dengan kata *lokan* dalam bahasa Melayu. Sunggupun modalitinya sama dengan (2a) di atas iaitu kata ***panggil*** namun maksudnya sedikit berbeza.

Modaliti Visual 2b

Pada visual 2b, kelihatan KeK memindahkan *lokan* ke tangan kirinya dan menggunakan tangan kanan dan jari telunjuknya menunjuk ke arah *lokan* tersebut. Perbuatannya yang spontan ini bermaksud “inilah yang orang awak panggil lokan”.

Modaliti Linguistik (2c)

Pada pertuturan (2c) KeK bertanya kepada pembeli “**Pernah makan?**”. Pertuturan ini merupakan penutup kepada pertuturan 2. Modaliti linguistik bagi pertuturan (2c) ini ialah kata **pernah**. Kata **pernah** tergolong dalam kelas kata Kata Bantu.

Modaliti Visual 2c

Pada visual 2c, kelihatan KeK memegang lokan dengan tangan kirinya dan mencuba mengopek lokan dengan jari-jari tangan kanannya. KeK melakukan perbuatan ini ialah untuk menunjukkan kepada pembeli isi lokan itu.

5.17 Analisis Teks dari Segi Wacana: Teks 6

Pembentangan mengenai wacana Teks 6: Mesyuarat JKJK: Gotong Royong (dilampirkan dalam Appendix) dipecahkan kepada tiga bahagian (a) Unsur-unsur Wacana, (b) Senario Teks, dan (c) Analisis Teks dari segi Struktur Perbualan.

Berikut di bawah ini ialah Teks 6.

Teks 6

Tok Batin : Am ucap terima kasih sebab aih semua boleh datang malam ni. Jadi mula-mulanya am nak bagi tahu sebab kita kena mesyuarat malam ni. Hari Sabtu depan kampung kita ni kena buat gotong royong.

BN : Gotong royong? Gotong royong apa pula ni?

Semua ahli yang hadir mula bercakap sehingga tak dapat dikesan percakapan mereka hanya sesekali saja jelas kerana mengajukan pertanyaan kepada TB dengan keras dan kuat.

SD : Bagus juga gotong royong. Aku suka. Boleh bersih kampung ni sekejap

Semua ahli serentak bercakap kembali sehingga tidak tahu hujung pangkal.

Tok Batin : Am pun suka juge. Tapi am nak bagitau, kali ini yang ikut dengan kita gotong royong ni JHEOA Johor Bharu, Majlis Perbandaran Perling, Bomba Perling, MN ke NGO ape ntah, MNGO tu ape ntah?

FD : Tok, Sabtu nanti tu pagi ye? Ada makan tak?

Tok Batin : Sabtu, pagi pukul 8.00 katanya. Am rasa pukul 8.00 tu sesuai la. Belum panas. Makan ada, aku pun nak masak juge.

FD : Itu kami nak dengar tu.

KK : Gotong royong ni sebenarnya nak buat apa? Saye tau nak bersih itu nak bersih ini, macam biasalah... kutip sampah sana sini tu. Kalau tahun lepas bulan 12 dah buat macam gitu jugak... ini sama ke?

Semua ahli kembali bercakap sehingga tidak dapat dikesan lagi percakapan mereka.

Tok Batin : Hah macam nilah. Awak semua dah mula cakapkan? Inilah perkara yang am nak cakap... Nih... nih (minta hadirin mendengar) kali ini gotong royong akan kena di semua rumah. Maksudnya tuan rumah masing masing kena siap la ye... Mana tau Bomba nak pancut air kat rumah tu ke tuan rumah kena ada la ye... nanti habis basah satu rumah... hahahaha...

IK : Oh nak basuh rumah juge ke?

FD : wah bagus ni... basuh rumah.

Tok Batin : Mungkin basuh juge, sikit la, sebelah luar rumah... tapi kalau dah kotor sangat basuh je la satu rumah... Nih...nih... (hadirin mula bercakap) selain basuh rumah... am ada dengar mereka cakap kali ini mereka akan bersihkan longkang kita tu... Semua yang datang pun itu juga lah katanya mereka nak buat... Kata mereka longkang kita tu yang paling teruk, busuk, air betakung dan penuh sampah. Bahaya. Nanti ada nyamuk, macam-macam nyamuk, ada penyakit pun macam-macam penyakit juga. Aku pun heran dalam kampung kita ni cuma rumah aku, rumah Din dan rumah BN saja yang bersih. Rumah lain susah nak buat... kenape ye?

XX : Tok, kita ni nelayan mana ada masa nak bersih rumah? Dah memang macam tu. Gotong royong gotong royong berapa kali gotong royong pun macam tu la. Macam mak?

Hadirin mula bercakap kembali.

Tok Batin : Nih nih... dengar am nak cakap... memang bangsa kita nelayan tak tau urus rumah sebab kita dulu pun bukan duduk di rumah... kita rumah di perahu. Perahu tulah rumah kite. Am faham, kita bangsa laut ni memang payah bila tinggal di darat ni. Tapi bila dah di darat ni, kita kena belajar la, ikut cara darat, jangan pula ikut cara laut. Kita tak tinggal dalam pauk lagi. Kita kat darat. Sekarang nak tinggal kat laut memang dah tak boleh. Jadi?... am

SD : Tok Batin, saya setuju tu. Tapi sampai bila gotong royong lepas tu gotong royong ni?

Hadirin mula bercakap kembali. Kali ini lebih kuat, lebih kecoh...

TB : Nih nih semua... dengar.... bagus (soalan) SD ka, tapi am rasa senang nak jawab... Macam mana? Sapa nak jawab?

Hadirin tergamam lalu diam...

TB : Agaknya sampai kita dah boleh buang sampah sendiri, tak buang ikut suka macam biasa. Tapi boleh ke? Hahahaha...

Hadirin semua ketawa...

BN : Hahahaha... gelak.. gelak senang... nak bagi rumah bersih susah juga. Mau buat hari-hari. Tak boleh tunggu gotong royong saja.

Hadirin terdiam...

BN : Kita ni payah juge nak malu... ung sekarang makin selalu masuk kampung ka... jalan-jalan tengok-tengok kampung kotor ni. Tapi kita ni tak kisah, tak malu juga. Kita orang asli keje laut. Sama orang asli darat. Orang asli juge. Semua sama kotor.

FD : **Erm...** Yelah rumah awak bersih. Awak pandai jaga rumah. Kita orang tak pandai. Kau tu dah 3-4 kali dapat rumah cantik jabatan bagi hadiah. Kami ni haram... sebab rumah tak cantik. Kalau boleh nanti aih tolong bersih rumah kami. Boleh juga kami dapat hadiah... hahahaha

Semua hadirin ketawa...

(BN kelihatan tidak senang dengan sindiran itu, Tok Batin cepat menyampuk perbualan.)

TB : Ye lah tu. Nih... aih semua dengar am nak ingatkan, hari Sabtu pukul 8.00 pagi

kita gotong royong. Hari Sabtu tu tak payahlah aih ke laut. Nanti apa pula jabatan kata? Apa pula am nak cakap kalau ditanya? Bolehkan?

Hadirin serentak menjawab: Boleh

BN : Sabtu pagi nanti mana kita nak kumpul TB?

TB	:	Ermmm kumpul depan kedai aku tu lah senang. Kita tunggu orang jabatan datang. Makanan am siapkan kat kedai. Jadi pagi-pagi tu kalau dah datang terus saja amik sarapan dan makanlah dulu. Orang jabatan tu akan sampai dalam pukul 8.00 tu lah.
Semua yang hadir menjawab: Ya lah		
CK	:	Lupa ya? Macam mana dengan alat? Cangkul? Parang? Penyapu? Semua tu aku tak der. Apa nak bawa esok?
TB	:	Ermmm alat semua kita tak ada. Ada tapi tak lengkap. Alat am rasa orang jabatan, orang bomba bawa. Ramai datang esok tu. Semua bawa. Kita kat sini bawa apa yang ada la.
SD	:	Aku tak bawa apa-apa. Esok pinjam saja dari orang yang datang tu macam 3 bulan lepas mana ada aku bawa apa-apa. Aku pinjam ja. Dalam lori mereka tu esok bersepah-sepah alat. Macam-macam alat ada.
TB	:	Ermmm ada apa-apa lagi sebelum kita habis ni?
CK	:	Hehehe ada lagi... sak ung besar datang esok?
TB	:	Oh ye tak ye jugak. Nasib baik juga CK ingat tetang ka ye. Am dimaklumkan ada pegawai JHEOA, Ketua Bomba tu, YDP Perbandaran Perling... itu je yang am tau. MNGO ape ntah tu esok lah kenal, am pun tak kenal sak.
Semua hadirin bersetuju dan mengangguk-angguk.		
TB	:	Ermn nih... kalau tak ada apa-apa lagi dah la. Esok jangan lupa datang. Esok jampak kon cuti ke laut satu hari. Semua kena datang laki nyak pompuan nyak. Kena tolong sama. Esok banyak ung masuk kampung. Jaga jangan bagi malu kampung ka.

5.17.1 Unsur-unsur Wacana Dalam Teks 6

Wacana dalam Teks 6 merangkumi 7 unsur. Kesemua 7 unsur ini merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan memandangkan wacana secara definisinya ialah suatu rentetan pertuturan dengan suatu maksud yang jelas. Unsur-unsur itu ialah, (1) Aksi (2) Sikap (3) Aktor 4) Persembahan dan penampilan (5) Sumber (6) Masa dan Ruang. Berikut dibentangkan keseluruhan ungu tersebut bermula unsur 1 hingga 7.

(1) Aksi

TB mempengerusikan mesyuarat JKKK. Mesyuarat ini untuk membincangkan mengenai gotong royong yang bakal diadakan dengan kerjasama JHEOA, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Bomba dan NGO-NGO. TB dalam mesyuarat ini memaklumkan tentang perihal yang berkaitan dengan gotong royong. Dalam mesyuarat ini TB mencuba untuk memberikan maklum balas di atas setiap kemuskilan yang dikemukakan oleh anak buahnya dengan baik dan berkesan. Oleh itu TB berjaya mencapai kesepakatan dengan ahli JKKK.

(2) Sikap

Dalam Teks 6 ini, TB bimbng kerana anak buahnya masih tidak dapat menyesuaikan diri tinggal di darat. TB terpaksa mengambil sedikit masa bagi menerangkan mengenai keperluan menjaga kebersihan di rumah masing-masing.

(3) Aktor

Interaksi ini berlaku di antara TB serta 7 anak buahnya, masing-masing terdiri dari a) FD, b) KK, c) IK, d) BN, e) XX, f) SD dan g) CK. TB selaku pengerusi mesyuarat mendominasi interaksi ini, namun demikian interaksi tidak berlangsung sehalu.

(4) Persembahan dan Penampilan

TB hadir dengan mengenakan seluar panjang berwarna hitam dan baju kemeja kelabu berlengan tangan pendek. Rata-rata ahli mesyuarat yang hadir mengenakan sama ada berseluar panjang atau pendek, berbaju T-shirt atau kemeja.

(5) Sumber

Mesyuarat ini dijalankan di rumah TB.

(6) Masa

Interaksi ini bermula pada pukul 8.45 malam.

(7) Ruang

Interaksi ini berlangsung di rumah TB.

5.17.2 Senario Teks 6

Berdasarkan senario yang berlangsung pada Teks 6, dapat dibentangkan mengenai keseluruhan interaksi yang terjadi itu dari permulaan, pertengahan hingga akhir.

Jadual 5.6: Senario Teks

Pertu	Aktor	Aksi	Sikap	Waktu	Tempat	Sumber	Tujuan
1	TB	Beri kata-kata aluan	bersahaja	8:45 mlm	Di rumah TB	Ruang tamu rumah TB	Memulakan mesyuarat
2	BN	Mengemukakan pertanyaan	Inginkan penjelasan	8:45	sda	sda	bertanya
3	Semua yang hadir (TB, FD, KK, IK, BN, XX, SD, CK)	Mula bercakap.	bingung	8:45 mlm	sda	sda	Ingin kepastian
4	SD	Bersetuju dengan gotong royong	gembira	8:46	sda	sda	Ingin sertai gotong royong
5	Semua yang hadir	Mula bercakap kembali	Masih bingung	8:46	sda	sda	Ingin kepastian
6	TB	Mula memberi penjelasan	bersemangat	8:47	sda	sda	Memberi penjelasan
7	FD	Mengemukakan soalan	Inginkan tahu	8:47	sda	sda	bertanya
8	TB	Menjawab soalan	bersahaja	8:48	sda	sda	Memberi penjelasan
9	FD	Memberi respon terhadap TB	gembira	8:48	sda	sda	Cuba berseloroh

10	KK	Mengemukakan pertanyaan dan pendapat	Ingin tahu	8:49	sda	sda	Mohon penjelasan
11	Semua yang hadir	Kembali bercakap	bingung	8:49	sda	sda	Ingin kepastian
12	TB	Mula memberi penjelasan	bersahaja	8:50	sda	sda	Memberi penerangan
13	IK	Mengemukakan soalan	bersahaja	8:51	sda	sda	bertanya
14	FD	Menjawab soalan IK	bersemangat	8:51	sda	sda	Menjawab bagi pihak TB
15	TB	Menjawab soalan IK	sinis	8:52	sda	sda	Menyindir
16	xx	Menjawab sindiran TB	Terasa hati	8:53	sda	sda	Menjawab sindiran
17	Semua yang hadir	Kembali bercakap	Ada yang sokong TB, ada yang sokong xx	8:53	sda	sda	bingung
18	TB	Memberi respon pada pandangan xx	bersemangat	8:54	sda	sda	Memberi penjelasan
19	SD	Setuju dengan TB tetapi mengajukan soalan	Hairan	8:55	sda	sda	Mahukan penjelasan lebih lanjut
20	Semua yang hadir	Kembali bercakap, kali ini lebih kuat	Bertambah bingung	8:56	sda	sda	Inginkan penjelasan
21	TB	Mencelah kKuhan	Menyindir sambil ketawa	8:56	sda	sda	Mula menunjukkan kemarahan
22	Semua yang hadir	terdiam	tergamam	8:57	sda	sda	Faham sindiran TB
23	TB	Terus menyindir sambil ketawa sinis	Kesal	8:58	sda	sda	Mahu sindiran difahami

24	Semua yang hadir	Ketawa kerana TB melawak	Gembira	8:59	sda	sda	Suka hati
25	BN	Dapat mengesan kemarahan TB	Menyertai TB menyindir	8:59	sda	sda	Supaya hadirin faham
26	Semua yang hadir	terdiam	tergamam	9:00	sda	sda	Faham
27	BN	Terus menyindir	geram	9:00	sda	sda	Supaya semua yang hadir faham
28	FD	Menyindir BN	Kurang puas hati pada BN	9:01	sda	sda	Supaya semua yang hadir mempersoal BN
29	Semua yang hadir	Ketawa kerana FD melawak	Bersetuju dengan FD	9:02	sda	sda	Menyatakan sokongan kepada FD
30	TB	Segera menyampuk perbualan	Berhati-hati	9:02	sda	sda	Menghalang BN memberi reaksi pada FD
31	Semua yang hadir	Serentak menjawab	Bersemangat	9:03	sda	sda	Menyatakan persetujuan
32	BN	Bertanya	bersahaja	9:03	sda	sda	Mendapat kepastian
33	TB	Menjawab soalan BN	bersahaja	9:03	sda	sda	Memberi penjelasan
34	Semua yang hadir	Serentak menjawab	Bersemangat	9.03	sda	sda	Bersetuju dengan pandangan TB
35	CK	Bertanya	bersahaja	9:04	sda	sda	Inginkan penjelasan
36	TB	Menjawab soalan CK	bersemangat	9:04	sda	sda	Memberi penjelasan
37	SD	Memberitahu semua	bersemangat	9:04	sda	sda	Menjelaskan sikap

38	TB	Bertanya kepada semua yang hadir	bersahaja	9:05	sda	sda	Mahu menamatkan mesyuarat
39	CK	Bertanya TB	berjenaka	9:05	sda	sda	Belum izin TB tutup mesyuarat
40	TB	Menjawab soalan CK	bersahaja	9:05	sda	sda	Mahu segera tamatkan mesyuarat
41	Semua yang hadir	Mengangguk-angguk	bersahaja	9:06	sda	sda	Bersedia jika mensyarat ditamatkan
42	TB	Memberi Kata-kata penutup	Tegas	9:06	sda	sda	Menutup mesyuarat

Teks 6 ini secara keseluruhannya terdiri dari 42 pertuturan. Kesemua 42 pertuturan ini merupakan sama ada pengambilan giliran, celahan atau pun pengambilalihan giliran. Dari jumlah 42 pertuturan itu, 14 daripadanya adalah pertuturan TB, sementara itu, 13 daripadanya pula ialah pertuturan serentak semua AJKKK yang hadir. Selanjutnya, 4 daripada pertuturan itu ialah pertuturan FD, kemudian masing-masing 3 pertuturan daripada SD dan BN. Sisa lima pertuturan lagi ialah 2 pertuturan daripada CK, dan masing-masing satu daripada KK, IK dan XX.

Pertuturan 1, TB (aktor) memulakan mesyuarat (tujuan) dengan ucapan alu-aluan (aksi) secara santai dan bersahaja (sikap). Mesyuarat ini dimulakan pada pukul 8:45 (waktu) yakni 15 minit lebih lambat dari jemputan mesyuarat (Samsur, 2009). Mesyuarat ini dijalankan di rumah TB. Semua yang hadir duduk melantai di ruang tamu (sumber). Ruang tamu ini biasanya terdapat sofa rotan 3+2+1 dan sebuah meja kopi. Perabut-perabut ini dipindahkan ke bahagian hadapan rumah TB.

Pada pertuturan 2, BN (aktor) menjadi orang kedua yang bercakap dalam mesyuarat. BN mengemukakan pertanyaan (aksi) kerana inginkan penjelasan (sikap) mengenai

sebab mesyuarat diadakan (tujuan). Rentetan dari Pertuturan 2 tersebut, semua AJK yang hadir (aktor) telah mula bercakap (aksi) sehingga tidak dapat dikesan percakapan mereka (sikap) kerana semuanya mahu mengatakan sesuatu. Oleh itu, tujuan Pertuturan 3 ini ialah untuk mendapatkan kepastian.

Selanjutnya, pada pertuturan 4, SD (aktor) bersetuju dengan cadangan gotong royong (aksi) yang disampaikan oleh TB dan mahu menyertainya (tujuan). SD menyatakan persetujuannya itu dengan meninggikan suaranya sehingga semua yang hadir terdiam. Sungguhpun demikian, SD sebenarnya gembira (sikap) dengan berita yang disampaikan TB, hanya mahu semua AJK yang hadir memberi perhatian.

Sebaik saja selesai pertuturan 4, semua AJK yang hadir (aktor) bercakap kembali (aksi) sesama mereka (pertuturan 5). Ini menunjukkan mereka tidak pasti (sikap) dengan perkara yang sedang dibincangkan dan inginkan kepastian (tujuan). TB (aktor) dalam pertuturan 6, menyedari (sikap) bahawa semua AJK yang hadir dalam keadaan yang bingung dengan perasaan bercampur baur. Justeru itu, TB mencelah (aksi) pertuturan 5 yang hiruk pikuk itu dengan niat untuk memberikan keyakinan (tujuan) kepada semua AJK yang hadir.

Pada pertuturan 7, FD (aktor) mengemukakan soalan (aksi) kerana ingin tahu (sikap) berkaitan dengan perkara yang sedang dibincangkan (tujuan). TB (aktor) pada pertuturan 8, menjawab soalan (aksi) dengan tepat (sikap) supaya semua yang hadir lebih tenang (tujuan). Selanjutnya, dalam pertuturan 9, FD (aktor) mewakili semua yang hadir (aksi) menyatakan kegembiraan (sikap) mereka bersama (tujuan). Namun demikian, secara tiba-tiba, pada pertuturan 10, KeK (aktor) mempersoalkan (aksi dan sikap) tentang tujuan diadakan gotong royong tersebut (tujuan). Seraya dengan pertuturan 10, pertuturan 11 terjadi (aksi) kerana semua yang hadir (aktor) mulai bingung (sikap) dan menginginkan kepastian (tujuan) mengenai gotong royong tersebut.

Pada pertuturan 12, TB (aktor) memberi penjelasan (aksi) dengan bersahaja (sikap) mengenai perkara yang dibangkitkan supaya (tujuan) semua yang hadir faham dengan penjelasan yang diberikan. Sementara itu, pada pertuturan 13, IK (aktor) memberikan respon (aksi) terhadap pertuturan 12, dengan mengemukakan soalan (aksi) hasil dari penerangan dari TB. Selanjutnya, pada pertuturan 14, FD (aktor) pula dengan selamba (sikap) memberi respon (aksi) terhadap pertanyaan IK pada pertuturan sebelum ini untuk menunjukkan keterujaannya (tujuan). Pada pertuturan 15, TB (aktor) kembali menegaskan (aksi) bahawa ada elemen terbaru dalam kegiatan kali ini sambil menyindir semua yang hadir (sikap) supaya mereka terasa (tujuan). Selanjutnya, pada pertuturan 16, XX (aktor) mewakili semua yang hadir memberikan reaksi terhadap sindiran (aksi) TB dengan selamba sahaja (sikap). Reaksi XX tersebut mengandung maksud kurang senang, tidak puas hati terhadap sindiran TB.

Selanjutnya, pada pertuturan 17, semua yang hadir (aktor) turut memberi reaksi (aksi) kurang senang (sikap) terhadap sindiran TB pada pertuturan 15. Pada pertuturan 17 ini, semua yang hadir bercakap sesama sendiri sehingga tidak dapat didengari, atau difahami apa yang mereka perkatakan. Mereka sekarang dalam keadaan bingung. Seraya dengan itu, pada pertuturan 18, TB (aktor) dengan bingkas (aksi) dan tegas (sikap) mencuba untuk menenangkan semua yang hadir (tujuan). Sementara itu, pada pertuturan 19, SD (aktor) mencelah (aksi) sebelum TB menamatkan pertuturan 18. SD menyatakan persetujuan (sikap) mengenai perkara yang dibincangkan namun ingin tahu (tujuan) lebih lanjut. Ternyata celahan yang dilakukan oleh SD pada pertuturan 19 menimbulkan kekeuh di kalangan semua yang hadir (aktor) pada pertuturan 20. Semua yang hadir bercakap sesama sendiri (aksi) dan kali ini lebih kaut daripada biasa, ini menunjukkan semua yang hadir itu semakin bingung dengan perkara yang dibincangkan. Kebingungan mereka menyebabkan mereka inginkan penjelasan (tujuan). Pada pertuturan 21, TB (aktor) mencelah keuh semua yang hadir dengan

meninggikan suaranya (aksi) yang mungkin menunjukkan rasa kesalnya (sikap). Di samping itu TB sekali lagi menyindir semua yang hadir sambil ketawa (aksi), supaya (tujuan) mereka faham sindirannya. Oleh itu, pada peringkat selanjutnya (yang diberikan nombor 22), tiada apa-apa lagi perkataan atau percakapan yang terjadi (aksi) pada pihak semua yang hadir (aktor). Ketika ini semua yang hadir tergamam (sikap) dengan aksi TB dan ini menunjukkan mereka memahami sindiran TB. Pada pertuturan 23, TB (aktor) memberi jawapan (aksi) terhadap sindirannya sebelum ini yang mewakili rasa kesalnya (sikap). Namun, TB sebenarnya mahu supaya sindirannya itu difahami. Selanjutnya pada peringkat seterusnya (diberikan nombor 24), semua yang hadir (aktor) ketawa (aksi) kerana gembira dengan jenaka TB (sikap).

Selanjutnya, pada pertuturan 25, BN (aktor) sambil ketawa (aksi) turut menyindir semua yang hadir supaya mereka faham apa yang diperkatakan (tujuan) oleh TB sebelum ini. Sementara itu, semua yang hadir (aktor) terdiam seketika pada p.26. Mungkin kerana terkesan dengan sindiran BN. Pada pertuturan 27, BN (aktor) menyambung sindiran (aksi) kerana merasa geram (sikap) terhadap semua yang hadir dan berharap supaya mereka faham. Sementara itu, pada pertuturan 28, FD (aktor) pula menyindir (aksi) BN. FD tidak puas hati (sikap) dengan sindiran BN dan mahu supaya semua yang hadir mempersoal BN (tujuan). Sebaik saja selesai pertuturan 28, semua hadirin (aktor) dalam 29, menyambutnya dengan ketawa (aksi), sama ada bersetuju dengan sindiran FD itu atau pun ianya sememangnya lucu. Pada pertuturan 30, TB (aktor) dengan cepat menyampuk perbualan (aksi) kerana menyedari sindiran FD telah menyebabkan BN terasa hati, maka dengan hati-hati (sikap) TB cuba mengalihkan perhatian semua yang hadir kepada perkara yang dibincangkan (tujuan). Selanjutnya, pada pertuturan 31, semua yang hadir (aktor) menyambut baik (sikap) usaha TB pada pertuturan 30 itu. Malah semua yang hadir menyatakan persetujuan untuk menyertai gotong royong (tujuan). Sementara itu, BN (aktor) pada pertuturan 32 bertanya (aksi)

kepada TB dengan bersahaja (sikap) untuk mendapatkan kepastian (tujuan) mengenai lokasi berkumpul ketika gotong royong. Pada pertuturan 33, TB (aktor) menjawab soalan BN (aksi) dengan bersahaja (sikap) supaya BN dan semua yang hadir mendapat penjelasan (tujuan). Pada pertuturan 34, semua yang hadir (aktor) mengesyakan (aksi) kata-kata TB secara serentak, dan bersemangat (sikap) supaya TB lebih yakin dengan sambutan yang mereka berikan kepada kegiatan ini. Sementara itu, pada pertuturan 35, CK (aktor) dengan bersahaja (sikap) pula mencelah dan bertanya (aksi) kepada TB tentang peralatan untuk gotong-royong, tujuan CK ialah untuk mendapat kepastian. Pada pertuturan 36, TB (aktor) menjawab soalan (aksi) CK dengan bersahaja (sikap). Jawapan TB ringkas dan padat adalah bertujuan untuk memberi penjelasan kepada CK dan semua yang hadir. Pada pertuturan 37 pula, SD (aktor) memaklumkan (aksi) dengan semangat (sikap) kepada semua yang hadir tentang apa yang akan dibawanya pada hari tersebut. Setelah berakhirnya pertuturan 37 itu, TB (aktor) pada pertuturan selanjutnya bertanya (aksi) kepada semua yang hadir sekiranya mereka masih ada apa-apa soalan yang berkaitan dengan gotong royong kerana TB mahu menamatkan mesyuarat. Selanjutnya, tampil CK (aktor) sekali lagi pada pertuturan 39 dan bertanya (aksi) mengenai kehadiran orang penting (VIP) pada hari kejadian. Tindakan CK ini menangguhkan (aksi) sementara hajat TB untuk menutup mesyuarat (tujuan). Pada pertuturan 40, TB (aktor) menjawab soalan CK (aksi) dengan bersahaja (sikap) sambil menyatakankan rasa kagum kepada CK (tujuan) yang tidak lupa tentang perkara tersebut. Selanjutnya semua yang hadir (41) mengesyakan kata-kata TB sambil mengangguk-angguk. Akhir sekali, pada pertuturan 42, TB (aktor) dengan tegas (sikap) membuat kesimpulan ringkas (aksi) lalu menutup mesyuarat.

5.17.3 Analisis Teks dari Segi Srtuktur Perbualan

Teks 6 ialah wacana mesyuarat. Lazimnya mesyuarat yang dijalankan di kampung ini tiada agenda dan tiada catatan. Ertinya tiada minit mesyuarat.

Teks 6 ini terdiri dari pertuturan 1 hingga 30 yang yang bermula dari baris (L) 1 hingga 171. Secara kasarnya, wacana mesyuarat terdiri dari 3 kolum. Kolum 1, terdiri dari L = nombor barisan dan pertuturan. Kolum ke-2 ialah kata kunci ini yang diambil daripada salah satu perkataan atau frasa yang terdapat di dalam pertuturan yang dapat mewakili maksud sesuatu pertuturan itu. Kolum 3 pula ialah nombor pertuturan dan kaitannya dengan pertuturan lain. Khusus bagi Teks 6 ini, kolum 3 dibahagikan kepada 3 bahagian, masing-masing bahagian diberikan simbol α (alpha), β (beta) dan γ (gamma). Pertuturan yang terdapat di dalam bahagian α terdiri dari P1 hingga P7, bahagian β pula terdiri dari P8 hingga P26, sedangkan bahagian γ pula terdiri dari P27 hingga P30.

Jadual 5.7: Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan

<p>L 1: TB : Am ucap terima kasih sebab aih semua boleh datang malam ni. Jadi mula-mulanya am nak bagi tahu sebab kita kena mesyuarat malam ni. Hari Sabtu depan kampung kita ni kena buat gotong royong.</p>	<p>Pembuka bicara</p>	<p>P1</p>
<p>L7: BN : Gotong royong? Gotong royong apa pula ni?</p>	<p>Hairan</p>	<p>P2</p>
<p>L9: AJK : <i>Semua ahli yang hadir mula bercakap sehingga tak dapat dikesan percakapan mereka hanya sesekali saja jelas kerana mengajukan pertanyaan kepada TB dengan keras dan kuat.</i></p>	<p>Reaksi 1</p>	<p>A</p>
<p>L14: SD : Bagus juga gotong royong. Aku suka. Boleh bersih kampung ni sekejap.</p>	<p>Sokong</p>	<p>P3</p>
<p>L16: AJK : <i>Semua ahli serentak bercakap kembali sehingga tidak tahu hujung pangkal.</i></p>	<p>Reaksi 2</p>	<p>B</p>
<p>L19: TB : Am pun suka juge. Tapi am nak bagitau, kali ini yang ikut dengan kita gotong royong ni JHEOA Johor Bharu, Majlis Perbandaran, Bomba, MN ke NGO ape ntah, MNGO tu ape ntah?</p>	<p>Maklumat tambahan</p>	<p>P4</p>
<p>L25: FD : Tok, Sabtu nanti tu pagi ye? Ada makan tak?</p>	<p>Soalan 1</p>	<p>P5</p>
<p>L27: TB : Sabtu, pagi pukul 8.00 katanya. Am rasa pukul 8.00 tu sesuai la. Belum panas. Makan ada, aku pun nak masa juge.</p>	<p>Jawapan 1</p>	<p>P6</p>
<p>L31: FD : Itu kami nak dengar tu.</p>	<p>Berita yang ditunggu</p>	<p>P7</p>
<p>L32: KK : Gotong royong ni sebenarnya nak buat apa? Saye tau nak bersih itu nak bersih ini, macam biasalah... kutip sampah sana sini tu. Kalau tahun lepas bulan 12 dah buat macam gitu jugak... ini sama ke?</p>	<p>Soalan spesifik</p>	<p>P8</p>
<p>L38: AJK : <i>Semua ahli kembali bercakap sehingga tidak dapat dikesan lagi percakapan mereka.</i></p>	<p>Reaksi 3</p>	<p>C</p>

α

<p>L41: TB : Hah macam nilah. Awak semua dah mula cakapkan? Inilah perkara yang am nak cakap... Nih... nih (minta hadirin mendengar) kali ini gotong royong akan kena di semua rumah. Maksudnya tuan rumah masing masing kena siap la ye... Mana tau Bomba nak pancut air kat rumah tu ke tuan rumah kena ada la ye... nanti habis basah satu rumah... hahahaha...</p> <p>L51: IK : Oh nak basuh rumah juge ke?</p> <p>L52: FD : wah bagus ni... basuh rumah.</p> <p>L53: TB : Mungkin basuh juge, sikit la, sebelah luar rumah... tapi kalau dah kotor sangat basuh je la satu rumah... Nih...nih... (hadirin mula bercakap) selain basuh rumah... am ada dengar mereka cakap kali ini mereka akan bersihkan longkang kita tu... Semua yang datang pun itu juga lah katanya mereka nak buat... Kata mereka longkang kita tu yang paling teruk, busuk, air betakung dan penuh sampah. Bahaya. Nanti ada nyamuk, macam-macam nyamuk, ada penyakit pun macam-macam penyakit juga. Aku pun heran dalam kampung kita ni cuma rumah aku, rumah Din dan rumah BN saja yang bersih. Rumah lain susah nak buat... kenape ye?</p> <p>L71: XX : Tok, kita ni nelayan mana ada masa nak bersih rumah? Dah memang macam tu. Gotong royong gotong royong berapa kali gotong royong pun macam tu la. Macam mak ?</p> <p>L75: AJK : <i>Hadirin mula bercakap kembali.</i></p> <p>L76: TB : Nih nih... dengar am nak cakap... memang bangsa kita nelayan tak tau urus rumah sebab kita dulu pun bukan duduk di rumah... kita rumah di perahu. Perahu itulah rumah kite. Am faham, kita bangsa laut ni memang payah bila tinggal di darat ni. Tapi bila dah di darat ni, kita kena belajar la, ikut cara darat, jangan pula ikut cara laut. Kita tak tinggal dalam pauk lagi. Kita kat darat. Sekarang nak tinggal kat laut memang dah tak boleh. Jadi?... am</p>	<p>Jawapan spesifik Soalan 3 Jawapan 3a</p> <p>Jawapan 3b</p> <p>Persepsi Reaksi 4</p> <p>Membetulkan persepsi</p>	<p>P9 P10 P11</p> <p>P12</p> <p>P13 D</p> <p>P14</p> <p style="text-align: center;">β</p>
--	--	---

L88: SD : Tok Batin, saya setuju tu. Tapi sampai bila gotong royong lepas tu gotong royong ni?	Setuju tetapi persoal	P15
L91: AJK : <i>Hadirin mula bercakap kembali. Kali Ini lebih kuat, lebih kecoh...</i>	Reaksi 5	E
L93: TB : Nih nih semua... dengar.... bagus (soalan) SD ka, tapi am rasa senang nak jawab... Macam mana? Sapa nak jawab?	Sindiran 1 Reaksi 6	P16 F
L96 : AJK : <i>Hadirin tergamam lalu diam...</i>		
L97: TB : Agaknya sampai kita dah boleh buang sampah sendiri, tak buang ikut suka macam biasa. Tapi boleh ke? Hahahaha...	Sindiran 2 Reaksi 7	P17 G
L100: AJK : <i>Hadirin semua ketawa...</i>		
L101: BN : Hahahaha... gelak.. gelak senang... nak bagi rumah bersih susah juga. Mau buat hari-hari. Tak boleh tunggu gotong royong saja.	Peringatan Reaksi 8	P18 P19
L105: AJK : <i>Hadirin terdiam</i>		
L106: BN : Kita ni payah juge nak malu... ung sekarang makin selalu masuk kampung ka... jalan-jalan tengok-tengok kampung kotor ni. Tapi kita ni tak kisah, tak malu juga. Kita orang asli keje laut. Sama orang asli darat. Orang asli juge. Semua sama kotor.	Sindiran 3	P20
L113: FD: Ermmm... Yelah rumah awak bersih. Awak pandai jaga rumah. Kita orang tak pandai. Kau tu dah 3-4 kali dapat rumah cantik jabatan bagi hadiah. Kami ni haram... sebab rumah tak cantik. Kalau boleh nanti aih tolong bersih rumah kami. Boleh juga kami dapat hadiah... hahahaha	Tempelak	P21 I
L121: AJK : <i>Semua hadirin ketawa. (BN kelihatan tidak senang dengan sindiran itu, Tok Batin cepat menyampuk perbualan.)</i>	Reaksi 9	
L122: TB : Ye lah tu. Nih... aih semua dengar am nak ingatkan, hari Sabtu pukul 8.00 pagi kita gotong royong. Hari Sabtu tu tak payahlah aih ke laut. Nanti apa pula jabatan kata? Apa pula am nak cakap kalau ditanya? Bolehkan?	Mencelah Reaksi 10	P21 J
L128: AJK : <i>Hadirin serentak menjawab: Boleh.</i>		
L129: BN: Sabtu pagi nanti mana kita nak kumpul TB?	Soalan 4	P22
L131: TB : Ermmm kumpul depan kedai aku tu lah senang. Kita tunggu orang jabatan datang. Makanan am siapkan kat kedai. Jadi pagi-pagi tu kalau dah datang terus saja amik sarapan dan makanlah dulu. Orang jabatan tu akan sampai dalam pukul 8.00 tu lah.	Jawapan 4	

L138: AJK : <i>Semua yang hadir menjawab: Ya lah.</i>	Reaksi 11	P23
L139: CK : Lupa ya? Macam mana dengan alat? Cangkul? Parang? Penyapu? Semua tu aku tak der. Apa nak bawa esok?	Soalan 5	K
L142: TB: Ermmm alat semua kita tak ada. Ada tapi tak lengkap. Alat am rasa orang jabatan, orang bomba bawa. Ramai datang esok tu. Semua bawa. Kita kat sini bawa apa yang ada la...	Jawapan 5	P24
L147: SD: Aku tak bawa apa-apa. Esok pinjam saja dari orang yang datang tu macam 3 bulan lepas mana ada aku bawa apa-apa. Aku pinjam ja. Dalam lori mereka tu esok bersepah-sepah alat. Macam-macam alat ada.	Selingan	P25
L153: TB: Ermmm ada apa-apa lagi sebelum kita habis ni?	Soalan 6	P26
L155: CK : Hehehe ada lagi... sak ung besar datang esok?	Soalan 7	P27
L157: TB: Oh ye tak ye jugak. Nasib baik jugak CK ingat tentang ka ye. Am dimaklumkan ada pegawai JHEOA, Ketua Bomba, YDP Perbandaran... itu je yang am tau. MNGO ape ntah tu esok lah kenal, am pun tak kenal sak.	Jawapan 7	P28
L163: AJK : <i>Semua hadirin bersetuju dan mengangguk-angguk.</i>	Reaksi 12	P29
L165: TB : Ermm nih... kalau tak ada apa-apa lagi dah la. Esok jangan lupa datang. Esok jampak kon cuti ke laut satu hari. Semua kena datang laki nyak pompuan nyak. Kena tolong sama. Esok banyak ung masuk kampung. Jaga jangan bagi malu kampung ka.	Penutup bicara	L
(L1 hingga L171)		P30

Jumlah barisan = 171 (L1-171)

Jumlah Pertuturan = 30 (P1 – 30)

Bahagian α

Terdiri dari P1 dengan kata kuncinya Pembuka bicara, P2 kata kuncinya ialah Hairan, P3 kata kuncinya ialah Sokong, P4 kata kuncinya ialah Maklumat tambahan, P5 kata kuncinya ialah Soalan 1, P6 pula kata kuncinya ialah Jawapan 1 dan P7 pula kata kuncinya ialah Berita yang ditunggu. Sementara itu, unsur yang turut dibincangkan

ialah reaksi (di dalam kolom 2 ditulis sebagai Reaksi 1, 2 dan sebagainya). Unsur ini hadir setelah berlangsungnya suatu pertuturan itu. Reaksi dalam pembentangan ini merujuk kepada tindak balas emosi, dan tingkah laku (aktor). Reaksi di dalam kolom 3 ditandakan dengan abjad huruf besar misalnya A, B, C dan seterusnya. Perbincangan selanjutnya ialah seperti berikut:

Pembuka bicara (P1)

Kata kunci ini mewakili maksud TB (pengerusi mesyuarat) sewaktu memulakan mesyuarat atau dengan kata lain, ia juga bermaksud kata-kata aluan. Dalam Pembuka bicara ini, TB mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Selanjutnya, TB memaklumkan tujuan mesyuarat kali ini diadakan ialah kerana Kampung Bakar Batu diminta untuk mengadakan gotong royong pada hari Sabtu depan seperti pada L5 dan 6 iaitu *Hari Sabtu depan kampung kita ni kena buat gotong royong.*

Ingin tahu (P2)

Kata kunci ini mengungkapkan maksud yang ingin disampaikan oleh BN tentang gotong royong yang bakal diadakan itu. BN ingin tahu lebih lanjut mengenai tujuan gotong royong kali ini diadakan. BN mungkin bermaksud apakah fokus gotong royong kali ini kerana gotong royong sebelum ini memberikan lebih tumpuan kepada longkang dan perparitan di kampung mereka. Sila rujuk L7 dan 8.

Reaksi 1 (A)

Semua AJK yang hadir mula bercakap sebaik saja berakhirnya P2. Mereka menjadi binggung dengan dua soalan yang dikemukakan oleh BN pada P2 itu. Dalam keadaan ini, kemungkinan yang timbul ialah mereka kurang berminat dengan gotong royong yang dicadangkan itu. Ketika reaksi ini, ada yang bercakap sesama sendiri, bertanya kepada TB, atau ada yang bercakap tanpa dapat dikesan ertinya. Keadaan ini tergambar

pada L9 dan 10 seperti “*Semua yang hadir mula bercakap sehingga tak dapat dikesan percakap... .*”

Sokong (P3)

Kata kunci ini diambil dari maksud yang terkandung di dalam keseluruhan pertuturan seperti yang dapat dilihat pada L14 SD menyokong TB (P2) dengan berkata “*Bagus juga gotong royong. Aku suka*”. SD selanjutnya memberikan sebab dia menyokong (suka) seperti pada L15 “*Boleh bersih kampung ni sekejap*”.

Reaksi 2 (B)

Semua AJK yang hadir serentak bercakap kembali sesama sendiri sehingga tidak dapat dikesan percakapan mereka. Reaksi ini terjadi kerana kemungkinan besar mereka terkejut dengan apa yang diperkatakan oleh SD (P3). Menyukai gotong royong tidak ada dalam kamus kehidupan orang Seletar (Samsur: 2003). Gotong royong adalah perkara baru yang mereka kenal sejak mereka mula tinggal di darat sekitar 1972 (Samsur: 2002).

Maklumat tambahan (P4)

Sewaktu memula mesyuarat (P1), TB telah memaklumkan tentang kegiatan yang bakal diadakan di kampung mereka. Pada P4 ini TB memberikan maklumat tambahan yang menurut beliau sangat penting iaitu seperti yang dapat dilihat pada L19 hingga 24, iaitu “*Am pun suka juge. Tapi am nak bagitau, kali ini yang ikut dengan kita gotong royong ni JHEOA Johor Bharu, Majlis Perbandaran, Bomba, MN ke NGO ape ntah, MNGO tu ape ntah?*”.

Soalan 1 (P5) dan Jawapan 1 (P6)

FD mengajukan dua soalan kepada pengerusi iaitu, “Tok, Sabtu nanti tu pagi ye? Ada makan tak?”, seperti yang dapat dilihat pada L25 hingga 26. Oleh itu, kata kunci Soalan 1 dipilih berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh FD tersebut. Sementara itu, pada

P6, pengerusi menjawab soalan yang dikemukakan itu seperti yang dapat dilihat pada L27 hingga 30 iaitu *“Sabtu, pagi pukul 8.00 katanya. Am rasa pukul 8.00 tu sesuai la. Belum panas. Makan ada, aku pun nak masak jage.”*

Berita yang ditunggu (P7)

Kata kunci ini merujuk kepada maksud pertuturan FD sebagai tindak balas spontan terhadap P6 iaitu Jawapan 1 yang diberikan oleh TB. Berita itu ialah pada hari gotong royong itu dijalankan, makanan ada disediakan oleh pihak JHEOA di samping makanan yang dimasak sendiri oleh TB dan isterinya. Lazimnya makanan yang dibawa oleh JHEOA memang kegemaran masyarakat kampung.

Bahagian β

Bahagian ini terdiri dari 18 pertuturan dan 9 reaksi. 18 pertuturan itu diwakili oleh 18 kata kunci yang setiap satu mewakili maksud pertuturannya. Kedudukan kata kunci ini secara urutan terdiri dari Soalan spesifik 1 (P8), Jawapan spesifik (P9), Soalan 3 (P10), Jawapan 3a (P11), dan Jawapan 3b (P12). Kata kunci selanjutnya ialah Persepsi (P13), Membetulkan persepsi (P14), Setuju tapi persoal (P15), Sindiran 1 (P16), Sindiran 2 (P17), Peringatan (P18), Sindiran 3 (P19), Tempelak (P20), dan Mencelah (P21), Soalan 4 (P22), Jawapan 4 (P23), Soalan 5 (P24), Jawapan 5 (P25) dan Selingan (P26). Unsur-unsur yang dibentangkan ialah reaksi terdiri dari Reaksi 3 hingga 11 yang di dalam kolum 3 secara susunan huruf bermula dari C, D, E, F, G, H, I, J, dan K. Berikut di bawah ini ialah pembentangan keseluruhan pertuturan dan reaksi yang terdapat dalam bahagian β .

Soalan spesifik (P8)

Kata kunci ini merujuk kepada soalan yang diajukan oleh KK kepada pengerusi. Soalan ini sangat spesifik sebab itu kata kuncinya diambil sempena soalan tersebut. KK

bertanya seperti pada L32 hingga 37 iaitu *“Gotong royong ini sebenarnya nak buat apa? Saye tau nak bersih itu, nak bersih ini, macam biasalah... kutip sampah sana sini tu. Kalau tahun lepas bulan 12 dah buat macam gitu jugak... ini sama ke?”* Soalan ini menjadi spesifik kerana soalan ini menjurus kepada apakah yang akan dilakukan pada gotong royong kali ini dan apakah ada perbezaan di antara gotong royong sebelum ini dengan gotong royong yang bakal diadakan? Jadi soalan ini dalam bentuk yang lain boleh dikatakan sebagai apakah persamaan dan perbezaan gotong royong kali ini dengan gotong royong sebelum ini?

Reaksi 3 (C)

Semua AJK yang hadir kembali bercakap sehingga tidak dapat dikesan percakapan mereka. Ini berikutan dengan soalan yang diajukan oleh KK kepada pengerusi. Reaksi yang mereka berikan ini menunjukkan mereka inginkan kepastian, inginkan maklumat selengkapnya mengenai gotong royong tersebut, sehingga ketika TB mula mencelah perbualan mereka, mereka masih bercakap lagi.

Jawapan spesifik (P9)

TB yang melihat reaksi yang diberikan oleh semua AJK yang hadir terhadap soalan spesifik yang dikemukakan oleh KK (P8), lalu mencelah dengan niat untuk memberikan pencerahan terhadap ketidakjelasan yang timbul ekoran dari soalan KK tersebut. Celahan TB itu merupakan jawapan yang spesifik terhadap soalan yang ditimbulkan, seperti pada L41 hingga 50 iaitu *“Hah macam nilah. Awak semua dah mula bercakapkan? Inilah perkara yang am nak cakap... Nih... nih (minta hadirin mendengar) – ketika ini hadirin masih lagi bercakap)... kali ini gotong royong akan kena di semua rumah. Maksudnya tuan rumah masing-masing kena siap la ye... tuan rumah masing-masing kena siap la ye... tuan rumah kena ada la ye... nanti habis basah satu rumah... hahahaha...”* Jadi kata kunci jawapan spesifik ini terletak pada a) *kali ini*

gotong royong akan **kena** di semua rumah, b) tuan rumah masing-masing **kena** siap la ye... sebab tuan rumah masing-masing kena siap la ye..., c) tuan rumah **kena** ada la ye... nanti habis basah satu rumah... . Kata **kena** pada a) merujuk kepada dilakukan di rumah, kata **kena siap** pada b) bermaksud bersedia sementara kata **kena ada** bermaksud mesti ada di rumah bagi mengawasi Bomba ketika memancutkan air nanti.

Soalan 3 (P10), Jawapan 3a (P11) dan 3b (P12)

IK mengajukan soalan sungguh pun telah dijelaskan oleh TB (P9). Maksud kata kunci ini merujuk kepada soalan seperti pada L51 iaitu, “*oh nak basuh rumah juge ke?*” Menurut pengalaman IK dan kebanyakan orang di kampung Bakar Batu mengenai gotong royong yang telah diadakan sebelum ini, ia adalah kegiatan membersihkan longkang, sampah sarap, membersihkan kawasan sekeliling rumah, kawasan surau, parit dan longkang serta kawasan jeti. Kali ini gotong royong juga bermaksud kegiatan membasuh rumah. Soalan 3 (P10) di atas dijawab secara mudah oleh FD sebagai Jawapan 3a (P11) iaitu seperti pada L52 “*wah bagus ni... basuh rumah.*” Sementara itu, TB juga turut menjawab soalan di atas, ini menyebabkan Soalan 3 mempunyai dua jawapan. Oleh itu, jawapan TB ini kata kuncinya dinamakan Jawapan 3b (P12). TB dalam jawapannya menjelaskan seperti pada L53 hingga 70 iaitu, “*Mungkin basuh juge, sikit la, sebelah luar rumah... **tapi kalau dah kotor sangat basuh je la satu rumah...** Nih...nih... (hadirin mula bercakap) selain basuh rumah... am ada dengar mereka cakap kali ini mereka akan bersihkan longkang kita tu... Semua yang datang pun itu juga lah katanya mereka nak buat... Kata mereka longkang kita tu yang paling teruk, busuk, air betakung dan penuh sampah. Bahaya. Nanti ada nyamuk, macam-macam nyamuk, ada penyakit pun macam-macam penyakit juga. Aku pun heran dalam kampung kita ni cuma rumah aku, rumah Din dan rumah BN saja yang bersih. Rumah lain susah nak buat... kenapa ye?* Dalam jawapannya ini TB turut menyelitkan dua sindiran terhadap semua AJK. Sindiran yang pertama ialah **tapi kalau dah kotor sangat**

basuh je la satu rumah... dan kedua ialah *Aku pun heran dalam kampung kita ni cuma rumah aku, rumah Din dan rumah BN saja yang bersih. Rumah lain susah nak buat... kenape ye?* Selain itu, setelah sindiran pertama selesai, semua AJK mula bercakap kembali namun TB berjaya menenangkan mereka dengan berkata seperti pada L56 *Nih...nih... (hadirin mula bercakap)* yang bermaksud untuk meminta mereka bertenang dan diam.

Persepsi (P13)

Kata kunci yang seterusnya ialah persepsi. Kata kunci ini merujuk kepada kata-kata yang dituturkan oleh XX seperti pada L71 hingga 76 iaitu *“Tok, kita ni nelayan mana ada masa nak bersih rumah? Dah memang macam tu. Gotong royong gotong royong berapa kali gotong royong pun macam tu la. Macam mak?”* Kata-kata XX ini merupakan tanggapan lama masyarakat Orang Asli Seletar mengenai cara hidup mereka sebagai nelayan. Ianya menjadi persepsi yang negatif kepada masyarakat ini. Sebahagian dari mereka selalu menyatakan bahawa mereka tidak boleh berubah (L73 hingga 75 *Gotong royong gotong royong berapa kali gotong royong pun macam tu la... .*), tidak boleh bersih, tidak boleh maju, bodoh, miskin kerana mereka nelayan (Samsur: 2006).

Reaksi 4 (D)

Semua AJK yang hadir memberi reaksi terhadap kata-kata XX (P13) di atas. Mereka mula bercakap kembali. Masih ada di kalangan masyarakat Seletar yang bersetuju dengan pendapat XX.

Membetulkan persepsi (P14)

TB melihat reaksi semua AJK yang hadir dan merasa perlu segera memberi respon terhadap pertuturan XX tersebut. Kata kunci yang sesuai bagi pertuturan TB ini ialah Membetulkan persepsi. TB seperti pada L77 hingga 87 berkata *“Nih...nih... dengar am*

cakap... memang bangsa kita nelayan tak tau urus rumah sebab kita dulu pun bukan duduk di rumah... kita rumah di perahu. Perahu tulah rumah kite. Am faham, kita bangsa laut ni memang payah bila tinggal di darat ni. Tapi bila dah di darat ni, kita kena belajar la, ikut cara darat, jangan pula ikut cara laut. Kita tak tinggal dalam pauk lagi. Kita kat darat. Sekarang nak tinggal kat laut memang dah tak boleh. Jadi?.... am...

. “ TB dalam pertuturannya itu menyentuh tentang: 1) asal usul bangsanya yang suatu ketika dulu tinggal di dalam perahu, 2) kesusahan tinggal di darat, dan 3) sekarang Orang Seletar tinggal di darat dan perlu ikut cara-cara tinggal di darat. Oleh itu, pertuturan TB ini diberikan kata kuncinya sebagai membetulkan persepsi.

Setuju tapi persoal (P15)

Sungguhpun TB berusaha membetulkan persepsi yang diberikan oleh XX, namun SD misalnya masih mempertikaikan pandangan TB itu walaupun bersetuju dengannya. Kata kunci yang dipilih untuk pertuturan ini ialah Setuju tapi persoal (P15). Pertuturan SD dapat dilihat pada L88 hingga 90 seperti “*Tok Batin, saya setuju tu. Tapi sampai bila gotong royong lepas tu gotong royong ni?*”

Reaksi 5 (E)

Pada Reaksi 5 ini, *para hadirin mula bercakap kembali. Kali ini lebih kuat, lebih kecoh... .* Ternyata pada ketika ini, mereka tertanya-tanya tentang “*sampai bila gotong royong lepas tu gotong royong*” yang kelihatan seolah-olah tiada penghujungnya.

Sindiran 1 (P16)

TB bingkas mencelah dengan mengatakan seperti pada L93 hingga 95 iaitu “*Nih... nih semua... dengar.... bagus (soalan) SD ka, tapi am rasa senang nak jawab... Macam mana? Sapa nak jawab?*” Pertuturan TB ini sebenarnya adalah sindiran terhadap SD dan semua AJK yang hadir.

Reaksi 6 (F)

Ternyata Sindiran 1 di atas mampu membuatkan semua yang hadir tergamam lalu terdiam.

Sindiran 2 (P17)

Sebaik saja TB mendapati semua AJK yang hadir tergamam dan terdiam, TB menyambung kembali pertuturannya yang juga merupakan satu lagi sindiran. Justeru itu kata kunci yang dipilih masih lagi Sindiran dan diberikan urutan nombor 2. TB seperti pada L97 hingga 99 menyindir dengan berkata, *“Agaknya sampai kita dah boleh buang sampah sendiri, tak buang ikut suka macam biasa. Tapi boleh ke? Hahahaha... .”* Pada pertuturan ini, TB mengatakan bahawa gotong royong ini tidak diadakan lagi jika orang Kampung Bakar Batu sudah tahu mengurus pembuangan sampah, namun selagi orang kampung tidak dapat mengurusnya dengan baik selagi itulah mereka akan melakukan gotong royong demi gotong royong, oleh sebab itu TB akhiri pertuturan tersebut dengan soalan, dan ketawa yang panjang.

Peringatan (P18)

Pada ketika semua orang ketawa, BN tampil juga dengan ketawa pada mulanya dan memberikan peringatan dalam di akhir pertuturannya. Jadi kata kunci Peringatan ini memang merujuk kepada maksud pertuturan BN seperti yang dapat dilihat pada L101 hingga 104, iaitu *“Hahahaha... gelak.. gelak senang... **nak bagi rumah bersih susah juga. Mau buat hari-hari. Tak boleh tunggu gotong royong saja.**”* Isi kandungan peringatan BN dapat dikenalpasti pada perkataan yang dihitamkan seperti di atas.

Reaksi 8

Semua AJK yang hadir terdiam setelah mendengar kata-kata dari BN tersebut. Tiada seorang pun bercakap pada ketika itu. Mungkin mereka faham akan teguran itu atau juga mereka menerima baik peringatan yang diberikan oleh BN.

Sindiran 3 (P19)

BN melanjutkan pertuturannya, kali ini dia menyindir semua yang hadir seperti pada L106 hingga 112 iaitu, *“Kita ni payah juge nak malu... ung sekarang makin selalu masuk kampung ka... jalan-jalan tengok-tengok kampung kotor ni. Tapi kita ni tak kisah, tak malu juga. Kita orang asli keje laut. Sama orang asli darat. Orang asli juge. Semua sama kotor.* Penggunaan kata kunci sindiran ini tepat dengan maksud pertuturan BN.

Tempelak (P20)

Selesai sahaja pertuturan BN, FD menyambung dengan menempelak BN dan berkata seperti dalam L113 hingga 120 iaitu, *“Erm... Yelah rumah awak bersih. Awak pandai jaga rumah. Kita orang tak pandai. Kau tu dah 3-4 kali dapat rumah cantik jabatan bagi hadiah. Kami ni haram... sebab rumah tak cantik. Kalau boleh nanti aih tolong bersih rumah kami. Boleh juga kami dapat hadiah... hahahaha... .”* FD dan semua yang hadir menyedari dan mengakui bahawa sememangnya BN mempunyai kapasiti untuk bercakap tentang kebersihan. Tempelak FD ini bertujuan untuk membalas sindiran BN dengan berkata *“Kalau boleh nanti aih tolong bersih rumah kami. Boleh juga kami dapat hadiah... .”* FD mengakhiri tempelakannya dengan ketawa, malah semua yang hadir turut ketawa kecuali BN.

Reaksi 9 (I)

Reaksi 9 ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Reaksi pertama melibatkan semua AJK yang ketawa serentak bersama-sama dengan FD di penghujung pertuturannya. Reaksi kedua pula melibatkan BN yang kelihatan kurang senang dengan sindiran itu sedangkan reaksi ketiga melibatkan TB yang menyedari BN tersinggung diketawakan sedemikian.

Mencelah (P21)

Tindak balas TB yang cepat mencelah ketawa semua AJK itu berhasil menyelamatkan keadaan daripada menjadi lebih buruk. Kata kunci mencelah ini merujuk kepada tindakan TB bercakap di tengah-tengah orang yang sedang ketawa dan berkata seperti pada L122 hingga 127 iaitu, *“Ye lah tu. Nih... aih semua dengar am nak ingatkan, hari Sabtu pukul 8.00 pagi kita gotong royong. Hari Sabtu tu tak payahlah aih ke laut. **Nanti apa pula jabatan kata? Apa pula am nak cakap kalau ditanya? Bolehkan?**”* TB juga berjaya mengalihkan perhatian semua yang hadir dengan mengajukan tiga soalan di atas di mana soalan terakhirnya harus dijawab oleh semua yang hadir.

Reaksi 10

Hadirin serentak menjawab: Boleh. Pada ketika ini, perhatian semua AJK yang hadir mulai terfokus kepada apa yang perbincangan sehinggalah selesai mesyuarat ini.

Soalan 4 (P22) dan Jawapan 4 (P23)

Kata kunci selanjutnya ialah soalan dan jawapan. BN mengajukan soalan seperti pada L129 hingga 130 iaitu, *“Sabtu pagi nanti, mana kita nak kumpul TB?”*. Sementara itu, jawapan TB ialah seperti pada L131 hingga 137 iaitu, *“Ermmm kumpul depan kedai aku tu lah senang. Kita tunggu orang jabatan datang. Makanan am siapkan kat kedai. Jadi pagi-pagi tu kalau dah datang terus saja amik sarapan dan makanlah dulu. Orang jabatan tu akan sampai dalam pukul 8.00 tu lah.*

Reaksi 11 (K)

Sebaik sahaja TB selesai menjelaskan situasi di atas, semua AJK yang hadir menjawab: Ya lah, tanpa diminta berbuat demikian.

Soalan 5 (P24) dan Jawapan 5 (25)

Kata kunci selanjutnya masih lagi berkisar tentang soalan dan jawapan. Pada Soalan 5, CK mengajukan soalan seperti pada L139 hingga 141 iaitu, *“Lupa ya? Macam mana dengan alat? Cangkul? Parang? Penyapu? Semua tu aku tak der. Apa nak bawa esok?”*

Soalan CK ini semuanya berkaitan dengan peralatan dan kelengkapan untuk gotong royong. Selanjutnya, TB memberikan jawapan seperti pada L142 hingga 146 iaitu, *“Ermmm alat semua kita tak ada. Ada tapi tak lengkap. Alat am rasa orang jabatan, orang bomba bawa. Ramai datang esok tu. Semua bawa. Kita kat sini bawa apa yang ada la.*

Selangan (P26)

Kata kunci ini merujuk kepada maksud pertuturan SD berdasarkan pengalaman gotong royong yang disertainya sebelum ini. Pertuturan SD ini merupakan maklumat tambahan kepada semua AJK. Oleh itu, tiada yang menanggapinya atau pun memberikan apa-apa reaksi. Sila lihat L147 hingga 152 di atas. Kata kunci ini menandakan tamatnya pertuturan yang termasuk di dalam kumpulan β .

Bahagian γ

Bahagian ini terdiri daripada P27 dengan kata kuncinya ialah Soalan 6, P28 kata kuncinya ialah Soalan 7, P29 kata kuncinya ialah Jawapan 7, sedangkan P30 kata kuncinya ialah Penutup Bicara. Dalam bahagian ini hanya ada satu saja reaksi iaitu Reaksi 12 (L). Perbincangan selanjutnya ialah seperti berikut:

Soalan 6 (P27) dan Jawapan 6 tetapi ada Soalan 7 (P28)

TB ingin menamatkan mesyuarat seperti yang diungkapkannya pada L153 hingga 154 iaitu, *“Ermmm ada apa-apa lagi sebelum kita habis ni? Selanjutnya CK menyatakan masih ada seperkara lagi iaitu seperti yang dinyatakan pada L155 hingga 156, “Hehehe ada lagi... sak ung besar datang esok?”*

Jawapan 7 (P28)

TB baru teringat untuk memaklumkan orang besar (VIP yang akan menyertai gotong royong nanti. TB bersyukur kerana CK mengingatkannya mengenai perkara ini. TB seperti pada L157 hingga 162 berkata, *“Oh ye tak ye jugak. Nasib baik juga CK ingat tentang ka ye. Am dimaklumkan ada pegawai JHEOA, Ketua Bomba tu, YDP Perbandaran ... itu je yang am tau. MNGO ape ntah tu esok lah kenal, am pun tak kenal sak.”*

Reaksi 12 (L)

Semua hadirin bersetuju dan mengangguk-angguk.

Penutup bicara (P30)

Kata kunci terakhir ini merujuk kepada tindakan TB memberikan kata-kata semangat dan nasihat kepada semua AJK yang hadir. Kata kunci Penutup bicara ini merujuk kepada maksud keseluruhan pertuturan TB seperti yang dapat dilihat pada L165 hingga 171 iaitu *“Ermm nih... kalau tak ada apa-apa lagi dah la. Esok jangan lupa datang. Esok jampak kon cuti ke laut satu hari. Semua kena datang laki nyak pompuan nyak. Kena tolong sama. Esok banyak ung masuk kampung. Jaga jangan bagi malu kampung ka.”* Sebaik sahaja selesai pertuturan tersebut bererti tamatlah mesyuarat ini.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis di atas, Teks 6 ini terdiri dari tiga bahagian iaitu bahagian α , β dan γ . Setiap bahagian mempunyai fungsinya yang tersendiri. Bahagian α , ialah bahagian yang mewakili pendahuluan, sedangkan bahagian β mewakili isi, sementara bahagian γ mewakili bahagian penutup. Sungguhpun Teks 6 ini adalah mesyuarat namun

mesyuarat ini dijalankan tanpa agenda bertulis, tanpa pengambilan minit kerana semuanya dijalankan secara lisan.

5.18 Gaya

Pembentangan mengenai gaya pada Teks 6 ini akan terbahagi kepada tiga iaitu a) gaya individu, b) gaya sosial dan c) gaya hidup.

5.18.1 Gaya Individu

Perbincangan mengenai gaya individu ini akan menyentuh dua watak yang mewakili masyarakat Seletar. Yang pertama ialah TB, dan yang kedua ialah FD.

TB

TB mula menjawat jawatan Tok Batin pada tahun 2008 menggantikan Tok Batin ABK yang meninggal dunia. Berbeza dengan Tok Batin sebelum ini, TB sekarang seorang yang tidak banyak cakap. Namun demikian, beliau sangat dihormati oleh anak buahnya. Dalam Teks 6, kelihatan dengan jelas gaya khas TB. Yang pertama ialah beliau sangat optimis dengan masa depan. Pada beliau, manusia itu boleh berubah jika ada peluang, kesempatan dan tidak putus asa. TB sering bercerita ketika beliau mula-mula belajar berniaga sehinggalah menjual barangan runcit (Samsur: 2004). Sementara itu, pada petikan L76-83 iaitu “... . *memang bangsa kita nelayan tak tau urus rumah sebab kita dulu pun bukan duduk di rumah... kita rumah di perahu. Perahu itulah rumah kite. Am faham, kita bangsa laut ni memang payah bila tinggal di darat ni. Tapi bila dah di darat ni, kita kena belajar la, ikut cara darat... .*”

Berbanding dengan anggota masyarakatnya yang lain, TB mempunyai pergaulan yang luas, dengan masyarakat luar dari Kampung Bakar Batu. Rakan-rakannya terdiri dari orang Melayu, Cina dan India. Oleh itu, gaya cara pemikiran yang dimiliki oleh beliau ini berbeza dengan anggota masyarakatnya. Dalam petikan yang sama di atas, beliau

ada menyebutkan antaranya ialah “... (1) *Am faham, kita bangsa laut ni memang payah bila tinggal di darat ni. (2) Tapi bila dah di darat ni, kita kena belajar la, ikut cara darat... .*” Dari kata-kata yang diungkapkan di atas, ada dua perkara yang dapat dibincangkan di sini. Perkara pertama di atas bermaksud, beliau memahami kesusahan atau kesukaran Orang Seletar untuk tinggal di darat kerana mereka ialah orang laut. Kesukaran atau kepayahan tersebut merujuk kepada mencari makan, menjalani hidup di darat, menguruskan rumah tangga, berhubungan dengan orang darat dan sebagainya. Namun bagi TB, seperti dalam perkara kedua iaitu, apabila sudah tinggal di darat, Orang Seletar perlu belajar segala hal mulai mencari makan, mengurus rumah tangga, bergaul dan sebagainya. TB tidak hanya bercakap tentang perkara ini malah beliau sendiri pada mulanya belajar dan seterusnya mengamalkan cara hidup di darat. Dalam hal ini, beliau tergolong dalam orang yang pragmatik.

FD

Beliau seorang pemuda sasa Orang Seletar. Pernah bekerja di darat dengan syarikat ukur tanah sebagai atendan selama 3 tahun. Pernah juga bekerja selama 2 tahun sebagai tukang masak di Restoran Makanan Laut (milik Orang Seletar) di Kampung Danga. Restoran tersebut pernah terkenal di Johor Bahru suatu ketika dulu. Setelah itu FD kembali ke kampungnya dan bekerja sebagai nelayan seperti kebanyakan Orang Seletar yang lain. FD adalah di antara beberapa orang yang pakar dalam penangkapan ketam bangkang.

Pergaulannya dengan masyarakat luar memberi pendedahan kepadanya tentang perihal menguruskan rumahtangganya. Rumahnya teratur dan bersih. Penampilan dirinya juga bersih. Dalam Teks 6, beliau menyindir BN yang sering mendapat hadiah dalam pertandingan rumah tercantik. Sindiran FD ini dapat dilihat pada petikan L113-120 iaitu “*Ermmm... Yelah rumah awak bersih. Awak pandai jaga rumah. Kita orang tak*

pandai. Kau tu dah 3-4 kali dapat rumah cantik jabatan bagi hadiah. Kami ni haram... sebab rumah tak cantik. Kalau boleh nanti aih tolong bersih rumah kami. Boleh juga kami dapat hadiah... hahahaha". Kemungkinan juga FD ada perasaan iri hati atau cemburu terhadap BN kerana rumah FD juga bersih dan teratur.

5.18.2 Gaya Sosial

Hubungan TB dengan anggota masyarakatnya akrab, beliau sangat dihormati kerana berjaya hidup di darat sama seperti orang Melayu, Cina dan India. Malah beliau adalah orang Seletar yang pertama berjaya memiliki kenderaan van (Samsur: 2004). Pandangan tinggi masyarakatnya menyebabkan TB bermotivasi untuk semakin berusaha untuk meningkatkan taraf hidupnya. Beliau sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik dengan tujuannya supaya setiap anggota masyarakat juga termotivasi.

TB tidak banyak bercakap, bila bercakap suaranya agak perlahan. Beliau lebih banyak ketawa dan senyum jika berbual dengan anggota masyarakatnya. Jika mahu mencelah atau menarik perhatian seperti yang dilakukan di dalam Teks 6, beliau meninggikan suaranya. Selalunya, apabila mendapat isyarat seumpama ini, AJK akan memberi laluan kepadanya. Inilah tanda mereka menghormati beliau sebagai TB dan sebagai Tok Batin. Tanggungjawabnya sebagai Tok Batin menyebabkan beliau sering risau dengan setiap perkembangan anggota masyarakat di kampungnya. Kerisauannya kadang-kadang menyebabkan beliau ingin marah kepada anak buahnya. Beliau lebih memilih untuk menyatakan kemarahannya dalam bentuk sindiran seperti yang dapat dilihat pada petikan L53-55 iaitu "*Mungkin basuh juge, sikit la, sebelah luar rumah... tapi kalau dah kotor sangat basuh je la satu rumah...*". Selanjutnya, TB menyindir lagi, kali ini lanjutan daripada pertanyaan SD seperti pada petikan L88-90 iaitu "*Tok Batin, saya setuju tu. Tapi sampai bila gotong royong lepas tu gotong royong ni?*" Beliau tidak langsung menjawab sebaliknya memberi peluang kepada AJK yang hadir untuk

menjawab seperti pada petikan L93-95 “ *Nih nih semua... dengar.... bagus (soalan) SD ka, tapi am rasa senang nak jawab... Macam mana? Sapa nak jawab?* Setelah hadirin memberi reaksi terkejut atau tergamam seperti pada L96, barulah beliau menjawab soalan yang beliau sendiri ajukan seperti pada petikan L97-99 iaitu, “ *Agaknya sampai kita dah boleh buang sampah sendiri, tak buang ikut suka macam biasa. Tapi boleh ke? Hahahaha...*”. Caranya menegur, menyindir lazimnya bersahaja dan disusuli dengan gelak ketawa. Namun buah fikiran, pandangan dan teguran beliau ini sama ada diterima atau difahami tidak dapat dipastikan. Dalam Teks 6 ini, sebaik saja mengakhiri pertuturannya pada L-97-99 tersebut, para hadirin ketawa seperti pada L100.

Jika diperhatikan kepada penggunaan GND 1: *am* yang menunjukkan status, *aku* GND 1: (pinjaman) dan GND 1 Jamak: *kita*. Keseluruhan Teks 6 menyaksikan penggunaan GDN: *am* sebanyak 18 kali, GND: *aku* sebanyak 13 kali, dan GND: *kita* sebanyak 13 kali. Ini menunjukkan, TB sewaktu mengendalikan mesyuarat menyedari bahawa beliau (*am*) adalah Tok Batin, dan pengerusi mesyuarat tersebut. Sementara penggunaan *kita* adalah pernyataan diri beliau secara kolektif bagi mewakili anggota masyarakatnya mahupun dirinya sendiri. GND: *aku* adalah GND pinjaman dari bahasa Melayu dan kedudukannya adalah merujuk kepada diri penutur sendiri. Penggunaan GND: *aku* semakin diterima oleh keseluruhan anggota masyarakat Seletar. Petunjuk tentang penggunaan GND : *kita* di atas membawa maksud penutur (TB) bercakap bagi pihak anggota masyarakatnya dan bukan hanya dirinya.

5.18.3 Gaya Hidup

Dari segi penampilan, TB dapat dikatakan mendahului anggota masyarakatnya. Beliau arif dengan aturan mesyuarat dan sering menjadi orang yang pertama datang ke balai raya, membuka lampu, menyusun kerusi dan seterusnya melakukan menyapu sampah dan mengelap meja dan kerusi. Perkara yang menarik sekali ialah penampilannya setiap

kali mesyuarat. Beliau akan memakai seluar panjang dan baju kemeja batik. Sedangkan anak buahnya datang seadanya. Malah kadang-kadang ada juga yang hanya memakai seluar pendek tetapi tidak berbaju.

Dalam mana-mana sesi mesyuarat yang dihidirinya diperingkat kampung (Samsur: 2008 hingga 2010), jarang sekali beliau memarahi anak buahnya selain memberi nasihat, teguran. Cara beliau marah hanyalah dengan menyindir sambil ketawa. Beliau menghormati dan menyayangi setiap anggota masyarakatnya. Ini bermaksud beliau walaupun menjawat jawatan sebagai Tok Batin, namun beliau meletakkan dirinya setaraf dengan anak buahnya.

Di antara persoalan yang menarik untuk dibincangkan ialah dalam soal kebersihan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Teks 6 ini menjadi bukti wujudnya pertentangan di antara (1) golongan yang mengamalkan gaya hidup di darat, dan (2) golongan yang mengamalkan gaya hidup di laut. Pertentangan ini dalam perspektif orang Melayu sememangnya tidak wujud lagi tetapi dalam perspektif Orang Seletar yakni Orang Laut masih sangat menebal (Samsur: 2005). TB menjadi pemimpin di dalam golongan pertama yang turut disertai oleh BN, dan FD. Mereka ini belajar menguruskan rumahtangga dengan baik. Mereka menyukai kebersihan dan faham mengenai keperluan untuk menjaga kebersihan. Oleh itu rumah mereka yakni tiga buah rumah sentiasa bersih dan teratur. Mereka juga mempunyai penampilan yang baik yakni berbaju dan berseluar yang bersih. Kata-kata TB pada petikan L53-70 menjelaskan pemahamannya terhadap kebersihan iaitu *“Mungkin basuh juge, sikit la, sebelah luar rumah... tapi kalau dah kotor sangat basuh je la satu rumah... Nih...nih... (hadirin mula bercakap) selain basuh rumah... am ada dengar mereka cakap kali ini mereka akan bersihkan longkang kita tu... Semua yang datang pun itu juga lah katanya mereka nak buat... Kata mereka longkang kita tu yang paling teruk, busuk, air betakung dan penuh*

sampah. Bahaya. Nanti ada nyamuk, macam-macam nyamuk, ada penyakit pun macam-macam penyakit juga. Aku pun heran dalam kampung kita ni cuma rumah aku, rumah FD dan rumah BN saja yang bersih. Rumah lain susah nak buat... kenapa ye?"

Selanjutnya golongan kedua pula terdiri dari daripada XX, KK, CK, JS, UK dan ramai lagi. Jika dilihat kepada penampilan, mereka berseluar dan berbaju lusuh dan kadang-kadang berbau. Rumah-rumah mereka sama seperti kebanyakan rumah Orang Seletar yang lain, kotor, berbau dan berselerak dengan peralatan penangkapan ikan seperti pukot, jala, pancing dan sebagainya. Mereka tidak berupaya mengurus diri dan rumah tangga. Keadaan ini seperti yang digambarkan oleh XX pada petikan L71- 75 "*Tok, kita ni nelayan mana ada masa nak bersih rumah? Dah memang macam tu. Gotong royong gotong royong berapa kali gotong royong pun macam tu la. **Macam mak?***". Soalan yang diajukan oleh XX yang dihitamkan ini merupakan tempelakan buat Tok Batin dan golongan yang diwakilinya. Soalan **Macam mak?** dalam bahasa Melayu bermaksud *macam mana atau bagaimana*. Dalam konteks Teks 6 ini, maksud soalan XX itu ialah bagaimana hendak diselesaikan persoalan ini sedangkan kita ni nelayan. Seperti yang telah dibincangkan dalam teks-teks sebelum ini GND: *kita* merujuk kepada semua Orang Seletar tanpa mengira jantina. Oleh itu, semua Orang Seletar lelaki dan wanita dan semua anak-anak mereka adalah nelayan yang setiap hari turun ke laut mencari rezeki. Dari perspektif ini, adalah mustahil mereka dapat menjaga rumah tangga mereka dengan baik kerana seisi keluarga saban hari berada di laut jadi siapakah yang akan menguruskan rumahtangga dan menjaga kebersihan? Tambahan pula dalam kosa kata bahasa Seletar, perkataan mengenai rumah, dan struktur binaannya tiada dan sangat terhad (Samsur: 2004). Oleh sebab tiada kosa kata mengenai rumah dan strukturnya, konsep tentang rumah juga tiada. Perkataan yang sinonim dengan rumah ialah "*duk*". Sementara perkataan asli yang berkaitan dengan "*duk*" ialah "atap" dan "kajang". Atap digunakan untuk pondok yang tidak berdinding sementara "*kajang*" ialah atap bagi


“*pauk kajang*”. Lazimnya, sama ada “atap” atau “kajang” ia dibuat daripada daun nipah (*nypa fruticans*) atau daun rumbia (*Metroxylon*).

5.19 Modaliti Teks 6

Sama seperti perbincangan mengenai modaliti pada teks-teks sebelum ini, modaliti dipecahkan kepada dua iaitu modaliti linguistik dan visual. Pembentangan ini hanya akan membincangkan modaliti bagi P9, iaitu modaliti linguistik a, b, c dan d serta modaliti visual a, b, c, dan d. Modaliti dalam P9, berdasarkan pertuturan yang diungkapkan oleh TB yang berbunyi, “*Hah macam nilah. Awak semua dah mula cakapkan? Inilah perkara yang am nak cakap... Nih... nih (minta hadirin mendengar) kali ini gotong royong akan kena di semua rumah. Maksudnya tuan rumah masing masing kena siap la ye... Mana tau Bomba nak pancut air kat rumah tu ke tuan rumah kena ada la ye... nanti habis basah satu rumah... hahahaha...*”.

Sila perhatikan kolum di bawah ini:

Modaliti Linguistik P9a dan Visual 9a

<p>Modaliti Linguistik (P9a) TB : Hah macam nilah...</p>	<p>Visual 9a</p> 
--	---

Modaliti Linguistik (P9a)

Pada P8, KK mengajukan soalan yang spesifik mengenai gotong royong (L33-37), soalan itu menyebabkan hadirin tertanya-tanya tentang gotong-royong sehingga mereka bercakap sesama sendiri. Justeru itu, TB tampil bagi menjawab soalan KK tersebut. TB

mencelah perbualan anak buahnya dengan berkata “**Hah macam nilah...**”. Kata **hah** yang digunakan oleh TB untuk memulakan celahan perbualan anak-anak buahnya yang hiruk pikuk bercakap sesama sendiri. Kata **hah** dianggap sebagai modaliti linguistik kerana sungguhpun kata ini tidak mempunyai apa-apa maksud namun dalam P9a **hah** bererti **kejutan**. Kejutan supaya semua yang hadir dalam mesyuarat **memberi perhatian** kepada perkara yang ingin disampaikan oleh TB. Selanjutnya barulah TB berkata “... *macam nilah*” yang bermaksud **beginilah**. Dalam konteks P9a, kata **beginilah** merujuk kepada alternatif yang ditawarkan oleh TB kepada anak buahnya. Alternatif itu ialah memberikan jawapan spesifik kepada soalan spesifik yang dikemukakan oleh KK. Sila rujuk Analisis Teks dari Segi Struktur Perbualan bagi mendapatkan penjelasan mengenai kedua-dua kata kunci Soalan Spesifik dan Jawapan Spesifik pada muka surat 277.

Modaliti Visual (9a)

Visual 9a menunjukkan pada ketika TB mengatakan “*Hah macam nilah...*”, posisi tangannya diletakkan di dahinya, manakala ibu jarinya menekan-nekan bahagian kanan dahinya sedangkan tiga jarinya yang lain diletakkan di bahagian depan dahinya. Lazimnya, jika kedudukan tangan dan jari pada posisi demikian, kemungkinan beliau sakit kepala atau pening. Oleh itu, jika berdasarkan kepada visual di atas, TB sebenarnya menghadapi tekanan daripada anak-anak buahnya yang bercakap sesama sendiri di dalam mesyuarat tersebut.

Modaliti Linguistik P9b dan Visual 9b

Modaliti Linguistik (P9b)

: Awak semua dah mula cakapkan?

Visual 9b



Modaliti Linguistik (P9b)


TB melanjutkan pertuturannya pada P9b iaitu “*Awak semua dah **mula** cakapkan?*”. Keseluruhan pertuturan P9b ini bermaksud TB secara implisit menegur anak buahnya yang **mula** bercakap. Sebenarnya, TB boleh saja meminta anak buahnya diam sebentar supaya beliau boleh meneruskan percakapannya, namun beliau memilih untuk menegur secara tersebut. Kata **mula** adalah modaliti linguistik bagi P9b ini. Kata yang sinonim dengan kata ini ialah **kembali**. Oleh itu, jika *mula cakapkan* ini digantikan dengan *kembali bercakap* merujuk kepada perbuatan anak buahnya yang telah beberapa kali melakukan perkara yang sama dalam Teks 6 ini.

Modaliti Visual (9b)

Visual 9b adalah diambil daripada kamera video 2 yang merakam serentak dengan kamera video 1. Ketika TB menyatakan “*awak semua dah mula cakapkan?*”, visual menunjukkan 9b. Dalam visual 9b ini kelihatan dengan jelas semua yang hadir sedang bercakap sesama sendiri ketika TB sedang bercakap. Jika berdasarkan posisi tempat duduk dari kanan ke kiri, lelaki yang duduk paling kanan sedang bercakap dengan lelaki yang duduk di sebelahnya. Sementara itu lelaki pada posisi duduk ketiga dari kanan juga bercakap dengan lelaki nombor dua dari kanan (yang hanya tersenyum).

Selanjutnya, lelaki pada posisi duduk kelima tidak berkata apa-apa melainkan menggaru-garukan kepala (binggung?), di sebelah lelaki nombor lima ialah seorang kanak-kanak). Seterusnya ialah lelaki keenam bercakap dengan lelaki beruban di hadapannya, manakala lelaki ketujuh bercakap dengan lelaki yang berbaju putih di hadapannya. Lelaki kelapan bercakap dengan di sebelahnya yang berbaju hijau dan lelaki yang duduk di belakang lelaki berbaju hijau itu. Sementara selebihnya, iaitu lelaki kesepuluh, wanita ke sebelas dan dua belas tidak bercakap. Oleh itu visual 9b ini, memang menunjukkan “*awak semua dah mula cakapkan?*”

Modaliti Linguistik P9c dan Visual 9c

<p>Modaliti Linguistik (P9c)</p> <p>: Inilah perkara yang am nak cakap... Nih... nih (minta hadirin mendengar)... kali ini gotong royong akan kena di semua rumah. Maksudnya tuan rumah masing masing kena siap la ye... Mana tau Bomba nak pancut air kat rumah tu ke tuan rumah kena ada la ye...</p>	<p>Visual 9c</p> 
--	--

Modaliti Linguistik (P9c)

Dalam pertuturan P9c, TB agak terganggu dengan kKuhan anak buahnya bercakap sesama sendiri. Beliau selanjutnya menyatakan “*inilah perkara yang am nak cakap... .*” Namun beliau terhenti sejenak kerana mendapati anak buahnya masih bercakap sesama sendiri. Beliau selanjutnya mencelah perbualan mereka dengan niat untuk menghentikan mereka dari terus bercakap. Oleh itu, beliau menyebut dua kali “*nih... nih...*” dengan nada yang agak tinggi supaya kata-katanya dapat didengari. Sungguhpun kata “*nih... nih...*” ini tidak mempunyai apa-apa makna namun dalam konteks pertuturan P9c ini, kata tersebut merujuk kepada maksud “**dengar sini... dengar sini.. saya mahu bercakap**”. Setelah itu barulah beliau melanjutkan pertuturannya dengan

berkata “...kali ini gotong royong akan **kena** di semua rumah. Maksudnya tuan rumah masing masing **kena** siap la ye... Mana tau Bomba nak pancut air kat rumah tu ke tuan rumah **kena** ada la ye...”. Kata **kena** dalam pertuturan ini diulang sebanyak tiga kali. Kata **kena** yang pertama bermaksud **mesti dilakukan** atau **mesti dijalankan**, sementara kata **kena** yang kedua merujuk kepada **mesti bersiap sedia**, sedangkan kata **kena** yang ketiga bermaksud **mesti ada di rumah ketika gotong royong dilakukan di rumah mereka**. Pengulangan kata **kena** dalam P9c ini sebenarnya adalah penegasan dan arahan kepada anak buahnya. Penegasan ini TB ini bukan sahaja memberikan peringatan bahawa perkara yang dibincangkan ini penting tetapi juga mengingatkan anak buahnya bahawa kata-kata dari beliau mesti diberikan perhatian kerana (kuasa) beliau ialah pengerusi mesyuarat dan juga Tok Batin.

Modaliti Visual (9c)

Pada visual 9c, kelihatan TB mengangkat tangan kirinya ke paras mulut ketika mengungkap kata **kena** yang pertama dan seterusnya mengangkat dan menurunkan tangan kirinya ke paras setinggi hidung dan ke serendah paras mulutnya. Perbuatan ini dilakukan pada ketika kata **kena** diungkapkan. Keseluruhan wajah TB juga kelihatan serius dan tegang. Ini adalah gambaran tentang perbincangan yang dijalankan ini adalah sesuatu yang serius.

Modaliti Linguistik P9d dan Visual 9d

Modaliti Linguistik (P9d)

: nanti habis basah satu rumah...
hahahaha...

Visual 9d



Modaliti Linguistik (P9d)

Pada P9d, TB menyambung percakapannya dengan berkata “nanti habis basah satu rumah... hahahaha...”. Hadirin pada ketika itu ada yang menyedari bahawa TB sebenarnya menyindir mereka. Namun ada yang tidak menyedarinya. Gotong royong yang dimaksudkan kali ini selain membersihkan kawasan di sekitar kampung juga akan memberi tumpuan kepada setiap rumah seperti yang diucapkan TB pada P9c di atas. Membersihkan setiap rumah juga bermaksud membasuh bahagian luar rumah. Jika tuan rumah tiada di rumah, tiada orang yang memperhatikan pembersihan yang dilakukan tersebut, kemungkinan air akan tempias atau terpercik atau mengalir masuk sehingga “*nanti habis basah satu rumah...*”. Ketawa TB pada akhir pertuturannya bermaksud, jika tuan rumah tiada mengawasi dan menyelia pembersihan di kawasan rumahnya nescaya akan basahlah seluruh rumah sama ada di luar mahu pun di dalam rumah.

Modaliti Visual (9d)

Pada visual 9d, TB sewaktu menuturkan P9d meletakkan tangan kanannya ke bahagian kanan dahinya sementara jari-jarinya mencecah ke dahi di sebelah kananya. Posisi tangan yang sedemikian menunjukkan kKsauan TB dan TB telah hilang punca. Di akhir kata-katanya tersebut TB bercakap sambil tersenyum dan mengakhirinya dengan ketawa.

BAB VI

KESIMPULAN

6.1 Pengantar

Dalam Bab ini akan dibentangkan kesimpulan penyelidikan secara keseluruhan. Pembentangan dapatan etnografi dan semiotik sosial adalah berdasarkan hasil penyelidikan Analisis Etnografi dan Semiotik Sosial Pertuturan Masyarakat Seletar. Selanjutnya, bagi mengakhiri pembentangan penyelidikan ini, dikemukakan kesimpulan yang merupakan penemuan penyelidikan dan cadangan-cadangan kepada pihak yang berminat sama ada untuk meneruskan penyelidikan mengenai bahasa dan masyarakat Orang Seletar khasnya ataupun penyelidikan mengenai bahasa dan masyarakat Orang Asli lain amnya.

6.2 Kesimpulan

Pembentangan kesimpulan penyelidikan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu istimewa, umum, dan khusus.

6.2.1 Umum

Kesimpulan umum bermaksud penemuan secara tidak langsung ketika menjalankan penyelidikan. Antara penemuan yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

1. Leksis yang digunakan menunjukkan bahawa (hampir) tiada imbuhan. Semua leksis adalah merupakan kata dasar. Jika ada imbuhan lazimnya leksis itu merupakan pinjaman atau pun yang dipinjam ialah imbuhan dan bukan leksisnya.

2. Ada kecenderungan penggunaan imbuhan oleh orang Seletar yang lebih dewasa (50 tahun ke atas) serta berkedudukan dalam struktur masyarakatnya seperti Tok Batin, Pawang, dan Orang Tua-tua masyarakat Seletar. Sila rujuk Teks 2.
3. Ganti Nama Diri. Dalam jadual di bawah kelihatan kedudukan GND 1, 2, dan 3 dalam bahasa Seletar. GND dalam bahasa Seletar ini sengaja dibandingkan demikian agar dapat dikenal pasti perbezaannya dengan GND dalam bahasa Melayu. Sila lihat jadual di bawah ini.

Jadual 6.1: Ganti Nama Diri Dalam Bahasa Seletar

GANTI NAMA DIRI	Bahasa Seletar Tunggal	Bahasa Melayu Tunggal	Bahasa Seletar Jamak	Bahasa Melayu Jamak
1	Kami Am (status)	Saya Aku	Kami Kita Kon (Kaum kami) Jampak Kon (Orang kami)	Kami Kita
2	Awak Aih (inklusif) Ung (eksklusif- Orang luar/asing)	Awak	Kau	Kalian
3	Nyak	Dia	Nyak	Mereka

6.2.2 Khusus

Penemuan khusus adalah berdasarkan kepada objektif penyelidikan. Berikut di bawah ini diturunkan tiga perkara yang menjadi objektif penyelidikan iaitu (1) Wacana, (2) Gaya dan (3) Modaliti.

(1) Wacana

Jenis-jenis wacana dalam bahasa Seletar yang dikaji terdiri dari perbualan, jual beli dan ucapan dan mesyuarat. Wacana perbualan terdiri dari pelbagai jenis, namun dalam penyelidikan ini wacana tidak difokus kepada domain tetapi berdasarkan interaksi atau situasi. Oleh itu, di antara situasi yang dimaksudkan ialah seperti (a) Tunggu Suami (Teks 1), (b) XX (Teks 3), dan (c) Kedayahan Hidup (Teks 4). Selain itu, wacana jual beli juga dijadikan sebagai bahan penyelidikan sama seperti ucapan. Bagi wacana jual beli, situasi yang dijadikan bahan penyelidikan ialah Jual Lokan (Teks 5). Selanjutnya ialah wacana ucapan iaitu Ucapan Tok Batin ABK (Teks 2) dan wacana mesyuarat (Teks 6).

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai jenis-jenis wacana berserta ciri-ciri umum dan khas wacana dalam bahasa Seletar ini, sila lihat jadual di bawah:

Jadual 6.2: Jenis-jenis Wacana dan Ciri-cirinya.

Topik	Ciri-ciri Khas	Ciri-ciri Umum
Teks 4 Kedayahan hidup	Keluhan dan minta simpati	Intimate (Melibatkan perasaan spt marah, kesal, kecewa dll)
Teks 1 Tunggu suami	Ada halangan yang melibatkan norma atau nilai masyarakat.	Personal (ada had dan batas interaksi)
Teks 3 Pak XX Teks 5 Jual beli	Konflik masyarakat Ringkas dan padat	Social (isu kemasyarakatan) (Perkhidmatan kepada masyarakat)
Teks 2 TB1: Ucapan Teks 6 : Mesyuarat	Sangat menarik, berkesan dan lancar. Ada jenaka dan contoh. Panjang, riuh rendah dan sukar dikawal. Ada jenaka, sindiran, dan tempelak.	Public (Nasihat, kata-kata semangat)

(2) Gaya

Pembentangan mengenai gaya berjaya mengupas perkara-perkara mengenai jati diri (individu), peranan dan fungsi individu di dalam kelompok masyarakatnya (sosial) dan pilihan terhadap gaya hidup yang mereka kehendaki. Bagi mendapat gambaran mengenai salah satu atau pun ketiga-tiganya sekali, huraian ini akan dibuat berdasarkan teks secara kronologi iaitu mulai dari Teks 1, 2, 3, 4, 5 dan 6. Sila lihat huraian di bawah ini:

Teks 1:

Jl Binti Tan

Jl Binti Tan. Individu yang merupakan aktor dalam Teks 1. Dari keseluruhan teks, dapatlah dikatakan bahawa, jati dirinya mulai meluntur, namun perasaan kebersamaan masih ada, mahu hidup yang lebih baik.

Teks 2:

TB ABK

Beliau mempunyai jatidiri yang kuat, tahu dan sedar peranan dan tanggungjawabnya sebagai pemimpin masyarakat. Selalu tampil di hadapan masyarakat dengan penuh keyakinan. Beliau sentiasa bersemangat dan berhasrat supaya Orang Seletar berubah dan belajar dari bangsa lain.

Teks 3:

TB KK dan IK Bin KK

Teks ini menampilkan konflik masyarakat. Kandungan teks dapat dilihat dari perspektif dua generasi yang berbeza.

TB KK: Orang Seletar dari generasi Kedua. Beliau sentiasa berhati-hati dan menimbang-nimbang segala perkataan dan tutur katanya ketika menyatakan pendapat atau pandangan.

IK Bin KK: Orang Seletar dari generasi Ketiga. IK cenderung untuk tidak berselindung dengan perkara-perkara yang tidak digemarinya. Dia dapat menyatakan pendapat atau pandangannya seraca langsung. Agak berani tetapi kadang-kadang beremosi.

Teks 4:

BN

BN merupakan individu yang agak berbeza dengan orang Seletar pada umumnya. BN selalu nampak bersih di depan khalayak. Rumah tangganya bersih termasuk anak-anak dan isterinya sentiasa berpakaian bersih dan kemas. Penampilan BN sekeluarga di depan khalayak sentiasa dijaga. BN merupakan individu yang pendiam, namun gaya percakapannya cepat dan agak sukar dimengerti. BN kadang-kadang menjadi emosi sejak akhir-akhir ini (2005) kerana kawasan perairan orang Seletar dicemari. BN dalam Teks 4 meminta simpati dengan meluahkan isi hatinya. Dia turut menyalahkan banyak pihak kerana kepayahan hidup yang dia dan anggota masyarakatnya harus lalui..

Teks 5:

KK Bin Ki

Seorang penjual hasil laut orang Seletar. Dia mengidap penyakit saraf yang menjejaskan kaki kanannya. Petah bertutur kata, berjaya menyakinkan pelanggan dengan memberikan banyak maklumat berkaitan dengan perkara yang diketahuinya. Pertuturannya mudah difahami.

Teks 6:

TB dan FD

TB ialah Tok Batin. Beliau adalah orang terkaya dari kalangan anggota masyarakatnya. Pendiam dan sangat penyabar. Belajar berniaga secara kecil-kecilan sehingga berjaya membuka kedai runcit. Dihormati oleh anak buahnya.

FD terkenal di kampung sebagai salah seorang pakar menangkap ketam bangkang. Pernah bekerja di darat sebagai atendan ukur, namun kembali bekerja di laut mencari ikan dan udang. Sejak akhir-akhir ini FD hanya berupaya bekerja mencari umpan pancing, kerana kawasan paya di kampung Bakar Batu telah musnah sama sekali kerana tercemar akibat daripada projek-projek pembangunan yang berhampiran dengan kampung mereka.

Berikut dibawah ini ialah maklumat lebih lanjut mengenai gaya berdasarkan teks dalam bahasa Seletar ini, sila lihat jadual di bawah:

Jadual 6.3: Pembahagian Gaya berdasarkan Teks.

Gaya Teks	Gaya Individu	Gaya Sosial	Gaya Hidup
Teks 1 Menunggu Suami	Secara fizikal penampilan dan persembahan JL adalah lebih elok berbanding kebanyakan wanita Seletar. Pakaianya lebih bagus (walaupun bukan pakaian baru), bersih dan kemas. Secara mentalnya, JL mahu hidup yang lebih baik.	Jati dirinya sebagai wanita Seletar mulai luntur kerana terpengaruh dengan kawan-kawanya dari keturunan Melayu.	Aspek kebersamaannya dengan wanita Seletar yang lain masih ada. Masih bekerja juga walaupun sebenarnya hanya sekadar mengikut kawan atau untuk dimakan.
Teks 2 Ucapan	AbK mempunyai bentuk tubuh badan yang tegap. Pakaianya seperti mana kebanyakan orang Seletar yang	AbK menyayangi anak buahnya. Selalu tampil akrab berselang-seli dengan lawak jenaka. Selalu sedar mengenai	AbK rajin bekerja. Walaupun tergolong sebagai warga emas, berjawatan Tok Batin, beliau tetap turun ke laut mencari hasil

	<p>lain. Di luar rumah biasanya mengenakan seluar lusuh dan baju kemeja yang juga lusuh. Di rumah biasanya mengenakan kain sarung berserta baju kemeja. AbK jarang memakai kemeja T. Dari segi mentalnya, AbK mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap dirinya, tegas dan berani.</p>	<p>dirinya sebagai AbK dan dirinya sebagai Tok Batin. Cekap berurusan dengan pejabat yang berkaitan. Sentiasa menjadi jambatan penghubung di antara anggota masyarakat dengan pihak kerajaan. Tutar katanya didengari beliau sangat dihormati.</p>	<p>laut. Beliau menjadi model yang dicontohi oleh anak buahnya.</p>
<p>Teks 3 Pak XX</p>	<p>a) KK Penampilan secara fizikalnya sama dengan anggota masyarakat yang lain. Tutar katanya lembut, suaranya bernada rendah tetapi jelas didengari. Sentiasa tenang dan bersabar.</p> <p>b) IK Dari segi penampilannya, IK sentiasa kemas berseluar panjang jika tidak ke laut. Jika ke laut dia mengenakan apa adanya saja. Secara fizikalnya pula IK tegap dan kuat. Tutar katanya keras dan kadang-kadang bernada tinggi.</p>	<p>a) KK Beliau dihormati oleh anak buahnya. Orang kaya pertama di kampungnya, menjadi contoh kepada anak buahnya. Seorang yang sensitif, tidak banyak cakap. Sangat mengambil berat tentang anak buahnya. Banyak membantu penduduk kampung yang miskin, sangat baik hati. Selalu sedar diri sebagai KK atau sebagai Tok Batin. Jika marah jarang tunjukkan kemarahannya sebaliknya beliau suka menyindir dalam ketawa.</p> <p>b) IK Beliau sangat rajin bekerja. Hidupnya lebih senang daripada anggota masyarakatnya yang lain. Sangat serius bila bercakap tentang masa depan Orang Seletar. Suka berterus terang.</p>	<p>a) KK Berjualan runcit. Kedai runcitnya menjadi tumpuan bukan hanya anggota masyarakatnya malah masyarakat luar dari kampungnya. Rajin bekerja. Sering mempunyai idea yang untuk membantu anggota masyarakatnya. Rumahnya lebih cantik (berhias) berbanding rumah lain, keretanya lebih besar daripada mana-mana anak buahnya. Selalu bimbang terhadap masa depan anak buahnya.</p> <p>b) IK Cara pakaian IK, isteri dan anak-anaknya saja menunjukkan IK mempunyai pemikiran yang lebih maju berbanding anggota masyarakatnya yang lain. Mempunyai kereta dan motor serta beberapa enjin berkapasiti besar. Mahu kekal tinggal di kampung, bangga dirinya Orang Seletar.</p>

Teks 4	<p>BN ialah seorang yang kuat bekerja. Berbadan tegap. Ciri istimewa BN berbanding anggota masyarakatnya yang lain ialah BN pembersih. Pakaianya sekeluarga juga bersih walaupun tidak baru, rumah, keretanya juga bersih. BN ketika bercakap jika kita pertama kali mendengarnya, sangat sukar untuk difahami. Beliau bercakap sangat cepat.</p>	<p>BN Sering bersuara bagi pihak anggota masyarakatnya. Beliau ialah menatu kepada Tok Batin. Abangnya XX ialah pawang di kampung ini. Beliau dihormati kerana kepintarannya mencari peluang-peluang perniagaan yang baru.</p>	<p>BN bangga menjadi Orang Seletar. Mahu kekal tinggal di kampungnya walau apa pun terjadi. Mahukan hidup yang lebih baik. Sering menyalahkan pihak yang mendatangkan kesusahan kepada dirinya dan anggota masyarakatnya. Mempunyai buah fikiran yang benas.</p>
Teks 5	<p>kK, Pernah lumpuh separuh badan kerana mengidap penyakit saraf. kK kurang upaya (lumpuh kaki kanan), berjalan menggunakan tongkat. Beliau rajin dan pandai menyara hidupnya. Tidak mahu menjadi beban kepada saudara-saudaranya. Penampilannya sama seperti kebanyakan orang Selatar lainnya. Merupakan duda anak dua. Beliau hanya sesekali ke laut, selebihnya lebih memilih untuk menjadi peraih hasil laut. Fasih bertutur kata dalam bahasa Melayu, mempunyai ramai kenalan kerana kepetahannya. Penampilannya sering tidak terurus</p>	<p>kK, mempunyai jalan fikiran yang jelas. Sering mengkritik kehidupan anggota masyarakatnya namun dalam masa yang sama menerimanya sebagai suratan takdir.</p>	<p>kK, selesa tinggal di kampung walaupun harus bersusah payah. Tidak begitu optimistik terhadap masa depannya. Beliau sering berkata hanya mahu meneruskan kehidupan di kampungnya.</p>

Teks 6	FD, lelaki berbadan sasa. Kuat bekerja, berpendapatan sederhana. Berpenampilan kemas dan sedikit berbeza dengan isteri dan anak-anaknya. Rumahnya bersih dan teratur. FD sendiri yang terlibat dalam hal kebersihan rumahnya. FD, cemburu dengan kejayaan beberapa anggota masyarakatnya. Tetapi masih berusaha bersaing secara sihat.	FD berdepan dengan kumpulan yang masih mahu mengekalkan cara hidup lama. FD menyertai TB, BN, IK dalam kumpulan yang mahukan perubahan. Justeru itu, FD juga berperanan untuk menyakini anggota masyarakatnya mengenai kebaikan menjaga kebersihan diri dan rumahtangga.	FD mahukan kehidupan yang lebih baik. Beliau mahu kekal tinggal di kampung tetapi tidak keberatan untuk hidup di luar jika laut di kampungnya tidak lagi mampu untuk menyediakan hasil laut.
--------	--	--	--

3. Modaliti

Pembentangan mengenai modaliti memberi peluang kepada kita untuk melihat dan menilai pengaruh fakta lawan fiksi, realiti lawan fantasi, asli lawan buatan dan sebagainya.

Teks 1

Jl menghadirkan dirinya dalam Teks 1 dengan andaian-andaian dan generalisasi sehingga menimbulkan tanda tanya. Penggunaan kata Adjektif *selalu* (modaliti linguistik) adalah contoh generalisasi yang memberi kesan seolah-olah semua orang Seletar sepertinya. Sila rujuk pembentangan Teks 1. Inilah salah satu contoh fakta lawan fiksi. Contoh lain ialah apabila terlihat pada penggunaan kata *takut* (modaliti linguistik) Jl tidak mampu mengungkapkan *ketakutannya* atas sebab *tabu*. Namun sebenarnya ketakutannya melangkaui aspek tabu itu sendiri. Jl mengekspresikan ketakutannya dengan *memuncungkan bibirnya ke arah laut* (modaliti visual). Ekspresi Jl turut membawa maksud *ada kuasa lain selain manusia*.

Teks 2

TB ABK memperagakan kuasanya secara sadar atau tidak sadar melalui beberapa cara. Cara yang pertama melalui tempat duduk. Beliau duduk di atas kerusi, sedangkan pendengar duduk di lantai, dengan jarak 2 meter. Cara lain ialah dengan penggunaan ML: *tak* sebanyak tiga kali dan selama 6saat. ML ini didukung oleh MV: iaitu membuat pergerakan pusingan bentuk bulatan dengan mengikut arah jam sebanyak tiga kali. Dan dapat juga lagi dikesan dalam MV yang sama, iaitu setiap kali kata *tak* ini diucapkan posisi tangannya berada berada di puncak pusingan. Ini adalah salah satu contoh penampilan kuasa.

Teks 3

TB KK ketika memperkatakan permasalahan berkaitan dengan anak buahnya, masih sempat senyum ketika bernada kesal. Beliau sebenarnya kesal dengan XX yang tidak lagi ke laut sedangkan XX mempunyai peralatan yang lengkap. Kini XX diistilahkan *keje da'at*. ML da'at disejajarkan dengan MV *jari telunjuknya ditunjukkan ke arah bumi* (tanah, lantai rumahnya). Orang Seletar kurang menghormati atau kurang senang jika ada di kalangan mereka yang bekerja di darat. Ketika ML da'at dizahirkan, selain jari telunjuknya menunjuk ke arah lantai, wajahnya tersenyum. Senyuman ini dapat ditafsir sebagai sindiran.

Pada ketika yang lain pula misalnya, IK melontarkan ML Payah... payah dan serentak dengan itu kelihatan MV *tangannya dihalakan lurus ke arah KK sehingga menampakkan tapak tangannya*. Perbuatan ini mengandung pelbagai maksud. Antaranya ialah XX ini payah untuk berurusan, termasuk memberi nasihat atau teguran. Halaan tapak tangan seperti itu juga sebagai isyarat IK kepada KK supaya tidak memberi nasihat atau teguran kepadanya.

Teks 4

BN merupakan watak yang selalu dinanti perbuatannya atau pandangannya. Namun demikian dia seorang yang pendiam. Salah satu contoh reaksi BN dengan menggunakan ML *rosak* dan *lari* ialah BN mempamerkan MV “O” dengan menggunakan pergerakan tangan kiri dan kanannya. Pergerakan ini menghasilkan dua “O” di kiri dan kanannya. ML *rosak* membawa maksud punah atau musnah sedangkan *lari* bermaksud tiada lagi iaitu “O”.

Teks 5

KK dalam Teks 5 ini memmainkan peranannya sebagai penjual dengan baik sekali. Walaupun berdepan dengan orang yang sama sekali tidak dikenalnya namun KK terbukti berbeza dengan Orang Seletar yang lain. Ini sangat bersesuaian dengan kerjayanya sebagai peniaga. Orang Seletar pada umumnya, agak sukar untuk didekati. Mereka akan menghindar diri daripada berdepan dengan orang asing. Salah satu contoh cara efektif yang KK gunakan ketika berjualan ialah seperti pada ketika dia memberikan penerangan mengenai lokan. ML *panggil* bermaksud menamakan atau menyebut, dan dalam masa yang sama, KK memegang lokan dan menunjuk lokan itu dengan jari telunjuk tangannya ke arah pembeli. Perbuatan KK itu menumbuhkan keyakinan kepada pembeli.

Teks 6

Mesyuarat di peringkat kampung diadakan apabila ada sesuatu majlis atau acara diadakan di peringkat kampung. TB akan bertindak selaku pengerusi mesyuarat akan semua AJK di peringkat kampung, namun demikian ahli sama ada isteri AJK, anak-anak mereka akan turut hadir dalam mesyuarat tersebut. Teks mesyuarat ini sangat sarat dengan proses interaksi sosial yang menggambarkan jati diri masyarakat Seletar itu sendiri. Sebagai contoh, sila lihat pada P9c, ML yang digunakan ialah kata *kena*. Kata

ini digunakan sebanyak tiga kali dengan merujuk kepada tiga maksud yang berbeza pula. Kata *kena* yang pertama bermaksud **mesti dilakukan** atau **mesti dijalankan**, sementara kata *kena* yang kedua merujuk kepada **mesti bersiap sedia**, sedangkan kata *kena* yang ketiga bermaksud **mesti ada di rumah ketika gotong royong dilakukan di rumah mereka**. Pada visual 9c, kelihatan TB mengangkat tangan kirinya ke paras mulut ketika mengungkap kata *kena* yang pertama dan seterusnya mengangkat dan menurunkan tangan kirinya ke paras setinggi hidung dan ke serendah paras mulutnya. Perbuatan ini dilakukan pada ketika kata *kena* diungkapkan. Keseluruhan wajah TB juga kelihatan serius dan tegang. Ini adalah gambaran tentang perbincangan yang dijalankan ini adalah sesuatu yang serius.

Istimewa

Penyelidikan ini dikatakan istimewa kerana menampilkan teori, pendekatan serta kaedah penyelidikan yang bermutu tinggi kerana kesemua elemen tersebut diintegrasikan bagi menghasilkan penyelidikan yang *holistic*. Penyelidikan terhadap masyarakat Seletar ini sesuai dijadikan model penyelidikan bahasa-bahasa yang diancam pupus yang ada di Malaysia kerana beberapa faktor: a) Pemilihan teori dan pendekatan yang multidisiplin serta manfaatnya, dan b) Pendokumentasian digital dan manfaatnya.

(a) Penyelidikan terhadap bahasa-bahasa yang diancam pupus seperti bahasa masyarakat Orang Asli Seletar adalah julung kalinya dikaji dengan menggunakan teori Semiotik Sosial yang diintegrasikan dengan teori Etnografi, Demografi, dan Visual Antropologi.

Semiotik Sosial menelaah masyarakat ini melalui sumber-sumber semiotiknya iaitu wacana, gaya, modaliti dan genre. Sumber semiotik genre tidak dibincangkan di dalam penyelidikan ini. Wacana di dalam penyelidikan ini telah membincangkan tiga perkara

berikut, iaitu, unsur-unsur wacana, senario teks dan analisis struktur perbualan. Sumber-sumber semiotik itu, telah memperlihatkan segala perkara yang berkaitan dengan interaksi sosial yang diamalkan dan yang wujud di dalam pelbagai situasi seperti dialog, ucapan, mesyuarat, jual beli dan rutin harian masyarakat ini. Perbincangan mengenai gaya telah dipecahkan kepada tiga iaitu gaya individu, gaya sosial dan gaya hidup. Sumber semiotik yang terakhir dibincangkan ialah modaliti yang telah dibentangkan berdasarkan dua bahagian yang tidak terpisahkan (kerana bahasa lisan dan bukan lisan itu hadir serentak) iaitu modaliti linguisitik dan visual. Dengan kata lain perbincangan semiotik sosial terhadap interaksi sosial, tidak terhad kepada bahasa lisan semata-mata malah juga bahasa dalam bentuk bukan lisan. Seperti mana lazimnya, dalam penyelidikan bahasa apa pun, perkara yang diutamakan di dalam penyelidikannya ialah bahasa itu sendiri (*le langue*), jarang yang membincangkan perkara-perkara yang hadir atau yang mengiringinya tatkala bahasa itu dituturkan (*le parole*). Dalam hal ini, Semiotik Sosial memang mempunyai kelebihan berbanding teori bahasa yang lain.

Kajian tentang bahasa Seletar ini dijalankan secara menyeluruh sejak tahun 2004 hingga 2010. Tempoh penyelidikan yang panjang ini membayangkan melimpah ruahnya data yang dikumpul, dana yang belanjakan dan masa yang digunakan. Penyelidikan bahasa Seletar yang telah dilakukan oleh beberapa pihak sebelum ini sangat minimum dan hanya berkisar tentang daftar perkataan dan maknanya sahaja. Oleh itu, penyelidikan ini memberi dan membuka dimensi baharu kepada dunia penyelidikan bahasa amnya dan bahasa-bahasa yang diancam pupus seperti bahasa Orang Asli Selatar khususnya.

Kekuatan bidang Etnografi antaranya memberi tumpuan penyelidikan terhadap masyarakat dan budayanya termasuk tingkah laku, produk-produk budaya, cara hidup

melalui pengamatan terhadap interaksi dan amalan sosial. Sementara itu, bidang demografi ialah bidang penyelidikan kuantitatif yang mengkaji tentang kelahiran, kematian, pendapatan, pendidikan, dan ekonomi yang dapat menggambarkan perubahan kepada struktur populasi manusia. Pengintegrasian bidang Etnografi dan Demografi terhadap teori Semiotik Sosial memberi impak yang sangat besar, terutamanya dalam hal menyediakan data yang melimpah ruah.

Data yang melimpah ruah ini merupakan kelebihan bagi penyelidikan multidisiplin atau juga disebut rentas disiplin. Hal ini kerana, masing-masing bidang yang telah disebutkan mempunyai sejumlah datanya sendiri. Penyelidikan lanjutan boleh dilakukan dengan memanfaatkan data-data sedia ada, malah penyelidikan ini juga boleh dilakukan dengan lebih mendalam lagi. Justeru itu, penyelidikan rentas disiplin ini menyediakan peluang yang besar bagi mengkaji masyarakat yang diancam pupus seperti Orang Asli Seletar. Data-data ini selanjutnya boleh dimanfaatkan oleh bidang-bidang lain seperti Lingusitik, Sosiologi, Ekonomi, Kependudukan dan lain-lain.

Sudah sampai masanya, pihak universiti-universiti di Malaysia memberikan galakan dan insentif kepada para penyelidik yang mahu melibatkan diri dengan penyelidikan rentas disiplin seperti ini.

(b) Pada masa ini, pendokumentasian sebaik-baiknya dilakukan di dalam format digital. Format analog sudah tidak sesuai dan ketinggalan zaman kerana mempunyai pelbagai kelemahan. Sehubungan dengan itu, kerana menyedari bahawa bahasa ini ialah bahasa yang tergolong sebagai bahasa yang diancam pupus, pendokumentasi yang dilakukan bukan sahaja berfokus kepada bahasa, malah turut mencakupi aspek-aspek budaya dan cara hidup mereka. Di sinilah peranan Visual Antropologi dimanfaatkan. Visual Antropologi sangat menitik beratkan aspek kaedah dan cara merakam video, audio mahupun gambar pegun. Terdapat persyaratan yang ketat yang harus diikuti

ketika melakukan rakaman. Bagi rakaman video selain mutunya, format, bilangan alat perakam video juga memainkan peranan yang besar. Menurut pengkaedahan Visual Antropologi, sebaiknya sesuatu peristiwa itu dirakam oleh lebih dari sebuah alat perakam. Juteru itu, semakin banyak bilangan alat perakam ini, semakin baik “mutu” rakamannya. Maksud mutu di sini tidak hanya berkaitan dengan kualiti rakaman tetapi keupayaan menyediakan sudut pandang yang berbeza bagi sebuah peristiwa itu. Sementara itu, bagi rakaman audio yang dipentingkan ialah kejelasan audio. Berbeza dengan rakaman video, rakaman gambar pegun, Visual Antropologi mensyaratkan setiap gambar pegun itu berupaya menyatakan atau menceritakan kandungan ataupun peristiwa seiring dengan slogan “*a picture worth a thousand words*”.

Keupayaan dokumentasi seperti yang dinyatakan di atas tentunya menjamin interaksi dan amalan sosial dirakam dengan sebaik-baiknya. Justeru perkara yang diperhatikan tidak hanya terarah kepada *le langue* semata-mata, malah sekaligus merangkumi *le parole*. Aspek *le parole* ini termasuklah semua perkara yang berkaitan dengan *gesture* iaitu pergerakan anggota badan dan pergerakan tangan, *kenesic* dan pergerakan otot pada bahagian muka (*mimic*). Jadi dalam erti kata yang lain, penyelidikan ini berjaya mendokumentasikan data lisan dan data bukan lisan. Data lisan yang dimaksudkan di sini ialah pertuturan atau interaksi sosial yang terjadi ketika masyarakat ini menjalani rutin harian mereka seperti mencari ketam, perumpun, siput, bersantai di rumah, bermesyuarat, dan bergotong-royong. Sementara data bukan lisan ialah data yang mengiringi pertuturan atau interaksi sosial tersebut..

Pertimbangan seumpama ini penting, misalnya, bagi mengenal pasti kaedah interaksi, kaedah ekspresi diri dalam ruang cakup kosmologi mereka. Di sinilah letaknya sumbangan Visual Antropologi. Kesemua perkara yang telah disediakan atau dipersiapkan, akan dikaji dan diperhalusi oleh Semiotik Sosial.

Penyelidikan ini berjaya mendokumentasikan data lisan dan data bukan lisan. Pendokumentasian yang dilakukan terhadap masyarakat dan bahasa Seletar mempunyai tujuan serampang dua mata. Manfaat kepada pihak masyarakat Seletar ialah mereka kini mempunyai dokumentasi yang mencakupi segala aspek kehidupan. Generasi muda Seletar tentunya berpeluang untuk melihat kembali kehidupan orang-orang Seletar yang lebih tua daripada mereka. Tentu sahaja perkara-perkara yang tidak diketahui, kini dapat dirujuk kembali.

Maklumat mengenai masyarakat Seletar ini penting kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), yang menaungi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi merancang pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang kepada masyarakat Seletar di sini.

Semenjak memulakan penyelidikan pada tahun 2004 hingga 2010, banyak sekali perubahan yang terjadi terhadap masyarakat Seletar, khususnya di Kampung Bakar Batu. Pada peringkat awal penyelidikan, kehidupan masyarakat Seletar kelihatan lebih tenang, riang dan ceria. Tetapi semenjak bermulanya pembangunan di Teluk Danga (kawasan setentang dengan Kampung Bakar Batu), pelbagai perubahan berlaku. Antaranya pada sekitar tahun 2005, pelbagai rungutan dibuat oleh anggota masyarakat Seletar misalnya tentang berkurangnya ikan, udang, ketam secara mendadak (Samsur, 2005). Namun begitu, aktiviti menangkap ikan dan hasil laut tetap dijalankan oleh mereka, sungguh pun hasilnya saban hari mulai berkurangan. Ketika semakin pesatnya pembangunan di Teluk Danga, semakin giat pula kegiatan penambakan laut, penambakan kawasan paya, mengorek pasir di laut, pembinaan lebuhraya yang “*fly over*”nya merentasi Sungai Danga yang terletak di belakang Kampung Bakar Batu pada tahun 2007. Masyarakat Seletar di situ tidak lagi bergantung kepada kerja-kerja mencari hasil laut, sebaliknya mereka mula mencari besi buruk untuk dijual (Samsur,

2007). Selanjutnya, berlaku “pencerobohan” di kawasan perkuburan lama nenek moyang mereka. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Seletar di sini semakin resah (Samsur, 2006, 2007, 2008 dan 2009). Selanjutnya, pada penghujung tahun 2010, tumpuan mata pencarian mereka terpusat kepada 50% mengambil upah mengopek kupang, 40% mencari perumpun, 10% mencari ikan dan 10% lagi lain-lain (Samsur, 2010).

Perhatian yang diberikan oleh pihak KKLW amnya dan khususnya JAKOA dengan membina rumah PPRT, Balai Raya, Surau dan beberapa kemudahan lain adalah terpuji. Walau bagaimanapun, pembangunan yang dirancang dengan baik oleh Kementerian dan JAKOA **sama sekali tidak seiring** dengan perancangan yang dijalankan oleh pihak lain terutamanya pihak Iskandar Malaysia (pemilik projek Teluk Danga) yang seolah-olah menafikan keberadaan Orang Seletar di situ. Penimbusan Sungai Danga, penambakan kawasan bakau di kawasan sekitar bukan sahaja telah memusnahkan ekosistem, malah turut mengancam kehidupan masyarakat Seletar.

6.2.3 Istimewa

Penyelidikan ini dikatakan istimewa kerana menampilkan teori, pendekatan serta kaedah penyelidikan yang bermutu tinggi kerana kesemua elemen tersebut diintegrasikan bagi menghasilkan penyelidikan yang *holistic*. Penyelidikan terhadap masyarakat Seletar ini sesuai dijadikan model penyelidikan bahasa-bahasa yang diancam pupus yang ada di Malaysia kerana beberapa faktor: a) Pemilihan teori dan pendekatan yang multidisiplin serta manfaatnya, dan b) Pendokumentasian digital dan manfaatnya.

(a) Penyelidikan terhadap bahasa-bahasa yang diancam pupus seperti bahasa masyarakat Orang Asli Seletar adalah julung kalinya dikaji dengan menggunakan teori

Semiotik Sosial yang diintegrasikan dengan teori Etnografi, Demografi, dan Visual Antropologi.

Semiotik Sosial menelaah masyarakat ini melalui sumber-sumber semiotiknya iaitu wacana, gaya, modaliti dan genre. Sumber semiotik genre tidak dibincangkan di dalam penyelidikan ini. Wacana di dalam penyelidikan ini telah membincangkan tiga perkara berikut, iaitu, unsur-unsur wacana, senario teks dan analisis struktur perbualan. Sumber-sumber semiotik itu, telah memperlihatkan segala perkara yang berkaitan dengan interaksi sosial yang diamalkan dan yang wujud di dalam pelbagai situasi seperti dialog, ucapan, mesyuarat, jual beli dan rutin harian masyarakat ini. Perbincangan mengenai gaya telah dipecahkan kepada tiga iaitu gaya individu, gaya sosial dan gaya hidup. Sumber semiotik yang terakhir dibincangkan ialah modaliti yang telah dibentangkan berdasarkan dua bahagian yang tidak terpisahkan (kerana bahasa lisan dan bukan lisan itu hadir serentak) iaitu modaliti lingusitik dan visual. Dengan kata lain perbincangan semiotik sosial terhadap interaksi sosial, tidak terhad kepada bahasa lisan semata-mata malah juga bahasa dalam bentuk bukan lisan. Seperti mana lazimnya, dalam penyelidikan bahasa apa pun, perkara yang diutamakan di dalam penyelidikannya ialah bahasa itu sendiri (*le langue*), jarang yang membincangkan perkara-perkara yang hadir atau yang mengiringinya tatkala bahasa itu dituturkan (*le parole*). Dalam hal ini, Semiotik Sosial memang mempunyai kelebihan berbanding teori bahasa yang lain.

Kajian tentang bahasa Seletar ini dijalankan secara menyeluruh sejak tahun 2004 hingga 2010. Tempoh penyelidikan yang panjang ini membayangkan melimpah ruahnya data yang dikumpul, dana yang belanjakan dan masa yang digunakan. Penyelidikan bahasa Seletar yang telah dilakukan oleh beberapa pihak sebelum ini sangat minimum dan hanya berkisar tentang daftar perkataan dan maknanya sahaja.

Oleh itu, penyelidikan ini memberi dan membuka dimensi baharu kepada dunia penyelidikan bahasa amnya dan bahasa-bahasa yang diancam pupus seperti bahasa Orang Asli Selatar khususnya.

Kekuatan bidang Etnografi antaranya memberi tumpuan penyelidikan terhadap masyarakat dan budayanya termasuk tingkah laku, produk-produk budaya, cara hidup melalui pengamatan terhadap interaksi dan amalan sosial. Sementara itu, bidang demografi ialah bidang penyelidikan kuantitatif yang mengkaji tentang kelahiran, kematian, pendapatan, pendidikan, dan ekonomi yang dapat menggambarkan perubahan kepada struktur populasi manusia. Pengintegrasian bidang Etnografi dan Demografi terhadap teori Semiotik Sosial memberi impak yang sangat besar, terutamanya dalam hal menyediakan data yang melimpah ruah.

Data yang melimpah ruah ini merupakan kelebihan bagi penyelidikan multidisiplin atau juga disebut rentas disiplin. Hal ini kerana, masing-masing bidang yang telah disebutkan mempunyai sejumlah datanya sendiri. Penyelidikan lanjutan boleh dilakukan dengan memanfaatkan data-data sedia ada, malah penyelidikan ini juga boleh dilakukan dengan lebih mendalam lagi. Justeru itu, penyelidikan rentas disiplin ini menyediakan peluang yang besar bagi mengkaji masyarakat yang diancam pupus seperti Orang Asli Seletar. Data-data ini selanjutnya boleh dimanfaatkan oleh bidang-bidang lain seperti Lingusitik, Sosiologi, Ekonomi, Kependudukan dan lain-lain.

Sudah sampai masanya, pihak universiti-universiti di Malaysia memberikan galakan dan insentif kepada para penyelidik yang mahu melibatkan diri dengan penyelidikan rentas disiplin seperti ini.

(b) Pada masa ini, pendokumentasian sebaik-baiknya dilakukan di dalam format digital. Format analog sudah tidak sesuai dan ketinggalan zaman kerana mempunyai pelbagai kelemahan. Sehubungan dengan itu, kerana menyedari bahawa bahasa ini

ialah bahasa yang tergolong sebagai bahasa yang diancam pupus, pendokumentasi yang dilakukan bukan sahaja berfokus kepada bahasa, malah turut mencakupi aspek-aspek budaya dan cara hidup mereka. Di sinilah peranan Visual Antropologi dimanfaatkan. Visual Antropologi sangat menitik beratkan aspek kaedah dan cara merakam video, audio mahupun gambar pegun. Terdapat persyaratan yang ketat yang harus diikuti ketika melakukan rakaman. Bagi rakaman video selain mutunya, format, bilangan alat perakam video juga memainkan peranan yang besar. Menurut pengkaedahan Visual Antropologi, sebaiknya sesuatu peristiwa itu dirakam oleh lebih dari sebuah alat perakam. Juteru itu, semakin banyak bilangan alat perakam ini, semakin baik “mutu” rakamannya. Maksud mutu di sini tidak hanya berkaitan dengan kualiti rakaman tetapi keupayaan menyediakan sudut pandang yang berbeza bagi sebuah peristiwa itu. Sementara itu, bagi rakaman audio yang dipentingkan ialah kejelasan audio. Berbeza dengan rakaman video, rakaman gambar pegun, Visual Antropologi mensyaratkan setiap gambar pegun itu berupaya menyatakan atau menceritakan kandungan ataupun peristiwa seiring dengan slogan “*a picture worth a thousand words*”.

Keupayaan dokumentasi seperti yang dinyatakan di atas tentunya menjamin interaksi dan amalan sosial dirakam dengan sebaik-baiknya. Justeru perkara yang diperhatikan tidak hanya terarah kepada *le langue* semata-mata, malah sekaligus merangkumi *le parole*. Aspek *le parole* ini termasuklah semua perkara yang berkaitan dengan *gesture* iaitu pergerakan anggota badan dan pergerakan tangan, *kenesic* dan pergerakan otot pada bahagian muka (*mimic*). Jadi dalam erti kata yang lain, penyelidikan ini berjaya mendokumentasikan data lisan dan data bukan lisan. Data lisan yang dimaksudkan di sini ialah pertuturan atau interaksi sosial yang terjadi ketika masyarakat ini menjalani rutin harian mereka seperti mencari ketam, perumpun, siput, bersantai di rumah, bermesyuarat, dan bergotong-royong. Sementara data bukan lisan ialah data yang mengiringi pertuturan atau interaksi sosial tersebut..

Pertimbangan seumpama ini penting, misalnya, bagi mengenal pasti kaedah interaksi, kaedah ekspresi diri dalam ruang cakup kosmologi mereka. Di sinilah letaknya sumbangan Visual Antropologi. Kesemua perkara yang telah disediakan atau dipersiapkan, akan dikaji dan diperhalusi oleh Semiotik Sosial.

Penyelidikan ini berjaya mendokumentasikan data lisan dan data bukan lisan. Pendokumentasian yang dilakukan terhadap masyarakat dan bahasa Seletar mempunyai tujuan serampang dua mata. Manfaat kepada pihak masyarakat Seletar ialah mereka kini mempunyai dokumentasi yang mencakupi segala aspek kehidupan. Generasi muda Seletar tentunya berpeluang untuk melihat kembali kehidupan orang-orang Seletar yang lebih tua daripada mereka. Tentu sahaja perkara-perkara yang tidak diketahui, kini dapat dirujuk kembali.

Maklumat mengenai masyarakat Seletar ini penting kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), yang menaungi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi merancang pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang kepada masyarakat Seletar di sini.

Semenjak memulakan penyelidikan pada tahun 2004 hingga 2010, banyak sekali perubahan yang terjadi terhadap masyarakat Seletar, khususnya di Kampung Bakar Batu. Pada peringkat awal penyelidikan, kehidupan masyarakat Seletar kelihatan lebih tenang, riang dan ceria. Tetapi semenjak bermulanya pembangunan di Teluk Danga (kawasan setentang dengan Kampung Bakar Batu), pelbagai perubahan berlaku. Antaranya pada sekitar tahun 2005, pelbagai rungutan dibuat oleh anggota masyarakat Seletar misalnya tentang berkurangnya ikan, udang, ketam secara mendadak (Samsur, 2005). Namun begitu, aktiviti menangkap ikan dan hasil laut tetap dijalankan oleh mereka, sungguh pun hasilnya saban hari mulai berkurangan. Ketika semakin pesatnya pembangunan di Teluk Danga, semakin giat pula kegiatan penambakan laut,

penambahan kawasan paya, mengorek pasir di laut, pembinaan lebuh raya yang “*fly over*”nya merentasi Sungai Danga yang terletak di belakang Kampung Bakar Batu pada tahun 2007. Masyarakat Seletar di situ tidak lagi bergantung kepada kerja-kerja mencari hasil laut, sebaliknya mereka mula mencari besi buruk untuk dijual (Samsur, 2007). Selanjutnya, berlaku “pencerobohan” di kawasan perkuburan lama nenek moyang mereka. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Seletar di sini semakin resah (Samsur, 2006, 2007, 2008 dan 2009). Selanjutnya, pada penghujung tahun 2010, tumpuan mata pencarian mereka terpusat kepada 50% mengambil upah mengopek kupang, 40% mencari perumpun, 10% mencari ikan dan 10% lagi lain-lain (Samsur, 2010).

Perhatian yang diberikan oleh pihak KKLW amnya dan khususnya JAKOA dengan membina rumah PPRT, Balai Raya, Surau dan beberapa kemudahan lain adalah terpuji. Walau bagaimanapun, pembangunan yang dirancang dengan baik oleh Kementerian dan JAKOA **sama sekali tidak seiring** dengan perancangan yang dijalankan oleh pihak lain terutamanya pihak Iskandar Malaysia (pemilik projek Teluk Danga) yang seolah-olah menafikan keberadaan Orang Seletar di situ. Penimbusan Sungai Danga, penambahan kawasan bakau di kawasan sekitar bukan sahaja telah memusnahkan ekosistem, malah turut mengancam kehidupan masyarakat Seletar.

6.3 Kesimpulan

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dibentangkan pada bahagian yang terdahulu dapatlah ditarik kesimpulan bahawa:

1. Jenis-jenis wacana dalam bahasa Seletar terdapat dalam amalan sosial masyarakatnya. Wacana digunakan untuk pelbagai tujuan untuk memenuhi keperluan asas, bertukar-tukar fikiran, memberi nasihat dan

motivasi, menjalin hubungan, mengekspresikan perasaan sama ada senang atau sebaliknya.

2. Gaya pula ialah berkaitan dengan kebolehan seseorang untuk mengolah kemampuan komunikasinya sama ada lisan mahupun bukan lisan. Gaya selalu berkait rapat dengan jati diri individu sehingga dapat dibezakan dengan individu yang lain. Jati diri tidak hanya berfokus kepada individu tetapi juga sebagai kolektif yang berkongsi citra dan cita. Perkongsian citra dan cita itu akan mampu menzahirkan gaya hidup yang unik. Atas alasan itu, tidak sedikit di antara kita yang berani tampil berbeza di kalangan kita sendiri.
3. Modaliti seringkali berpusat kepada “kuasa”. Kekuasaan yang dapat diperagakan, dihadirkan secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kekuasaan ini dijadikan sebagai simbol untuk saling dimengerti, saling dihormati dan diterima sebagai salah satu amalan sosial. Modaliti merungkai antara fakta dan fiksi, realiti dan fantasi, yang benar asli dan yang benar tidak asli dan sebagainya.

6.4 Cadangan

Pertuturan masyarakat Orang Asli Seletar di Johor Bahru, merupakan salah satu objek penyelidikan yang cukup menarik. Penyelidikan ini menggunakan Semoitik Sosial. Sebagai pendekatan yang relatif masih baru, tentu saja hasilnya pun masih jauh dari yang diharapkan dan masih meninggalkan aspek-aspek yang perlu dikaji secara lebih spesifik dan lebih mendalam. Dengan kata lain, penyelidikan ini memberi peluang dan motivasi untuk penyelidikan lanjutan. Oleh itu, di sini dicadangkan beberapa hal seperti berikut:

1. Bahasa sebagai realiti sosial yang ada pada masyarakat Orang Seletar di Johor Bahru khasnya dan di Negeri Johor amnya perlu dikaji dari aspek genre.
2. Bahasa sebagai realiti simbol yang ada pada masyarakat Orang Asli di Johor Bahru khasnya dan di Negeri Johor amnya perlu dikaji dari segi konteks sosial dan konteks budayanya.

BIBLIOGRAFI

- Agar, M. H., 1980. *The professional stranger: An informal introduction to ethnography*. New York: Academic Press.
- Alba-Juez, Laura. 2009. *Perspectives on Discourse Analysis: Theory and Practice*, Cambridge: Scholars Publishing.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2002. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (ed.). 2006. *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar (ed.). 2014. *The Mah Meri Language: An Introduction*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, P.K., 2008. Training for language documentation: Experiences at School of Oriental and African Studies. In Margaret Florey & Victoria Rau (eds.) *Documentation and Revitalizing Austronesian Languages*, 25-41. Language Documentation and Conservation Special Publication No. 1. Hawaii: University of Hawaii Press.
- Babbie, E.R., 1994. *The Sociological Spirit*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.
- Babbie, E.R., 1999. *The Basic of Social Research*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.
- Bakhtin, M., 1965. *Tvorceskvo Fransua Rable I narodnaja kul'tura srenevskovi'ja I Renessansa*. Moscow; Eng. Trans.
- _____. 1975. *Voprosy literatury I estetiki*. Moscow: Chodozestvennaja; Eng. Trans. Bakhtin 1981.
- _____. 1979. *Estetika slovesnogo tvorcestva*. Moscow. Iskusstvo; Eng. Trans. Bakhtin 1986 and 1990.
- _____. 1981. *The Dialogic Imagination: Four Essays by M.M. Bakhtin*. Holquist, M., (ed.) Emerson, C., (trans.). Austin: University of Texas Press.
- _____. 1984. *Problems of Dostoevsky's Poetics*. Emerson, C., (trans.) Minneapolis: University of Minnesota Press.
- _____. 1986. *Speech Genres and Other Late Essays*. Emerson, C., and Holquist, M., (eds.). V.W. McGee (trans.) Austin: University of Texas Press, reprint 1987.

- Bellwood, P., Fox, J.J., Tryon, D., 1995. *Proceedings - Conference of the Comparative Austronesian Project*. ANU.
- Benjamin, G., Chou, C., 2002. *Tribal Communities in the Malay World*. Singapore: Institute Southeast Asian Studies.
- Benjamin, G., 2001. Orang Asli Language: From Heritage to Death? In Razha Rashid dan Wazir Jahan Karim. (eds.). *Minority Culutre of Peninsular Malaysia: Survivals of Indigenous Heritage*, 101-125. Kuala Lumpur: Academy of Social Sciences
- Bourdieu, P., 1990. *The Logic of Practixe*, trans. Richard Nice, Stanford, CA: Stanford University Press.
- Brenzinger, M., 1992. Language Death: Factual and Theoretical Explorations with Special Reference to East Africa (ed.). *Contributions to the Sociology of Language*. Berlin, New York: Mouton de Gruyt.
- Brenzinger, M. A. (2003). *Language vitality and endangerment*. Paris: UNESCO Ad Hoc Expert Group Meeting on Endangered Languages.
- Cameron, D., 2001. *Working with Spoken Discourse*. London. SAGE Publication Ltd.
- Chaney, D., 1996. *Lifestyle*. London: Routledge.
- Creswell, J. W. 2005. Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Christomy, T., 2002. *Indonesia, tanda yang retak*. Jakarta: Wedatama Widya Sastra.
- Christomy, T., dan Untung, Y., Ed. 2004. *Semiotika Budaya*. Jakarta: Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Budaya. Universitas Indonesia.
- Cobley, P., Ed. 2001. *Semiotics and Linguistics*. London: Routledge.
- Coffin, C., dkk. 2010. *Applied Linguistics Methods: A Reader*. Abingdon, Oxon: The Open University and Routledge.
- Crystal, D., 2000. *Language Death*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Denzin, N.K., 1989. *The Research Act: Theoretical Introduction to Sociological Research Methods*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall
- Denzin, N.K., 1992. *Symbolic Interactionism and Cultural Studies: The Politics of Interpretation*. New York: Blackwell
- Denzin, N.K., dan Lincoln, Y., (Eds) 2003. Introduction: The Discipline and Practice of Qualitative Research. *The Landscape of Qualitative Research*, pp. 1-46. Thousand Oaks, CA: Sage.

- Dixon, R.M.W., 1997. *The Rise and Fall of Languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fairclough, N., 2000. "Discourse, social theory and social research: the case of welfare reform". *Journal of Sociolinguistics*, 4(2), 163-195.
- Foucault, M., 1977. *Discipline and Punish: The Birth of the Prison*, London: Allen Lane.
- Fowler, R., 1989. *Linguistic Criticism*. Oxford: Oxford University Press.
- Frow, J., and Morris, M., 2003. Cultural Studies in Denzin, N. K., and Yvonna, S.L., (eds.) *The landscape of Qualitative Research: Theories and Issues*. London: SAGE. Pp 489-539.
- Gans, H., 1999. *Participant Observation in the Era of "Ethnography"*. *Journal of Contemporary Ethnography*, 28, 540-548.
- Goffman, E., 1974. *Frame Analysis: An essay on Organization of Experience*. New York: Harper and Row.
- Goodman, S., and Graddol, D., 1996. *Redesigning English : New Tests, New Identities*. London: Routledge.
- Granbom, L., 2005. Anthropology, Master Thesis- *Urak Lawoi: A Field Study of Original Native People The Urak Lawoi of The Andaman Sea, Koh Lanta and The Problem They Face With Rapid Tourism Development*. Not publish; Lund University.
- Halliday, M.A.K., 1978. *Language as Social Semiotic: The social interpretation of language and meaning*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K., dan Hasan, R., 1985. *Language, Text, and Context: Aspects of Language in Social Semiotic Perspective*. Victoria: Daekin University Press.
- Himmelman, N.P., 2006. Language documentation: What is it and what is it good for? In Jost Gippert, et.al., *Essentials of Language Documentation (Trends in Linguistics. Studies and Monographs, 178)*, 1-30. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Hodge, R., dan Kress, G., 1998. *Social Semiotics*. Cambridge: Polity Press.
- Homans, G. C., 1941. *Anxiety and Ritual: the theories of Malinowski and Radcliffe-Brown*. Indianapolis: Bobbs-Merill Press.
- Hymes, D., 1962. The Ethnography of Speaking in Thomas Gladwin and William C. Strurtevant (eds.). *Anthropology and Human Behavior*: 13-53
- Hymes, D., 1972. *Reinventing Anthropology*. New York: Pantheon.
- Hymes, D., 1974. *Foundation in sociolinguistics: an ethnographic approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2002. *Kehidupan Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Perniagaan Rita.
- Jaworski, A., and Coupland, N., (eds.) 1999. *The Discourse Reader*, London and New York: Routledge .
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan, 2002, Kuala Lumpur: DBP
- Kamus Komprehensif Bahasa Melayu, 1999. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kincheloe, J., dan McLaren, P., 2003. *Rethinking Critical Theory and Qualitative Research. The Landscape of Qualitative Research*, pp. 433-488. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Krauss, M., 1992. The world's languages in crisis. *Language* 68(1).1-42.
- Kress, G., and van Leeuwen, T., 1996. *Reading Images: The Grammar of Visual Design*. London: Routledge.
- Kress, G. and van Leeuwen, T. 2001. *Reading Images: The Grammar of Visual Design*. London: Routledge.
- Kress, G., 2010. *Multimodality: a social semiotic approach to contemporary communication*. New York: Routledge.
- Kridalaksana, H., 1984. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Kridalaksana, H., 2005. *Mongin-Ferdinand de Saussure, Bapak Linguistik dan Strukturalisme*. Jakarta: Obor.
- Leeds-Hurwitz, W., 2005. Ethnography. In K. Fitch and R. Sanders (eds.) *Hanbook of language and Social interaction*. p.p 327-353. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Lewis, M. P., and Simons, G. F., 2010. Assessing endangerment: Expanding Fishman's GIDS. *Revue roumaine de linguistique*, 55(2), 1.
- Lofland, J., 1972. *Analyzing Social Settings*. Belmont, CA: Wadsworth. (2nd edn, Lofland and Lofland 1984)
- Lofland, J., 1995. Analytic ethnography. *Journal of contemporary Ethnography*, 24, 30-67.
- Lyon, J., (eds) 1987. *New Horizon in Linguistics*, London: Penguin.
- Maknun, T., 2012. *Nelayan Makassar: Kepercayaan dan Karakter*. Makassar: Identitas Universitas Hasanuddin.
- Martin. J.R., 1986 *Factual Writing: Exploring & Challenging Social Reality*, Daekin. University Press.
- Manning. P.K., 1987. *Semiotics and Fieldwork*. Newbury Park, CA: Sage

- Moleong, L., 2000. *Metodologi Kualitatif*. Cetakan Ke-19. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Mohd. Shariffudin Yusof. 2013. *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*. Serdang. Universiti Putra Malaysia Press.
- Noth, W., 1990. *Handbook of Semiotics*. Indianapolis: Indiana University Press.
- Noth, W., 2006. *Semiotic Bodies, Aesthetic Embodiments, and Cyberbodies*. Kassel: University Press.
- Obiero, O. J., 2010. From Assessing Language Endangerment or Vitality to Creating and Evaluating Language Revitalization Programmes: *Nordic Journal of African Studies* 19(4): 201–226 (2010)
- Pateda, M., 2001. *Semantik Leksikal*. Ende Flores: Nusa Indah.
- Philipsen, G., Couto, L.M., and Covarrubies, P. 2005. Speech codes theory: Restatement, revisions, and response to criticism. In Gudykunst (eds.) theorizing about intercultural communication. (p.p 55-68). Thousand Oaks: Sage.
- Randviir, Anti., 2004. *Mapping The World: Towards A Sociosemiotics Approach to Culture*. Tartu: Tartu University Press.
- Ruhlen, M., 1987. *A Guide to the World's Languages. Vol. I, Classification*, Stanford: Stanford University Press
- Samsur Rijal Yahaya 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010. *Nota Penyelidikan Lapangan Masyarakat Orang Asli Seletar: Bahasa dan Budaya* (tidak diterbitkan). Universiti Malaya
- Santoso, R., 2003. *Semiotika Sosial: Pandangan Terhadap Bahasa*. Surabaya: JP Press.
- Saukko, P., 2003. *Doing Research in Cultural Studies*. Thousands Oaks, CA: Sage.
- Schmidt, R. W., 1980. Review of Easter Goody (eds.) . Question and politeness: Strategies in Social interaction, RECL Journal. 11: 114.
- Snow, D.A., 2001. Extending and broadening Blumer's conceptualization of symbolic interactionism. *Symbolic interaction*, 24 (3) 367-377.
- Snow, D., Morrill, C., dan Anerson, L., 2003. *Elaborating Analytic Ethnography: Linking Fieldwork and Theory*. *Ethnography*, 4, 181-200.
- Sobur, A., 2004. *Semiotika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Spradley, JP., 1997. Terjemahan Amri Marzali. *Metode Etnografi*. Yogyakarta: PT Tiara Wacana Yogya.
- Stubbs, M., 1983. *Discourse analysis: The sociolinguistic analysis of natural language*. Oxford: Basil Blackwell.

- Sudjiman, P., dan van Zoest, A., 1996. *Serba Serbi Semiotika*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Swales, J., 1990. *Genre analysis: English in academic and research setting*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tannen, D., 1989. *Talking Voices: Repetition, Dialogue, and Imagery in Conversational Discourse*, Cambridge England; New York: Cambridge University Press.
- The New Lexicon, Webster Encyclopedic Dictionary . 1992.
- Thibault, PJ., 1991. *Semiotiss; Discourse analysis; Intertextuality; Social aspects; Nabokov, Vladimir Vladimirovich*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Trask, R.L., 2007. *Language and Linguistic: The Key Concepts*. (2nd Edition). New York: Routledge.
- Van Leeuwen, T., 1999. *Speech, music, sound*. London: MacMillan.
- Van Leeuwen, T., 2005. *Introducing Social Semiotics*. London: Routledge.
- Vannini, P., 2004. "Toward an Interpretive Analytics of the Sign: Interactionism, Power and Semiosis." *Studies in Symbolic Interaction*, 27:151-176.
- Volosinov, V., 1973. *Marxism and The Philosophy of Language*. New York: Seminar Press.
- Wardhaugh, R., 1986. *An Introduction to Sociolinguistics*. New York: Basil Blackwell.
- Wardhaugh, R., 1976. *A Survey of Applied Linguistics*. Ann Arbor. University of Michigan Press.
- Wurm, S. A., 1991. Language death and disappearance: causes and circumstances. *In Endangered Languages*; Robert H. Robins & Eugenius M. Uhlenbeck (ed.): 1-18. Oxford: Berg Publishers Ltd.

Sumber dari Internet:

- Bellwood P., Fox, JJ., Tryon D., 1995. Proceedings - Conference of the Comparative Austronesian Project. ANU. <http://epress.anu.edu.au/austronesians/>
- Hall, T. E., <http://www.afirstlook.com/docs/proxemic.pdf>
- Grimes, 2001. Global Language Viability. *Ethnologue: Languages of the World* (2003) www.sil.org/ndg-lg-grimes_article.html
- Plum, GA., Cowling Ann: Social Constraints on grammatical variables: Tense Choice in English". In R. Steele & T. Threadgold (Eds.) *Language Topiks* (Vol.2), John Benjamin: Amsterdam, 1987. <http://www.wagsoft.com/Papers/ICCL01.pdf>

Vannini, P., *Semiotics and Fieldwork: Methods and Analytics*. *Qualitative Inquiry* Vol. 13 Number 1, Jan 2007; 113-140. Sage Publications. <http://qix.sagepub.com>